



**LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA**

---

**NEGERI PULAU PINANG  
TAHUN 2003**



**JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**

# KANDUNGAN

|                                |                    |
|--------------------------------|--------------------|
| <b>PERKARA</b>                 | <b>MUKA SURAT</b>  |
| <b>KANDUNGAN</b>               | <b>i</b>           |
| <b><u>KATA PENDAHULUAN</u></b> | <b><u>iv</u></b>   |
| <b><u>INTISARI LAPORAN</u></b> | <b><u>viii</u></b> |

## **BAHAGIAN I : PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003**

|   |           |
|---|-----------|
| <u>Pendahuluan</u>  | <u>1</u>  |
| <u>Pengesahan Penyata Akaun Awam</u>  | <u>3</u>  |
| <u>Analisis Terhadap Penyata Akaun Awam</u>   | <u>3</u>  |
| <u>Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan Rancangan<br/>Malaysia Kelapan (RMK 8)</u> | <u>14</u> |
| <u>Rumusan Dan Syor Audit</u>   | <u>17</u> |

## **BAHAGIAN II : PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

|  |           |
|--|-----------|
| <u>Pendahuluan</u>                                       | <u>18</u> |
| <u>Jabatan Kewangan Negeri Dan Perbendaharaan Negeri</u> | <u>18</u> |
| <u>Pengurusan Kewangan Di Peringkat Jabatan</u>          | <u>36</u> |
| <u>Program <i>Audit Presence</i></u>                     | <u>44</u> |
| <u>Program Anak Angkat</u>                               | <u>48</u> |

## **BAHAGIAN III : AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

|  |           |
|--|-----------|
| <u>Pendahuluan</u>                               | <u>53</u> |
| <u>Jabatan Kerja Raya</u>                        |           |
| <u>Pengurusan Projek Naik Taraf Jalan Negeri</u> | <u>53</u> |
| <u>Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya</u>       |           |
| <u>Pengurusan Pemberimilikan Tanah</u>           | <u>74</u> |

**PERKARA****MUKA SURAT**

|   |            |
|---|------------|
| <u>Pejabat Setiausaha Kerajaan</u><br>Pembangunan Pelancongan Bukit Bendera | <u>92</u>  |
| <u>Jabatan Pengairan Dan Saliran</u><br>Pengurusan Penyenggaraan Saliran    | <u>119</u> |

**BAHAGIAN IV : BADAN BERKANUN NEGERI,**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA**  
**TEMPATAN**

|  |            |
|--|------------|
| <u>Pendahuluan</u>   | <u>141</u> |
| <u>Pengauditan Penyata Kewangan</u>  | <u>141</u> |
| <u>Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan</u>   | <u>142</u> |
| <u>Persijilan Penyata Kewangan</u>   | <u>142</u> |
| <u>Pembentangan Penyata Kewangan</u>   | <u>143</u> |
| <u>Prestasi Kewangan</u>   | <u>144</u> |
| <u>Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang</u><br>Pengurusan Kewangan                               | <u>148</u> |
| <u>Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang</u><br><u>Program Pembangunan Usahawan Bumiputera</u> | <u>158</u> |
| <u>Majlis Perbandaran Pulau Pinang</u><br>Pengurusan Kewangan                                | <u>187</u> |
| <u>Majlis Perbandaran Seberang Perai</u><br>Pengurusan Kutipan Dan Pelupusan Sampah          | <u>201</u> |

**BAHAGIAN V : PERKARA AM**

|   |            |
|---|------------|
| <u>Pendahuluan</u>  | <u>228</u> |
| <u>Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan</u><br><u>Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun Lepas</u> | <u>228</u> |

**PERKARA****MUKA SURAT**

Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan  
Ketua Audit Negara Yang Belum Selesai 234

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai  
Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri 237

Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri 238

**PENUTUP**240**LAMPIRAN**

I Sijil Ketua Audit Negara 241

II Ringkasan Penyata Akaun Awam 242

III Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan  
Agensi Kerajaan Negeri Sehingga 31 Julai 2004 245

## KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang mengarahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut :

**1.1 Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**1.2 Pengauditan Pengurusan Kewangan** - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

**1.3 Pengauditan Prestasi** - untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2003 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2003 melalui 3 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan. Bagi tujuan pengesahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Tahun 2003, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri dengan turut mengadakan pemeriksaan di 3 Jabatan. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 935 baucar bayaran

bernilai RM336.47 juta, 113 penyata pemungut bernilai RM439.67 juta dan 1,456 baucar jurnal bernilai RM551.02 juta. Pada masa yang sama, pengauditan pengurusan kewangan di 6 Jabatan/Agensi Negeri dan 6 pengauditan prestasi telah dijalankan. Berhubung dengan pengauditan prestasi, program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Projek Naik Taraf Jalan Negeri, Pengurusan Pemberimilikan Tanah, Pembangunan Pelancongan Bukit Bendera, Program Penyenggaraan Saliran, Program Pembangunan Usahawan Bumiputera dan Pengurusan Kutipan Dan Pelupusan Sampah.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2002 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Pada umumnya, pengurusan kewangan Jabatan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Berhubung dengan pelaksanaan aktiviti pula, pada umumnya Jabatan/Agensi Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap, menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta juga menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktivitinya, beberapa kelemahan masih terus berlaku terutama dari segi kekurangan kakitangan dan peruntukan kewangan; penyeliaan yang kurang rapi serta kekurangan pemantauan.

5. Jabatan Audit Negara telah mengambil beberapa pendekatan baru untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktivitinya. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut :

**5.1 Program Anak Angkat.** Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah Jabatan yang bersifat *'fault finder'* – hanya mencari kesalahan kepada sifat *'developmental'* . Melalui program ini, 4 Jabatan/Agensi Negeri telah dipilih untuk diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi

memantapkan lagi tahap pengurusan kewangan. Sehingga awal bulan Ogos 2004, empat Jabatan/Agensi Negeri telah berjaya mengikuti program ini dan diberi sijil penyertaan. Harapan saya Jabatan/Agensi Negeri yang menamatkan program ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri masing-masing. Laporan berhubung dengan pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam Laporan ini.

**5.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan.** Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

**5.3 Penglibatan Semasa Pembangunan Sistem Berkomputer.** Pegawai Jabatan Audit Negara telah menyertai perbincangan mengenai pembangunan sistem berkomputer khususnya di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi diwujudkan untuk menjamin keutuhan sistem dan integriti data. Penglibatan ini dirasai perlu memandangkan pembangunan sesuatu sistem berkomputer melibatkan perbelanjaan Kerajaan yang besar dan dengan itu sudah sewajarnya ia dilaksanakan dengan teratur dan memenuhi tujuan yang telah ditetapkan.

6. Laporan ini disediakan dalam 5 Bahagian seperti berikut:

- Bahagian I** : Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003
- Bahagian II** : Pengurusan Kewangan Jabatan Negeri
- Bahagian III** : Aktiviti Jabatan Negeri Dan Kajian Khas

**Bahagian IV** : Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan

**Bahagian V** : Perkara Am

7. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

8. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuhnya komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

**(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)**

Ketua Audit Negara  
Malaysia.

Putrajaya  
2 Ogos 2004



## INTISARI LAPORAN

### **BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003**

1. Penyediaan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2003 adalah baik. Kesemua angka dalam Penyata Akaun Awam dapat disahkan kerana dokumen sokongan yang mencukupi telah dikemukakan.

2. Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri bertambah kukuh berasaskan peningkatan Kumpulan Wang Disatukan sejumlah RM106.03 juta. Selepas mengambil kira peningkatan Akaun Kena Bayar sejumlah RM30.26 juta, peningkatan bersih Kumpulan Wang Disatukan adalah RM75.77 juta di mana RM13.62 juta disumbangkan oleh Akaun Hasil Disatukan. Mengikut Penyata Akaun Memorandum pula, kedudukan kewangan adalah terkawal dengan baki aset adalah melebihi tanggungan Kerajaan Negeri.

### **BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI**

3. Pada keseluruhannya pengurusan kewangan di Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Pejabat Mufti perlu dipertingkatkan. Sungguhpun kebanyakan peraturan bagi kawalan hasil dan perbelanjaan telah dipatuhi, pengurusan aset oleh kebanyakan Jabatan masih lemah dan perlu diperbaiki.

#### ***Program Audit Presence***

4. Kelemahan yang wujud dalam kawalan hasil, perbelanjaan dan aset di 15 Jabatan/Pejabat yang dilawati bagi Program *Audit Presence* dapat diatasi melalui kursus dan latihan. Kebanyakan kakitangan yang menjalankan tugas pengurusan

keuangan adalah berjawatan teknikal seperti Renjer Hutan, Pembantu Veterinar dan Juruteknik yang tidak menjalankan tugas berkaitan jawatan hakiki mereka. Oleh itu mereka tidak didedahkan atau tidak menyedari undang-undang dan peraturan kewangan.

## **5. Program Anak Angkat**

Empat Jabatan/Agensi telah terpilih untuk dijadikan anak angkat, iaitu Jabatan Pertanian, Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut, Majlis Sukan Negeri dan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Melalui program ini pihak Audit memberi bimbingan dan nasihat kepada kakitangan Jabatan/Agensi berhubung pengurusan kewangan sehingga Jabatan/Agensi berjaya menguruskan kewangan dan rekod perakaunan dengan teratur dan kemas kini.

## **BAHAGIAN III - AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

**Jabatan Kerja Raya : Pengurusan Projek Naik Taraf Jalan Negeri**

6. Pada keseluruhannya, pembinaan projek naik taraf jalan adalah baik dan boleh dipertingkatkan. Pemantauan terhadap projek yang dilaksanakan oleh kontraktor perlu dibuat untuk memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual asal.

**Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya : Pengurusan Pemberimilikan Tanah**

7. Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya memproses permohonan pemberimilikan tanah daripada individu, syarikat swasta dan agensi Kerajaan Negeri. Hak milik hendaklah dikeluarkan ke atas tanah yang diluluskan pemberimilikan mengikut kuasa di bawah Kanun Tanah Negara. Pada keseluruhannya pengurusan pemberimilikan tanah adalah memuaskan. Bagaimanapun, penekanan harus diberi untuk mengatasi kelemahan dari segi kelewatan mendaftar hak milik. Selain itu, Piagam Pelanggan yang ada hendaklah diperkemas lagi dengan meliputi semua

peringkat kerja. Manakala kursus lanjutan pentadbiran tanah hendaklah diberi kepada kakitangan yang terlibat.

**Pejabat Setiausaha Kerajaan : Pembangunan Pelancongan Bukit Bendera**

8. Pemeriksaan Audit mendapati Bukit Bendera telah berjaya dibangunkan menjadi destinasi pelancongan tanah tinggi yang terkenal dan unik. Bagaimanapun, sekiranya aktiviti pentadbiran dan operasi Bukit Bendera diletakkan di bawah satu pentadbiran, ianya akan memberi impak yang positif kerana pengawalan yang berterusan dapat dijalankan.

**Jabatan Pengairan Dan Saliran : Pengurusan Penyenggaraan Saliran**

9. Pada umumnya, pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran telah merancang pengurusan penyenggaraan salirannya dengan baik. Bagaimanapun, pelaksanaan pengurusan penyenggaraan saliran menghadapi beberapa masalah berikutan kekurangan peruntukan kewangan. Penyenggaraan saliran perlu diberi perhatian yang serius dan peruntukan yang mencukupi untuk aktiviti penyenggaraan perlu diberi keutamaan bagi memastikan saliran dapat berfungsi dengan baik.

**BAHAGIAN IV - BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang : Pengurusan Kewangan**

10. Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang adalah kurang memuaskan dan masih boleh dipertingkatkan kerana masih ada peraturan kewangan yang tidak dipatuhi. Perhatian sewajarnya perlu diberi terhadap beberapa aspek penting kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan dan pengurusan aset.

**Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang : Program Pembangunan  
Usahawan Bumiputera**

11. Pada keseluruhannya, perancangan dan pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera yang dikendalikan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah memuaskan. Bagaimanapun, keberkesanan kursus pembangunan usahawan tidak dapat ditentukan kerana prestasi peserta tidak dipantau selepas tamat kursus. Perbadanan perlu memantau setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan supaya ia dapat membantu Perbadanan mengenal pasti masalah dan kelemahan yang wujud.

**Majlis Perbandaran Pulau Pinang : Pengurusan Kewangan**

12. Pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah menunjukkan kemajuan. Walaupun begitu, Majlis perlu memberi penekanan kepada pematuhan peraturan kewangan berhubung kawalan hasil, perbelanjaan, pengurusan aset dan penyelenggaraan rekod kewangan.

**Majlis Perbandaran Seberang Perai : Pengurusan Kutipan Dan  
Pelupusan Sampah**

13. Pada keseluruhannya, kerja kutipan dan pelupusan sampah oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai adalah memuaskan. Bagi kerja kutipan sampah, Majlis hendaklah mengkaji semula penempatan kontraktor kutipan bagi kawasan baru dan kawasan sedia ada. Majlis juga hendaklah merancang untuk menyediakan satu sistem pelupusan yang dapat menampung jumlah sampah yang semakin meningkat.

## BAHAGIAN I

### PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

#### 1. PENDAHULUAN

Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Akaun Awam secepat mungkin selepas penutupan akaun tahunan. Penyata ini hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum yang menunjukkan kedudukan kewangan pada 31 Disember 2003. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003 kepada Jabatan Audit Negara pada 22 Mei 2004.

Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam Negeri adalah untuk mengesah dan memberi pendapat sama ada Penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama. Bagi menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah *material*, faktor yang diambil kira ialah jumlah nilai kesilapan dalam akaun, corak (*nature*) kesilapan dan juga keadaan di bawah mana transaksi itu timbul.

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri terus berusaha dan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Jabatan/Pejabat dan Agensi Negeri melalui langkah berikut:

- i) melaksanakan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) yang menggantikan sistem Perakaunan Bersepadu Negeri (SPENPP) berkuat kuasa sepenuhnya mulai tahun 2004. Sistem ini beroperasi secara talian terus (*on line*). Melalui sistem ini,

Jabatan Kewangan Negeri akan menyediakan cek bayaran berdasarkan maklumat yang diisi oleh Jabatan. Tujuan SPEKS dibangunkan adalah untuk meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan menuju era Kerajaan Elektronik;

- ii) mengeluarkan 3 Surat Pekeliling Kewangan Negeri pada tahun 2003 bagi memantap dan menambah baik pengurusan kewangan. Pekeliling berkenaan ialah Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 2003 mengenai Kadar Bayaran Bagi Jamuan Majlis Rasmi Dan Keraian oleh Jabatan Kerajaan Negeri. Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 2 Tahun 2003 mengenai Kuasa Menandatangani Kontrak Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Surat Pekeliling Bil. 3 Tahun 2003 mengenai Garis Panduan Penyediaan Dokumen Kewangan Dan Penutupan Akaun Kewangan Tahun 2003; dan
- iii) mengadakan Pertandingan Anugerah Kualiti yang mempertandingkan 7 kategori anugerah kualiti. Ia meliputi Kategori Pengurusan Kewangan, Pengurusan Kaunter, Pengurusan Projek dan Kategori Inovasi. Pertandingan ini terbuka kepada semua Jabatan dan Agensi Negeri. Tujuan pertandingan ini adalah untuk menggalakkan Jabatan dan Agensi agar sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti pengurusan seperti pengurusan kewangan dan pengurusan projek.

Selain menjalankan fungsi utama Jabatan iaitu pengauditan, Jabatan Audit Negara turut memberi sumbangan dengan mengadakan mesyuarat/perbincangan sebagai usaha mempertingkatkan lagi mutu pengurusan kewangan dan pengurusan aktiviti/program Jabatan dan Agensi Negeri. Pada tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah mengadakan sebanyak 30 mesyuarat/perbincangan dengan Jabatan dan Agensi Negeri berkaitan pelaksanaan program/aktiviti dan pengurusan kewangan. Tujuan mesyuarat/perbincangan adalah untuk menerangkan objektif kajian Audit yang akan dijalankan serta skop pengauditan. Ia juga bertujuan mendapatkan maklumat mengenai latar belakang dan aktiviti Jabatan. Selain itu, hasil daripada pengauditan juga dibincangkan untuk mendapatkan ulasan dan maklumat terkini.

Jabatan Audit Negara juga menganggotai 3 Jawatankuasa di peringkat Negeri. Jawatankuasa tersebut adalah Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Negeri, Jawatankuasa Kerja Keutuhan Pengurusan Negeri dan Jawatankuasa Pembangunan Negeri. Jabatan Audit Negara juga merupakan Anggota Pemerhati dalam Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Negeri dan Ketua Panel Pertandingan Anugerah Kualiti Kategori Pengurusan Kewangan.

## **2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM**

Pengauditan Penyata Akaun Awam telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Akaun Awam adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Akaun Awam. **Pada pendapat Audit, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini menunjukkan gambaran benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2003.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam ini dan ringkasan Penyata Akaun Awam yang telah diaudit adalah seperti di **Lampiran I dan II.**

**Prestasi persembahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini hendaklah dikekalkan supaya sijil tanpa teguran masih dapat dikeluarkan pada tahun akan datang. Usaha ini penting bagi memastikan akauntabiliti awam terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Negeri terus ditingkatkan.**

## **3. ANALISIS TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM**

Analisis Penyata Akaun Awam dibuat bagi menilai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada akhir tahun 2003 berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 2002. Penilaian ini adalah berdasarkan kepada 2 jenis penyata utama iaitu Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Kedua penyata ini memberikan gambaran berbeza di mana Lembaran Imbangan

menunjukkan keadaan sebenar kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun berkenaan yang berasaskan tunai, sementara Penyata Akaun Memorandum merupakan memorandum untuk memaklumkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang lebih bercorak jangka panjang dan ke arah asas perakaunan akrual.

### 3.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Kedudukan kewangan sesebuah negeri dapat dinilai daripada maklumat kewangan yang terkandung di Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbangan digunakan untuk mengakaunkan Kumpulan Wang Disatukan yang ditubuhkan melalui Perkara 97(1) dan (2) Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Disatukan ini terdiri daripada 3 iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada akhir Disember 2003 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Mengikut**  
**Lembaran Imbangan**

| Bil | Butiran                                     | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) | Peningkatan/<br>(Penurunan)<br>(RM Juta) |
|-----|---|-------------------|-------------------|--|
| 1.  | Akaun Hasil Disatukan                       | 193.76            | 207.38            | 13.62                                    |
| 2.  | Akaun Amanah Disatukan<br>Terdiri daripada: | 372.80            | 453.21            | 80.41                                    |
|     | i) Kumpulan Wang Pembangunan                | 27.57             | 50.12             | 22.55                                    |
|     | ii) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan           | 17.82             | 44.77             | 26.95                                    |
|     | iii) Kumpulan Wang Amanah Awam              | 43.01             | 37.37             | (5.64)                                   |
|     | iv) Deposit                                 | 221.75            | 228.04            | 6.29                                     |
|     | v) Akaun Kena Bayar                         | 62.65             | 92.91             | 30.26                                    |
| 3.  | Akaun Pinjaman Disatukan                    | 0.03              | 12.03             | 12.00                                    |
|     | <b>Jumlah</b>                               | <b>566.59</b>     | <b>672.62</b>     | <b>106.03</b>                            |

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Pulau Pinang Tahun 2002 dan 2003

Jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2003 adalah RM672.62 juta dan ditunjukkan sebagai aset yang berbentuk wang tunai sejumlah RM83.14 juta dan pelaburan sejumlah RM589.48 juta. Kumpulan Wang Disatukan itu mengalami peningkatan sejumlah RM106.03 juta



berbanding RM566.59 juta pada tahun 2002. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM80.41 juta yang terdiri daripada peningkatan Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM22.55 juta, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM26.95 juta dan Akaun Kena Bayar sejumlah RM30.26 juta. Selain itu Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan masing-masing menyumbang sejumlah RM13.62 juta dan RM12.00 juta. Dengan ini, peningkatan bersih Kumpulan Wang Disatukan selepas ditolak sumbangan Akaun Kena Bayar adalah sejumlah RM75.77 juta, di mana RM13.62 juta adalah daripada akaun Hasil Disatukan.

Dari segi kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah baik kerana aset yang dimiliki berjumlah RM672.62 juta mampu menampung tanggungan yang terdiri daripada Akaun Kena Bayar sejumlah RM92.91 juta, deposit RM228.04 juta dan bayaran balik pinjaman sejumlah RM7.43 juta.

Mengikut Penyata Akaun Memorandum, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2**  
**Aset Dan Tanggungan**  
**Mengikut Kedudukan Penyata Akaun Memorandum**

| Bil. | Butiran                               | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) | Peningkatan/<br>(Penurunan)<br>(RM Juta) |
|------|---------------------------------------|-------------------|-------------------|--|
| 1.   | Aset<br>Penyata Hasil Belum<br>Terima | 38.15             | 46.82             | 8.67                                     |
|      | Pinjaman Boleh Dituntut               | 351.60            | 348.10            | (3.50)                                   |
|      | Pelaburan                             | 40.48             | 40.28             | (0.20)                                   |
|      | <b>Jumlah</b>                         | <b>430.23</b>     | <b>435.20</b>     | <b>4.97</b>                              |
| 2.   | Tanggungan<br>Hutang Kerajaan Negeri  | 389.42            | 394.24            | 4.82                                     |

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Pulau Pinang

Jumlah aset yang ditunjuk dalam Penyata Akaun Memorandum adalah meningkat sejumlah RM4.97 juta menjadi RM435.20 juta pada akhir tahun 2003, berbanding RM430.23 juta pada akhir tahun 2002. Peningkatan ini

berpunca daripada peningkatan tunggakan hasil sejumlah RM8.67 juta menjadi RM46.82 juta pada tahun 2003 berbanding RM38.15 juta pada tahun 2002. Selain tunggakan hasil, aset ini juga terdiri daripada Pinjaman Boleh Tuntut dan Pelaburan yang masing-masing berjumlah RM348.10 juta dan RM40.28 juta. Bagi tempoh jangka panjang, aset ini mampu menampung hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah RM394.24 juta.

**Pada pandangan Audit, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berdasarkan Lembaran Imbangan adalah kukuh dengan peningkatan bersih sejumlah RM75.77 juta selepas mengambil kira tanggungan di bawah Akaun Kena Bayar. Penyata Akaun Memorandum pula menunjukkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah terkawal, di mana aset yang dimiliki melebihi nilai hutang Kerajaan Negeri. Analisis lengkap berkenaan komponen Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum ditunjuk di perenggan berikutnya.**

## **LEMBARAN IMBANGAN**

### **3.2 AKAUN HASIL DISATUKAN**

Akaun Hasil Disatukan meningkat sejumlah RM13.62 juta menjadi RM207.38 juta pada tahun 2003 berbanding RM193.76 juta pada tahun 2002. Peningkatan ini disumbangkan oleh lebihan hasil berbanding perbelanjaan pada tahun 2003.

#### **3.2.1 Hasil**

Kutipan hasil pada tahun 2003 berjumlah RM246.66 juta, meningkat sejumlah RM15.35 juta atau 6.6% berbanding kutipan hasil pada tahun 2002 yang berjumlah RM231.31 juta. Kedudukan hasil pada tahun 2002 dan 2003 mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 3**  
**Hasil Kerajaan Negeri**  
**Tahun 2002 Dan 2003**

| Bil.          | Kategori Hasil       | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) | Peningkatan/<br>(Penurunan)<br>(RM Juta) |
|---------------|----------------------|-------------------|-------------------|--|
| 1.            | Hasil Cukai          | 89.10             | 88.51             | (0.59)                                   |
| 2.            | Hasil Bukan Cukai    | 70.73             | 79.67             | 8.94                                     |
| 3.            | Terimaan Bukan Hasil | 71.48             | 78.48             | 7.00                                     |
| <b>Jumlah</b> |                      | <b>231.31</b>     | <b>246.66</b>     | <b>15.35</b>                             |

*Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Pulau Pinang*

Berikut adalah analisis mengenai peningkatan dan penurunan hasil yang ketara.

**i) Peningkatan Hasil Yang Ketara**

**a) Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan**

Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan berjumlah RM17.87 juta adalah merupakan pemberian untuk tahun 2002 yang hanya diterima pada tahun 2003. Tiada penerimaan bagi tahun 2002.

**b) Dividen Saham Syarikat Tersiar Harga**

Pada tahun 2003, hasil Dividen Saham Syarikat Tersiar Harga adalah berjumlah RM8.32 juta berbanding terimaan pada tahun 2002 berjumlah RM1.72 juta. Peningkatan sejumlah RM6.60 juta adalah disebabkan terimaan sejumlah RM7.28 juta dividen saham Perbadanan Bekalan Air Sdn. Bhd. yang tidak diterima pada tahun 2002 dan baki sejumlah RM1.04 juta adalah dividen 4 jenis saham yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia.

**c) Premium Tanah – Tukar Syarat**

Pungutan Premium Tanah – Tukar Syarat pada tahun 2003 telah meningkat sejumlah RM6.37 juta menjadi RM13.45 juta berbanding pungutan tahun 2002 yang berjumlah RM7.08

juta. Peningkatan ini adalah akibat pertambahan kelulusan permohonan aktiviti tukar syarat tanah.

**d) Notis Dan Denda Lewat Bayaran Cukai Tanah**

Kutipan hasil daripada Notis Dan Denda Lewat Bayaran Cukai Tanah pada tahun 2003 adalah berjumlah RM3.23 juta iaitu meningkat sejumlah RM1.67 juta berbanding kutipan tahun 2002 berjumlah RM1.56 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah pembayar cukai yang lewat menjelaskan bayaran cukai tanah.

**ii) Penurunan Hasil Yang Ketara**

**a) Pemberian Penyelenggaraan Penguasa Tempatan**

Pada tahun 2003, terimaan Pemberian Penyelenggaraan Penguasa Tempatan adalah berjumlah RM1.89 juta berbanding terimaan pada tahun 2002 yang berjumlah RM8.67 juta. Penurunan sejumlah RM6.78 juta adalah disebabkan pemberian tahun 2003 berjumlah RM4.89 juta hanya diterima pada tahun 2004.

**b) Premium Tanah – Pemberian Hak Milik Tanah**

Pungutan Premium Tanah – Pemberian Hak Milik Tanah pada tahun 2003 telah menurun sejumlah RM5.19 juta menjadi RM6.69 juta berbanding pungutan tahun 2002 yang berjumlah RM11.88 juta. Ini disebabkan oleh pengurangan kelulusan permohonan pemberian hak milik tanah.

**c) Pemberian Pertambahan Hasil**

Pada tahun 2003, tiada hasil diterima untuk Pemberian Pertambahan Hasil berbanding sejumlah RM3.72 juta yang diterima pada tahun 2002. Pemberian bagi tahun 2003 iaitu sejumlah RM3.71 juta hanya diterima pada tahun 2004.

**d) Faedah Atas Pinjaman Daripada Akaun Hasil Disatukan**

Faedah Atas Pinjaman Daripada Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2003 adalah berjumlah RM1.47 juta berbanding

tahun 2002 berjumlah RM4.39 juta. Penurunan sejumlah RM2.92 juta adalah disebabkan pihak Agensi Negeri berkenaan tidak menjelaskan faedah atas pinjaman yang dikenakan.

### 3.2.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus pada tahun 2003 adalah berjumlah RM233.05 juta berbanding RM248.66 juta pada tahun 2002, iaitu menurun sejumlah RM15.61 juta atau 6.4%. Penurunan ini adalah disebabkan terutamanya penurunan Bayaran Aset dan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM25.06 juta. Manakala butiran perbelanjaan Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan dan Perbelanjaan Lain meningkat sejumlah RM9.45 juta. Butiran perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4**

**Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2002 Dan 2003**

| Bil.          | Maksud Perbelanjaan                | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) | Peningkatan/<br>(Pengurangan)<br>(RM Juta) |
|---------------|------------------------------------|-------------------|-------------------|--|
| 1.            | Emolumen                           | 60.15             | 61.80             | 1.65                                       |
| 2.            | Perkhidmatan Dan Bekalan           | 39.23             | 40.23             | 1.00                                       |
| 3.            | Aset                               | 2.92              | 1.23              | (1.69)                                     |
| 4.            | Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap | 144.62            | 121.25            | (23.37)                                    |
| 5.            | Perbelanjaan Lain                  | 1.74              | 8.54              | 6.80                                       |
| <b>Jumlah</b> |                                    | <b>248.66</b>     | <b>233.05</b>     | <b>(15.61)</b>                             |

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

### 3.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Deposit dan Akaun Kena Bayar. Baki Kumpulan Wang ini pada 31 Disember 2003 adalah berjumlah RM453.22 juta. Baki pada akhir tahun 2002 dan awal tahun 2003 adalah berbeza disebabkan pengkelasan semula

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit. Kedudukannya adalah seperti berikut:

### **3.3.1 Kumpulan Wang Pembangunan**

Pada akhir tahun 2003, baki Kumpulan Wang Pembangunan adalah berjumlah RM50.12 juta. Adalah didapati jumlah tersebut telah meningkat sejumlah RM22.55 juta atau 81.8%, berbanding kedudukan pada akhir tahun 2002 berjumlah RM27.57 juta. Peningkatan Kumpulan Wang Pembangunan yang ketara adalah disebabkan oleh terimaan bayaran balik pinjaman daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang berjumlah RM21.16 juta pada tahun 2003. Perbelanjaan sebenar Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2003 adalah sejumlah RM79.99 juta berbanding RM93.84 juta pada tahun 2002, iaitu menurun sejumlah RM13.85 juta atau 14.8%. Penurunan perbelanjaan adalah disebabkan pinjaman kepada Perbadanan Bekalan Air, Pulau Pinang menurun sejumlah RM5.29 juta. Selain itu, Kerajaan Negeri terus mengambil tindakan mengurangkan perbelanjaan dengan mengkaji semula keperluan projek sama ada untuk ditangguhkan, dikurangkan atau dibatal. Projek dalam pelaksanaan juga dikaji semula bertujuan mengurangkan kos.

### **3.3.2 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2003 adalah berjumlah RM44.77 juta manakala baki pada akhir tahun 2002 berjumlah RM17.82 juta. Analisis Audit mendapati beberapa akaun yang ditunjukkan di bawah Akaun Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit pada tahun 2002 diklasifikasikan di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Akaun yang dimaksudkan adalah Akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji, Potongan Nafkah, Akaun Penyelesaian Cek Terbatal dan Akaun Kumpulan Wang Perumahan Awam Kos Rendah. Pengwujudan akaun baru iaitu Akaun Pengujudan Baki Bank Pembayaran sejumlah RM10 juta merupakan faktor peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2003.

### **3.3.3 Kumpulan Wang Amanah Awam**

Setakat 31 Disember 2003, sebanyak 8 akaun Kumpulan Wang Amanah Awam diselenggarakan oleh pelbagai Jabatan/Pejabat. Analisis Audit mendapati Akaun Kumpulan Wang Perumahan Awam Kos Rendah yang diklasifikasikan di bawah Kumpulan Wang Awam pada tahun 2002 telah ditunjukkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2003 dengan baki berjumlah RM20 juta. Peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Awam adalah disebabkan penubuhan akaun baru iaitu Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Krisis dengan peruntukan awal sejumlah RM2 juta.

### **3.3.4 Deposit**

Pada akhir tahun 2003, baki 153 akaun deposit yang diselenggarakan oleh Perbendaharaan Negeri adalah berjumlah RM228.04 juta berbanding pada akhir tahun 2002 berjumlah RM221.75 juta. Analisis Audit mendapati peningkatan adalah disebabkan oleh peningkatan deposit Pejabat Daerah Dan Tanah dan Jabatan Pengairan Dan Saliran sejumlah RM10.12 juta. Selain itu, empat deposit baru berjumlah RM2.61 juta turut menyumbang kepada peningkatan deposit keseluruhan berjumlah RM7.43 juta. Deposit tersebut adalah Pakar Runding AR & T, Pelaksanaan Projek Majlis Perbandaran Seberang Perai Jalan Maju/Jalan Kota Perai, *Suffolk House* dan Akaun Sementara Lingkaran Luar Butterworth.

### **3.3.5 Akaun Kena Bayar**

Akaun Kena Bayar adalah jumlah yang terhutang kepada pembekal barangan, perkhidmatan dan kerja yang diperolehi oleh Kerajaan pada akhir tahun sebelumnya dan bayaran dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Pada tahun 2003, perbelanjaan sejumlah RM92.91 juta telah dikenakan kepada Akaun Kena Bayar berbanding sejumlah RM62.65 juta pada tahun 2002. Jabatan/Pejabat yang mempunyai perbelanjaan Akaun Kena Bayar yang tinggi adalah Jabatan Kewangan Negeri (RM56.80 juta), Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan (RM21.69 juta), Jabatan Kerja Raya (RM6.92 juta) dan Jabatan Pengairan Dan Saliran (RM2.51 juta). Bayaran

balik pinjaman Kerajaan Negeri berjumlah RM44.06 juta kepada Kerajaan Persekutuan adalah sebab utama peningkatan baki Akaun ini. Peningkatan ini juga menunjukkan masih ada kelewatan pembayaran bil kepada Pembekal/Kontraktor yang membekal barangan/perkhidmatan dan kerja.

### **3.4 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

Akaun Pinjaman Disatukan adalah satu akaun yang digunakan untuk mengakaun pinjaman yang diterima dan pindahan terimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan. Mengikut Lembaran Imbangan, baki Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2003 meningkat sejumlah RM12 juta menjadi RM12.03 juta berbanding RM29,734 pada akhir tahun 2002. Peningkatan ini adalah disebabkan sejumlah RM42.03 juta pinjaman baru telah diterima pada tahun 2003 tetapi sejumlah RM30.03 juta telah dikeluarkan untuk pembiayaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah dan Projek Bekalan Air.

## **PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

### **3.5 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**

Selain menggunakan sumber kewangannya sendiri, Kerajaan Negeri mendapat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunan dan pinjaman kepada Agensi Negeri. Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri memberi pinjaman kepada 2 Agensi iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Sdn. Bhd. Baki pinjaman Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Sdn. Bhd. dengan Kerajaan Negeri menurun sejumlah RM3.51 juta menjadi RM348.09 juta pada tahun 2003 berbanding RM351.60 juta pada tahun 2002. Penurunan ini disebabkan pemberian pinjaman baru pada tahun 2003 berjumlah RM25.71 juta dan terimaan balik pinjaman pokok berjumlah RM29.22 juta.



### 3.6 PELABURAN

Kerajaan Negeri melabur RM40 juta melalui 2 Pengurus Dana yang dilantik oleh Lembaga Kumpulan Wang Pelaburan. Pada akhir tahun 2003, baki pelaburan berjumlah RM40.28 juta.

### 3.7 TUNGGAKAN HASIL

Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2003 telah meningkat menjadi RM46.82 juta berbanding RM38.15 juta pada akhir tahun 2002. Peningkatan tunggakan hasil berjumlah RM8.67 juta pada tahun 2003 berbanding tahun 2002 adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri**

| Bil. | Jenis Tunggakan                  | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Pengurangan)<br>(RM Juta ) |
|------|----------------------------------|-------------------|-------------------|---|
|      |                                  | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) |   |
| 1.   | Hasil Tanah Dan Galian           | 29.59             | 38.23             | 8.64  |
| 2.   | Ansuran/Sewa Rumah<br>Kos Rendah | 7.17              | 7.79              | 0.62  |
| 3.   | Hasil Lain                       | 1.39              | 0.80              | (0.59)                                      |
|      | <b>Jumlah</b>                    | <b>38.15</b>      | <b>46.82</b>      | <b>8.67</b>                                 |

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

Adalah didapati tunggakan Hasil Cukai Tanah mencatatkan 81.7% daripada jumlah keseluruhan tunggakan cukai tahun 2003. Ini diikuti oleh Ansuran/Sewa Rumah Kos Rendah 16.6% dan Hasil Lain 1.7%. Tunggakan Cukai Tanah meningkat sejumlah RM8.64 juta adalah disebabkan oleh denda lewat sebanyak 10% yang dikenakan terhadap jumlah tunggakan melebihi RM100, pemilik tanah tidak dapat dikesan dan enggan membayar cukai tanah.

### 3.8 HUTANG KERAJAAN NEGERI

Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada

akhir tahun 2003, baki hutang Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM394.24 juta berbanding RM389.42 juta pada tahun 2002, iaitu meningkat sejumlah RM4.82 juta. Peningkatan hutang ini adalah disebabkan pinjaman baru daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM42.03 juta. Pinjaman baru bagi membiayai Perumahan Awam Kos Rendah dan Projek Bekalan Air sejumlah RM42.03 juta adalah untuk projek berikut:

- i) Perumahan Awam Kos Rendah Kampong Besar dan Padang Cempedak sejumlah RM4.32 juta;
- ii) Pemasangan Loji Dan Paip Sungai Muda sejumlah RM22.71 juta; dan
- iii) Membaik Pulih Loji/Retikulasi Air Pulau Pinang sejumlah RM15 juta.

Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah menjelaskan hutang kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM38.02 juta. Kedudukan Hutang Kerajaan Negeri pada tahun 2003 berbanding pada tahun 2002 adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Hutang Kerajaan Negeri**

| Bil.          | Jenis Hutang  | Tahun             |                   | Peningkatan/<br>(Pengurangan)<br>(RM Juta) |
|---------------|---|-------------------|-------------------|--|
|               |   | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) |  |
| 1.            | Rancangan Perumahan Murah   | 38.33             | 37.07             | (1.26)                                     |
| 2.            | Membiayai Projek Bekalan Air Perbadanan Bekalan Air, Pulau Pinang | 325.47            | 331.34            | 5.87                                       |
| 3.            | Membiayai Projek Majlis Perbandaran                               | 1.79              | 1.56              | (0.23)                                     |
| 4.            | Program Pembaharuan Bandar Dan Pemulihan Premis Akta Kawalan Sewa | 22.02             | 22.82             | 0.80                                       |
| 5.            | Program Menangani Masalah Y2K Kerajaan Negeri                     | 1.81              | 1.45              | (0.36)                                     |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>389.42</b>     | <b>394.24</b>     | <b>4.82</b>                                |

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

#### **4. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (RMK8)**

Kerajaan Negeri menganggarkan sejumlah RM1.23 bilion untuk melaksanakan 2,344 projek pembangunan di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi

RMK8. Projek tersebut akan dilaksanakan oleh 9 Jabatan/Pejabat. Butiran projek mengikut Jabatan/Pejabat adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7**

**Rancangan Projek Pembangunan Di Bawah RMK8 Mengikut Jabatan**

| <b>Bil.</b>   | <b>Pejabat/Jabatan</b>                               | <b>Bil. Projek</b> | <b>Kos Projek (RM Juta)</b> |
|---------------|--|--------------------|-----------------------------|
| 1.            | Pejabat Ketua Menteri Dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 534                | 742.23                      |
| 2.            | Jabatan Pertanian                                    | 20                 | 10.79                       |
| 3.            | Jabatan Pengairan Dan Saliran                        | 983                | 81.95                       |
| 4.            | Jabatan Kerja Raya                                   | 312                | 286.17                      |
| 5.            | Jabatan Perkhidmatan Veterinar                       | 32                 | 13.13                       |
| 6.            | Jabatan Perhutanan                                   | 236                | 6.02                        |
| 7.            | Jabatan Hal Ehwal Agama                              | 207                | 23.32                       |
| 8.            | Jabatan Kebun Bunga                                  | 20                 | 3.60                        |
| 9.            | Jabatan Kewangan Negeri                              | -                  | 67.00                       |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>2,344</b>       | <b>1,234.21</b>             |

*Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri*

Pejabat Ketua Menteri Dan Setiausaha Kerajaan Negeri memperolehi peruntukan tertinggi, diikuti oleh Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Pejabat Kewangan Negeri.

#### **4.1 PRESTASI PERBELANJAAN**

Analisis Audit mendapati bagi tempoh 2001 hingga 2003, sejumlah RM505.62 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek yang dirancang. Bagi tempoh yang sama sejumlah RM286.37 juta atau 56.6% telah dibelanjakan atau 23.2% daripada peruntukan RMK8. Prestasi perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 8**.

**Jadual 8**  
**Prestasi Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2003**

| Bil. | Pejabat/Jabatan                                      | Peruntukan Diluluskan |                | Perbelanjaan  |             |              |             |
|------|--|-----------------------|----------------|---------------|-------------|--------------|-------------|
|      |  |                       |                | 2001 – 2003   |             | 2003         |             |
|      |  | RMK8 (RM Juta)        | 2003 (RM Juta) | (RM Juta)     | RMK8 (%)    | (RM Juta)    | (%)         |
| 1.   | Pejabat Ketua Menteri Dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 742.23                | 58.98          | 144.76        | 19.5        | 38.33        | 65.0        |
| 2.   | Jabatan Pertanian                                    | 10.79                 | 1.00           | 4.67          | 43.3        | 1.00         | 100.0       |
| 3.   | Jabatan Pengairan Dan Saliran                        | 81.95                 | 6.00           | 22.55         | 27.5        | 5.99         | 99.8        |
| 4.   | Jabatan Kerja Raya                                   | 286.17                | 26.10          | 77.84         | 27.2        | 24.32        | 93.2        |
| 5.   | Jabatan Perkhidmatan Veterinar                       | 13.13                 | 0.50           | 2.36          | 18.0        | 0.50         | 100.0       |
| 6.   | Jabatan Perhutanan                                   | 6.02                  | 0.40           | 2.25          | 37.4        | 0.40         | 100.0       |
| 7.   | Jabatan Hal Ehwal Agama                              | 23.32                 | 4.00           | 13.00         | 55.7        | 3.59         | 89.8        |
| 8.   | Jabatan Kebun Bunga                                  | 3.60                  | 0.30           | 1.58          | 43.5        | 0.30         | 100.0       |
| 9.   | Jabatan Kewangan Negeri                              | 67.00                 | 6.00           | 17.36         | 26.0        | 5.58         | 93.0        |
|      | <b>Jumlah</b>  | <b>1,234.21</b>       | <b>103.28</b>  | <b>286.37</b> | <b>23.2</b> | <b>80.01</b> | <b>77.5</b> |

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri

Berdasarkan prestasi bagi tempoh 2001 hingga 2003, adalah didapati hanya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah membelanjakan melebihi 50% daripada peruntukan RMK8. Lapan Jabatan/Pejabat membelanjakan antara 18% dan 43.5% daripada peruntukan. Bagaimanapun, prestasi perbelanjaan pada tahun 2003 adalah sangat menggalakkan. Semua Jabatan/Pejabat telah membelanjakan antara 65% dan 100% peruntukan tahunan yang diluluskan pada tahun 2003. Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kebun Bunga adalah 4 Jabatan yang telah mencapai perbelanjaan 100%.

#### 4.2 PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK

Sehingga akhir tahun 2003, sebanyak 1,812 projek daripada 2,344 telah siap dilaksanakan seperti Pembinaan Masjid Baru Bukit Panchor, Seberang Perai Selatan, Naik Taraf Dewan Undangan Negeri dan Pencegahan Banjir. Sebanyak 124 projek sedang dilaksanakan dan sebanyak 237 projek belum

dimulakan. Projek yang tertangguh adalah sebanyak 171. Penangguhan adalah disebabkan ketiadaan peruntukan dan potongan peruntukan perbelanjaan. Butiran terperinci status projek tersebut adalah seperti di **Jadual 9**.

**Jadual 9**  
**Kemajuan Pelaksanaan Projek RMK8 Sehingga 31 Disember 2003**

| Bil.          | Jabatan  | Bilangan Projek | Kemajuan Pelaksanaan |                     |            |            |
|---------------|--|-----------------|----------------------|---------------------|------------|------------|
|               |  |                 | Siap                 | Sedang Dilaksanakan | Belum Mula | Tangguh    |
| 1.            | Pejabat Ketua Menteri Dan Setiausaha Kerajaan Negeri | 534             | 406                  | 15                  | -          | 113        |
| 2.            | Jabatan Pertanian                                    | 20              | 2                    | 17                  | -          | 1          |
| 3.            | Jabatan Pengairan Dan Saliran                        | 983             | 968                  | 15                  | -          | -          |
| 4.            | Jabatan Kerja Raya                                   | 312             | 126                  | 16                  | 166        | 4          |
| 5.            | Jabatan Perkhidmatan Veterinar                       | 32              | -                    | 19                  | -          | 13         |
| 6.            | Jabatan Perhutanan                                   | 236             | 143                  | 23                  | 70         | -          |
| 7.            | Jabatan Hal Ehwal Agama                              | 207             | 157                  | 15                  | 1          | 34         |
| 8.            | Jabatan Kebun Bunga                                  | 20              | 10                   | 4                   | -          | 6          |
| 9.            | Jabatan Kewangan Negeri                              | -               | -                    | -                   | -          | -          |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>2,344</b>    | <b>1,812</b>         | <b>124</b>          | <b>237</b> | <b>171</b> |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

## 5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2003 adalah kukuh. Baki Akaun Hasil Yang Disatukan pada 31 Disember 2003 berjumlah RM207.37 juta telah menyumbang sejumlah RM13.62 juta daripada RM75.77 juta peningkatan bersih Kumpulan Wang Disatukan. Selain itu, kedudukan aset mengikut penyata memorandum adalah melebihi tanggungan yang menunjukkan bebanan hutang Kerajaan Negeri adalah terkawal. Bagi memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan, Kerajaan Negeri perlu mengekalkan perbelanjaan berhemat tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan dan sumbangan kepada rakyat.

## BAHAGIAN II

### PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN NEGERI

#### 6. PENDAHULUAN

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2003, juga membuat analisis terhadap maklumat yang ditunjukkan dalam penyata tersebut bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Selain itu, pengauditan terhadap rekod dan urusan kewangan Jabatan Kerajaan Negeri juga dilaksanakan. Tujuan pengauditan adalah untuk menentukan undang-undang dan peraturan kewangan seperti Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling berkaitan pengurusan kewangan dipatuhi oleh Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan. Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah mengambil beberapa pendekatan baru untuk membantu Jabatan Kerajaan Negeri mempertingkatkan tahap akauntabiliti pengurusan kewangan seperti berikut:

- i) Program *Audit Presence*; dan
- ii) Program Anak Angkat.

#### **JABATAN KEWANGAN NEGERI DAN PERBENDAHARAAN NEGERI**

#### 7. LATAR BELAKANG

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab mengawal selia pengurusan kewangan Jabatan Negeri supaya mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan. Bagi mencapai maksud ini, Unit Perbendaharaan Negeri di bawah Jabatan Kewangan Negeri bertanggungjawab membantu mencapai maksud tersebut. Unit Perbendaharaan Negeri diketuai oleh Bendahari Negeri bertanggungjawab kepada Pegawai Kewangan Negeri. Tanggungjawab Jabatan Kewangan Negeri meliputi penyediaan dan pengagihan peruntukan, mengawal selia kutipan hasil, perbelanjaan dan wang amanah, termasuk juga pengurusan wang pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan menentukan

rekod kewangan Jabatan Negeri diselenggara dengan betul dan sempurna. Bagi memperkukuhkan lagi pengurusan kewangan Negeri supaya dilaksanakan dengan teratur, beberapa Jawatankuasa telah ditubuhkan seperti Jawatankuasa Peningkatan Hasil dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Selain itu, Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2004 bagi menyeragamkan dan mempertingkatkan lagi sistem perakaunan selaras dengan kehendak Kerajaan Persekutuan.

## **8. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada peraturan kewangan dipatuhi dan rekod kewangan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini, serta wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, pengurusan perbelanjaan dan amanah. Pengauditan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan tahun 2003. Rekod dan dokumen utama yang disemak adalah Bajet, Waran Peruntukan, Baucar Bayaran, Penyata Pemungut, Jurnal, Penyata Penyesuaian Bank, Buku Tunai, Lejar, Sijil Bank, Sijil Saham dan Perjanjian Pinjaman. Selain itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai yang terlibat telah diadakan untuk mendapat ulasan dan penjelasan lanjut. Di samping itu, Jabatan Audit Negara juga menilai tahap pencapaian, peranan dan tanggungjawab Perbendaharaan Negeri sebagai agensi pengawal kewangan.

## **9. PENEMUAN AUDIT**

### **9.1 KAWALAN BAJET**

Surat Pekeliling Pegawai Kewangan Negeri Bil. 2/2002 dikeluarkan bagi menggariskan panduan mengenai penyediaan anggaran belanjawan 2003. Pegawai Pengawal dikehendaki merancang pelaksanaan projek mengikut keutamaan dan mengelak pembaziran. Berdasarkan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan, Kerajaan Negeri menganggarkan terimaan hasil berjumlah RM220.36 juta pada tahun 2003, manakala perbelanjaan berjumlah RM244.69 juta. Oleh itu, Kerajaan Negeri menganggarkan bajet defisit berjumlah RM24.33 juta pada tahun 2003. Defisit ini akan dibiayai oleh

Kumpulan Wang Disatukan. Bagi perbelanjaan pembangunan, Kerajaan Negeri menganggarkan perbelanjaannya berjumlah RM103.29 juta. Perbelanjaan tersebut dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM51.17 juta, Pemberian Persekutuan berjumlah RM8.72 juta, Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalanraya berjumlah RM25 juta dan hasil punca Negeri berjumlah RM18.38 juta.

Anggaran bajet yang disediakan itu telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada pertengahan bulan November 2002. Ketua Menteri telah menandatangani waran sebagai kebenaran mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan mengikut kehendak Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) pada awal bulan Disember 2002. Manakala waran bagi Perbelanjaan Pembangunan ditandatangani oleh Pegawai Kewangan Negeri mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 pada awal bulan Disember 2002. Jumlah yang diluluskan untuk perbelanjaan mengurus adalah RM244.69 juta manakala perbelanjaan pembangunan sejumlah RM103.29 juta.

**Pada pendapat Audit, penyediaan Bajet 2003 dilaksanakan dengan teratur. Anggaran Hasil dan Perbelanjaan 2003 telah mendapat kelulusan sewajarnya daripada Dewan Undangan Negeri.**

## **9.2 KAWALAN HASIL**

Hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2003 berjumlah RM246.67 juta meningkat sejumlah RM15.36 juta berbanding pada tahun 2002 berjumlah RM231.31 juta. Hasil utama Kerajaan Negeri ialah cukai tanah, faedah simpanan tetap dan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan. Semakan terhadap kawalan hasil adalah bagi menentukan hasil tersebut telah dipungut mengikut undang-undang yang ditetapkan dan diakaunkan dengan sewajarnya.

### **9.2.1 Penyerahan Akaun Tunai Bulanan Oleh Pemungut Hasil**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 145, Pemungut Hasil dikehendaki mengemukakan Akaun Tunai Bulanan kepada



Perbendaharaan Negeri bagi tempoh 10 hari selepas akhir bulan berkenaan. Unit Perbendaharaan Negeri bertanggungjawab untuk memeriksa Akaun Tunai Bulanan yang dikemukakan oleh Pemungut Hasil. Pemeriksaan Audit terhadap Daftar Terimaan Akaun Tunai Bulanan di Perbendaharaan Negeri mendapati sebanyak 23 daripada 83 Pemungut Hasil lewat mengemukakan Akaun Tunai Bulanan antara 10 hingga 372 hari. Beberapa pemungut Hasil yang lewat menghantar Akaun Tunai Bulanan adalah Jabatan Kewangan Negeri, Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang), Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya (Seberang Perai Selatan dan Seberang Perai Tengah) dan Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut.

#### **9.2.2 Penyerahan, Pemprosesan Penyata Pemungut Dan Pengeluaran Resit Perbendaharaan**

Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 4 Tahun 1998 menghendaki Penyata Pemungut dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri tiap-tiap minggu. Pemeriksaan Audit terhadap 113 daripada 30,372 Penyata Pemungut mendapati secara amnya sistem kawalan dalaman adalah memuaskan kecuali perkara berikut:

- i)** Sebanyak 13 Penyata Pemungut yang berjumlah RM10.73 juta lewat dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri antara 12 hingga 28 hari. Jabatan/Pejabat yang paling lewat adalah Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara diikuti dengan Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut dan Jabatan Kewangan Negeri.
- ii)** Sebanyak 35 Penyata Pemungut lewat diperakaukan oleh Perbendaharaan Negeri mengakibatkan kelewatan pengeluaran resit Perbendaharaan antara 20 hingga 70 hari. Kelewatan ini berlaku disebabkan Penyata Pemungut lewat dikemukakan oleh Pemungut Hasil. Mulai tahun 2004, pihak bank telah diminta menghantar salinan Penyata Pemungut setiap minggu kepada Perbendaharaan Negeri supaya proses Penyata Pemungut dapat disegerakan.

### **9.2.3 Pengesahan Laporan Hasil Bulanan**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 143(b) dan Surat Pekeliling Jabatan Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 1999, Pemungut perlu membuat pengesahan dan penyesuaian hasil bulanan antara rekod Pemungut dengan Laporan Hasil Bulanan Perbendaharaan Negeri bagi tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan tersebut diterima. Pemeriksaan Audit terhadap rekod Perbendaharaan Negeri mendapati sebanyak 34 Pemungut lewat mengemukakan pengesahan Laporan Hasil Bulanan antara 10 hingga 167 hari pada tahun 2003. Beberapa Jabatan yang lewat mengemukakan pengesahan Laporan Hasil Bulanan adalah seperti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Perumahan), Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Pejabat Agama Daerah Kepala Batas dan Pejabat Agama Seberang Perai Tengah. Selain itu, adalah didapati 30 Pemungut tidak mengemukakan pengesahan tersebut bagi tempoh 1 hingga 10 bulan. Jabatan tersebut adalah seperti Pejabat Agama Daerah Barat Daya, Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Selatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kewangan Negeri. Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan surat peringatan kepada semua Pemungut supaya menghantar pengesahan Laporan Hasil Bulanan bagi tempoh yang ditetapkan.

### **9.2.4 Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Terimaan)**

Arahan Perbendaharaan 146 menetapkan Penyata Penyesuaian Bank perlu disedia dan dikemukakan untuk pengauditan bagi tempoh 2 minggu selepas akhir tiap-tiap bulan. Bagaimanapun, Penyata Penyesuaian Bank bagi bulan Januari hingga Disember 2003 lewat dikemukakan antara 53 hingga 493 hari.

### **9.2.5 Cek Tidak Laku**

Prosedur mengenai pengurusan Cek Tidak Laku ditetapkan oleh Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia Bil. 1 Tahun 1994. Pemeriksaan Audit terhadap Daftar Cek Tidak Laku mendapati daftar tersebut diselenggara dengan baik.

#### **9.2.6 Kawalan Di Peringkat Perbendaharaan Negeri**

Pemeriksaan Audit terhadap kawalan Akaun Tunai Bulanan di peringkat Perbendaharaan Negeri mendapati Bendahari Negeri ada membangkitkan kelemahan dengan Jabatan. Contoh kelemahan ditemui adalah resit dicatat 2 kali, resit tidak dikemukakan bersama Buku Tunai, jumlah berbeza dengan dibankkan, tiada pengesahan ke atas pindaan di Buku Tunai dan tiada catatan nombor resit Perbendaharaan di Buku Tunai.

#### **9.2.7 Semakan Akaun Tunai Bulanan**

Pemeriksaan Audit terhadap 10 Akaun Tunai Bulanan mendapati penyelenggaraan Buku Tunai Bulanan dan dokumen sokongan adalah tidak memuaskan. Perkara yang tidak memuaskan ialah seperti nombor Resit Perbendaharaan tidak dicatat di Buku Tunai, salinan lesen yang dibatalkan tidak dikemukakan, hasil salah diperakunkan, Borang Hasil Yang Dikawal tidak dikemukakan, jumlah di resit dengan Buku Tunai Cerakinan berbeza, tiada bukti pengesahan ke atas pindaan dan semakan Pegawai bertanggungjawab terhadap Akaun Tunai Bulanan.

#### **9.2.8 Serahan Wang Ke Bank**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 78(a), wang hasil yang dikutip hendaklah dibankkan dengan segera pada hari itu juga atau hari yang berikutnya. Pemeriksaan Audit mendapati semakan bagi menentukan sama ada kutipan telah dibankkan dengan betul dan segera tidak dibuat di peringkat Perbendaharaan Negeri disebabkan Penyata Pemungut tidak dihantar bersama dengan Buku Tunai. Jabatan yang terlibat adalah Jabatan Kesihatan Negeri dan Jabatan Pertanian Negeri.

#### **9.2.9 Tunggakan Hasil**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 89A, Pegawai Pengawal dikehendaki menyelenggara dan melaporkan tunggakan hasil pada tiap-tiap tahun. Sebanyak 34 Pejabat Pemungut telah

mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil. Daripada jumlah tersebut hanya 14 Pejabat Pemungut mempunyai tunggakan hasil berjumlah RM46.82 juta.

**Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya kawalan terhadap kutipan hasil adalah memuaskan. Bagaimanapun, Perbendaharaan Negeri perlu memberi perhatian terhadap Jabatan yang lewat menyerah Akaun Tunai Bulanan, Penyata Pemungut dan Pengesahan Laporan Hasil Bulanan.**

### **9.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Pada tahun 2003, peruntukan perbelanjaan mengurus berjumlah RM244.69 juta manakala perbelanjaan sebenar berjumlah RM233.05 juta. Sementara itu, peruntukan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM103.29 juta dan perbelanjaan pembangunan sebenar berjumlah RM79.99 juta.

#### **9.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus**

Pada tahun 2003, sejumlah RM244.69 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM233.05 juta telah dibelanjakan berbanding RM248.66 juta pada tahun 2002. Penurunan sejumlah RM15.61 juta adalah disebabkan oleh penurunan perbelanjaan untuk Pemberian Dan Kenaan Tetap sejumlah RM23.37 juta dan perbelanjaan untuk perolehan Aset sejumlah RM1.69 juta. Manakala perbelanjaan bagi Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan dan Perbelanjaan Lain telah meningkat sejumlah RM9.45 juta.

#### **9.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan**

Pada tahun 2003, sejumlah RM103.29 juta telah diluluskan untuk melaksanakan projek pembangunan. Kebenaran mengeluarkan wang daripada Akaun Amanah Disatukan adalah melalui Waran Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Bil.1 Tahun 2003. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

**i) Kawalan Peruntukan**

Prestasi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2003 adalah lebih baik iaitu berjumlah RM79.99 juta dibelanjakan atau 77.4% berbanding pencapaian perbelanjaan pada tahun 2002, iaitu sejumlah RM93.84 juta atau 47.1% daripada peruntukan berjumlah RM199.22 juta. Perbelanjaan pembangunan oleh 8 Jabatan adalah melebihi 80% manakala Pejabat Ketua Menteri Dan Setiausaha Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM38.33 juta atau 65% daripada peruntukan yang diluluskan.

**ii) Justifikasi Pindah Peruntukan**

Pemeriksaan Audit terhadap 10 pindah peruntukan berjumlah RM4.91 juta mendapati telah dibuat dengan teratur.

**9.3.3 Kawalan Pembayaran**

**i) Prosedur Pemprosesan Bayaran**

Prosedur pemprosesan bayaran adalah memuaskan di mana baucar bayaran dilulus dengan sempurna dan dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

**ii) Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran)**

Arahan Perbendaharaan 146 menghendaki Penyata Penyesuaian Bank disedia dan dikemukakan untuk pengauditan bagi tempoh 2 minggu selepas akhir tiap-tiap bulan. Penyata ini adalah bagi menyesuaikan perbezaan antara baki di Buku Tunai Perbendaharaan Negeri dengan baki di bank. Bagaimanapun, masih berlaku kelewatan penyerahan Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran) bagi bulan Januari hingga Disember 2003. Kelewatan berlaku antara 27 hingga 211 hari. Pemeriksaan Audit terhadap Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bayaran) juga mendapati sejumlah RM407.87 juta perbelanjaan belum dipindahkan ke Akaun Terimaan sejak bulan Mac hingga Disember 2003. Masalah ini timbul apabila Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) digunakan sepenuhnya dalam penyediaan Penyata Penyesuaian Bank.

**iii) Kawalan Cek Terbatal**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 118, cek hendaklah dibatalkan selepas tamat tempoh sah laku cek (90 hari) dan dikredit ke Akaun Cek Terbatal. Pemeriksaan Audit terhadap Penyata Penyesuaian Bank (Bayaran) mendapati pada tahun 2003 terdapat sebanyak 932 keping cek luput tarikh bernilai RM0.94 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak 770 keping cek bernilai RM0.59 juta telah dibatalkan setakat bulan Disember tahun 2003. Manakala sebanyak 162 keping cek bernilai RM0.35 juta hanya dibatalkan pada bulan Ogos 2004. Selain itu, sebanyak 204 cek yang dibatal bernilai RM0.17 juta melebihi 6 tahun dan tidak dituntut telah diselaraskan ke Akaun Hasil pada bulan Julai tahun 2004.

**iv) Pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan**

Pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan dengan rekod Jabatan perlu dibuat dan Penyata Penyesuaian mengenainya perlu dikemukakan oleh Pegawai Pengawal kepada Bendahari Negeri bagi tempoh 14 hari dari tarikh Laporan Perbelanjaan Bulanan diterima. Pemeriksaan Audit terhadap Daftar Penyerahan Penyata Penyesuaian Laporan Perbelanjaan Bulanan yang diselenggara oleh Perbendaharaan Negeri mendapati 20 Pegawai Pengawal lewat mengemukakan pengesahan perbelanjaan antara 10 hingga 350 hari. Jabatan/Pejabat yang lewat adalah Jabatan Kewangan Negeri, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Keretapi Bukit Bendera) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Ibu Pejabat Bukit Mertajam). Selain itu, 10 Jabatan/Pejabat tidak mengemukakan pengesahan tersebut bagi tempoh 1 hingga 10 bulan. Jabatan yang terlibat adalah Mahkamah Syariah Negeri, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Pejabat Kebun Bunga dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**v) Baucar Bayaran**

Sebanyak 1,072 baucar bernilai RM1.05 bilion telah dipilih untuk disemak dan adalah didapati pada keseluruhannya pembayaran yang dibuat adalah teratur kecuali perkara berikut:

- a) Sebanyak 38 baucar bernilai RM0.70 bilion tidak dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.
- b) Sebanyak 39 baucar bernilai RM0.56 juta tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap.
- c) Sebelas pesanan tempatan bernilai RM0.20 juta tidak diisi dengan lengkap.
- d) Tujuh inden kerja yang dikepilkan kepada baucar bayaran bernilai RM0.08 juta tidak dicatat tempoh siap kerja.
- e) Empat baucar pembayaran bernilai RM175,106 lewat dijelaskan.

**vi) Pembayaran Secara Tunai**

Arahan Perbendaharaan 96(a), menetapkan peraturan mengenai pembayaran tunai kepada lebih daripada seorang penerima menggunakan satu baucar bayaran atas nama Ketua Jabatan. Wang tunai yang tidak diserahkan kepada penerima perlu dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri bersama dengan baucar yang diakui bagi tempoh 21 hari. Mulai pertengahan tahun 2003, Perbendaharaan Negeri tidak lagi mengawal baucar yang dikategorikan di bawah Arahan Perbendaharaan ini. Daripada 11 baucar bernilai RM111,240 yang dipilih adalah didapati 5 baucar bernilai RM21,260 belum dikembalikan. Baucar tersebut adalah mengenai bantuan banjir dan bantuan am yang diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan perbelanjaan adalah memuaskan. Bagaimanapun, Perbendaharaan Negeri perlu memberi perhatian terhadap kelewatan penyerahan Pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan dan kawalan ke atas pembayaran secara tunai.**

## **9.4 PENGURUSAN PINJAMAN**

Selain menggunakan sumber kewangannya sendiri, Kerajaan Negeri mendapat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya dan memberi pinjaman kepada Agensi Negeri. Pada tahun 2003, sejumlah RM42.03 juta pinjaman telah diperolehi.

### **9.4.1 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan**

Sehingga akhir tahun 2003, baki pinjaman yang belum selesai meningkat sejumlah RM4.82 juta menjadi RM394.24 juta berbanding RM389.42 juta pada tahun 2002. Peningkatan ini adalah disebabkan penerimaan pinjaman baru berjumlah RM42.03 juta dan faedah dipermodalkan sejumlah RM0.80 juta. Rekod mengenai pinjaman seperti perjanjian pinjaman, jadual bayaran balik dan surat menyurat pinjaman diselenggara dengan kemas kini. Pinjaman digunakan bagi maksud yang ditetapkan. Selain itu, Kerajaan Negeri membayar balik pinjaman mengikut jadual. Bayaran balik pinjaman (pokok) adalah berjumlah RM38.01 juta. Kerajaan Negeri tidak mempunyai tunggakan ansuran bayaran balik pinjaman.

### **9.4.2 Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Agensi**

Sebahagian daripada pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri dipinjamkan semula kepada 2 Agensi Negeri. Baki pinjaman kedua Agensi berjumlah RM348.09 juta berbanding RM351.60 juta pada tahun 2002. Penurunan sejumlah RM3.51 juta adalah disebabkan pemberian pinjaman pada tahun 2003 sejumlah RM25.71 juta, terimaan balik pokok sejumlah RM29.22 juta dan faedah sejumlah RM1.47 juta. Rekod dan dokumen pinjaman disimpan dengan teratur. Kedudukan pinjaman adalah seperti di **Jadual 10**.



**Jadual 10**  
**Kedudukan Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Agensi**

| Bil.          | Nama Agensi  | Baki Pinjaman Pada 1.1.2003 (RM Juta) | Pinjaman Baru/ Faedah Di Pokok* (RM Juta) | Terimaan Balik (RM Juta) | Baki Pinjaman Pada 31.12.2003 (RM Juta) | Tunggakan (RM Juta) |
|---------------|--|---------------------------------------|---|--------------------------|---|---------------------|
| 1.            | Majlis Perbandaran Pulau Pinang                                      |                                       |   |                          |   |                     |
|               | (i) Pembetulan Najis Pantai Utara                                    | 2.61                                  | -   | -                        | 2.61                                    | 1.19                |
|               | (ii) Program Pembaharuan Bandar & Pemulihan Premis Akta Kawalan Sewa | 22.02                                 | -   | 21.16                    | 0.86                                    | -                   |
| 2.            | Perbadanan Bekalan Air Sdn. Bhd.                                     |                                       |   |                          |   |                     |
|               | (i) Membiayai Projek Bekalan Air                                     | 326.97                                | 25.71                                     | 8.06                     | 344.62                                  | 8.46                |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>351.60</b>                         | <b>25.71</b>                              | <b>29.22</b>             | <b>348.09</b>                           | <b>9.65</b>         |

Sumber: Penyata Akaun Awam Dan Jadual Bayaran Balik

**i) Pinjaman Kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang**

Sejak tahun 1999, Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak membuat bayaran balik pinjaman Pembedungan Najis Pantai Utara berjumlah RM1.19 juta kerana Kerajaan Persekutuan memutuskan pinjaman projek pembedungan diambil alih oleh sebuah syarikat swasta. Kerajaan Negeri perlu menuntut baki pinjaman dengan syarikat berkenaan. Daripada pinjaman asal berjumlah RM3.77 juta, sejumlah RM2.21 juta telah dibayar balik oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan tanpa tunggakan.

**ii) Pinjaman Kepada Perbadanan Bekalan Air Sdn. Bhd.**

Baki pinjaman Perbadanan Bekalan Air Sdn. Bhd. pada akhir tahun 2003 berjumlah RM344.62 juta. Bagaimanapun, Perbadanan mengesahkan jumlah ini telah dikurangkan sejumlah RM122 juta kerana ditukar menjadi ekuiti pada tahun 2000. Perkara ini telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit

Negara sejak tahun 2000 tetapi belum diperbetulkan. Selain itu, pada akhir tahun 2003 bayaran balik daripada Agensi ini telah tertunggak sejumlah RM8.47 juta.

**Pihak Audit berpendapat keseluruhan pengurusan pinjaman adalah baik. Pinjaman yang diterima diperakaunkan dengan betul dan semua rekod diselenggara dengan teratur. Bagaimanapun, bagi pinjaman yang tertunggak, Kerajaan Negeri perlu memantau dan mengambil tindakan tegas untuk mengutip tunggakan tersebut.**

## **9.5 PENGURUSAN PELABURAN**

Pada tahun 2003, pelaburan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM629.76 juta. Pelaburan ini terdiri daripada Simpanan Tetap dan Pelaburan Saham. Pelaburan ini diurus melalui Jawatankuasa Pelaburan dan Pengurus Dana. Pelaburan melalui Pengurus Dana berjumlah RM40.28 juta ditunjukkan di Penyata Memorandum. Jawatankuasa Pelaburan Negeri ditubuhkan bagi merancang dan mengurus pembelian/penjualan saham. Manakala Unit Pelaburan ditubuhkan di Jabatan Kewangan Negeri bagi mengurus dan memantau hal ehwal pelaburan Kerajaan Negeri supaya pengurusan pelaburan dapat berfungsi dengan teratur dan berkesan.

### **9.5.1 Simpanan Tetap**

Pada akhir tahun 2003, Simpanan Tetap Kerajaan Negeri berjumlah RM556.12 juta. Faedah yang diterima bagi pelaburan ini adalah berjumlah RM10.89 juta. Pengurusan Simpanan Tetap dibuat dengan teratur dan mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri. Sijil Simpanan Tetap dan pelbagai dokumen berkaitan pelaburan disimpan di tempat yang selamat.

### **9.5.2 Saham**

Kerajaan Negeri telah melabur sejumlah RM31.45 juta dalam bentuk saham di 4 syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Nilai buku saham bagi 4 syarikat tersebut adalah berjumlah RM31.45 juta. Saham diperolehi secara tawaran melalui Kementerian Kewangan dan diluluskan oleh Badan Perundangan Negeri.

Sejumlah RM1.04 juta perolehan dividen diterima dan dikreditkan ke akaun hasil. Tuntutan pengecualian cukai terhadap 4 jenis saham berjumlah RM0.52 juta belum diterima. Pengurusan dan kawalan pelaburan adalah memuaskan.

### **9.5.3 Pengurus Dana**

Dua Pengurus Dana dilantik oleh Lembaga Kumpulan Wang Pelaburan Negeri Pulau Pinang untuk mengurus pelaburan di bawah Kumpulan Wang Amanah Negeri Pulau Pinang. Modal Pelaburan Kerajaan Negeri ini telah berkurangan sejumlah RM0.20 juta daripada RM40.48 juta pada tahun 2002 menjadi RM40.28 juta pada tahun 2003. Mengikut rekod Perbendaharaan Negeri, sejumlah RM3.31 juta pulangan pada tahun 2003 telah diterima daripada Pengurus Dana. Sejumlah RM0.05 juta pengecualian cukai telah dituntut belum diterima.

### **9.5.4 Pelaburan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang ditubuhkan di bawah Enakmen Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bil. 1 Tahun 1988. Perbadanan ini diwujudkan bagi membolehkan Kerajaan Negeri membuat kontrak, memperolehi, memegang, mengguna, menggadai dan melupus harta alih dan tidak alih mengikut terma yang ditentukan oleh Perbadanan. Pemeriksaan Audit mendapati Akaun Semasa dibuka atas nama Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Semenjak Akaun ini dibuka iaitu pada tahun 1998 ianya tidak mempunyai urus niaga kecuali penerimaan faedah. Pada 31 Disember 2003, Akaun ini berbaki RM1.30 juta. Enakmen penubuhan Perbadanan ini tidak menyentuh mengenai peruntukan perakaunan, penubuhan dana dan kuasa membuka akaun. Baki Akaun Semasa sejumlah RM1.30 juta pada 31 Disember tahun 2003 juga tidak ditunjukkan di Penyata Memorandum Penyata Kewangan Negeri.

Pada pendapat Audit, keseluruhan pengurusan pelaburan dibuat dengan baik. Pengeluaran pelaburan dilulus dengan sewajarnya dan semua rekod mengenainya diselenggara dengan kemas kini. Laporan bulanan dan surat menyurat antara Pengurus Dana dengan Kerajaan Negeri disimpan dengan teratur.

## **9.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH**

Perbendaharaan Negeri mengendalikan 10 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan 8 Kumpulan Wang Amanah Awam. Pada 31 Disember 2003, baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM44.77 juta, manakala Kumpulan Wang Amanah Awam pula berjumlah RM37.37 juta. Pengurusan 2 jenis Kumpulan Wang Amanah ini adalah memuaskan. Rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini dan mematuhi peraturan.

### **9.6.1 Kumpulan Wang Amanah Awam**

Pada akhir tahun 2003, baki Kumpulan Wang ini terdiri daripada akaun kecil berjumlah RM37.37 juta. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

- i)** Satu akaun iaitu Akaun Jawatankuasa Pelancongan Negeri Pulau Pinang telah lebih dikeluarkan sejumlah RM1.20 juta. Amalan ini bertentangan dengan Arahan Perbendaharaan 155.
- ii)** Akaun *Park & Ride* lebih dikeluarkan sejumlah RM47,840 pada tahun 2002. Akaun ini menerima sumbangan Kerajaan Negeri berjumlah RM120,000 pada tahun 2003. Pada akhir tahun 2003, akaun ini berbaki kredit sejumlah RM39,800.
- iii)** Tiga akaun kecil yang lain berbaki RM274,777 tidak bergerak sejak tahun 1999. Akaun terlibat ini adalah Akaun Jawatankuasa Alam Sekitar, Akaun Program Sains Teknologi Dan Sumber Manusia dan Akaun Majlis Pembangunan Sumber Manusia. Akaun tersebut hendaklah dikaji dan jika tidak diperlukan lagi hendaklah ditutup mengikut peraturan atau Arahan Amanah.
- iv)** Akaun Amanah Pengurusan Krisis telah ditubuhkan pada tahun 2003 bagi tujuan menangani sesuatu krisis yang meliputi

aktiviti mengawal, mencegah dan memberi bantuan berkaitan sesuatu kejadian krisis. Sejumlah RM2 juta telah diperuntukkan bagi maksud ini. Bagaimanapun, Arahan Amanah mengenainya sedang disediakan.

#### **9.6.2 Pengesahan Dan Penyesuaian Penyata Amanah**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 143(b), pengesahan Laporan Amanah Bulanan dengan rekod Jabatan perlu dibuat dan Penyata Penyesuaian Akaun Amanah perlu disedia dan dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri bagi tempoh 14 hari dari tarikh laporan diterima. Pemeriksaan Audit mendapati 26 Jabatan/Pejabat lewat mengemukakan Penyata Penyesuaian antara 10 hingga 233 hari. Jabatan yang lewat ialah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Perumahan), Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut, Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara dan Jabatan Pengairan Dan Saliran. Selain itu, 26 Jabatan/Pejabat tidak mengemukakan pengesahan Laporan Amanah Bulanan bagi tempoh 1 hingga 12 bulan. Perkara ini boleh diatasi sekiranya pemantauan yang lebih serius dibuat oleh Pegawai Pengawal.

#### **9.6.3 Tabung Amanah Pinjaman Penuntut**

Tabung Amanah Pinjaman Penuntut ditubuhkan bagi tujuan memberi pinjaman kepada penuntut Institusi Pengajian Tinggi. Pada akhir tahun 2003 tabung ini berbaki RM10.63 juta. Senarai Baki Individu setakat 2003 tidak dapat dikemukakan untuk pengauditan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan Akaun Amanah memuaskan kerana tindakan telah diambil untuk menutup akaun yang tidak diperlukan pada tahun 2004 dan perbincangan juga diadakan dengan Pemegang Akaun Amanah supaya peraturan berkaitan pengendalian Akaun Amanah dipatuhi.**

## **10. PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER KERAJAAN NEGERI (SPEKS)**

Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) adalah sistem perakaunan bersepadu yang mengambil kira kemudahan dan kemajuan teknologi berkomputer terkini dan berhubung kait secara *on-line*. Ianya merupakan rangkaian sistem perakaunan berkomputer yang menyambungkan sistem di Pejabat Perbendaharaan Negeri dengan Pusat Tanggungjawab dan bank. Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri dibangunkan oleh sebuah Syarikat Swasta. Ianya dibangunkan secara berperingkat di mana pelaksanaan Fasa Pertama melibatkan Negeri Kedah dan Perlis. Negeri Pulau Pinang adalah salah satu Negeri terakhir sistem ini dibangunkan pada tahun 2003. Bagi memastikan pembangunan dan pelaksanaan sistem ini berjalan dengan lancar, wakil Jabatan Audit Negara terlibat sebagai ahli Jawatankuasa Pemandu, Teknikal dan Pelaksanaan. Peruntukan perbelanjaan menyediakan perkakasan dan kos penyelenggaraannya dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

### **10.1 OBJEKTIF PELAKSANAAN SPEKS**

Objektif SPEKS adalah untuk memperkemaskan pengurusan kewangan dan sistem perakaunan Kerajaan Negeri seperti berikut:

- i)** melicinkan dan mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan pengurusan kewangan Negeri agar dapat mengatasi kelemahan pengurusan kewangan dan perakaunan;
- ii)** penyediaan Penyata Kewangan yang sempurna dan bertepatan pada masanya;
- iii)** menjadikan Pejabat Kewangan Negeri sebagai Pusat Sumber Maklumat Kewangan Negeri;
- iv)** menyediakan Kerajaan Negeri ke era Kerajaan Elektronik; dan
- v)** menyeragamkan sistem perakaunan di semua Negeri.

## **10.2 PELAKSANAAN SPEKS**

Walaupun sistem ini dibangunkan pada tahun 2003, hanya pada tahun 2004 sistem ini mula dilaksanakan. Namun begitu, ianya masih dalam peringkat awal iaitu belum meliputi keseluruhan komponen SPEKS dan pengurusan kewangan. Komponen SPEKS yang telah dilaksanakan adalah Modul Belanjawan, Lejar Am, Modul Buku Vot dan Modul Gaji. Dua modul yang mengandungi tatacara sistem SPEKS telah dikeluarkan iaitu Modul Buku Vot dan Lejar Am untuk rujukan. Jabatan Kewangan Negeri masih giat memberi latihan kepada pegawai terlibat.

## **11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pengurusan kewangan Jabatan Kewangan Negeri/Perbendaharaan Negeri pada amnya adalah memuaskan kerana tiada kelemahan yang ketara. Bagaimanapun, Perbendaharaan Negeri perlu mengambil tindakan tegas terhadap sebilangan Pegawai Pengawal yang gagal mematuhi peraturan kewangan berkaitan hasil, perbelanjaan dan akaun amanah.

## PENGURUSAN KEWANGAN DI PERINGKAT JABATAN

### 12. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2003, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di empat Jabatan/Pejabat iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Mufti dan Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut. Adalah didapati keempat Jabatan melakukan perbelanjaan mengurus berjumlah RM7.79 juta pada tahun 2003. Manakala 2 Jabatan ada memungut hasil berjumlah RM38.98 juta dan menerima deposit berjumlah RM2.23 juta pada tahun yang sama. Butiran lanjut mengenai hasil, perbelanjaan dan deposit bagi 4 Jabatan/Pejabat adalah seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11**

#### **Jumlah Hasil, Perbelanjaan Dan Deposit Tahun 2003**

| <b>Bil.</b> | <b>Jabatan/Pejabat</b>              | <b>Hasil (RM)</b> | <b>Perbelanjaan (RM)</b> | <b>Baki Deposit (RM)</b> |
|-------------|-------------------------------------|-------------------|--------------------------|--------------------------|
| 1.          | Jabatan Perkhidmatan Veterinar      | 623,498           | 1,870,781                | 553                      |
| 2.          | Jabatan Kebajikan Masyarakat        | -                 | 3,592,576                | -                        |
| 3.          | Pejabat Mufti                       | -                 | 431,040                  | -                        |
| 4.          | Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut | 38,355,196        | 1,920,845                | 2,234,075                |
|             | <b>Jumlah</b>                       | <b>38,978,694</b> | <b>7,790,960</b>         | <b>2,234,628</b>         |

*Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara*

### 13. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Tujuan pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan dengan teratur, mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta wujud sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan hasil, perbelanjaan, amanah, deposit dan aset. Di samping itu rekod kewangan ada diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Pengauditan telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen kewangan tahun 2003. Antara rekod yang disemak adalah Buku Tunai, Penyata Pemungut, Daftar



Pemeriksaan Mengejut, Buku Vot, Pesanan Tempatan, Daftar Bil, Lejar Deposit, Daftar Harta Modal dan Inventori dan Buku Log.

## 14. PENEMUAN AUDIT

### 14.1 KAWALAN PENGURUSAN

Pihak pengurusan bertanggungjawab menentukan operasi Jabatan dijalankan dengan teratur dengan mewujudkan struktur organisasi yang lengkap dan kemas kini, menyediakan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja, latihan kepada kakitangan dan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Pemeriksaan Audit mendapati walaupun kesemua Jabatan kecuali Pejabat Mufti telah menyediakan Fail Meja tetapi ia tidak kemas kini. Selain itu, tiada kelemahan lain yang ketara berhubung dengan kawalan pengurusan. Kedudukan pematuhan terhadap kawalan pengurusan Jabatan/Pejabat adalah seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12**  
**Kedudukan Kawalan Pengurusan**

| Bil. | Jabatan/Pejabat                     | Kawalan Pengurusan |   |   |   |   |   |   |
|------|-------------------------------------|--------------------|---|---|---|---|---|---|
|      |                                     | a                  | b | c | d | e | f | g |
| 1.   | Jabatan Perkhidmatan Veterinar      | /                  | / | / | x | / | / | / |
| 2.   | Jabatan Kebajikan Masyarakat        | /                  | / | / | x | / | x | / |
| 3.   | Pejabat Mufti                       | /                  | / | x | x | / | / | / |
| 4.   | Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut | /                  | x | / | x | / | / | / |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

**Nota: / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan**

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan di semua pejabat.
- b. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini.
- c. Fail Meja disediakan bagi semua anggota.
- d. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini.
- e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan.
- f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat tiap-tiap bulan atau sekurang-kurangnya 2 bulan sekali.
- g. Latihan mengenai pengurusan kewangan diberi kepada kakitangan.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Jabatan/Pejabat perlu dipertingkatkan supaya menjadi lebih baik.**

## 14.2 KAWALAN HASIL

Arahan Perbendaharaan menetapkan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi bagi pengurusan hasil bagi memastikan kawalan dalaman yang secukupnya diwujudkan oleh Jabatan/Pejabat di mana semua pungutan dibuat dengan teratur, diperakaunkan dengan tepat serta dimasukkan ke bank dengan segera. Semakan Audit mendapati pada keseluruhannya Jabatan telah mengadakan kawalan dalaman yang memuaskan di mana pengasingan tugas memungut dan mengakaunkan wang pungutan telah dilaksanakan serta pemeriksaan pegawai penyelia terhadap rekod hasil turut dilakukan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 13**.

**Jadual 13**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Dengan Kawalan Hasil**

| Bil. | Jabatan/Pejabat                     | Peraturan Kawalan Hasil |   |   |    |   |   |    |    |   |   |
|------|-------------------------------------|-------------------------|---|---|----|---|---|----|----|---|---|
|      |                                     | a                       | b | c | d  | e | f | g  | h  | i | j |
| 1.   | Jabatan Perkhidmatan Veterinar      | /                       | / | / | /  | / | / | /  | x  | / | x |
| 2.   | Jabatan Kebajikan Masyarakat        | /                       | / | / | TB | / | x | TB | TB | / | x |
| 3.   | Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut | /                       | / | / | /  | / | / | /  | x  | / | / |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

**Nota:** / : Mematuhi    x : Tidak Mematuhi    TB : Tidak Berkenaan

- a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan.
- b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit.
- c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang.
- d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam.
- e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera.
- f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga.
- g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini.
- h. Pengesahan Laporan Hasil dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri bagi tempoh ditetapkan.
- i. Kawalan borang hasil disimpan dan dikeluarkan mengikut susunan.
- j. Pemeriksaan borang hasil sebelum dikeluarkan untuk kegunaan.

**Pada keseluruhannya, kawalan hasil Jabatan/Pejabat adalah memuaskan.**

### 14.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan semua perbelanjaan yang dibuat mempunyai peruntukan, diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa dan diperakaunkan dengan betul. Pemeriksaan Audit mendapati kedudukan secara keseluruhan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 14**.

**Jadual 14**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Kawalan Perbelanjaan**

| Bil. | Jabatan/Pejabat                     | Peraturan Kawalan Perbelanjaan |   |   |   |   |   |
|------|-------------------------------------|--------------------------------|---|---|---|---|---|
|      |                                     | a                              | b | c | d | e | f |
| 1.   | Jabatan Perkhidmatan Veterinar      | /                              | / | x | / | / | / |
| 2.   | Jabatan Kebajikan Masyarakat        | /                              | / | / | / | / | / |
| 3.   | Pejabat Mufti                       | x                              | x | x | / | / | x |
| 4.   | Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut | /                              | / | x | / | / | / |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

**Nota : / : Mematuhi**

**x : Tidak Mematuhi**

- a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab.
- b. Buku Vot disemak oleh pegawai penyelia.
- c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini.
- d. Surat kuasa untuk tandatangani baucar.
- e. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.
- f. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan.

Pemeriksaan Audit mendapati kesemua Jabatan kecuali Pejabat Mufti telah menyelenggarakan Buku Vot dengan sempurna. Kesemua peruntukan yang diterima dan perbelanjaan telah dicatat dengan kemas kini, disahkan dan ditandatangani ringkas oleh pegawai yang diberi kuasa. Kecuali Jabatan Kebajikan Masyarakat, 3 Jabatan/Pejabat lagi lewat mengemukakan penyata penyesuaian perbelanjaan bulanan kepada Perbendaharaan Negeri. Seterusnya semakan Audit juga mendapati semua Jabatan/Pejabat ada menyelenggara Daftar Bil dengan kemas kini dan disemak oleh pegawai penyelia pada tiap-tiap bulan kecuali Pejabat Mufti.

Berhubung dengan pengurusan perolehan adalah didapati ia dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan di mana perolehan secara inden kerja dan pembelian melalui pesanan tempatan adalah dibuat secara teratur.

Bagaimanapun, pemeriksaan Audit terhadap pesanan tempatan mendapati 50 salinan borang pesanan tempatan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan 37 salinan borang pesanan tempatan Pejabat Mufti tidak dicatat tarikh perakuan barang/kerja telah diterima atau dilaksana, tidak ditandatangani oleh pegawai yang menyediakan baucar dan tidak dicatat nombor baucar serta tarikh baucar disediakan.

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan Jabatan/Pejabat perlu dipertingkatkan dengan mematuhi sepenuhnya peraturan kewangan yang telah ditetapkan.**

#### **14.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT**

Akaun amanah dan deposit perlu diselenggarakan mengikut Arahan Perbendaharaan 156 hingga 163. Pada tahun 2003, baki akaun deposit Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut berjumlah RM2.23 juta manakala Jabatan Perkhidmatan Veterinar berjumlah RM553. Deposit yang diselenggara oleh Pejabat Daerah Dan Tanah adalah Deposit Tanah (RM1.70 juta), Deposit Lesen Hiburan (RM231,156) dan Deposit Pelbagai (RM296,150). Bagaimanapun, mulai tahun 2002 urusan Lesen Hiburan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Mufti tidak mengendalikan akaun deposit. Selain itu, kesemua Jabatan ada mengurus pinjaman kenderaan dan komputer kepada kakitangan yang dibiayai melalui Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Komputer.

##### **14.4.1 Pengurusan Deposit**

###### **i) Buku Tunai Deposit**

Pemeriksaan Audit mendapati Buku Tunai Deposit Tanah dan Lesen Hiburan telah diuruskan dengan teratur dan kemas kini oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut. Senarai Baki Deposit Tanah dan Deposit Lesen Hiburan pada akhir tahun 2003 berjumlah RM1.70 juta dan RM231,156 telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Audit Negara. Manakala, Jabatan Perkhidmatan Veterinar tidak

menyelenggara Buku Tunai Deposit. Bagaimanapun, Senarai Baki Deposit telah dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Audit Negara.

**ii) Penyata Penyesuaian Deposit**

Surat Pekeliling Jabatan Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 1999 menghendaki Penyata Penyesuaian Deposit dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri bagi tempoh 14 hari dari tarikh Penyata Amanah (Deposit) diterima. Pemeriksaan Audit mendapati Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar tidak mengemukakan Penyata Penyesuaian Deposit kepada Perbendaharaan Negeri.

**iii) Pewartaan Deposit**

Arahan Perbendaharaan 162 menghendaki supaya deposit yang tidak diperlukan dan tidak dituntut selepas 12 bulan hendaklah diwartakan. Sekiranya tidak dituntut 3 bulan selepas pewartaan, maka ia akan dimasukkan ke akaun hasil Kerajaan Negeri. Oleh kerana urusan Lesen Hiburan telah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, maka pada bulan September 2003, pihak Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut telah mewartakan semua baki Deposit Lesen Hiburan yang masih ditunjukkan dalam akaun.

**14.4.2 Pengurusan Pinjaman Kenderaan Dan Komputer**

Mengikut peraturan, Jabatan hendaklah menyelenggara Daftar Pinjaman Kenderaan dan Komputer untuk merekodkan butiran terimaan dan bayaran balik pinjaman. Selain itu, Ketua Jabatan perlu menyimpan salinan kad pendaftaran kenderaan, invoice pembelian dan salinan sijil insuran kenderaan berkaitan pinjaman berkenaan. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

**i) Pinjaman Kenderaan**

Pemeriksaan Audit mendapati kesemua Jabatan kecuali Jabatan Perkhidmatan Veterinar ada menyelenggara Daftar Pinjaman Kenderaan. Daftar ini kecuali Pejabat Mufti adalah kemas kini. Selain itu, pemeriksaan Audit di Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut mendapati salinan resit pembelian dan

invois bagi 7 pinjaman, salinan Kad Pendaftaran 5 pinjaman dan salinan sijil insurans bagi 10 peminjam tidak ada dalam fail peribadi kakitangan. Di Jabatan Kebajikan Masyarakat, hanya salinan insurans tidak ada dalam fail peribadi kakitangan.

**ii) Pinjaman Komputer**

Kesemua Jabatan kecuali Jabatan Perkhidmatan Veterinar ada menyelenggara Daftar Pinjaman Komputer. Bagaimanapun, Pejabat Mufti tidak merekod pembayaran balik pinjaman melalui potongan gaji bagi 4 kakitangan dalam Daftar Pinjaman Komputer. Pemeriksaan Audit mendapati Daftar Pinjaman Komputer ada diselenggarakan tetapi tidak kemas kini. Sebanyak 17 kes di Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut dan 6 kes di Jabatan Kebajikan Masyarakat salinan resit dan invois pembelian tidak difailkan dalam fail kakitangan.

**Pada pandangan Audit, pengurusan rekod dan daftar pinjaman kenderaan dan komputer perlu diperbaiki lagi supaya menjadi lebih teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.**

#### **14.5 PENGURUSAN ASET**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 menggariskan tatacara tentang penyelenggaraan daftar harta modal, inventori dan bekalan yang diperolehi untuk kegunaan Pejabat. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 15.**

**Jadual 15**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung**  
**Dengan Pengurusan Aset**

| Bil. | Jabatan/Pejabat                     | Peraturan Pengurusan Aset |   |   |   |    |   |   |   |   |
|------|-------------------------------------|---------------------------|---|---|---|----|---|---|---|---|
|      |                                     | a                         | b | c | d | e  | f | g | h | i |
| 1.   | Jabatan Perkhidmatan Veterinar      | /                         | / | / | / | TB | / | / | / | / |
| 2.   | Jabatan Kebajikan Masyarakat        | x                         | x | / | x | TB | x | x | / | x |
| 3.   | Pejabat Mufti                       | /                         | x | x | x | TB | / | / | / | x |
| 4.   | Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut | /                         | / | / | / | TB | x | x | / | x |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

**Nota:** / : Mematuhi    x : Tidak Mematuhi    TB : Tidak Berkenaan

- a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori.
- c. Aset mempunyai tanda pengenalan ' Hak Milik Kerajaan '.
- d. Verifikasi stok dijalankan.
- e. Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis.
- f. Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan/Ketua Jabatan.
- g. Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- h. Aset usang diambil tindakan pelupusan.
- i. Pelupusan aset disegerakan.

Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan Perkhidmatan Veterinar ada menyelenggara Daftar Harta Modal dan Inventori dan Buku Log kenderaan dengan lengkap dan kemas kini serta Ketua Jabatan telah mengadakan pemeriksaan fizikal dan verifikasi stok. Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Mufti tidak mengadakan pemeriksaan fizikal dan verifikasi stok. Di Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Buku Log kenderaan yang diselenggarakan adalah tidak lengkap dan kemas kini. Selain itu, semua Jabatan/Pejabat mengambil tindakan pelupusan terhadap aset yang usang.

**Pada pandangan Audit, pengurusan aset perlu diperbaiki kerana ada beberapa peraturan tidak dipatuhi.**

## 15. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Adalah didapati tahap pengurusan kewangan Jabatan/Pejabat perlu dipertingkatkan. Sungguhpun kebanyakan peraturan bagi kawalan hasil dan perbelanjaan telah dipatuhi, namun ada Jabatan/Pejabat yang tidak mematuhi

peraturan kewangan sepenuhnya terutamanya dari segi pengurusan aset. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak pengurusan meningkatkan peranan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bagi memantau secara berterusan tugas yang dijalankan oleh pegawai yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal kewangan dan perakaunan.

## **16. PROGRAM AUDIT PRESENCE**

### **16.1 LATAR BELAKANG**

Program *Audit Presence* adalah pemeriksaan terhadap Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan pada tahun itu. Keutamaan pemilihan akan diberi kepada Jabatan yang belum pernah atau tidak diaudit melebihi 3 tahun yang aktiviti utamanya mengutip hasil. Pengauditan ini meliputi aspek semakan kawalan dalaman dan pemeriksaan terhadap wang hasil dan panjar. Program ini dimulai pada tahun 2003 bertujuan seperti berikut:

- i) Sebagai langkah pencegahan daripada berlakunya kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan;
- ii) mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangan Auditi terhadap pentingnya mengurus kewangan dan harta benda dengan cermat dan berhemat; dan
- iii) memantau serta menasihati pihak auditi.

### **16.2 OBJEKTIF PROGRAM**

Objektif program ini memberi fokus terhadap elemen pengurusan kewangan iaitu kawalan hasil, perbelanjaan, pengurusan amanah dan aset serta penyelenggaraan rekod.

### **16.3 PELAKSANAAN DAN PENDEKATAN**

Pada tahun 2003, pemilihan Jabatan adalah berdasarkan Jabatan yang tidak terpilih untuk pengauditan pengurusan kewangan. Sebanyak 15 Pejabat telah dipilih di peringkat Cawangan dan Daerah. Sebelum lawatan



dibuat, auditi akan diberitahu 2 hari lebih awal bagi memaklumkan kehadiran pegawai Audit dan pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Negeri. Sebagai langkah permulaan pada tahun 2003, pengauditan hanya dijalankan terhadap rekod kewangan dan perakaunan dari aspek kawalan hasil. Perbincangan ringkas berkaitan penemuan Audit juga diadakan dengan Ketua Jabatan atau pegawai kanan.

#### 16.4 PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhan kawalan hasil di 8 daripada 13 Jabatan/Pejabat adalah tidak memuaskan kecuali 5 Jabatan/Pejabat sahaja yang mempunyai kawalan hasil yang memuaskan. Kawalan perbelanjaan bagi 2 daripada 3 Jabatan yang diperiksa adalah memuaskan, iaitu Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Manakala, pengurusan aset di Jabatan Kerja Raya adalah tidak memuaskan. Kedudukan secara ringkas pematuhan peraturan kewangan Jabatan/Pejabat yang dilawati adalah seperti di **Jadual 16**.

**Jadual 16**  
**Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan**

| Bil.          | Jabatan/Pejabat                                  | Bil. Pejabat Dilawati | Kawalan Hasil |          | Kawalan Perbelanjaan |          | Pengurusan Aset |          |
|---------------|--|-----------------------|---------------|----------|----------------------|----------|-----------------|----------|
|               |  |                       | M             | TM       | M                    | TM       | M               | TM       |
| 1.            | Pejabat Agama Daerah                             | 3                     | 3             | 0        | TB                   | TB       | TB              | TB       |
| 2.            | Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Barat Daya | 1                     | 0             | 1        | TB                   | TB       | TB              | TB       |
| 3.            | Pejabat Hutan Daerah                             | 4                     | 0             | 4        | TB                   | TB       | TB              | TB       |
| 4.            | Jabatan Pengairan Dan Saliran                    | 1                     | 0             | 1        | TB                   | TB       | TB              | TB       |
| 5.            | Pejabat Pertanian Daerah Barat Daya              | 1                     | 1             | 0        | TB                   | TB       | TB              | TB       |
| 6.            | Jabatan Kerja Raya                               | 2                     | TB            | TB       | 1                    | 0        | 0               | 1        |
| 7.            | Jabatan Kebajikan Masyarakat                     | 1                     | 0             | 1        | 1                    | 0        | TB              | TB       |
| 8.            | Jabatan Bekalan Air                              | 1                     | 0             | 1        | 0                    | 1        | TB              | TB       |
| 9.            | Jabatan Kebun Bunga                              | 1                     | 1             | 0        | TB                   | TB       | TB              | TB       |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>15</b>             | <b>5</b>      | <b>8</b> | <b>2</b>             | <b>1</b> | <b>0</b>        | <b>1</b> |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

**Nota: M= Memuaskan TM = Tidak Memuaskan**

**TB= Tidak Berkenaan (semakan tidak dibuat)**

## 16.5 KELEMAHAN YANG DIKENALPASTI

Pemeriksaan Audit dijalankan terhadap 19 elemen kawalan hasil, perbelanjaan dan aset yang merangkumi perkara seperti berikut:

- i)** resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai berasingan;
- ii)** semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit;
- iii)** kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang;
- iv)** notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam;
- v)** kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera;
- vi)** pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga;
- vii)** penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini;
- viii)** transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab;
- ix)** buku Vot disemak oleh pegawai penyelia;
- x)** penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini;
- xi)** maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap;
- xii)** surat kuasa untuk tandatangan Pesanan Kerajaan;
- xiii)** daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini;
- xiv)** daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan;
- xv)** daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini;
- xvi)** pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori;
- xvii)** aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan';
- xviii)** aset usang diambil tindakan pelupusan;
- xix)** pelupusan aset disegerakan.

Butiran secara terperinci tahap pematuhan peraturan kewangan berkaitan 19 elemen kawalan hasil di Jabatan/Pejabat adalah seperti berikut:

- i)** pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga tidak dijalankan bagi 11 Jabatan/Pejabat;
- ii)** penyata Penyesuaian Hasil bagi Pejabat Agama Daerah Seberang Perai Tengah tidak disediakan dengan betul dan kemas kini;

- iii) notis mengenai keperluan meminta resit di 6 Jabatan/Pejabat tidak dipamerkan untuk pengetahuan awam;
- iv) sebanyak 7 Pejabat tidak mematuhi peraturan yang menghendaki resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai berasingan;
- v) semakan harian Buku Tunai dan resit tidak dijalankan oleh pegawai bertanggungjawab di 3 Pejabat;
- vi) kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang tidak diberi oleh 5 Jabatan/Pejabat;
- vii) Jabatan Bekalan Air tidak menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dengan lengkap dan kemas kini;
- viii) Jabatan Bekalan Air tidak mematuhi peraturan di mana surat kuasa untuk tandatangan Pesanan Kerajaan tidak dikeluarkan, Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta diperiksa oleh pegawai kanan;
- ix) Jabatan Kerja Raya Bahagian Mekanikal tidak membuat pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan inventori, aset tidak di tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'. Selain itu, tindakan pelupusan juga tidak diambil terhadap aset yang usang, rosak dan tidak digunakan.

## **16.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Kelemahan yang wujud dalam kawalan hasil, perbelanjaan dan pengurusan aset dapat diatasi melalui pemantauan berterusan oleh Pegawai Pengawal. Selain itu, pihak pengurusan perlu memberi perhatian terhadap kursus dan latihan berkaitan pengurusan kewangan kepada pegawai terlibat dengan pengurusan wang dan aset Jabatan/Pejabat. Ini adalah kerana kebanyakan kakitangan di peringkat Pejabat di cawangan dan daerah menjalankan tugas pengurusan kewangan seperti mengutip wang hasil adalah berjawatan teknikal seperti Renjer Hutan, Pembantu Veterinar dan Juruteknik. Oleh itu kakitangan ini tidak didedahkan atau tidak menyedari undang-undang dan peraturan kewangan.

## **17. PROGRAM ANAK ANGKAT**

### **17.1 LATAR BELAKANG**

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta undang-undang lain yang berkaitan telah menetapkan bahawa Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan kedudukan Penyata Kewangan serta aktiviti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan adalah didapati bahawa kelemahan yang sama bagi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Kerajaan masih berlaku. Sehubungan ini, bermula tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah memutuskan untuk membantu Jabatan/Agensi berkenaan dengan melaksanakan Program Anak Angkat.

Melalui program ini, Jabatan Audit Negara mengambil langkah yang lebih sistematik untuk membantu Jabatan dan Agensi yang bermasalah dalam pengurusan kewangannya. Ini selaras dengan visi Jabatan Audit Negara iaitu menjadi penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam.

### **17.2 OBJEKTIF PROGRAM**

Program ini bertujuan membantu Jabatan dan Agensi memantapkan pengurusan kewangan dengan cara memberi bimbingan dan nasihat bagi memperbaiki segala kelemahan yang berlaku terutamanya berhubung dengan penyelenggaraan rekod perakaunan.

### **17.3 PELAKSANAAN / PENDEKATAN**

Pelaksanaan/pendekatan Program Anak Angkat adalah seperti berikut:

#### **17.3.1 Kaedah Pemilihan Jabatan Dan Agensi**

Kriteria terhadap pemilihan Jabatan dan Agensi sebagai Anak Angkat adalah Jabatan dan Agensi yang mempunyai ruang untuk

memantapkan pengurusan kewangannya. Jabatan dan Agensi berkenaan boleh dikenal pasti melalui:

- i) pemerhatian Audit yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam di pejabat Perbendaharaan Negeri;
- ii) aduan awam melalui media dan juga sumber tertentu seperti Biro Pengaduan Awam; dan
- iii) cadangan Ketua Jabatan atau Agensi yang menunjukkan minat dan inisiatif untuk memperbaiki kelemahan pengurusan kewangannya.

### **17.3.2 Jabatan Dan Agensi Yang Dipilih**

Pada tahun 2003, sebanyak 4 Jabatan dan Agensi telah dipilih di bawah program ini. Jabatan dan Agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

- i) Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut;
- ii) Jabatan Pertanian Negeri;
- iii) Majlis Sukan Negeri; dan
- iv) Majlis Perbandaran Seberang Perai.

### **17.3.3 Tatacara Pelaksanaan**

Tatacara pelaksanaan Program Anak Angkat adalah seperti berikut:

- i) Setiap pejabat yang dipilih akan dimaklumkan kepada Ketua Jabatan dan Agensi secara bertulis dan seterusnya disusuli dengan *entrance conference*. Bagi mengenal pasti masalah pengurusan kewangan dan puncanya, penilaian secara menyeluruh dibuat terhadap kawalan dalaman Jabatan dan Agensi yang merangkumi kawalan hasil, perbelanjaan, amanah dan kawalan aset dan inventori. Program ini akan ditamatkan selepas Jabatan Audit Negara berpuas hati Jabatan dan Agensi telah berjaya menguruskan kewangan dan rekod perakaunan dengan teratur dan kemas kini bagi tempoh 1 tahun.

- ii) Daripada penilaian di atas serta pemerhatian yang pernah dibangkitkan sebelum ini dan temu bual dengan pihak pengurusan, kelemahan yang serius akan dibangkitkan dengan Ketua Jabatan berkenaan. Kelemahan ini akan dibincang bersama pihak pengurusan Jabatan serta pihak Audit mencadangkan langkah pembetulan atau pembaikan yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi.
- iii) Bagi membantu pejabat berkenaan membetulkan kelemahan yang berlaku, Jabatan Audit Negara telah mengambil tindakan berikut:
  - a) memberi latihan secara teori dan praktikal kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan pejabat;
  - b) memberi input kepada pejabat bagi menyediakan panduan kerja yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan; dan
  - c) memantau kemajuan pelaksanaan, kerja pembetulan dan memastikan bahawa kerja tersebut dilaksanakan dengan teratur secara berterusan. Bagi tujuan pemantauan, lawatan ke pejabat berkenaan telah dibuat dari semasa ke semasa sekurang-kurangnya tiap-tiap 3 bulan satu kali dalam tempoh satu tahun.

Selagi masih wujud kelemahan yang *material* dan ada tindakan positif daripada Jabatan, status Anak Angkat akan dikekalkan. Program ini akan ditamatkan selepas Jabatan Audit Negara berpuas hati bahawa Jabatan terbabit telah berjaya menguruskan rekod perakaunan dengan teratur dan kemas kini dalam tempoh satu tahun dari tarikh program ini bermula.

#### **17.4 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI**

Hasil daripada penilaian terhadap kawalan dalaman di 4 Jabatan dan Agensi yang terlibat secara keseluruhannya mendapati kelemahan pengurusan kewangan adalah berkisar kepada 4 perkara berikut:

- i) kegagalan Jabatan menyimpan rekod perakaunan;
- ii) rekod perakaunan yang tidak dikemas kini;
- iii) ketidakpatuhan terhadap tatacara perakaunan; dan
- iv) ketidakpatuhan kepada undang-undang.

Seterusnya Jabatan Audit Negara telah mengenal pasti punca kelemahan yang timbul. Adalah didapati secara keseluruhannya Jabatan dan Agensi yang terlibat sama ada tidak kemas kini atau tidak mempunyai garis panduan seperti Manual Prosedur Kerja atau Fail Meja, kakitangan yang tidak mencukupi, senarai tugas yang tidak jelas, kakitangan tidak mempunyai ilmu dalam bidang kewangan, kakitangan yang tidak diberi latihan dan kurang atau tiada penyeliaan daripada pegawai penyelia.

#### **17.5 TINDAKAN PEMBETULAN YANG DIAMBIL**

Jabatan dan Agensi yang terlibat telah menunjukkan komitmen untuk berusaha memperbaiki kelemahan yang telah dikenal pasti melalui syor dan nasihat daripada Jabatan Audit Negara. Antara tindakan pembetulan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi adalah seperti berikut;

- i) menyedia dan mengemas kini Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja;
- ii) mengkaji dan menyemak senarai tugas;
- iii) menyedia dan mengemas kini rekod perakaunan; dan
- iv) mengenal pasti kakitangan dan menghantar mereka mengikuti latihan dan kursus berkaitan dengan kerja masing-masing.

#### **17.6 PENCAPAIAN**

Adalah didapati 4 Jabatan dan Agensi yang dipilih menjadi Anak Angkat telah dan sedang mengambil tindakan terhadap teguran dan kelemahan yang dibangkitkan secara positif. Jabatan dan Agensi juga memahami tanggungjawab mereka untuk terus mematuhi peraturan kewangan. Oleh itu, adalah wajar program ditamatkan kerana Jabatan dan Agensi telah berjaya menguruskan kewangan dan rekod perakaunan dengan teratur dan kemas kini.

## **17.7 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada pandangan Audit program Anak Angkat berjaya membantu Jabatan dan Agensi membaiki kelemahan menguruskan kewangan dan rekod perakaunan. Melalui tunjuk ajar dan bimbingan, Jabatan Audit Negara yakin kelemahan yang sering dibangkitkan dapat diatasi.



## BAHAGIAN III

### AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS

#### 18. PENDAHULUAN

Seksyen 6, Akta Audit 1957 menghendaki Jabatan Audit Negara mengaudit program dan aktiviti Jabatan Kerajaan Negeri. Pengauditan ini bertujuan untuk menilai sama ada sesuatu program atau aktiviti telah dijalankan dengan cekap dan berhemat. Bagi tujuan ini, empat aktiviti bagi 4 Jabatan telah dikaji. Empat aktiviti yang dikaji ialah Pengurusan Projek Naik Taraf Jalan Negeri, Pengurusan Pemberimilikan Tanah, Pembangunan Pelancongan Bukit Bendera dan Pengurusan Penyenggaraan Saliran. Pemerhatian Audit mengenai kajian tersebut telah dimaklumkan kepada semua Ketua Jabatan terlibat. Penemuan Audit yang penting hasil dari kajian tersebut dimuat di **Bahagian** ini.

#### JABATAN KERJA RAYA

#### PENGURUSAN PROJEK NAIK TARAF JALAN NEGERI

#### 19. LATAR BELAKANG

Jabatan Kerja Raya Negeri (Jabatan) adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan pembinaan dan penyenggaraan jalan bagi pihak Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Pulau Pinang. Sehingga akhir tahun 2003, rangkaian jalan Negeri di Pulau Pinang adalah sepanjang 1,353 kilometer. Jabatan menjalankan projek naik taraf jalan sebagai satu langkah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan sedia ada dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan sistem rangkaian jalan Negeri. Projek ini melibatkan beberapa komponen iaitu naik taraf jalan sedia ada dan persimpangan jalan, membina jambatan/pembentung, lampu jalan, sistem perparitan dan papan tanda jalan raya. Tumpuan secara berterusan diberikan bagi kerja naik taraf jalan raya daripada satu lorong sehala (*single-carriageway*) menjadi dua lorong sehala (*dual-carriageway*). Kerajaan Negeri telah

menyediakan peruntukan pembangunan berjumlah RM145.52 juta untuk melaksanakan projek naik taraf jalan bagi tempoh RMK8 (2001 hingga 2005).

## **20. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif kajian Audit adalah untuk menentukan sama ada projek naik taraf jalan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang ditetapkan.

## **21. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop pengauditan tertumpu kepada projek naik taraf jalan Negeri Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Kajian ini tidak termasuk kerja penyenggaraan jalan yang dibiayai daripada peruntukan perbelanjaan mengurus. Pihak Audit telah memilih 3 projek naik taraf jalan untuk dikaji secara terperinci iaitu Projek Melebarkan Jambatan Di atas Lebuhraya Utara Selatan, Projek Pemasangan Lampu Isyarat Dan Naik Taraf Persimpangan Jalan Sungai Dua/Pengkalan Machang dan Projek Naik Taraf Persimpangan Jalan Paya Terubong. Pemilihan 3 projek ini dibuat kerana melibatkan perbelanjaan yang besar iaitu berjumlah RM11.28 juta dan dijalankan secara tender. Pengauditan dilakukan di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang, Jabatan Kerja Raya Daerah Seberang Perai Utara dan Jabatan Kerja Raya Daerah Timur Laut dengan memeriksa fail berkaitan perancangan projek, pemilihan kontraktor, dokumen kontrak, rekod kewangan dan fail pengurusan serta pemantauan projek. Selain itu, perbincangan dengan pegawai Jabatan dan lawatan serta pemeriksaan ke tapak projek juga dilakukan.

## **22. PENEMUAN AUDIT**

### **22.1 PERANCANGAN**

Bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan bandar, Kajian Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia pada tahun 1999. Kajian tersebut telah mencadangkan beberapa perkara berkaitan

polisi, strategi dan langkah pembaikan bagi meningkatkan kecekapan dan keselamatan jalan raya. Melalui kajian ini, Jabatan telah merangka projek pembangunan jalan termasuk projek naik taraf jalan. Perancangan projek naik taraf jalan meliputi perkara berikut:

#### **22.1.1 Sistem Penjadualan Yang Bersepadu**

Sistem ini merupakan sistem berkomputer yang diperkenalkan oleh Jabatan untuk merancang dan memantau pelaksanaan projek naik taraf jalan. Melalui sistem ini, bagi projek yang disenaraikan, Jabatan akan menyediakan ringkasan maklumat kewangan, jadual perancangan dan pelaksanaan projek. Ia meliputi aktiviti penentuan tapak, pengambilan tanah, ringkasan projek, reka bentuk, tawaran, ambil alih tapak, penyediaan tapak, kerja binaan, kemudahan dan penyerahan projek.

#### **22.1.2 Kriteria Pemilihan Jalan Untuk Naik Taraf**

Jabatan akan menentukan pemilihan jalan dan jambatan untuk dinaik taraf semasa Rancangan Tahunan Jabatan. Bahagian Jalan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Daerah tidak mempunyai piawaian dan panduan teknikal tertentu bagi menilai jalan yang akan dinaik taraf. Maklumat yang diambil kira bagi memilih jalan untuk dinaik taraf adalah seperti berikut:

- i)** Aduan secara bertulis dan lisan yang diterima daripada orang awam dan wakil rakyat.
- ii)** Laporan polis terhadap jalan yang sering berlaku kemalangan.
- iii)** Cadangan daripada Jawatankuasa Kerja Raya Kemudahan Awam Dan Pengangkutan. Jawatankuasa ini terdiri daripada Ahli Dewan Undangan Negeri, Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Berkuasa Air, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan agensi swasta.
- iv)** Laporan *Street Survey* yang dibuat oleh kakitangan Jabatan.
- v)** Bancian lalu lintas oleh Jabatan untuk mengenal pasti jalan yang perlu dinaik taraf.

**Pada pendapat Audit, Jabatan perlu membuat penilaian teknikal bagi memilih jalan untuk dinaik taraf.**

### **22.1.3 Perancangan Pengambilan Tanah**

Projek naik taraf jalan seperti melebar jalan sedia ada atau jambatan boleh dijalankan di tanah/tapak sedia ada dan ada kalanya memerlukan pengambilan tanah. Penghuni di kawasan terbabit terdiri daripada pemilik tanah yang sah dan penduduk setinggan. Jabatan telah mengenal pasti 2 projek naik taraf jalan iaitu Projek Pemasangan Lampu Isyarat Dan Naik Taraf Persimpangan Jalan Sungai Dua/Pengkalan Machang Daerah Seberang Perai Utara dan Projek Naik Taraf Persimpangan Jalan Paya Terubong Daerah Timur Laut akan melibatkan pengambilan tanah kawasan sekitar. Pihak Audit mendapati Jabatan ada merancang pengambilan tanah di kawasan yang terlibat sebelum projek dimulakan.

### **22.1.4 Kaedah Pelaksanaan Projek Naik Taraf Jalan**

Projek naik taraf jalan akan dilaksanakan oleh kontraktor berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam peraturan kewangan seperti berikut:

- i)** Bagi projek yang kosnya kurang daripada RM200,000, pelawaan secara sebut harga akan dibuat kepada 5 syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- ii)** Bagi projek yang kosnya melebihi RM200,000 akan dibuat secara tender terbuka.
- iii)** Secara rundingan terus iaitu tidak ditenderkan.

Pemeriksaan Audit ke atas 3 projek naik taraf jalan mendapati pelaksanaan Projek Melebarkan Jambatan Di atas Lebuhraya Utara Selatan dan Projek Pemasangan Lampu Isyarat Dan Naik Taraf Persimpangan Jalan Sungai Dua/Pengkalan Machang dirancang melalui kaedah tender terbuka manakala Projek Naik Taraf Persimpangan Jalan Paya Terubong akan ditawarkan secara rundingan terus.

### 22.1.5 Anggaran Kos Projek

Penyediaan anggaran kos projek naik taraf jalan dibuat oleh Jabatan Kerja Raya Daerah dan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya. Anggaran ini akan dikemukakan kepada Unit Pembangunan Ekonomi Negeri untuk penilaian dan kelulusan. Pemeriksaan Audit mendapati anggaran kos yang dipohon bagi 3 projek naik taraf jalan dirancang semasa RMK7 dan RMK8 adalah berjumlah RM 27.30 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 17**.

**Jadual 17**  
**Anggaran Kos Projek Naik Taraf Jalan**

| Bil.          | Projek  | Anggaran Kos (RM Juta) |
|---------------|---|------------------------|
| 1.            | Projek Melebarkan Jambatan Di atas Lebuhraya Utara Selatan, Daerah Seberang Perai Utara                                     | 20.00                  |
| 2.            | Projek Pemasangan Lampu Isyarat Dan Naik Taraf Persimpangan Jalan Sungai Dua/Pengkalan Machang, Daerah Seberang Perai Utara | 3.00                   |
| 3.            | Projek Naik Taraf Persimpangan Jalan Paya Terubong, Daerah Timur Laut   | 4.30                   |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>27.30</b>           |

*Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya*

**Pada pendapat Audit, anggaran kos telah disediakan dengan menyeluruh bagi projek naik taraf jalan.**

### 22.1.6 Struktur Organisasi

Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang dibahagikan kepada 7 bahagian iaitu Bahagian Jalan, Bahagian Bangunan, Bahagian Elektrik, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Bahagian Mekanikal, Bahagian Arkitek dan Bahagian Pentadbiran. Setiap Cawangan Jabatan Kerja Raya Daerah iaitu Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan diketuai oleh seorang Jurutera Daerah.

Bahagian Jalan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah Jalan. Bagi Unit Pembangunan, beliau dibantu oleh seorang Jurutera Awam, dua orang Pembantu Teknik dan 3 Juruteknik. Di peringkat Daerah pula, Bahagian Jalan, Jabatan Kerja Raya Daerah diketuai oleh Jurutera Awam yang bertanggungjawab kepada Jurutera Daerah.

**Pada pendapat Audit, kedudukan struktur organisasi dan guna tenaga yang disediakan oleh Jabatan adalah baik.**

#### **22.1.7 Latihan Kakitangan**

Salah satu cara bagi meningkatkan kemahiran kakitangan Jabatan adalah dengan merancang kursus secara berterusan bagi semua kakitangan mengikut jawatan dan bidang tugas. Bahagian Jalan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya tidak menyediakan rancangan kursus berkaitan jalan kepada kakitangan pada tahun 2001 tetapi merancang sebanyak 15 kursus pada tahun 2002 dan 16 kursus pada tahun 2003 seperti di **Jadual 18**.

**Jadual 18**  
**Kursus Yang Dirancang Untuk Kakitangan**  
**Bahagian Jalan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya**  
**Pada Tahun 2002 dan 2003**

| Bil. | Kursus Yang Dirancang              | Tahun / Bil. Kursus |           |
|------|------------------------------------|---------------------|-----------|
|      |                                    | 2002                | 2003      |
| 1.   | <i>Bailey Bridge</i>               | 1                   |           |
| 2.   | Bengkel ISO 9001                   | 1                   |           |
| 3.   | Kesedaran ISO 14000                | 1                   |           |
| 4.   | Pengurusan Projek                  | 1                   | 1         |
| 5.   | Pengurusan Trafik                  | 1                   |           |
| 6.   | <i>Critical Path Method</i>        | 1                   |           |
| 7.   | Ujian Beban                        | 1                   |           |
| 8.   | Ukur Aras                          | 1                   |           |
| 9.   | Reka Bentuk Jalan                  | 1                   |           |
| 10.  | Perancangan Tanah                  | 1                   |           |
| 11.  | Ukur Trabas                        | 1                   |           |
| 12.  | Bengkel Proses Pelan               | 1                   |           |
| 13.  | Perlantikan Cerucuk                | 1                   |           |
| 14.  | Ujian Tanah                        | 1                   |           |
| 15.  | <i>Asphaltic Concrete</i>          | 1                   |           |
| 16.  | Penggunaan ISO 9001                |                     | 1         |
| 17.  | Pentadbiran Kontrak                |                     | 1         |
| 18.  | Kerja Pengkonkritan                |                     | 1         |
| 19.  | Asas Bangunan                      |                     | 1         |
| 20.  | Asas Jalan                         |                     | 2         |
| 21.  | Penggunaan <i>Auto Card</i> Asas   |                     | 2         |
| 22.  | Kerja <i>Pavement</i>              |                     | 1         |
| 23.  | Penggunaan <i>Microsoft</i> Projek |                     | 1         |
| 24.  | Asas Siasatan Tanah                |                     | 1         |
| 25.  | Penyediaan Dokumen Tender          |                     | 1         |
| 26.  | Penyediaan Borang Kontrak          |                     | 1         |
| 27.  | Kefahaman Borang JKR 203           |                     | 1         |
| 28.  | Kerja Tanah                        |                     | 1         |
|      | <b>Jumlah</b>                      | <b>15</b>           | <b>16</b> |

Sumber: Bahagian Pentadbiran, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya

**Pada pendapat Audit, kursus dan latihan yang dirancang oleh Jabatan adalah bersesuaian dengan keperluan kakitangan.**

**Pada pandangan Audit, Jabatan Kerja Raya telah merancang projek naik taraf jalan dengan baik. Bagaimanapun, Jabatan tidak menetapkan piawaian teknikal bagi pemilihan jalan yang akan dinaik taraf.**

## **22.2 PELAKSANAAN**

Sesuatu projek yang dirancang perlu dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan. Di peringkat pelaksanaan projek naik taraf jalan, pihak Audit mendapati perkara berikut:

### **22.2.1 Pengambilan Tanah**

Bagi melaksanakan projek naik taraf jalan yang melibatkan pengambilan tanah, Jabatan Kerja Raya perlu memohon tanah kepada Pejabat Daerah Dan Tanah. Prosedur pengambilan tanah daripada pemilik tanah dibuat berdasarkan Akta Pengambilan Tanah 1960. Penduduk setinggan di kawasan tapak projek akan dipindahkan ke kawasan lain melalui Dasar Penempatan Semula Setinggan. Pemeriksaan Audit terhadap 2 projek naik taraf jalan yang melibatkan pengambilan tanah mendapati perkara berikut:

#### **i) Projek Pemasangan Lampu Isyarat dan Naik Taraf Persimpangan Jalan Sungai Dua/Pengkalan Machang, Seberang Perai Utara**

Persimpangan Sungai Dua/Pengkalan Machang merupakan laluan utama ke Bukit Mertajam dan Tasek Gelugor di Seberang Perai Utara. Kesesakan berlaku di persimpangan ini disebabkan jalan yang sempit dan ketiadaan lampu isyarat. Cadangan pelebaran jalan, pemasangan lampu isyarat dan pembinaan jejantas dibuat untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan untuk kemudahan pejalan kaki. Sebanyak 8 lot tanah milik individu dan 2 lot tanah Kerajaan terlibat dengan kerja naik taraf persimpangan Jalan Sungai Dua/Pengkalan Machang. Jabatan telah memohon pengambilan tanah pada akhir bulan Julai 1999 kepada Pejabat Daerah Dan Tanah,



Seberang Perai Utara. Notis Tanah Telah Diambil Milik hanya dikeluarkan pada pertengahan bulan Februari 2003. Bayaran pampasan sejumlah RM581,003 telah dibayar kepada pemilik tanah dan orang yang berkepentingan ke atas tanah berkenaan. Pemeriksaan Audit mendapati projek ini telah diserahkan kepada kontraktor pada awal bulan Januari 2002 sebelum proses pengambilan tanah selesai. Oleh yang demikian, kontraktor tidak dapat memulakan kerja di tanah milik individu yang belum dibuat pengambilan.

**ii) Projek Naik Taraf Persimpangan Jalan Paya Terubong di Daerah Timur Laut**

Projek ini merupakan salah satu projek yang telah dirancang melalui Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) bagi mengimbangi keperluan pengguna jalan raya berikutan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan pesat di kawasan Paya Terubong dan kawasan sekitarnya. Pada pertengahan bulan Oktober 1997, Jabatan telah memohon pengambilan 1 lot tanah milik individu di Mukim 13, Daerah Timur Laut. Projek ini juga melibatkan kawasan rizab jalan yang diduduki 16 keluarga setinggan. Notis Tanah Telah Diambil Milik hanya dikeluarkan pada awal bulan Jun 1999 bagi 1 lot tanah individu. Pampasan berjumlah RM269,590 telah dijelaskan sebagai bayaran *ex-gratia* kepada 16 individu yang menduduki tanah Pihak Berkuasa Tempatan. Pemeriksaan Audit mendapati semasa projek ini diserahkan kepada kontraktor pada pertengahan bulan Disember 1998, pemindahan penduduk setinggan di kawasan rizab jalan belum selesai. Projek ini ditender semula pada pertengahan bulan Oktober 2001. Kontraktor tidak dapat menjalankan kerja pembinaan jalan kerana rumah setinggan dan rumah kediaman belum dirobuhkan. Rumah kediaman penduduk setinggan hanya dirobuhkan pada pertengahan bulan Mei 2003.

**Pada pandangan Audit, Jabatan Kerja Raya perlu mendapatkan tanah yang terlibat dengan projek naik taraf jalan sebelum projek diserahkan kepada kontraktor.**

#### **22.2.2 Pemilihan Kontraktor**

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2001, semua perolehan sama ada kerja, bekalan atau perkhidmatan yang bernilai RM50,000 hingga RM200,000 perlu ditawarkan secara sebut harga manakala kerja yang nilainya melebihi RM200,000 hendaklah dipelawa secara tender. Penilaian tender dan pemilihan kontraktor adalah berdasarkan kepada kesempurnaan tender, kecukupan dokumen wajib, kedudukan kewangan dan prestasi kontraktor. Pemeriksaan Audit terhadap 3 projek naik taraf jalan yang ditawarkan secara tender mendapati perkara berikut:

##### **i) Projek Melebarkan Jambatan Di atas Lebuhraya Utara Selatan, Seberang Perai Utara**

Seramai 27 penender telah menyertai tender bagi projek ini serta menawarkan harga antara RM7.27 juta dan RM13.13 juta berbanding anggaran Jabatan berjumlah RM9.55 juta. Penilaian untuk pemilihan kontraktor adalah berdasarkan peraturan penilaian tender bagi projek besar yang melebihi RM5 juta. Penender ke 6 telah berjaya dalam tawaran tender dengan nilai tender berjumlah RM8.50 juta dan tempoh siap kerja adalah 78 minggu. Pemeriksaan Audit mendapati pemilihan kontraktor telah dibuat berdasarkan peraturan yang ditetapkan iaitu diproses melalui Jawatankuasa Pembuka Tender, Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Lembaga Perolehan Negeri. Lembaga telah bersetuju menerima kontraktor ini kerana kedudukan kewangan yang kukuh serta mempunyai pengalaman melaksanakan projek di bawah pengawasan Jabatan.

**ii) Projek Pemasangan Lampu Isyarat Dan Naik Taraf Persimpangan Jalan Sungai Dua/Pengkalan Machang, Seberang Perai Utara**

Bagi projek ini, sebelas syarikat telah menyertai tender dan menawarkan harga antara RM1.85 juta dan RM3.41 juta berbanding anggaran Jabatan berjumlah RM2.42 juta. Keutamaan diberi kepada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor. Pemeriksaan Audit mendapati proses pemilihan kontraktor telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan. Lembaga Perolehan Negeri telah bersetuju menerima tender daripada kontraktor yang menawarkan harga tender berjumlah RM2.25 juta dengan tempoh siap kerja selama 28 minggu.

**iii) Projek Naik Taraf Persimpangan Jalan Paya Terubong Daerah Timur Laut**

Tawaran tender bagi projek ini telah disertai oleh 9 penender yang menawarkan harga antara RM2.54 juta dan RM3.41 juta. Lembaga Perolehan Negeri telah bersetuju menerima penender ke 6 dengan nilai tender paling rendah berjumlah RM2.54 juta berbanding anggaran Jabatan berjumlah RM3.09 juta. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati pemilihan kontraktor oleh Lembaga Perolehan Negeri tidak selari dengan perakuan tender oleh Jabatan. Kontraktor ini tidak diperakukan oleh Jabatan kerana kurang pengalaman dan tidak mempunyai loji dan kakitangan teknikal yang mencukupi. Akibatnya projek ini tidak dapat disiapkan pada bulan Disember 1999 mengikut perjanjian kontrak. Projek ini telah ditawarkan semula secara rundingan terus kepada kontraktor lain yang mempunyai pengalaman dan kepakaran teknikal untuk menyiapkan kerja yang tertinggal dengan nilai tender sejumlah RM2.82 juta dan tempoh siap kerja selama 48 minggu.

**Pada pendapat Audit, pemilihan kontraktor bagi 3 projek adalah memuaskan. Bagaimanapun pemilihan kontraktor bagi 1 projek adalah tidak memuaskan.**

### **22.2.3 Pencapaian Projek**

Pencapaian sesuatu projek naik taraf jalan diukur berdasarkan pematuhan syarat kontrak, tempoh siap kerja, perbelanjaan sebenar projek berbanding anggaran kos dan kualiti projek mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Penemuan Audit adalah seperti berikut:

#### **i) Projek Melebarkan Jambatan Di Atas Lebuhraya Utara Selatan Di Jalan Bertam, Seberang Perai Utara**

Projek ini ditawarkan kepada kontraktor pada pertengahan bulan November 2001 dengan nilai kontrak berjumlah RM8.50 juta. Projek pelebaran jambatan sepanjang 1.71 kilometer ini dijangka siap pada bulan Mei 2002, tetapi telah dilanjutkan tempoh 2 kali sehingga pertengahan bulan Januari 2004. Pemeriksaan Audit pada akhir bulan Januari 2004 mendapati Sijil Lanjutan Masa kedua belum dikeluarkan walaupun permohonan lanjutan masa telah dibuat oleh kontraktor pada bulan November 2003. Kelewatan ini akan menimbulkan kesulitan kepada pihak kontraktor dan Kerajaan Negeri sekiranya tindakan undang-undang diambil terhadap kontraktor. Prestasi kemajuan fizikal projek pada akhir bulan Disember 2003 ialah 90% dan bayaran kemajuan sejumlah RM7.12 juta telah dibayar kepada kontraktor. Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan mengambil masa antara 1 hingga 4 bulan untuk menilai kerja yang dilaksanakan sebelum bayaran dibuat kepada kontraktor. Projek ini lewat disiapkan 8 bulan daripada jadual asal.

#### **ii) Projek Pemasangan Lampu Isyarat Dan Naik Taraf Persimpangan Jalan Sungai Dua/Pengkalan Machang, Seberang Perai Utara**

Projek ini telah ditawarkan kepada kontraktor pada awal bulan Januari 2002 dengan harga kontrak berjumlah RM2.25 juta. Mengikut perjanjian kontrak, projek ini dijangka siap pada pertengahan bulan Ogos 2002. Bagaimanapun, kontraktor telah memohon 3 lanjutan masa selama 10 bulan. Pemeriksaan Audit mendapati lanjutan masa yang dipohon telah diperakukan oleh Jurutera Daerah dan mendapat

kelulusan daripada Pegawai Penguasa. Selain itu, kontraktor telah mengambil tindakan melanjutkan tempoh polisi liabiliti awam dan polisi insurans kerja mulai tarikh luput sehingga ke tarikh lanjutan masa. Mengikut peraturan, penilaian bayaran kemajuan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya satu bulan sekali. Pegawai Penguasa perlu membuat penilaian dan menyediakan borang perakuan bayaran interim bagi tempoh 14 hari dari tarikh penilaian dibuat. Sehingga akhir bulan Disember 2003, sejumlah RM1.92 juta telah dibayar kepada kontraktor. Pihak Audit tidak dapat menentukan perakuan bayaran disediakan mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu 14 hari dari tarikh penilaian oleh Jabatan kerana tarikh perakuan bayaran tidak dicatat. Perakuan siap kerja telah dikeluarkan pada pertengahan bulan Jun 2003 dan projek ini lewat disiapkan 10 bulan daripada jadual asal. **Foto 1** menunjukkan jalan dan persimpangan yang telah dinaik taraf daripada 1 lorong sehalu menjadi 2 lorong sehalu.

### Foto 1

#### Projek Pemasangan Lampu Isyarat Dan Naik Taraf Persimpangan Jalan Sungai Dua/Pengkalan Machang



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 13 Ogos 2003

**iii) Projek Naik Taraf Persimpangan Jalan Paya Terubong Di Lone Pine, Daerah Timur Laut**

Projek ini telah dimulakan pada pertengahan bulan Disember 1998 dengan nilai kontrak berjumlah RM2.54 juta. Kontraktor yang dipilih gagal menyiapkan projek kerana tiada pengalaman, kemudahan dan kakitangan teknikal yang mencukupi. Akibatnya, kontrak ini ditamatkan pada bulan Ogos 2001 dengan kemajuan kerja hanya mencapai 25%. Pemeriksaan Audit mendapati bayaran pendahuluan kepada kontraktor berjumlah RM363,195 gagal dituntut kembali oleh Jabatan daripada pihak bank kerana tempoh polisi liabiliti awam dan insurans kerja telah luput. Projek ini telah ditawarkan semula secara rundingan terus kepada kontraktor kedua pada pertengahan bulan Oktober 2001 untuk menyiapkan baki kerja yang tertinggal. Harga yang ditawarkan kepada kontraktor tersebut adalah sejumlah RM2.83 juta berbanding RM2.54 juta yang ditender kepada kontraktor pertama iaitu peningkatan sejumlah RM0.29 juta. Bayaran kemajuan berjumlah RM2.24 juta telah dibayar kepada Kontraktor sehingga akhir bulan Disember 2003. Syarat kontrak menetapkan bayaran kemajuan kepada Kontraktor perlu dijelaskan bagi tempoh 30 hari selepas perakuan bayaran disediakan. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada bayaran dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan kerana tarikh perakuan bayaran di borang penilaian bayaran kemajuan tidak dicatat. Projek ini telah disiapkan pada pertengahan bulan Ogos 2003 iaitu lewat 3 bulan dari tempoh yang ditetapkan kepada kontraktor kedua kerana masalah setingan di kawasan rizab jalan dan kelewatan pihak perunding mengemukakan pindaan pelan. Pada keseluruhannya, projek ini mengambil masa 5 tahun 6 bulan untuk disiapkan. Sila lihat **Foto 2**.

## Foto 2

### Projek Naik Taraf Persimpangan Jalan Paya Terubong di Lone Pine, Daerah Timur Laut



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 6 November 2003

Pada pendapat Audit, dua projek tersebut telah dapat disiapkan dengan memuaskan walaupun berlaku kelewatan. Manakala 1 projek lagi adalah tidak memuaskan kerana pemilihan kontraktor yang kurang teliti dan gagal menyiapkan projek dan seterusnya terpaksa ditender semula.

#### 22.2.4 Prestasi Kewangan

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Pejabat Kewangan Negeri telah meluluskan peruntukan sejumlah RM16.11 juta bagi melaksanakan projek naik taraf jalan tersebut berbanding yang dipohon berjumlah RM27.30 juta. Prestasi kewangan 3 projek naik taraf jalan adalah seperti di **Jadual 19**.

## Jadual 19

### Prestasi Kewangan Projek Naik Taraf Jalan Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003

| Bil.          | Tahun  | Peruntukan<br>Dipohon<br>(RM Juta) | Peruntukan<br>Lulus<br>(RM Juta) | Perbelanjaan<br>(RM Juta) |
|---------------|--|------------------------------------|----------------------------------|---------------------------|
| 1.            | Projek Melebarkan Jambatan Di atas<br>Lebuhraya Utara Selatan, Daerah<br>Seberang Perai Utara  | 20.00                              | 9.58                             | 7.12                      |
| 2.            | Projek Pemasangan Lampu Isyarat Dan<br>Naik Taraf Persimpangan Jalan Sungai<br>Dua/Pengkalan Machang, Daerah<br>Seberang Perai Utara | 3.00                               | 2.46                             | 1.92                      |
| 3.            | Projek Naik Taraf Persimpangan Jalan<br>Paya Terubong, Daerah Timur Laut   | 4.30                               | 4.07                             | 2.24                      |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>27.30</b>                       | <b>16.11</b>                     | <b>11.28</b>              |

Sumber: Rekod Jabatan Kerja Raya

**Pada pendapat Audit, peruntukan yang diluluskan lebih rendah berbanding peruntukan yang dipohon oleh Jabatan. Namun begitu, peruntukan yang diterima telah dibelanjakan dengan sewajarnya.**

#### 22.2.5 Penyelenggaraan Dokumen

Jabatan Kerja Raya menyelenggara Daftar Kontrak untuk merekodkan segala maklumat kontrak yang ditawarkan secara sebut harga dan tender. Pemeriksaan Audit mendapati Daftar Kontrak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini untuk merekod maklumat kontraktor yang menjalankan projek pembangunan jalan. Di Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Utara, fail projek naik taraf jalan disediakan dengan teratur dan dibahagikan kepada Fail Induk, Kewangan, Bayaran Kemajuan dan Mesyuarat Tapak, manakala di Jabatan Kerja Raya Daerah Timur Laut, fail projek tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

#### 22.2.6 Struktur Organisasi

Pada tahun 2003, sebanyak 14 jawatan diluluskan untuk Bahagian Jalan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya. Daripada jumlah ini, tiga jawatan belum diisi iaitu jawatan Pembantu Teknik Kanan,



Pembantu Teknik dan Pembantu Tadbir Rendah. Pada tahun 2003, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya telah memohon penggredan semula jawatan Jurutera (Gred J48), Pembantu Teknik ( Gred J36 ) dan Juruteknik (Gred J22). Pihak Audit mendapati kekosongan 1 jawatan Pembantu Teknik dan 2 jawatan Pekerja Tidak Mahir di Bahagian Jalan, Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Utara. Di Bahagian Jalan, Jabatan Kerja Raya Daerah Timur Laut, satu jawatan Pembantu Teknik Bahagian Projek Jalan dan 1 jawatan Pekerja Rendah Awam Khas belum diisi. Jurutera Daerah (Gred J44) bertanggungjawab secara langsung untuk menyelia, mengawasi dan memantau projek jalan. Tiga Juruteknik (Projek) di Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Utara menyelia sejumlah 19 projek naik taraf jalan, manakala 3 Juruteknik di Daerah Timur Laut menyelia 8 projek naik taraf jalan di samping tugas lain.

**Pada pendapat Audit, jawatan Jurutera Daerah perlu dinaik taraf dan bilangan kakitangan teknikal ditambah bersesuaian dengan beban kerja.**

#### **22.2.7 Latihan Kakitangan**

Bahagian Jalan, Jabatan Kerja Raya telah mengadakan kursus dan latihan secara *in-house* dan menghantar pegawai mengikuti kursus anjuran pihak luar. Kursus yang telah diadakan adalah seperti di **Jadual 20.**

**Jadual 20**  
**Kursus Yang Diadakan Bagi Tempoh Tahun 2002 Hingga 2003**

| Bil. | Nama Kursus  | Tarikh kursus     | Anjuran     |
|------|--|-------------------|-------------|
| 1.   | <i>Refresher Course of CPM For Ex-Participant Malaysia Road Conferene MRC 2002</i> | 2002              | Ibu Pejabat |
| 2.   | Kursus Pengenalan Teknologi GIS Dan Isian <i>Aeroview</i>                          | 2002              | Ibu Pejabat |
| 3.   | Kursus Kefahaman Dan Penggunaan MS ISO 9001 JKR                                    | 2002              | Ibu Pejabat |
| 4.   | Kursus Pengurusan Rekod  | 2002              | Ibu Pejabat |
| 5.   | Bengkel Pelaksanaan MS ISO 9000  | 21-24 April 2002  | INTAN       |
| 6.   | Kursus Pengawasan Pembinaan Jalan  | 17-20 Jun 2002    | IKRAM       |
| 7.   | Taklimat Dan Demonstrasi Penggunaan Teknologi <i>Hot In-Place Recycling</i>        | 29 Jun 2002       | Ibu Pejabat |
| 8.   | Kursus Penyelenggaraan Jalan Dan Jambatan  | 15-19 Julai 2002  | IKRAM       |
| 9.   | Seminar Kefahaman MS ISO 9000  | 2 April 2003      | INTAN       |
| 10.  | Kursus Pengawasan Pembinaan Jalan  | 2-5 Jun 2003      | IKRAM       |
| 11.  | Kursus Penyelenggaraan Jalan Dan Jambatan  | 15-18 Julai 2003  | IKRAM       |
| 12.  | Seminar Keselamatan Jalan Raya   | 17 Jun 2003       | Ibu Pejabat |
| 13.  | Mesyuarat Pemeriksaan Dan Baik Pulih Jambatan (Zon Utara)                          | 28- 31 Julai 2003 | Ibu Pejabat |
| 14.  | Bengkel Kajian Keberkesanan Langkah Pembaikan                                      | 29 Julai 2003     | Ibu Pejabat |
| 15.  | Kursus Pengurusan Projek   | 2003              | Ibu Pejabat |
| 16.  | Kursus Penyeliaan Berkesan   | 2003              | Ibu Pejabat |

*Sumber: Bahagian Pentadbiran Ibu Pejabat dan Jabatan Kerja Raya Daerah*

Pemeriksaan Audit mendapati 4 kakitangan Bahagian Jalan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya tidak menghadiri kursus bagi tempoh 2001 hingga 2003 manakala seorang kakitangan Bahagian Jalan, Jabatan Kerja Raya Daerah Seberang Perai Utara tidak menghadiri sebarang kursus bagi tempoh yang sama.

**Pihak Audit berpendapat kursus perlu diadakan lebih kerap lagi dan secara menyeluruh bagi semua kakitangan.**

Pada pandangan Audit, pada keseluruhannya tahap pencapaian pembinaan 3 projek naik taraf jalan adalah kurang memuaskan disebabkan kelewatan menyiapkan projek dan pemilihan kontraktor yang kurang teliti. Kelewatan juga berpunca daripada masalah pengambilan tanah dan masalah setinggan. Oleh itu, Jabatan perlu menyelesaikan pengambilan balik tanah dan masalah setinggan

**sebelum tapak diserahkan kepada kontraktor bagi memastikan tidak berlaku kelewatan menyiapkan projek.**

## **22.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan merupakan aktiviti yang penting bagi memastikan kejayaan sesuatu projek. Pemerhatian Audit terhadap pemantauan projek naik taraf jalan meliputi perkara berikut:

### **22.3.1 Mesyuarat Tapak**

Mengikut peraturan, Jabatan perlu mengadakan mesyuarat tapak satu bulan sekali dengan pihak kontraktor dan Agensi yang terlibat bagi memantau dan menyelia kerja pembinaan yang dijalankan oleh kontraktor. Pemeriksaan Audit mendapati mesyuarat tapak telah diadakan bagi Projek Naik Taraf Persimpangan Jalan Sungai Dua dan Projek Naik Taraf Persimpangan Jalan Paya Terubong seperti yang ditetapkan. Bagaimanapun, bagi Projek Melebarkan Jambatan di atas Lebuhraya Utara Selatan, mesyuarat tapak tidak diadakan pada bulan Julai, Ogos dan September tahun 2002. Melalui mesyuarat tapak, Jabatan dapat mengenal pasti punca kelewatan perjalanan projek seperti kelewatan mendapat permit, masalah pengambilan tanah dan kekurangan pekerja di tapak sehingga menyebabkan kontraktor tidak menyiapkan projek mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

### **22.3.2 Buku Harian Tapak**

Mengikut peraturan, Buku Harian Tapak hendaklah dicatatkan pada tiap-tiap hari dengan butiran seperti bilangan pekerja di tapak, kuantiti bahan yang diterima, arahan Pegawai Penguasa dan kerja harian yang dijalankan. Pemeriksaan Audit mendapati 13 Buku Harian Tapak diselenggara bagi 3 projek yang diaudit. Bagaimanapun, maklumat kerja harian, tandatangan wakil kontraktor, kuantiti bahan yang digunakan dan bilangan pekerja di tapak tidak diisi dengan lengkap dan kemas kini di Buku Harian Tapak.

### **22.3.3 Lawatan Tapak**

Selain menyelenggara Buku Harian Tapak dan mengadakan mesyuarat tapak, Pegawai Penguasa perlu mengadakan lawatan tapak dari semasa ke semasa. Ianya bagi memastikan kerja yang dilakukan oleh kontraktor mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dan menilai prestasi kontraktor untuk tujuan bayaran kemajuan. Pemeriksaan Audit mendapati lawatan tapak dilakukan dan pengesahan dibuat terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor.

### **22.3.4 Laporan Kemajuan Fizikal Dan Kewangan**

Jabatan juga menyediakan laporan kemajuan fizikal dan kewangan tiap-tiap suku tahun bagi semua projek yang dilaksanakan tetapi ia tidak lengkap untuk dijadikan dokumen pemantauan. Laporan ini lebih tertumpu kepada prestasi kewangan sahaja seperti jumlah perbelanjaan berbanding peruntukan dan peratusan perbelanjaan yang telah dibuat. Bagi memberi gambaran yang lebih menyeluruh, laporan tersebut perlu mengandungi maklumat seperti pelaksanaan projek mengikut daerah, bilangan penduduk atau pengguna yang mendapat manfaat daripada projek yang dilaksanakan dan jenis penyenggaraan yang telah dijalankan.

**Pada pandangan Audit, Jabatan telah mewujudkan mekanisme pemantauan melalui kaedah di atas. Bagaimanapun, pemantauan berterusan perlu dibuat untuk memastikan mesyuarat tapak diadakan satu bulan sekali untuk membantu kontraktor menyelesaikan masalah ketika pelaksanaan projek dan Buku Harian Tapak perlu diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.**

## **23. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pihak Audit mendapati pengurusan projek naik taraf jalan oleh Jabatan Kerja Raya perlu diperbaiki dan dipertingkatkan lagi. Adalah disyorkan Jabatan Kerja Raya memberi penekanan terhadap perkara berikut:

- i)** Menyelia pelaksanaan projek oleh kontraktor untuk memastikan projek naik taraf jalan dapat disiapkan mengikut jadual asal; dan
- ii)** Kekosongan jawatan perlu diisi dengan segera dan perancangan perlu dibuat untuk menambah bilangan kakitangan bagi menguruskan projek jalan.

## **PEJABAT DAERAH DAN TANAH BARAT DAYA**

### **PENGURUSAN PEMBERIMILIKAN TANAH**

#### **24. LATAR BELAKANG**

Mengikut Seksyen 5 Kanun Tanah Negara, pemberimilikan tanah bermaksud pelupusan tanah Negeri oleh Pihak Berkuasa Negeri. Seksyen 76 Kanun Tanah Negara menetapkan tempoh pemberimilikan tanah untuk selamanya atau untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun. Kuasa untuk melupus tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri dinyatakan di Seksyen 42 (1) (a) Kanun Tanah Negara dan boleh diwakilkan kepada Pengarah Tanah Dan Galian dan Pentadbir Tanah seperti peruntukan Seksyen 13 Kanun Tanah Negara. Pengurusan pemberimilikan tanah adalah berpandukan kepada Kanun Tanah Negara 1965, Peraturan Tanah Negeri Pulau Pinang, Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian, Pekeliling Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri dan Manual Prosedur Kerja. Permohonan pemberimilikan tanah diterima daripada individu, swasta, Jabatan dan Agensi Kerajaan dan penduduk kawasan penempatan semula.

Keluasan tanah di Daerah Barat Daya adalah 17,345 hektar dan dibahagikan kepada 2 bandar baru dan 22 mukim. Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya (Pejabat) bertanggungjawab menguruskan hal pentadbiran tanah yang meliputi permohonan tanah, pengambilan tanah, pemberimilikan tanah, tukar syarat tanah, pendaftaran hak milik dan pungutan cukai tanah serta hasil tanah yang lain. Sistem yang diguna pakai oleh Pejabat adalah Sistem Pendaftaran Hak Milik Tanah Berkomputer yang merupakan program pendaftaran hak milik dan dokumen yang berkaitan. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Pejabat telah menerima 143 permohonan pemberimilikan tanah daripada individu, swasta, Jabatan dan Agensi Kerajaan dan penduduk kawasan penempatan semula. Pungutan hasil daripada permohonan tanah, cukai tanah tahun pertama, premium tanah dan bayaran pendaftaran hak milik bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 telah menyumbang sejumlah RM36.09 juta kepada hasil Negeri.

## **25. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif Audit adalah untuk menentukan sama ada pemberimilikan tanah telah diurus dengan cekap, berkesan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

## **26. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Pengauditan dilakukan di Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya dengan menyemak fail permohonan, Daftar Permohonan Tanah, dokumen bayaran hasil dan dokumen lain yang terlibat dengan permohonan pemberimilikan tanah sehingga pendaftaran hak milik bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Sampel fail yang dipilih untuk pengauditan adalah 25 fail permohonan yang terdiri daripada permohonan untuk penempatan semula, individu, swasta dan Jabatan dan Agensi Kerajaan. Temu bual dengan pegawai terlibat dan lawatan ke kawasan penempatan semula yang dipilih juga dijalankan.

## **27. PENEMUAN AUDIT**

### **27.1 PERANCANGAN**

Pejabat mengamalkan 2 kaedah pemberimilikan tanah iaitu Kaedah Pemberimilikan Tanah Secara Dirancang dan Kaedah Pemberimilikan Tanah Secara Tidak Dirancang. Bagi Pemberimilikan Tanah Secara Dirancang, Pejabat akan memilih kawasan dan menentukan kesesuaian tanah untuk pembinaan rumah kediaman. Penghuni kawasan penempatan semula akan mengemukakan permohonan kepada Pejabat. Permohonan tanah oleh individu, swasta, Jabatan dan Agensi Kerajaan adalah Pemberimilikan Tanah Secara Tidak Dirancang. Aspek perancangan pemberimilikan tanah adalah seperti berikut:

#### **27.1.1 Dasar Penempatan Semula Penduduk/Setinggalan Negeri**

Pada bulan Jun 1964, Majlis Mesyuarat Kerajaan telah meluluskan dasar penempatan semula penduduk dan setinggalan yang terlibat dengan projek pembangunan Kerajaan Negeri dengan menempatkan mereka di tapak gantian atau menawarkan rumah

teres kos rendah Kerajaan. Hak milik kepada pembeli rumah teres kos rendah Kerajaan dikeluarkan setelah bayaran ansuran harga rumah dijelaskan dengan sepenuhnya.

### 27.1.2 Piagam Pelanggan

Pejabat ada menyediakan Piagam Pelanggan yang menetapkan tempoh masa untuk permohonan pemberimilikan tanah, penyediaan Kertas Cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan pendaftaran hak milik seperti di **Jadual 21**.

**Jadual 21**

**Piagam Pelanggan Unit Pentadbiran Tanah,  
Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya**

| <b>Bil.</b> | <b>Kandungan</b>   | <b>Tempoh</b> |
|-------------|--|---------------|
| 1.          | Semua permohonan pemberimilikan tanah yang lengkap akan dirujuk kepada Jabatan Teknikal untuk mendapatkan ulasan.  | 1 Minggu      |
| 2.          | Menyedia dan mengemukakan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan kepada Pengarah Tanah Dan Galian setelah menerima ulasan Jabatan Teknikal dan Laporan Pegawai Petempatan. | 3 Minggu      |
| 3.          | Memaklumkan keputusan Pihak Berkuasa Negeri kepada pemohon setelah menerima surat keputusan daripada Pejabat Tanah Dan Galian.                                       | 1 Minggu      |
| 4.          | Pendaftaran Hak Milik Sementara/Tetap  | 4 Minggu      |

*Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya*

Pemeriksaan Audit mendapati Piagam Pelanggan yang disediakan oleh Pejabat tidak menggambarkan keseluruhan proses pemberimilikan tanah. Tempoh masa penyediaan Laporan Pegawai Petempatan, Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar (Notis 5A) dan penyediaan Permintaan Ukur tidak ditetapkan oleh Piagam Pelanggan.

**Pada pendapat Audit, Pejabat perlu mengkaji semula Piagam Pelanggan dan menetapkan tempoh masa bagi semua proses pemberimilikan tanah yang dikendalikan oleh Pejabat.**



### 27.1.3 Kaedah Pemberimilikan Tanah

Pejabat merancang kaedah pemberimilikan tanah seperti berikut:

#### i) Pemberimilikan Tanah Secara Dirancang

Permohonan tanah diterima daripada penghuni kawasan penempatan semula untuk diproses. Pelukis Pelan akan mencatat kawasan yang dipohon di pelan kawasan dan menyediakan laporan status tanah dan memastikan tiada permohonan terdahulu atas tanah yang sama. Proses ini juga memerlukan laporan penyiasatan daripada Penolong Pegawai Tanah dan ulasan daripada Jabatan Teknikal. Kertas Cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan akan disedia dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Tanah melalui Pejabat Tanah Dan Galian untuk kelulusan. Bagi permohonan yang diluluskan, Notis 5A akan dikeluarkan. Pendaftaran Hak Milik Sementara dan Hak Milik Tetap akan dibuat oleh Bahagian Pendaftaran Hak Milik. Sehingga akhir tahun 2003, Pejabat merancang sebanyak 926 lot tanah kawasan penempatan semula bagi 5 kawasan di Daerah Barat Daya seperti di **Jadual 22**.

**Jadual 22**

#### **Kawasan Penempatan Semula Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya**

| <b>Bil.</b>   | <b>Kawasan</b>   | <b>Jumlah Lot</b> |
|---------------|--|-------------------|
| 1.            | Sungai Ara   | 187               |
| 2.            | Batu Maung (kediaman dan penternakan khinzir)            | 145               |
| 3.            | Batu Maung   | 139               |
| 4.            | Permatang Damar Laut                                     | 293               |
| 5.            | Permatang Damar Laut ( <i>Traffic Dispersal Scheme</i> ) | 162               |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>926</b>        |

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Barat Daya

#### ii) Pemberimilikan Tanah Secara Tidak Dirancang

Permohonan tanah Secara Tidak Dirancang melibatkan permohonan yang dikemukakan oleh Agensi Kerajaan seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Majlis Agama Islam, individu dan swasta. Kertas Cadangan Majlis Mesyuarat

Kerajaan untuk permohonan tanah daripada Agensi Kerajaan dikemukakan terus kepada Pejabat Tanah Dan Galian. Agensi Kerajaan akan dikenakan bayaran premium khas selain bayaran Notis 5A. Dokumen hak milik didaftarkan oleh Pendaftar Hak Milik. Manakala permohonan daripada individu dan swasta diproses di peringkat Pejabat untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan sehingga pendaftaran Hak Milik Tetap.

#### **27.1.4 Anggaran Hasil**

Kutipan hasil oleh Pejabat daripada proses pemberimilikan tanah terdiri daripada cukai tanah tahun pertama, premium, bayaran ukur, bayaran penyediaan dan pendaftaran Hak Milik Sementara dan Hak Milik Tetap serta bayaran pelan. Anggaran hasil ini bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah berjumlah RM32 juta.

#### **27.1.5 Struktur Organisasi Dan Guna Tenaga**

Struktur organisasi Pejabat terdiri daripada Bahagian Pentadbiran Am, Bahagian Perancangan Dan Pembangunan dan Bahagian Pentadbiran Tanah. Pejabat diketuai oleh seorang Pegawai Daerah dan dibantu oleh 4 Penolong Pegawai Daerah. Sebanyak 86 perjawatan diluluskan pada tahun 2003. Bahagian Pentadbiran Tanah dianggotai oleh 45 kakitangan yang bertanggungjawab mengendalikan permohonan pemberimilikan tanah, pendaftaran hak milik dan pungutan hasil tanah. Pada tahun 2001, Pejabat bercadang menggredkan semula jawatan Pegawai Daerah (Gred M2) ke jawatan Pegawai Daerah (Gred M1) dan menambah 9 jawatan baru seperti di **Jadual 23**.

**Jadual 23****Tambahan Jawatan Di Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya**

| Bil.          | Jawatan                                | Bilangan Jawatan | Bahagian Yang Terlibat                                  |
|---------------|--|------------------|---|
| 1.            | Ketua Penolong Pegawai Daerah          | 2                | Tanah Dan Pembangunan                                   |
| 2.            | Penolong Pegawai Daerah                | 1                | Pentadbiran Am  |
| 3.            | Penolong Akauntan                      | 1                | Pentadbiran Am  |
| 4.            | Penolong Pegawai Sistem Maklumat       | 1                | Pentadbiran Am (Unit Komputer)                          |
| 5.            | Pembantu Tadbir (Kewangan)             | 1                | Pentadbiran Am (Unit Kewangan)                          |
| 6.            | Operator Mesin Pemprosesan Data (OMPD) | 1                | Pentadbiran Am (Unit Komputer)                          |
| 7.            | Pembantu Teknik                        | 1                | Pembangunan   |
| 8.            | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  | 1                | Pentadbiran Tanah<br>(Unit Pendaftaran Hak Milik Tanah) |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>9</b>         |   |

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya

**27.1.6 Latihan Kakitangan**

Pejabat merancang latihan dan kursus kepada kakitangan berdasarkan kepada rancangan tahunan yang disediakan oleh Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN) dan Pejabat Tanah Dan Galian. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 6 jenis kursus disediakan untuk kakitangan Bahagian Pentadbiran Tanah seperti di **Jadual 24**.

**Jadual 24****Latihan Dan Kursus Pentadbiran Tanah**

| Tahun | Kursus   | Penganjur                                  |
|-------|--|--|
| 2001  | 1. Kursus Pembangunan Tanah                        | INSTUN                                     |
|       | 2. Kursus Teknik Ukur                              | INSTUN Dan Pentadbiran Negeri              |
|       | 3. Pengurusan Tanah Danaharta                      | Ketua Pengarah Tanah Dan Galian            |
| 2002  | 1. Kursus Pengambilan Balik Tanah                  | Pejabat Tanah Dan Galian Pulau Pinang      |
|       | 2. Kursus Perundangan Dan Pentadbiran Tanah        | Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi |
| 2003  | 1. Kursus Perundangan Dan Pentadbiran Tanah (Asas) | Kementerian Tanah Dan Pembangunan Koperasi |

Sumber:Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya

**Pada pandangan Audit, Pejabat telah menyediakan perancangan pemberimilikan tanah dengan memuaskan.**

## **27.2 PELAKSANAAN**

Pengurusan pemberimilikan tanah merupakan aktiviti berterusan Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya. Perkara yang terlibat di peringkat pelaksanaan adalah seperti berikut:

### **27.2.1 Proses Pemberimilikan Tanah**

Prosedur dan tempoh masa bagi proses pemberimilikan tanah ditetapkan oleh Kanun Tanah Negara dan Piagam Pelanggan Pejabat. Proses pemberimilikan tanah adalah seperti berikut:

#### **i) Pendaftaran Permohonan**

Kanun Tanah Negara menetapkan semua Pejabat Daerah Dan Tanah yang mengendalikan permohonan pemberimilikan tanah menyelenggara Daftar Permohonan Tanah dengan lengkap dan kemas kini bagi merekod semua proses permohonan tanah sehingga Hak Milik Tetap didaftarkan dengan sempurna. Butiran lain yang perlu diisi adalah tarikh dan nombor permohonan, lokasi atau kawasan yang dipohon, nombor resit bayaran pendaftaran, rujukan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, tarikh bayaran hasil tanah, tarikh dan nombor Hak Milik Sementara dan tarikh Permintaan Ukur serta nombor Hak Milik Tetap. Individu, Agensi Kerajaan dan swasta mengemukakan permohonan tanah kepada Pejabat berserta bayaran proses yang ditetapkan oleh Kaedah Tanah Negeri. Pemeriksaan Audit mendapati Daftar Permohonan Tanah telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta merupakan rekod utama untuk mengesan status kemajuan permohonan tanah bagi semua permohonan yang didaftar di Pejabat.

#### **ii) Pengesahan Pemohon**

Pemohon tanah yang terlibat dengan penempatan semula mengemukakan permohonan dengan mengisi borang yang

telah ditetapkan. Permohonan yang lengkap diproses untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar (Notis 5A) dikeluarkan. Pemeriksaan Audit terhadap 29 permohonan tanah daripada penduduk/setinggian di 5 kawasan penempatan semula bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 mendapati semua permohonan tanah kepada Pejabat tidak disertai dengan surat tawaran asal lot tanah atau dokumen lain yang berkenaan untuk membuktikan pemohon terlibat dengan rancangan penempatan semula oleh Kerajaan. Kesemua permohonan ini telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Pada pendapat Audit, Pejabat perlu menetapkan prosedur semakan dan pengesahan permohonan tanah yang diterima bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan semasa mengeluarkan hak milik.**

**iii) Kertas Cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan**

Pejabat Daerah Dan Tanah dikehendaki menyediakan dan mengemukakan Kertas Cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri bagi tiap-tiap permohonan tanah. Perkara yang berbangkit adalah seperti berikut:

**a) Penyediaan Kertas Cadangan**

Piagam Pelanggan menetapkan tempoh masa 3 minggu untuk penyediaan Kertas Cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan selepas Laporan Pegawai Petempatan dan Laporan Jabatan Teknikal disediakan. Kertas Cadangan bagi permohonan tanah daripada penduduk kawasan penempatan semula, pemilik rumah kos rendah, Agensi Kerajaan dan swasta dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pejabat untuk kelulusan. Bagi permohonan tanah daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Kertas Cadangan disediakan oleh Perbadanan dan dikemukakan terus kepada Pejabat Tanah Dan Galian.

Pemeriksaan Audit terhadap penyediaan Kertas Cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi tahun 2001 hingga 2003, mendapati Kertas Cadangan bagi 3 permohonan tanah lewat disediakan antara 6 hingga 30 hari. Ini adalah kerana hanya seorang pegawai ditugaskan untuk memproses setiap permohonan tanah yang diterima sehingga penyediaan Kertas Cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**b) Kelulusan Kertas Cadangan**

Proses pemberimilikan tanah hanya dapat diteruskan selepas kelulusan Kertas Cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Pemeriksaan Audit mendapati kelulusan permohonan tanah yang melibatkan 9 permohonan bagi tahun 2001 hingga 2003 mengambil masa 4 hingga 36 bulan. Kelewatan ini berlaku kerana penyediaan semula Kertas Cadangan Rayuan Permohonan Tanah oleh Pejabat bagi permohonan yang ditolak dan dikemukakan semula untuk kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

**iv) Bayaran Premium Khas**

Permohonan pemberimilikan tanah tebus guna daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dikenakan bayaran Premium Khas oleh Kerajaan Negeri atas kadar 60% daripada keuntungan bersih hasil jualan tiap-tiap kaki persegi tanah yang dikira setelah ditolak kos menambun. Pemeriksaan Audit terhadap 9 permohonan pemberimilikan tanah yang dikemukakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi tempoh 2000 hingga 2001 menunjukkan bayaran premium khas berjumlah RM229,802 telah dibayar berdasarkan kadar perkiraan RM0.28 satu kaki persegi. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan perkiraan bayaran tersebut kerana Perbadanan tidak mengemukakan Penyata Keuntungan Dan Perbelanjaan kepada Pejabat.

**v) Pendaftaran Hak Milik**

Mengikut Seksyen 78 Kanun Tanah Negara, pemberimilikan tanah Negeri hanya berkuat kuasa setelah hak milik didaftarkan dan Seksyen 85 Kanun Tanah Negara

mensyaratkan dokumen Hak Milik Tetap dikeluarkan selepas tanah selesai diukur. Perkara yang berbangkit adalah seperti berikut:

**a) Pendaftaran Hak Milik Sementara**

Piagam Pelanggan yang disediakan oleh Pejabat menetapkan tempoh masa 4 minggu bagi pendaftaran Hak Milik Sementara (*qualified title*) selepas pemberimilikan tanah diluluskan dengan syarat semua bayaran hasil tanah dijelaskan oleh pemohon. Pemeriksaan Audit terhadap 25 fail permohonan pemberimilikan tanah mendapati hak milik lewat didaftar antara 96 hingga 141 hari.

**Pada pendapat Audit, Hak Milik Sementara perlu didaftar dengan segera memandangkan pemohon tidak dapat menjalankan urusan niaga tanah dan Kerajaan Negeri akan kerugian hasil tanah.**

**b) Pendaftaran Hak Milik Tetap**

Bagi permohonan tanah yang dijelaskan bayaran Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar (Notis 5A), pendaftaran Hak Milik Sementara dibuat dan Permintaan Ukur dikemukakan kepada Jabatan Ukur bagi tujuan penyediaan Pelan Akui. Pejabat bertanggungjawab mengeluarkan Hak Milik Tetap kepada pemohon selepas Pelan Akui disediakan oleh Jabatan Ukur. Pemeriksaan Audit mendapati daripada 2,509 permohonan tanah bagi tempoh tahun 1976 hingga 2003, sebanyak 1,422 permohonan atau 56.7% belum dikeluarkan Hak Milik Tetap. Kelewatan mendaftar Hak Milik Tetap adalah disebabkan Pejabat tidak mengambil tindakan mengeluarkan Permintaan Ukur kepada Jabatan Ukur.

**Pada pendapat Audit, Pejabat perlu menyegerakan penyediaan dokumen Permintaan Ukur kepada Jabatan Ukur.**

**vi) Bayaran Penyediaan dan Pendaftaran Hak Milik Tetap**

Seksyen 81(1) Kanun Tanah Negara menyenaraikan butiran hasil tanah yang perlu dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri selepas kelulusan pemberimilikan tanah. Butiran hasil tanah yang terkandung di Notis 5A adalah bayaran penyediaan dan pendaftaran Hak Milik Tetap. Kadar yang dikenakan untuk bayaran ini bergantung kepada kategori kegunaan tanah untuk kediaman atau perusahaan. Pemeriksaan Audit terhadap 39 permohonan pemberimilikan tanah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 mendapati sejumlah RM1,200 telah dijelaskan sebagai bayaran penyediaan dan pendaftaran Hak Milik Tetap. Bagaimanapun, Hak Milik Tetap belum didaftarkan.

**Pada pendapat Audit, proses pemberimilikan tanah telah dibuat dengan memuaskan kecuali kelewatan mengeluarkan Hak Milik Sementara dan Tetap, Daftar Permohonan tidak diselenggara dengan lengkap dan kelewatan mengemukakan Permintaan Ukur kepada Jabatan Ukur. Pejabat perlu menyegerakan pendaftaran Hak Milik Tetap memandangkan kos penyediaan Hak Milik Tetap telah dibayar oleh pemohon.**

**27.2.2 Prestasi Pemberimilikan Tanah**

Tiap-tiap permohonan pemberimilikan tanah akan diproses untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Prestasi pemberimilikan tanah adalah seperti berikut:

**i) Status Permohonan Pemberimilikan Tanah**

Permohonan pemberimilikan tanah diterima daripada penghuni kawasan penempatan semula, Jabatan dan Agensi Kerajaan, swasta dan individu. Berdasarkan maklumat daripada Daftar Permohonan Pemberimilikan Tanah yang diselenggara oleh Pejabat, sebanyak 143 permohonan tanah diterima bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Prestasi pemberimilikan tanah sehingga kelulusan Kertas Cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah seperti di **Jadual 25**.



**Jadual 25**  
**Prestasi Permohonan Pemberimilikan Tanah**  
**Sehingga Kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan**

| Bil.          | Pemohon                            | Jumlah Permohonan |            |           |                 |
|---------------|------------------------------------|-------------------|------------|-----------|-----------------|
|               |                                    | Terima            | Diluluskan | Ditolak   | Sedang Diproses |
| 1.            | Penghuni kawasan penempatan semula | 29                | 9          | 4         | 16              |
| 2.            | Jabatan dan Agensi Kerajaan        | 89                | 76         | -         | 13              |
| 3.            | Swasta                             | 7                 | -          | 3         | 4               |
| 4.            | Individu                           | 18                | 3          | 6         | 9               |
| <b>Jumlah</b> |                                    | <b>143</b>        | <b>88</b>  | <b>13</b> | <b>42</b>       |

*Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya*

Daripada 143 permohonan yang diterima bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 88 permohonan atau 61.5% telah diproses sehingga peringkat kelulusan Kertas Cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan sebanyak 13 permohonan ditolak kerana pemohon tidak layak atau tanah yang dipohon terlibat dengan projek awam. Sebanyak 42 permohonan masih di peringkat penyediaan Kertas Cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Proses yang terlibat setelah kelulusan Kertas Cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan adalah pengeluaran Notis 5A dan pendaftaran hak milik tanah. Daripada 88 permohonan yang telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan, sebanyak 40 permohonan telah selesai diproses sehingga pendaftaran Hak Milik Tetap manakala sebanyak 48 permohonan masih diproses. Prestasi permohonan sehingga pendaftaran hak milik adalah seperti di **Jadual 26**.

**Jadual 26****Kedudukan Permohonan Pemberimilikan Tanah  
Sehingga Pendaftaran Hak Milik Tetap**

| <b>Bil.</b>   | <b>Pemohon</b>                     | <b>Diluluskan</b> | <b>Permohonan Selesai Diproses</b> | <b>Peratus Permohonan Selesai (%)</b> |
|---------------|------------------------------------|-------------------|------------------------------------|---------------------------------------|
| 1.            | Penghuni kawasan penempatan semula | 9                 | 9                                  | 100                                   |
| 2.            | Jabatan dan Agensi Kerajaan        | 76                | 29                                 | 38.2                                  |
| 3.            | Individu                           | 3                 | 2                                  | 66.7                                  |
| <b>Jumlah</b> |                                    | <b>88</b>         | <b>40</b>                          | <b>45.5</b>                           |

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya

**ii) Permohonan Pemberimilikan Tanah Di Kawasan  
Penempatan Semula**

Kerajaan Negeri telah menyediakan sebanyak 926 tapak gantian bagi golongan yang terlibat dengan penempatan semula di semua kawasan penempatan semula di Daerah Barat Daya. Pemilik tapak perlu mengemukakan permohonan pemberimilikan tanah kepada Pejabat untuk proses pendaftaran hak milik. Pemeriksaan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2003, sebanyak 266 pemohon belum memohon pemberimilikan tanah walaupun semua kawasan penempatan semula telah diduduki. Bilangan pemohon yang belum membuat permohonan adalah sebanyak 28.7% berbanding dengan bilangan tapak yang ditawarkan. Kerajaan telah kehilangan hasil tanah kerana cukai tanah tidak dapat dikutip selagi dokumen hak milik belum didaftar. Status permohonan bagi kawasan penempatan semula adalah seperti di **Jadual 27**.

**Jadual 27****Status Permohonan Pemberimilikan Kawasan Penempatan Semula**

| Bil.          | Kawasan Penempatan  | Bilangan Tapak | Permohonan Sebenar Diterima | Permohonan Belum Diterima | Peratus Permohonan Berbanding Tapak Yang Ditawarkan |
|---------------|---|----------------|-----------------------------|---------------------------|---|
| 1.            | Sungai Ara  | 187            | 160                         | 27                        | 85.6%   |
| 2.            | Batu Maung(kediaman dan penternakan khinzir)                | 145            | 129                         | 16                        | 88.9%   |
| 3.            | Batu Maung  | 139            | 113                         | 26                        | 81.3%   |
| 4.            | Permatang Damar Laut  | 293            | 215                         | 78                        | 73.4%   |
| 5.            | Permatang Damar Laut<br>( <i>Traffic Dispersal Scheme</i> ) | 162            | 43                          | 119                       | 26.5 %  |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>926</b>     | <b>660</b>                  | <b>266</b>                |   |

Sumber: Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya

Lawatan Audit ke tapak perumahan kawasan penempatan semula Permatang Damar Laut dan Sungai Ara telah dijalankan pada akhir bulan Mac 2004. Hasil temu bual dengan penghuni rumah kawasan tersebut mendapati beberapa rumah telah dibina dan diduduki oleh pemilik, disewakan dan telah dijual walaupun permohonan pemberimilikan tanah belum dibuat. Sila lihat **Foto 3** dan **4**.

**Foto 3**

**Kediaman Di Tapak Penempatan Semula Permatang Damar Laut, Daerah Barat Daya**



*Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 Mac 2004*

**Foto 4**

**Kediaman Di Tapak Penempatan Semula Sungai Ara, Daerah Barat Daya**



*Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 29 Mac 2004*

### **iii) Status Tanah Selepas Pemberimilikan**

Pembangunan tanah boleh dilaksanakan setelah proses pendaftaran dokumen hak milik selesai. Pemeriksaan Audit terhadap 25 fail permohonan pemberimilikan tanah mendapati sebanyak 13 lot tanah telah dibangunkan untuk tujuan pembinaan perumahan kos rendah dan perumahan di kawasan penempatan semula. Sebanyak 12 permohonan pemberimilikan tanah daripada Agensi Kerajaan, individu dan swasta telah dimajukan mengikut tujuan asal permohonan.

**Pada pendapat Audit, Pegawai Petempatan perlu mengadakan lawatan susulan untuk mengesan pemilik rumah yang belum memohon hak milik dan mengambil tindakan bagi memastikan penghuni berkenaan mengemukakan permohonan.**

### **27.2.3 Prestasi Pungutan Hasil**

Kanun Tanah Negara menetapkan pemohon yang diluluskan pemberimilikan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri perlu menjelaskan bayaran cukai tahun pertama, premium tanah, bayaran pendaftaran Hak Milik Sementara dan Hak Milik Tetap, bayaran pelan dan bayaran ukur kepada Kerajaan Negeri. Notis Genap Masa Hasil Tanah Dibayar (Notis 5A) dikeluarkan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah kepada pemohon selepas kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Notis 5A perlu dibayar untuk tempoh masa 3 bulan selepas dikeluarkan. Pemohon yang tidak membuat bayaran akan dibatalkan permohonannya dan dikehendaki mengemukakan permohonan baru. Rayuan lanjutan masa bayaran Notis 5A selama 3 bulan lagi boleh dikemukakan kepada Pejabat Tanah Dan Galian. Pemeriksaan Audit terhadap 143 permohonan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 mendapati sebanyak 88 Notis 5A telah dikeluarkan berjumlah RM1.90 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 86 Notis 5A telah dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan manakala 2 pemohon tidak membayar hasil tanah walaupun lanjutan masa telah diberi dan permohonan yang terlibat telah dibatalkan.

**Pada pendapat Audit, prosedur pungutan hasil tanah yang ditetapkan oleh Kanun Tanah Negara telah diikuti oleh Pejabat dengan baik.**

#### **27.2.4 Struktur Organisasi Dan Guna Tenaga**

Bahagian Pentadbiran Tanah diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Daerah dan dibantu oleh 38 kakitangan. Jawatan seorang Penolong Pegawai Daerah, dua Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), dua Penolong Pegawai Tanah, satu Penghantar Notis dan 1 Pekerja Rendah Awam masih belum diisi. Selain itu, pada tahun 2001, Pejabat telah membuat permohonan 9 jawatan baru termasuk jawatan Pembantu Tadbir di Unit Pendaftaran Hak Milik di Bahagian Pentadbiran Tanah yang terlibat secara langsung dengan proses pemberimilikan tanah. Pemeriksaan Audit mendapati kelulusan perjawatan baru masih belum diperolehi daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sehingga tahun 2003.

**Pada pendapat Audit, tindakan susulan perlu diambil untuk mengisi jawatan yang kosong dan kelulusan permohonan jawatan baru dipercepatkan untuk membantu Pejabat melaksanakan proses pemberimilikan tanah dengan lebih cekap dan berkesan.**

#### **27.2.5 Latihan Kakitangan**

Sebanyak 17 kursus dihadiri oleh kakitangan Bahagian Pentadbiran Tanah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Kursus yang ditawarkan oleh Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN) adalah di peringkat asas sahaja.

**Pada pendapat Audit, Pejabat perlu mengadakan kursus lanjutan pentadbiran tanah bagi kakitangan yang terlibat secara langsung dengan proses pemberimilikan tanah.**

**Pada pandangan Audit, Pejabat perlu menyegerakan pendaftaran Hak Milik Sementara dan Hak Milik Tetap. Oleh itu, Pejabat perlu**

mengambil tindakan susulan untuk mengisi jawatan yang kosong dan mendapat kelulusan bagi permohonan jawatan baru bagi mempercepatkan proses pendaftaran hak milik. Kakitangan yang terlibat secara langsung dengan proses pemberimilikan tanah perlu mendapat latihan yang khusus berkaitan tugas mereka.

### **27.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan yang berterusan dapat memastikan permohonan pemberimilikan tanah diproses mengikut tempoh yang ditetapkan. Kaedah pemantauan yang diwujudkan oleh Pejabat adalah seperti berikut:

**i) Penyata Tunggakan dan Kemajuan Kerja Pentadbiran Tanah**

Pejabat menyediakan laporan tahunan status kemajuan permohonan pemberimilikan dan urus niaga tanah untuk dikemukakan kepada Pejabat Tanah Dan Galian.

**ii) Laporan Pegawai Petempatan**

Pegawai Petempatan menyediakan laporan status tanah yang dipohon untuk pemberimilikan. Laporan ini mengandungi maklumat penggunaan tanah dan kawasan sekitarnya.

**iii) Jawatankuasa Khas**

Tindakan positif telah diambil oleh pihak pengurusan dengan menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk mengkaji dan mengenal pasti kelewatan mengeluarkan Permintaan Ukur dan mendaftar hak milik bagi kes yang belum selesai.

**Pada pandangan Audit, Pejabat telah mengadakan pemantauan yang berkesan terutamanya penubuhan Jawatankuasa Khas bagi menyelesaikan tunggakan permohonan dan pendaftaran hak milik.**

### **28. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan pemberimilikan tanah di Pejabat perlu dipertingkatkan lagi. Penekanan harus diberi untuk mengatasi kelemahan dari segi kelewatan pendaftaran hak milik.

## PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN

### PEMBANGUNAN PELANCONGAN BUKIT BENDERA

#### 29. LATAR BELAKANG

Bukit Bendera ialah sebuah bukit peranginan (*hill resort*) yang terulung dimajukan oleh Kerajaan British sebagai tempat rehat dan rekreasi bagi pegawai British yang bertugas di Malaysia, Singapura dan beberapa negara lain di Asia Tenggara. Bukit Bendera terletak lebih kurang 6.4 kilometer dari Pusat Bandar Georgetown dengan ketinggian 830 meter dari paras laut menjadikannya sebagai sebuah tempat pelancongan yang unik dengan kehijauan panorama alam semulajadi dan warisannya yang tersendiri. Keadaan sekitar di Bukit Bendera mempunyai sistem alam semulajadi tersendiri yang sangat sensitif. Keunikan yang menjadi daya tarikan utama pelancong ke Bukit Bendera ialah kereta api bukit atau *funicular train*. Landasan kereta api Bukit Bendera adalah sepanjang 2,007 meter.

Pembinaan kereta api bukit dimulakan pada tahun 1920 dan telah siap pada tahun 1923. *The Penang Hill Railway Ordinance 1950* telah dikeluarkan melalui Warta *Federation of Malaya No.42 of 1950* bagi menetapkan fungsi dan tugas pentadbiran kereta api Bukit Bendera. Perkhidmatan pertama kereta api Bukit Bendera bermula pada bulan Oktober 1923 dan dirasmikan pada awal bulan Januari 1924. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh satu badan tersendiri yang ditadbir dan diurus oleh *City Engineer Electric Supply Department, City Council of Penang*. Pada awal bulan Januari 1976, Lembaga Letrik Negara mengambil alih pentadbiran kereta api Bukit Bendera daripada Jabatan Letrik, Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Seterusnya, pada awal bulan Januari 1977, keseluruhan pentadbiran kereta api Bukit Bendera telah diambil alih oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Kerja penyenggaraan teknikal terletak di bawah pengawasan Bahagian Mekanikal dan Bahagian Elektrik, Jabatan Kerja Raya. Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM305,144 bagi perbelanjaan mengurus dan RM449,980 bagi perbelanjaan pembangunan Bukit Bendera. Hasil yang dikutip pada tahun 2003 adalah berjumlah RM1.70 juta.



## **30. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pembangunan pelancongan Bukit Bendera diurus dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat sebagai destinasi pelancongan tanah tinggi (*hill resort*) yang terkenal dan unik.

## **31. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Sektor pelancongan merupakan sektor ekonomi yang penting selepas sektor pembuatan di Pulau Pinang. Pemilihan kajian pembangunan pelancongan Bukit Bendera adalah berasaskan faktor ini. Skop pengauditan meliputi peringkat perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti yang dijalankan. Kajian ini melibatkan pemeriksaan terhadap fail dan rekod, minit mesyuarat, dokumen perjanjian dan dokumen lain yang berkaitan di Pejabat Unit Keretapi Bukit Bendera serta Bahagian Mekanikal dan Bahagian Elektrik, Jabatan Kerja Raya bagi tempoh tahun 2001 hingga tahun 2003. Lawatan Audit ke pusat pelancongan Bukit Bendera telah dijalankan pada bulan Ogos 2003. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab telah diadakan. Selain itu, soal selidik juga disediakan untuk mendapat maklum balas daripada pelancong tempatan dan luar negeri.

## **32. PENEMUAN AUDIT**

### **32.1 PERANCANGAN**

Perancangan adalah aspek penting sebelum sesuatu aktiviti dilaksanakan. Pihak Audit telah meneliti perancangan pembangunan pelancongan Bukit Bendera seperti berikut:

#### **32.1.1 Rancangan Negeri Pulau Pinang Pertama (2001 – 2005)**

Rancangan Negeri Pulau Pinang Pertama adalah merupakan strategi pembangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang merangka dasar dan pelan tindakannya. Usaha berterusan akan dipergiatkan oleh Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan

pemasaran dan menambah jumlah ketibaan pelancong, memanjangkan tempoh penginapan mereka di samping menambah kadar perbelanjaan seorang pelancong. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2005, Pejabat Setiausaha Kerajaan menganggarkan peruntukan sejumlah RM16.52 juta untuk kemajuan dan pembangunan Bukit Bendera. Teras pembangunan sektor pelancongan Negeri adalah:

- i) membangunkan sektor pelancongan yang berkualiti tinggi;
- ii) menggalakkan penggunaan sektor pelancongan sebagai saluran bertukar budaya dan juga ekonomi;
- iii) mengekalkan alam semula jadi, budaya dan warisan sebagai sebahagian daripada pembangunan sektor pelancongan;
- iv) menambah daya tarikan Negeri ini melalui pembangunan produk dan kemudahan pelancongan yang menarik dan kekal;
- v) mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk tempatan; dan
- vi) menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi untuk memasarkan produk pelancongan Negeri.

### **32.1.2 Konsep Pembangunan**

Hasrat Kerajaan Negeri selaras dengan saranan Timbalan Perdana Menteri Malaysia semasa Mesyuarat Majlis Tanah Negara yang ke 58 pada bulan Oktober tahun 2002 iaitu menjadikan Bukit Bendera sebagai sebuah destinasi Pelancongan Warisan di negara ini. Kerajaan Negeri telah menggalakkan pelbagai usaha bagi mempertingkatkan jumlah ketibaan pelancong di Pulau Pinang dengan menaik taraf kemudahan pelancongan di Bukit Bendera. Komponen pembangunan pelancongan yang dirancang adalah:

#### **i) Pembangunan Kereta Api Bukit Bendera**

Pejabat Setiausaha Kerajaan merancang untuk menaik taraf bangunan Pejabat Pentadbiran Keretapi Bukit Bendera serta membaik pulih Stesen Bawah Keretapi Bukit Bendera. Perancangan juga dibuat untuk membaharui landasan kereta api, meninggikan terowong, menggantikan sistem brek pada

koc serta pemasangan alat hawa dingin pada koc. Kos yang dianggarkan bagi projek ini adalah berjumlah RM16 juta.

**ii) Pembangunan Warisan (*Heritage*)**

Pada masa ini ada 30 buah banglo dan 2 buah hotel yang berciri *Victorian* di Bukit Bendera. Banglo *Bel Retiro* adalah merupakan banglo yang pertama dibina di Bukit Bendera iaitu pada tahun 1789. Daripada jumlah ini, sebanyak 6 buah banglo adalah di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan. Mengikut Strategi Pemuliharaan Bangunan Warisan, semua bangunan yang melebihi 100 tahun dikategorikan sebagai bangunan warisan dan perlu dikekalkan tanpa mengubah bentuk atau ciri asal bangunan tersebut. Selain itu, bangunan pentadbiran di Stesen Bawah Keretapi Bukit Bendera juga dikategorikan bangunan warisan. Untuk mengekalkan dan memulihara keunikan banglo peranginan Bukit Bendera, Pejabat Setiausaha Kerajaan merancang untuk menswastakan 4 buah banglo peranginan iaitu *Woodside*, *Hillside*, *Convalescent* dan *Fernhill*.

**iii) Pembangunan Persekitaran**

Pejabat Setiausaha Kerajaan akan merangka beberapa rancangan untuk memulihara persekitaran dan keunikan alam semula jadi Bukit Bendera bagi menarik lebih ramai pelancong. Rancangan yang akan dijalankan adalah mencantikkan jalan di sekitar Bukit Bendera, membina tembok penahan di cerun runtuh dan tempat kritikal yang akan dikenal pasti serta menanam pelbagai jenis pokok bunga bagi mewujudkan seni taman yang indah.

**iv) Pembangunan Produk**

Pembangunan produk adalah perlu bagi memajukan pelancongan. Bagi merealisasikan pembangunan pelancongan, produk yang dirancang untuk dilaksanakan adalah produk ekopelancongan dan produk pelancongan baru. Bagi tujuan ini Pejabat Setiausaha Kerajaan akan berganding bahu dengan Jabatan Perhutanan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kebun Bunga dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

#### a) **Produk Ekopelancongan**

Jabatan Perhutanan menganggarkan sejumlah RM4.50 juta bagi kos pelaksanaan produk ekopelancongan. Produk ekopelancongan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- **Denai Hutan**

Sebuah denai hutan baru sejauh 6.6 km akan dibuka dari Western Hill ke Hutan Lipur Teluk Bahang. Jabatan Perhutanan akan membuat penanda seperti tanda laluan, tanda amaran dan nombor stesen bagi memudahkan pengunjung menggunakan denai. Denai tersebut akan mempunyai sebanyak 10 perhentian. Sebagai langkah mempromosikan denai hutan ini, satu program merentasi denai hutan akan dianjurkan. Kos yang dianggarkan bagi projek ini termasuk promosi adalah berjumlah RM74,000.

- **Titian Silara (*Canopy Walkway*)**

Titian Silara ialah satu laluan yang merentasi pohon pasak utama. Mengikut perancangan ia akan dibina 2 km dari Stesen Atas Bukit Bendera oleh sebuah syarikat swasta. Ia dijangka akan dibuka dengan rasminya kepada pengunjung pada bulan Oktober 2002 dengan anggaran kos pembinaan berjumlah RM150,000.

- **Kawasan Pokok Damar Minyak**

Pokok Damar Minyak yang juga dikenali sebagai Raja Kayu terkenal untuk pelbagai kegunaan. Kawasan tanaman pokok Damar Minyak akan dibangunkan oleh Jabatan Perhutanan di kawasan hutan Bukit Bendera. Objektif pembukaan kawasan ini adalah untuk pelancongan dan pendidikan. Tanda nama akan dilekatkan pada pokok yang dikenal pasti sebagai pokok Damar Minyak.

- **Kawasan Tapak Perkhemahan**

Satu kawasan yang sesuai akan dikenal pasti sebagai tapak perkhemahan di Bukit Bendera. Kemudahan yang

akan diadakan untuk para pengunjung di tapak perkhemahan ini adalah kemudahan tandas, tempat mandi dan kawasan memasak. Kos yang dianggarkan bagi projek tapak perkhemahan ini adalah berjumlah RM720,000.

- **Kawasan Memerhati Lotong (*Silvered Leaf Monkey*)**

Keadaan alam semula jadi yang masih tidak tercemar menjadikan persekitaran Bukit Bendera sesuai untuk habitat kera jenis lotong. Kawasan untuk memerhati lotong akan disediakan untuk orang ramai dan kos yang dianggarkan bagi projek ini adalah berjumlah RM170,000.

- **Produk Ekopelancongan Lain**

Produk ekopelancongan lain yang dirancang adalah Taman Flora Hutan Bukit Bendera (*Penang Hill Forest Garden*), Pelancongan Pendidikan Ekologi, Pertanian Bukit dan Peladangan Bunga, Denai Agro-Eko dan Taman Hidupan Liar (*Wildlife Park*).

**b) Produk Pelancongan Baru**

Pembangunan produk pelancongan baru yang akan dilaksanakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan ialah Penyewaan Pakaian Tradisional. Pakaian Tradisional Abad ke 19 dan 20 akan disewa kepada pelancong untuk tujuan bergambar pada kadar RM1.50 bagi sehelai pakaian.

**v) Pembangunan Sistem Tiket Berkomputer**

Pejabat Setiausaha Kerajaan merancang untuk mengadakan sistem penjualan tiket berkomputer. Sistem ini akan mempercepatkan proses penjualan tiket dan mengurangkan masa menunggu pelancong. Melalui sistem ini pengunjung boleh menempah tiket perjalanan balik mengikut masa yang dikehendaki. Sistem ini dijangka akan dapat memberi maklumat mengenai jumlah hasil jualan tiket dengan lebih cepat dan tepat. Anggaran kos untuk pembangunan sistem tiket ini adalah berjumlah RM49,950.

### **32.1.3 Kaedah Pelaksanaan**

Pejabat Setiausaha Kerajaan telah merancang untuk melaksanakan pembangunan pelancongan Bukit Bendera secara berterusan sepanjang tahun mengikut anggaran pembangunan yang diluluskan bagi tempoh 5 tahun (2001 – 2005). Pelaksanaan pembangunan akan dijalankan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan lain iaitu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kebun Bunga. Pemilihan kontraktor akan dibuat secara sebut harga dan tender. Selain itu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri juga merancang untuk menswastakan pengurusan Kereta Api dan banglo di Bukit Bendera.

### **32.1.4 Keperluan Kewangan**

Pejabat Setiausaha Kerajaan menganggarkan sejumlah RM33.83 juta untuk pembangunan pelancongan Bukit Bendera bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Komponen pembangunan yang dirancang adalah seperti memperbaharui landasan, meninggikan terowong, menggantikan sistem brek serta pemasangan alat hawa dingin pada koc, kerja pengubahsuaian pejabat pentadbiran keretapi Bukit Bendera, pembangunan persekitaran, pembangunan produk, khidmat pengguna dan pembangunan banglo peranginan Bukit Bendera. Butiran terperinci seperti di **Jadual 28**.

**Jadual 28**

**Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Pelancongan Bukit Bendera  
Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| <b>Bil</b> | <b>Projek Pembangunan</b>  | <b>Cadangan Tahun Dilaksana</b> | <b>Anggaran Perbelanjaan (RM)</b> |
|------------|--|---------------------------------|-----------------------------------|
| 1          | Kerja pengindahan dan lanskap.   | 2001                            | 200,000                           |
| 2          | Naik taraf banglo yang sesuai untuk dijadikan <i>training centre</i> untuk disewakan kepada Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun dan pihak swasta. | 2001                            | 50,000                            |
| 3          | Membina kawasan perkhemahan yang lengkap dengan prasarana untuk disewakan kepada pelajar dan orang perseorangan.                               | 2001                            | 10                                |
| 4          | Naik taraf tandas di Stesen Tengah dan Bawah Keretapi Bukit Bendera.   | 2001                            | 60,000                            |
| 5          | Membaiki tandas di Stesen Atas Bukit Bendera.  | 2001                            | 100,000                           |
| 6          | Membina tandas di setiap bilik menunggu (2 bilik menunggu).  | 2001                            | 100,000                           |
| 7          | Menukar <i>railing</i> di Stesen Tengah.   | 2001                            | 160,000                           |
| 8          | Naik taraf lantai di <i>corridor view</i> Stesen Atas, Stesen Tengah dan Stesen Bawah.   | 2001                            | 250,000                           |
| 9          | Menukar bumbung dan mengganti yang bocor di bilik enjin Stesen Tengah.   | 2001                            | 75,000                            |
| 10         | Kerja penyenggaraan kuarters KBB dan merekabentuk 4 kuarters di Strawberry Hills.  | 2001                            | 120,000                           |
| 11         | Kerja membina stor peralatan JKR Mekanikal di Stesen Tengah.   | 2001                            | 25,000                            |
| 12         | Membeli peralatan penyenggaraan koc dan rumah enjin.   | 2001                            | 50,000                            |
| 13         | Kerja ubahsuai sistem elektrik Keretapi Bukit bendera.   | 2001                            | 1,000,000                         |
| 14         | Pemasangan lampu kawasan dan perhiasan untuk Stesen Keretapi Bukit Bendera.  | 2001                            | 70,000                            |
|            |  | <b>Jumlah</b>                   | <b>2,260,010</b>                  |

| Bil                       | Projek Pembangunan   | Cadangan Tahun Dilaksana | Anggaran Perbelanjaan (RM) |
|---------------------------|--|--------------------------|----------------------------|
| 15                        | Membina pejabat pentadbiran Keretapi Bukit Bendera.  | 2002                     | 1,010,000                  |
| 16                        | Membina kompleks letak kereta, 10 unit kedai dan 10 unit kediaman kakitangan.  | 2002                     | 3,310,000                  |
| 17                        | Naik taraf 5 buah banglo peranginan di Bukit Bendera.  | 2002                     | 1,000,000                  |
| 18                        | Mengganti landasan yang telah menjangkau usia lebih 80 tahun serta menggantikan koc.   | 2002                     | 9,500,000                  |
| <b>Jumlah</b>             |  |                          | <b>14,820,000</b>          |
| 19                        | Naik taraf pejabat pentadbiran Keretapi Bukit Bendera.   | 2003                     | 1,000,000                  |
| 20                        | Menyediakan pokok bunga hiasan untuk ditempatkan di Stesen Atas, Tengah, Bawah dan di sepanjang landasan.                          | 2003                     | 150,000                    |
| 21                        | Membaiki dan mengganti bumbung Banglo Hillside.  | 2003                     | 200,000                    |
| 22                        | Kerja membaharui landasan, meninggikan terowong, menggantikan sistem brek pada koc serta pemasangan alat penghawa dingin pada koc. | 2003                     | 15,000,000                 |
| 23                        | Membaiki jalan di kawasan Bukit Bendera.   | 2003                     | 100,000                    |
| 24                        | Membina <i>retaining wall</i> untuk cerun runtuh.  | 2003                     | 100,000                    |
| 25                        | Membina papan tanda di Bukit Bendera.  | 2003                     | 50,000                     |
| 26                        | Membaiki keseluruhan jalan <i>by-pass</i> .  | 2003                     | 100,000                    |
| 27                        | Penyenggaraan ' <i>Canopy Walk</i> '   | 2003                     | 50,000                     |
| <b>Jumlah</b>             |  |                          | <b>16,750,000</b>          |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> |  |                          | <b>33,830,010</b>          |

Sumber: Unit Keretapi Bukit Bendera

**Pada pendapat Audit, anggaran yang disediakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri adalah realistik kerana kos untuk menggantikan landasan yang dirancang pada tahun 2002 dan 2003 adalah tinggi. Selain itu, cadangan tersebut difikirkan perlu dan kritikal memandangkan usia landasan yang telah menjangkau lebih 80 tahun.**



### **32.1.5 Kumpulan Wang Tabung Amanah Pelancongan Bukit**

#### **Bendera**

Satu tabung amanah dikenali sebagai Kumpulan Wang Tabung Amanah Pelancongan Bukit Bendera akan diwujudkan khusus untuk perkhidmatan dan penyenggaraan banglo peranginan Bukit Bendera. Kumpulan Wang ini akan dikawal oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan. Ia diwujudkan untuk menerima pemberian, derma atau sumbangan daripada Kerajaan Negeri, individu, pihak swasta atau pertubuhan bagi melaksanakan aktiviti promosi pelancongan. Kerajaan Negeri memperuntukkan sumbangan tahunan sejumlah RM150,000. Jawatankuasa Kumpulan Wang ini terdiri daripada 10 ahli dan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan. Aktiviti yang dirancang ialah:

- i) Melaksana dan membiayai perbelanjaan bagi aktiviti kebudayaan, pameran, promosi, perayaan dan sebagainya secara berjadual untuk daya tarikan pelancong.
- ii) Menanggung pembelian kecil dan pengurusan banglo peranginan Kerajaan dan kemudahan lain yang sedia ada serta yang akan diwujudkan.

### **32.1.6 Khidmat Pengguna**

Perkhidmatan yang terbaik mesti diberikan bagi memastikan keselesaan pelancong semasa berada di Bukit Bendera. Perkhidmatan pengguna yang dirancang oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan adalah menyediakan gerai makan, kemudahan penginapan, tandas, pelantar pemandangan, papan tanda dan petunjuk lokasi menarik di sekitar Bukit Bendera serta kemudahan ruang meletak kereta.

### **32.1.7 Aktiviti Promosi**

Pejabat Setiausaha Kerajaan merancang menerbitkan risalah dan membangunkan satu laman web mempromosikan Bukit Bendera. Selain itu, aktiviti promosi lain yang dirancang ialah mengadakan persembahan kebudayaan dan hiburan, persembahan seni

mempertahankan diri, pameran kraftangan, pertunjukan silap mata dan pertunjukan *plasticman*.

### 32.1.8 Anggaran Hasil

Hasil yang akan diperolehi dari aktiviti pelancongan di Bukit Bendera adalah daripada kutipan tambang kereta api, sewaan banglo peranginan dan bayaran tempat menyimpan kereta. Butiran lanjut anggaran hasil bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 29**.

**Jadual 29**

**Jadual Anggaran Hasil Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| Jenis Hasil                           | Anggaran Hasil   |                  |                  |
|---------------------------------------|------------------|------------------|------------------|
|                                       | 2001<br>( RM )   | 2002<br>( RM )   | 2003<br>( RM )   |
| Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan | 1,934,200        | 2,320,200        | 2,374,200        |
| Perolehan Dan Jualan Barang-barang    | -                | 300              | 300              |
| Sewaan                                | 25,200           | 44,400           | 34,800           |
| <b>Jumlah</b>                         | <b>1,959,400</b> | <b>2,364,900</b> | <b>2,409,300</b> |

*Sumber: Unit Keretapi Bukit Bendera*

### 32.1.9 Jawatankuasa Pembangunan Bukit Bendera

Satu Jawatankuasa Pembangunan Bukit Bendera akan ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran). Ia bertujuan mengawasi keseluruhan pembangunan Bukit Bendera. Bidang tugas Jawatankuasa ini adalah merancang, menyelaraskan dan mengawal pembangunan Bukit Bendera, mengawal selia penguatkuasaan, membuat promosi pelancongan dan menyelaraskan penyediaan infrastruktur. Pejabat Setiausaha Kerajaan adalah sebagai penyelaraskan, manakala peranan Jabatan lain adalah seperti berikut:

- i) Jabatan Perancang Bandar Dan Desa berperanan sebagai Setiausaha.
- ii) Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Jabatan Perhutanan berperanan sebagai unit yang memantau kawalan pembangunan, pengawasan dan penguatkuasaan.

- iii) Jurutera Daerah Timur Laut berperanan sebagai unit yang memantau infrastruktur dan jalan.
- iv) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang berperanan untuk mempromosikan aktiviti pelancongan.

**Pada pandangan Audit, Pejabat Setiausaha Kerajaan telah membuat perancangan yang baik untuk memajukan pelancongan Bukit Bendera dan menjadikannya sebagai sebuah destinasi pelancongan tanah tinggi yang terkenal. Perancangan telah mengambil kira kemudahan asas yang perlu serta menyediakan program aktiviti bagi pengunjung.**

## **32.2 PELAKSANAAN**

Pembangunan Pelancongan Bukit Bendera dilaksanakan berdasarkan kepada pelan tindakan Rancangan Negeri Pulau Pinang Pertama (2001-2005) sebagai strategi pembangunan Negeri bagi tempoh 5 tahun. Ia dilaksanakan melalui konsep pembangunan bersepadu dengan penglibatan Pelbagai Agensi pelaksana seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Kebun Bunga, Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Pejabat Setiausaha Kerajaan telah diberi tanggungjawab mengurus, melaksana dan memantau pembangunan pelancongan Bukit Bendera.

### **32.2.1 Peruntukan Kewangan**

Peruntukan yang diluluskan untuk pembangunan dan kemajuan Bukit Bendera pada tahun 2001 adalah sama dengan jumlah peruntukan yang dipohon iaitu berjumlah RM2.26 juta. Pada tahun 2002, peruntukan yang diluluskan adalah berjumlah RM1.70 juta daripada RM14.82 juta yang dipohon. Manakala bagi tahun 2003 jumlah yang diluluskan RM0.45 juta daripada RM16.75 juta yang dipohon. Permohonan untuk menjalankan kerja membaharui landasan, meninggikan terowong, menggantikan sistem brek pada koc serta pemasangan alat penghawa dingin pada koc berjumlah RM15 juta dan kerja pengubahsuaian sistem elektrik Keretapi Bukit Bendera berjumlah RM1.50 juta tidak diluluskan.

**Pada pendapat Audit, walaupun peruntukan kewangan yang diluluskan adalah kurang dari jumlah yang dipohon, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri masih dapat menjalankan aktiviti yang dirancang kecuali kerja pengubahsuaian dan pembaharuan landasan.**

### **32.2.2 Kaedah Pelaksanaan**

Pejabat Setiausaha Kerajaan telah melaksanakan projek pembangunan Bukit Bendera dengan cara usaha sama pelbagai agensi dan penswastaaan:

#### **i) Usaha Sama Pelbagai Agensi**

Kerja projek pembangunan yang dilaksanakan adalah melalui peruntukan kewangan yang diterima oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan. Pejabat Setiausaha Kerajaan mengagihkan peruntukan melalui waran peruntukan kecil kepada pihak Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Kebun Bunga. Projek pembangunan yang telah dilaksanakan oleh agensi pelaksana adalah seperti di **Jadual 30**.

**Jadual 30**  
**Komponen Pembangunan Pelancongan Yang Telah Dilaksanakan**  
**Di Bukit Bendera**

| Bil. | Komponen Pembangunan     | Projek Pembangunan/Produk Pelancongan Yang Telah Dijalankan   | Agensi Pelaksana                           |
|------|--------------------------|---|--|
| 1.   | Pembangunan Persekitaran | Projek Landskap Pembinaan Tembok Penahan  | Jabatan Kebun Bunga dan Jabatan Kerja Raya |
| 2.   | Pembangunan Produk       | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan Produk Ekopelancongan Denai Hutan Bukit Bendera ke Telok Bahang, Titian Silara, Kawasan Pokok Damar Minyak (dijangka dibuka kepada orang ramai selewatnya akhir tahun 2004)</li> </ul> | Jabatan Perhutanan Dan Jabatan Kerja Raya  |
|      |                          | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pembangunan Produk Pelancongan Baru Penyewaan Pakaian Tradisional abad ke 19 dan 20</li> </ul>   | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri         |
| 3.   | Pembangunan Sistem Tiket | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemasangan Sistem Tiket Berkomputer</li> </ul>   | Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri         |
| 4.   | Pembangunan Warisan      | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pembinaan Pejabat Pentadbiran Baru dan Muzium</li> </ul>   | Majlis Perbandaran Pulau Pinang            |

Sumber: Unit Keretapi Bukit Bendera

**ii) Penswastaan**

Kerajaan Negeri telah merancang untuk menswastakan pengurusan kereta api Bukit Bendera dan banglo di Bukit Bendera. Tujuan penswastaan ini adalah untuk mengurangkan perbelanjaan pembangunan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri, menjimatkan belanja mengurus, di samping memberi hasil tambahan. Semasa pemeriksaan Audit, projek penswastaan kereta api Bukit Bendera masih di peringkat perbincangan di antara Kerajaan Negeri dengan pihak yang terlibat. Manakala projek penswastaan bagi naik taraf banglo sedia ada iaitu *Woodside, Hillside, Convalescent, Fernhill* dan *Strawberry Hill Tea Kiosk* telah termeterai perjanjiannya dengan sebuah syarikat swasta pada bulan Jun 2004.

**Pada pendapat Audit, kaedah pengurusan secara penswastaan ini adalah baik dan Kerajaan dapat menjimatkan kos.**

### **32.2.3 Prestasi Pembangunan Fizikal Bukit Bendera**

Pembangunan Fizikal merupakan aspek penting bagi memajukan pembangunan pelancongan. Pejabat Setiausaha Kerajaan telah melaksanakan pembangunan mengikut perancangan. Pembangunan Fizikal itu adalah seperti berikut:

#### **i) Pembangunan Kereta Api Bukit Bendera**

Kerja pembangunan kereta api Bukit Bendera yang dianggarkan berjumlah RM15 juta belum dapat dilaksanakan hingga kini sungguhpun permohonan telah dibuat sejak tahun 2002. Ini disebabkan kegawatan ekonomi.

#### **ii) Pembangunan Persekitaran**

Pemeriksaan Audit pada bulan Disember 2003, mendapati rancangan pembangunan persekitaran yang telah dilaksanakan di Bukit Bendera adalah seperti berikut:

- a)** Laluan refleksologi di sebahagian laluan jip telah diindahkan.
- b)** Jalan di Bukit Bendera dan cerun telah ditanam dengan pelbagai jenis pokok bunga.
- c)** Pokok bunga hiasan telah disediakan di Stesen Atas, Tengah dan Bawah.
- d)** Cerun yang dikenal pasti sebagai kritikal di Stesen Tengah dan Stesen Atas telah dibina *retaining wall*.
- e)** Tanaman pokok bunga telah diperbanyakkan di sekitar Bukit Bendera.

#### **iii) Pembangunan Produk**

Pembangunan produk ekopelancongan telah dilaksanakan secara konsep pembangunan bersepadu. Pemeriksaan Audit mendapati Projek Membuka Denai Hutan baru dari Bukit Bendera ke Telok Bahang, Titian Silara dan Penyewaan Pakaian Tradisional untuk tujuan bergambar telah dilaksanakan. Kawasan pokok Damar Minyak telah dibangunkan tetapi belum dibuka kepada orang ramai sebab

kerja pengumpulan maklumat masih dijalankan. Selain itu, kawasan tapak perkhemahan dan kawasan memerhati lotong masih belum dilaksanakan. Ini adalah sebab kerja pembangunan di Bukit Bendera dijalankan secara berperingkat mengikut tahun bagi tempoh Rancangan Pembangunan Negeri Pulau Pinang.

**iv) Pembangunan Sistem Tiket Berkomputer**

Pejabat Setiausaha Kerajaan telah mengeluarkan tender untuk pembangunan sistem tiket berkomputer. Sebuah syarikat telah dipilih berdasarkan harga tender terendah iaitu berjumlah RM49,950. Pada bulan September 2003, syarikat tersebut telah menjalankan ujian prototaip sistem tiket berkomputer yang akan digunakan di Unit Keretapi Bukit Bendera. Hasil daripada ujian prototaip tersebut adalah didapati Sistem Tiket Berkomputer ini dapat mempercepatkan proses penjualan tiket, menjimatkan masa pelanggan menunggu dan dapat memberikan maklumat mengenai hasil jualan tiket dengan cepat. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan, penggunaan sistem tiket berkomputer ini belum beroperasi. Pembangunan Sistem Tiket Berkomputer dapat mengelakkan kesesakan di ruang menunggu. **Sila lihat Foto 5.**

**Foto 5**  
**Keadaan Kesesakan Di Kaunter Membeli Tiket**



*Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara*  
*Tarikh: 31 Ogos 2003*

**v) Pembangunan Warisan**

Kereta api bukit merupakan tarikan utama pelancong ke Bukit Bendera. Selain dari menikmati dan merasai pengalaman menaiki kereta api bukit, pelancong dari luar negara terutamanya rakyat British ingin melihat sejarah warisan yang ditinggalkan oleh Kerajaan British. Pemeriksaan Audit mendapati Unit Keretapi Bukit Bendera, Pejabat Setiausaha Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk naik taraf perkhidmatan kereta api Bukit Bendera. Kerajaan Negeri memperolehi pembiayaan untuk projek pembangunan warisan ini daripada Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang dilantik sebagai Agensi Pelaksana. Kerja yang telah dilaksanakan adalah:

- a) Pembinaan pejabat pentadbiran baru termasuk muzium pada bangunan asal Stesen.
- b) Pengubahsuaian bilik menunggu.
- c) Menambah kemudahan awam dan memastikan keselamatan penumpang tidak terancam.



- d) Kawasan persekitaran kaunter tiket dilengkapi dengan penghawa dingin bagi keselesaan kepada para pengunjung/pelancong.

**Pada pendapat Audit, prestasi pembangunan yang telah dilaksanakan adalah memuaskan dan dapat meningkatkan imej Bukit Bendera sebagai destinasi pelancongan.**

#### **32.2.4 Khidmat Pengguna**

Perkhidmatan pengguna perlu disediakan untuk kemudahan pengguna yang berkunjung ke Bukit Bendera. Jabatan menyedari bahawa untuk memastikan pengunjung kembali melawat Bukit Bendera, perkhidmatan yang terbaik mesti diberikan kepada pengunjung. Pemeriksaan Audit mendapati perkhidmatan pengguna yang disediakan adalah seperti berikut:

- i) Papan tanda telah dibuat bagi memudahkan aliran pelawat untuk pergi ke sesuatu arah di atas bukit.
- ii) Siaran maklumat pelancong dalam kereta api telah dilancarkan oleh Kerajaan Negeri pada awal bulan Oktober 2002. Siaran maklumat ini memberi penerangan mengenai sejarah pembukaan kereta api bukit dan tempat menarik di atas Bukit Bendera.
- iii) Bilik menunggu kereta api ada disediakan di Stesen Bawah dan Stesen Atas dengan kemudahan televisyen.
- iv) Sejumlah 9 buah gerai di perkarangan pintu masuk Stesen Bawah dan 26 buah gerai di kawasan atas Bukit Bendera telah disediakan. Pemerhatian Audit mendapati 7 penjaja haram beroperasi di Jalan Tuanku Yahya Petra di Stesen Atas Keretapi Bukit Bendera. Surat amaran telah dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan kepada penjaja tersebut, namun keadaan ini masih berlaku terutama pada hari cuti kelepasan am. Pihak Penguatkuasa Majlis Perbandaran telah dimaklumkan perkara ini.
- v) Pada masa ini ada 4 buah banglo *Hillside*, *Woodside*, *Convalescent* dan *Fernhill* yang dikendalikan oleh Kerajaan

Negeri dan Hotel *Bellview* yang dikendalikan oleh pihak swasta bagi kemudahan bermalam. Kadar sewa bilik yang dikenakan adalah berpatutan.

- vi) Pejabat Setiausaha Kerajaan telah menyediakan sebanyak 3 unit tandas lelaki dan 5 unit tandas perempuan di Stesen Bawah, dua unit tandas lelaki dan perempuan di Stesen Tengah dan Stesen Atas. Kesemua tandas tersebut disenggara oleh kakitangan Unit Keretapi Bukit Bendera. Selain itu, dua unit tandas lelaki dan perempuan lain di bahagian atas Bukit Bendera disenggara oleh kakitangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Lawatan Audit mendapati bilik air dan tandas berkeadaan bersih.
- vii) Kemudahan meletak kenderaan telah disediakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang di hadapan pintu masuk Stesen Bawah Keretapi Bukit Bendera. Ia beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam. Sebanyak 37 petak untuk kereta, tujuh belas petak untuk motosikal, enam petak untuk teksi dan 6 petak untuk bas telah disediakan. Tinjauan Audit mendapati kawasan meletak kenderaan ini tidak mencukupi pada musim cuti kelepasan mingguan dan cuti sekolah. Sila lihat **Foto 6**.

### Foto 6

#### Tempat Meletak Kenderaan



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 31 Ogos 2003

- viii) Kemudahan pengangkutan menggunakan kenderaan pacuan 4 roda disediakan oleh Unit Keretapi Bukit Bendera, Pejabat Setiausaha Kerajaan di Stesen Atas dengan kadar yang ditetapkan.
- ix) Kemudahan bas awam dari Stesen Bas Air Itam terus ke Stesen Keretapi Bukit Bendera dikenakan tambang sejumlah RM0.70 seorang. Tinjauan Audit mendapati bas tiba di Bukit Bendera tiap-tiap 15 minit iaitu mengikut masa kereta api tiba dari Stesen Tengah ke Stesen Bawah. Tambang teksi dari Pusat Bandar Georgetown ke kaki Bukit Bendera pula berharga RM6 sehalu.
- x) Sebanyak 2 peti cadangan diletakkan di Stesen Bawah dan Stesen Atas. Peti cadangan dibuka tiap-tiap hari oleh Pengurus Keretapi Bukit Bendera.
- xi) Pejabat Setiausaha Kerajaan telah memperkenalkan Laman Web Bukit Bendera iaitu [www.sukpp.gov.my](http://www.sukpp.gov.my).
- xii) Ada rondaan dibuat oleh pegawai polis di Stesen Bawah dan Stesen Atas Bukit Bendera. Dengan adanya rondaan ini pengunjung berasa selesa akan keselamatan mereka.

**Pada pendapat Audit, Jabatan telah mengadakan kemudahan kepada pengguna dengan baik untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai tumpuan pelancongan.**

### **32.2.5 Aktiviti Promosi**

Pemeriksaan Audit mendapati pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) telah menjalankan penggambaran di Bukit Bendera sempena program 'Cuti-cuti Malaysia' pada bulan Mac 2002 dan disiarkan pada bulan Mei 2002. Syarikat filem swasta juga telah memilih Bukit Bendera sebagai lokasi penggambaran filem dan dokumentari. Hebahan juga dibuat melalui RTM Pulau Pinang pada bulan Februari dan Ogos 2003. Selain itu, Unit Keretapi Bukit Bendera telah mengadakan 4 aktiviti untuk menarik pelancong ke Bukit Bendera. Aktiviti yang telah diadakan adalah seperti di **Jadual 31**.

**Jadual 31**  
**Aktiviti Promosi**

| Bil. | Aktiviti                                    | Tarikh                  |
|------|---|-------------------------|
| 1.   | Seni mempertahankan diri                    | Mac 2003                |
| 2.   | Pameran kraf tangan dan persembahan hiburan | Mac 2003 dan Julai 2003 |
| 3.   | Pertunjukan silap mata                      | Mac 2003 dan Ogos 2003  |
| 4.   | Pertunjukan <i>plasticman</i>               | Mac 2003 dan Ogos 2003  |

Sumber: Unit Keretapi Bukit Bendera

**Pada pendapat Audit, Pejabat Setiausaha Kerajaan telah melaksanakan aktiviti promosinya seperti dirancang. Walaupun begitu, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri perlu meningkatkan lagi aktiviti promosi dan menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan pelancongan seperti *Malaysia Association Tour And Travel Agency (MATTA)* dan *Penang International Hotel Association (PIHA)*. Aktiviti promosi yang dijalankan adalah terhad kerana kekurangan sumber kewangan.**

#### **32.2.6 Prestasi Perbelanjaan Pembangunan**

Jumlah perbelanjaan pembangunan Bukit Bendera bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah berjumlah RM3 juta. Baki peruntukan pembangunan Bukit Bendera di bawah Rancangan Negeri Pulau Pinang Pertama sehingga tahun 2003 adalah sejumlah RM12.06 juta. Perbelanjaan yang telah dilakukan pada tahun 2003 adalah seperti di **Jadual 32**.

**Jadual 32**  
**Perbelanjaan Pembangunan Pelancongan**  
**Bukit Bendera Pada Tahun 2003**

| <b>Bil.</b>   | <b>Projek Pembangunan</b>   | <b>Tahun</b> | <b>Peruntukan Diterima (RM)</b> | <b>Perbelanjaan Sebenar (RM)</b> | <b>Peratus (%)</b> |
|---------------|---|--------------|---------------------------------|----------------------------------|--------------------|
| 1.            | Membaiki jalan <i>By-Path</i> keseluruhan/membersih kawasan atas Bukit Bendera  | 2003         | 100,000                         | 100,000                          | 100%               |
| 2.            | Membina <i>Retaining Wall</i> untuk cerun runtuh/potong rumput di persekitaran atas Bukit Bendera                             | 2003         | 100,000                         | 100,000                          | 100%               |
| 3.            | Memasang <i>railing</i> di tepi gerai Stesen Bawah/naik taraf tandas awam di Stesen Atas dan Stesen Tengah                    | 2003         | 20,000                          | 20,000                           | 100%               |
| 4.            | Pendawaian elektrik   | 2003         | 10,000                          | 10,000                           | 100%               |
| 5.            | Sistem tiket berkomputer  | 2003         | 50,000                          | 49,950                           | 99.9%              |
| 6.            | Landskap dan penanaman pokok bunga di Stesen Atas, Tengah dan Bawah   | 2003         | 20,000                          | 20,000                           | 100%               |
| 7.            | Membina <i>Sub-Station</i> di <i>Lower Tunnel</i>   | 2003         | 15,000                          | 15,000                           | 100%               |
| 8.            | Membina <i>railing</i> di cerun berbahaya dan memasang meter serta paip air di beberapa stesen kecil                          | 2003         | 15,000                          | 15,000                           | 100%               |
| 9.            | Kerja pembinaan tembok penahan di <i>Tea Kiosk</i> di belakang pentas di atas Bukit Bendera/kerja penyenggaraan Titian Silara | 2003         | 120,030                         | 120,030                          | 100%               |
| <b>Jumlah</b> |   |              | <b>450,030</b>                  | <b>449,980</b>                   | <b>99.9%</b>       |

Sumber: Unit Keretapi Bukit Bendera

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan pembangunan pelancongan Bukit Bendera pada tahun 2003 menunjukkan Jabatan telah melaksanakan projek yang dirancang dengan baik. Bagaimanapun, kerja memperbaharui landasan dan menggantikan koc berjumlah RM15 juta tidak dapat

**dilaksanakan kerana tiada peruntukan disediakan untuk aktiviti ini dalam Rancangan Negeri Pulau Pinang Pertama.**

### **32.2.7 Perbelanjaan Wang Tabung Amanah Pelancongan Bukit**

#### **Bendera**

Kumpulan Wang Tabung Amanah Pelancongan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2001. Kerajaan Negeri memberi sumbangan tahunan sejumlah RM150,000 kepada tabung ini. Setakat tahun 2003, tabung ini telah menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM250,000. Tabung amanah ini juga menerima pendapatan dari hasil jualan barangan kraf dan faedah simpanan. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 pendapatan yang diperolehi adalah berjumlah RM254,632. Perbelanjaan yang telah dibuat pada tahun 2001 adalah sejumlah RM38,616 bagi tahun 2002 sejumlah RM20,360 dan pada tahun 2003 sejumlah RM26,835. Perbelanjaan tersebut adalah bagi aktiviti persembahan hiburan, pembelian barangan harta modal seperti kamera, *note book*, televisyen dan sistem media *P.A. Amplifier*.

**Pada pendapat Audit, akaun Kumpulan Wang Tabung Amanah Pelancongan Bukit Bendera diurus dengan baik. Walaupun begitu, perbelanjaan yang dibuat tidak dirancang dan dibuat secara *ad hoc*.**

### **32.2.8 Prestasi Kedatangan Pelancong**

Jumlah pelancong dapat dilihat melalui unjuran kedatangan pelancong ke Bukit Bendera. Pihak Audit mendapati kedatangan pelancong amat ketara pada cuti hujung minggu dan pada musim cuti persekolahan. Bagaimanapun, Pejabat Setiausaha Kerajaan tidak menjalankan bancian khusus sebaliknya mendapatkan statistik pelancong melalui jualan tiket kereta api. Jumlah kedatangan pelancong bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 33**.

**Jadual 33****Bilangan Pelancong Ke Bukit Bendera Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| Tahun | Kategori Pelancong |             | Jumlah  |
|-------|--------------------|-------------|---------|
|       | Dewasa             | Kanak-kanak |         |
| 2001  | 469,858            | 104,390     | 574,248 |
| 2002  | 474,573            | 115,876     | 590,449 |
| 2003  | 367,084            | 86,814      | 453,898 |

Sumber: Statistik Unit Keretapi Bukit Bendera

Berdasarkan jadual di atas, jumlah pelancong pada tahun 2002 meningkat sebanyak 2.8% berbanding tahun 2001. Jumlah ini menurun pada tahun 2003 berikutan wabak penyakit Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk (SARS).

**Pada pendapat Audit, kaedah bancian yang bersistematik perlu dibuat bagi mendapatkan statistik sebenar jumlah kedatangan pelancong ke Bukit Bendera.**

**32.2.9 Prestasi Kutipan Hasil**

Pihak Audit mendapati Pejabat Setiausaha Kerajaan telah memperolehi hasil berjumlah RM6.05 juta bagi tempoh 3 tahun seperti di **Jadual 34**.

**Jadual 34****Penerimaan Hasil Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| Bil. | Jenis Hasil                           | Hasil            |                  |                  |
|------|---------------------------------------|------------------|------------------|------------------|
|      |                                       | 2001 (RM)        | 2002 (RM)        | 2003 (RM)        |
| 1.   | Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 2,076,050        | 2,120,444        | 1,644,481        |
| 2.   | Perolehan dan Jualan Barang           | 29,647           | 13,849           | 6,954            |
| 3.   | Sewaan                                | 43,480           | 71,522           | 46,101           |
|      | <b>Jumlah Hasil</b>                   | <b>2,149,177</b> | <b>2,205,815</b> | <b>1,697,536</b> |

Sumber: Unit Keretapi Bukit Bendera

Jadual di atas menunjukkan jumlah hasil yang diperolehi oleh Unit Keretapi Bukit Bendera telah meningkat sebanyak 2.6% pada tahun 2002 berbanding tahun 2001. Bagaimanapun, jumlah hasil ini menurun pada tahun 2003 berikutan wabak penyakit SARS yang menyebabkan kemerosotan bilangan pengunjung.

**Pada pendapat Audit, Pejabat Setiausaha Kerajaan telah mencapai sasaran pungutan hasil kerana ada peningkatan hasil pada tahun 2002 berbanding tahun 2001. Penurunan hasil pada tahun 2003 adalah di luar kawalan Pejabat iaitu akibat daripada wabak penyakit SARS.**

**Pada pandangan Audit, pembangunan pelancongan Bukit Bendera telah dilaksanakan dengan baik. Perkhidmatan pengguna yang lengkap, serta promosi yang dibuat oleh pihak media elektronik telah menjadikan Bukit Bendera sebagai salah satu destinasi pelancongan yang popular. Namun begitu, aktiviti pembangunan fizikal tidak dapat dilaksanakan dengan pesat oleh kerana peruntukan kewangan yang terhad.**

### **32.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan patut dibuat semasa pelaksanaan sesuatu projek sehinggalah tamat. Pemantauan adalah bertujuan untuk memastikan objektif pembangunan pelancongan Bukit Bendera tercapai. Satu Jawatankuasa Pembangunan Bukit Bendera yang dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pentadbiran) telah ditubuhkan untuk mengawasi keseluruhan pembangunan Bukit Bendera. Jawatankuasa Pembangunan Bukit Bendera/Jawatankuasa Penyelaras Kerja Pembangunan dan Penyelenggaraan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada bulan Julai 2001.

Pemeriksaan Audit mendapati pemantauan terhadap pembangunan Bukit Bendera adalah kurang berkesan. Bagi semua kerja yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi tiada maklumat berbentuk laporan dihantar kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan selaku penyelaras. Pejabat Setiausaha Kerajaan



sebagai penyelaras sepatutnya mengawal kerja pembangunan yang dilaksanakan oleh agensi yang terlibat seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Jabatan Kebun Bunga, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perhutanan dan Jabatan lain. Agensi berkenaan membuat pengawasan kerja dan kawal selia secara tersendiri. Sehingga tahun 2002, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 5 kali.

**Pada pandangan Audit, walaupun sebuah Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Pembangunan Bukit Bendera diwujudkan tetapi fungsi dan peranannya kurang berkesan.**

### **33. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pejabat Setiausaha Kerajaan berjaya mengurus Bukit Bendera seperti yang dirancang. Pertambahan kedatangan pelancong dan peningkatan kutipan hasil membuktikan Pejabat Setiausaha Kerajaan berjaya mencapai matlamatnya untuk menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi pelancongan tanah tinggi (*hill resort*) yang terkenal dan unik di rantau ini. Kepelbagaian produk pelancongan, prasarana yang berkualiti, aktiviti pemasaran dan promosi yang berkesan serta kemudahan mendapatkan maklumat berkaitan produk pelancongan yang ditawarkan menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi pilihan pelancong tempatan dan antarabangsa. Bagaimanapun, pembangunan produk baru, penyenggaraan yang baik, perkhidmatan yang memuaskan dan pelaburan berterusan adalah antara faktor utama mempengaruhi keberkesanan produk pelancongan. Sehubungan itu adalah disyorkan:

- i) Unit Keretapi Bukit Bendera diperbadankan agar dapat menguruskan perbelanjaan dan hasilnya sendiri.
- ii) Semua aktiviti pentadbiran dan operasi, penyenggaraan kereta api dan penyenggaraan kawasan yang pada masa ini dijalankan oleh agensi berlainan haruslah diletakkan di bawah satu pentadbiran. Penggabungan aktiviti yang dijalankan oleh pelbagai agensi di bawah satu bumbung dapat memberikan kesan yang positif kerana pengawalan yang berterusan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan.

- iii) Peranan Jawatankuasa Pembangunan/Penyelaras Bukit Bendera perlu diperkemaskan lagi dengan ahli Jawatankuasa terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Pelancongan) sebagai Pengerusi dan Ketua-ketua Agensi terlibat adalah sebagai ahli.

## **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**

### **PENGURUSAN PENYENGGARAAN SALIRAN**

#### **34. LATAR BELAKANG**

Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Pulau Pinang (Jabatan) bertanggungjawab memberi perkhidmatan berkaitan dengan operasi dan penyenggaraan sungai, parit utama dan pantai, merancang dan melaksana projek tebatan banjir serta projek pembersihan dan peningkatan kualiti air sungai. Jabatan juga melaksanakan penyenggaraan infrastruktur saliran. Saliran merupakan proses penyaluran air yang berlebihan dari dalam atau permukaan tanah secara semula jadi atau melalui buatan manusia.

Saliran terdiri daripada saliran pertanian dan bukan pertanian. Saliran pertanian adalah penyaluran keluar air dari kawasan pertanian. Ia terdiri daripada sungai, parit dan tali air berkonkrit. Saliran bukan pertanian merupakan penyaluran keluar air dari kawasan bandar dan penempatan. Ianya terdiri daripada sungai, parit tanah dan parit konkrit. Secara keseluruhannya ada 164 batang sungai di Pulau Pinang dan 40% daripadanya adalah merupakan saliran bukan pertanian. Bagi memastikan sistem saliran sentiasa berfungsi dengan berkesan, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM1.16 juta pada tahun 2001, RM1.18 juta pada tahun 2002 dan RM1.03 juta pada tahun 2003 bagi kerja penyenggaraan saliran.

#### **35. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan penyenggaraan saliran dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

#### **36. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Skop kajian Audit adalah tertumpu kepada penyenggaraan saliran bukan pertanian kerana banyak aduan diterima daripada orang ramai mengenai tahap keberkesanan penyenggaraannya. Kajian pengurusan penyenggaraan saliran ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang telah dilakukan

oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran. Pemeriksaan Audit meliputi rekod, dokumen dan laporan mengenai pelaksanaan program penyenggaraan saliran bukan pertanian bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Pemeriksaan Audit dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran dan di 2 Cawangannya iaitu Daerah Seberang Prai Tengah dan Daerah Timur Laut. Selain itu, temu bual dengan pegawai Jabatan Pengairan Dan Saliran serta lawatan ke tapak projek saliran juga diadakan.

## **37. PENEMUAN AUDIT**

### **37.1 PERANCANGAN**

Rancangan Negeri Pulau Pinang Pertama (2001 – 2005) menekankan 15 perkara dasar. Perkara yang diberi penekanan adalah infrastruktur, utiliti dan pengurusan saliran. Pengurusan saliran adalah meliputi rancangan tebatan banjir serta pemeliharaan dan pemulihan sungai bagi mengurangkan kejadian banjir. Jabatan Pengairan Dan Saliran bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan penyenggaraan saliran dengan cekap dan berkesan. Pihak Audit telah meneliti perancangan Jabatan seperti berikut:-

#### **37.1.1 Struktur Pengurusan Dan Guna Tenaga**

Kakitangan yang mencukupi serta mempunyai kelayakan dan keupayaan yang bersesuaian dengan tugas merupakan faktor penting bagi menentukan kecekapan dan keberkesanan sebuah Jabatan. Struktur Organisasi Jabatan Pengairan Dan Saliran terdiri daripada 3 bahagian iaitu Bahagian Operasi, Bahagian Pengairan Dan Pantai, Bahagian Saliran Dan Sungai dan 5 Daerah iaitu Daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Timur Laut Dan Daerah Barat Daya. Jabatan diketuai oleh seorang Pengarah (Gred J54). Bahagian yang terlibat secara langsung untuk menyelenggara sistem saliran adalah Bahagian Saliran Dan Sungai dan semua daerah. Bahagian Saliran Dan Sungai diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Kanan (Gred J48) dan Jurutera (Gred J41) mengetuai Daerah. Jumlah perjawatan

yang diluluskan pada tahun 2003 adalah sejumlah 505 perjawatan. Selain itu, bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan Pengairan Dan Saliran merancang mengadakan 15 latihan/kursus yang berkaitan dengan bidang tugas untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan.

**Pada pendapat Audit, struktur pengurusan Jabatan Pengairan Dan Saliran adalah baik dan bersesuaian dengan fungsinya.**

### **37.1.2 Pemilihan Lokasi Penyenggaraan**

Peningkatan paras air sungai yang melimpah ke kawasan rendah ketika air pasang dan hujan lebat dan kegagalan sistem saliran dan peparitan berfungsi dengan baik sedikit sebanyak menyumbang kepada berlakunya banjir di Pulau Pinang. Kerja penyenggaraan saliran yang berkesan perlu dirancang bagi memastikan kejadian banjir dapat dikurangkan. Pada tahun 2003, Jabatan Pengairan Dan Saliran merancang untuk melakukan kerja penyenggaraan di semua kawasan saliran bukan pertanian. Ia melibatkan 8 sungai dan 34 parit tanah di kawasan Seberang Perai Tengah. Penyenggaraan di kawasan Daerah Timur Laut akan melibatkan 32 sungai termasuk 6 parit konkrit.

**Pada pendapat Audit, pemilihan lokasi penyenggaraan adalah dirancang menyeluruh.**

### **37.1.3 Komponen Penyenggaraan Saliran**

Penyenggaraan saliran akan meliputi kerja mencuci dan membersihkan, mendalam dan menyenggara struktur saliran.

#### **i) Membersihkan Kawasan Saliran**

Skop kerja pembersihan saliran akan meliputi kerja membuang semua kayu-kayan yang tersangkut di dalam sungai, menebang pokok yang akan tumbang ke dalam sungai, membuang semua sampah sarap di sungai serta menebas dan memotong segala rumput di kedua cerunnya. Rumput yang siap ditebas mestilah tidak melebihi 2 inci tebal. Skop dan

parameter kerja bagi Daerah Seberang Perai Tengah adalah seperti di **Foto 7**.

**Foto 7**  
**Skop Dan Parameter Kerja Pembersihan Saliran Bagi**  
**Daerah Seberang Perai Tengah**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 18 Februari 2004

Bagi Daerah Seberang Perai Tengah, parameter kerja pembersihan bermula dari kawasan 'a' hingga 'g'. Kawasan 'a', 'b', 'f', dan 'g' merupakan kawasan rizab sungai manakala kawasan 'c' dan 'e' merupakan cerun sungai. Parameter kerja bagi Daerah Timur Laut pula adalah seperti di **Foto 8**.

**Foto 8**  
**Skop Dan Parameter Kerja Pembersihan Saliran**  
**Bagi Daerah Timur Laut**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 18 Februari 2004

Bagi Daerah Timur Laut, parameter kerja pembersihan bermula dari kawasan 'a' hingga 'e'. Kawasan rizab sungai bagi Daerah Timur Laut hanya merangkumi kawasan 'a' dan 'e' sahaja. Kawasan 'b' dan 'd' merupakan cerun sungai. Kawasan 'c' adalah merupakan dasar sungai.

**ii) Mendalam Saliran**

Skop kerja mendalam saliran akan melibatkan kerja mengorek dan mengeluarkan mendapan di dalam sungai/parit. Jentera pengorek akan digunakan dan jenisnya adalah berdasarkan kepada tahap dan jenis endapan, kawasan dan kedalaman sungai/parit. Kerja mengorek dan mengeluarkan mendapan daripada sungai akan dimulakan dari kuala hingga ke hulu sungai. Semua sungai dan parit mempunyai kedalaman tertentu dan berbeza mengikut faktor geografi. Skop kerja adalah mengikut tahap mendapan sungai. Merujuk kepada *Drainage And Irrigation Department Manual*, saliran perlu dikorek kembali kepada kedalaman asal. Jabatan Pengairan

Dan Saliran Daerah Timur Laut menetapkan skop kerja mendalam berdasarkan kepada Laporan *The Study On Flood Mitigation And Drainage In Penang Island* yang dijalankan oleh *Japan International Cooperation Agency (JICA)*. Kajian tersebut mendapati mendapan sungai akan berlaku pada kadar purata 0.5 meter satu tahun. Oleh itu, purata kedalaman sungai yang perlu dikorek adalah 0.5 meter.

**iii) Penyelenggaraan Struktur Saliran**

Struktur saliran terdiri daripada rumah pam, pam bergerak (*pump power pack trailer*), pintu air dan perangkap sampah. Penyelenggaraan rumah pam akan melibatkan kerja membaiki, membuang kelodak di salur masuk dan keluar serta menggris dan mengecat rumah pam. Penyelenggaraan pam akan melibatkan penukaran minyak enjin dan penapis minyak, manakala pintu air akan dicat dan digris untuk mengelak daripada berkarat. Penyelenggaraan perangkap sampah pula akan hanya melibatkan kerja membersihkan dan mengangkut sampah di perangkap sampah tersebut.

**Pada pendapat Audit, Jabatan Pengairan Dan Saliran telah mengenal pasti komponen penyelenggaraan saliran dengan baik kerana ia mengambil kira semua aspek pengurusan penyelenggaraan saliran.**

**37.1.4 Kaedah Perolehan Kerja**

Mengikut perancangan, kerja penyelenggaraan saliran di Daerah Seberang Perai Tengah akan dijalankan oleh kontraktor yang dipilih secara rundingan terus. Pemilihan kontraktor untuk kerja penyelenggaraan di Daerah Timur Laut akan dilakukan secara sebut harga. Jabatan akan menyediakan garis panduan yang lengkap mengenai cara rundingan terus dan sebut harga, bayaran dan spesifikasi kerja serta cara pengawasan yang perlu dibuat terhadap kerja yang akan dijalankan. Kerja penyelenggaraan kecil seperti menggris struktur saliran akan dilakukan sendiri oleh kakitangan Jabatan Pengairan Dan Saliran.



### **37.1.5 Jadual Pelaksanaan Kerja**

Jadual pelaksanaan kerja perlu disediakan untuk memastikan pelaksanaan kerja penyenggaraan secara berkala dibuat.

#### **i) Kerja Pembersihan Saliran**

Projek pembersihan saliran akan dilakukan secara berjadual. Bagaimanapun, kekerapan pusingan kerja adalah berbeza mengikut daerah. Pada tahun 2003, Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Seberang Perai Tengah merancang untuk menjalankan sebanyak 6 pusingan kerja penyenggaraan parit tanah dan 3 pusingan kerja penyenggaraan sungai. Tiap-tiap pusingan kerja mengambil masa 2 bulan. Pusingan pertama penyenggaraan parit tanah akan dibuat pada bulan Januari dan Februari. Pusingan kerja seterusnya akan dibuat tiap-tiap dua bulan berikutnya. Pusingan kerja penyenggaraan sungai pula akan dimulakan pada bulan Mac dan April, pusingan kedua pada bulan Julai dan Ogos dan pusingan ketiga pada bulan November dan Disember. Kerja penyenggaraan parit konkrit dan sungai di Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Timur Laut pada tahun 2003 pula akan dibuat sebanyak 12 pusingan yang melibatkan 21 saliran. Tiap-tiap pusingan kerja mengambil masa 1 bulan. Pusingan kerja penyenggaraan saliran akan dimulakan pada bulan Januari dan diikuti 11 bulan berikutnya.

#### **ii) Kerja Mendalam Saliran**

Pada tahun 2003, Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Seberang Perai Tengah merancang untuk menjalankan kerja mengorek dan mendalam saliran. Keutamaan akan diberi untuk menyelesaikan masalah semasa terutama dari aduan berasas dan desakan munasabah dari orang ramai. Sementara itu, pada tahun 2003 Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Timur Laut merancang untuk menjalankan sebanyak 16 kerja mengorek dan mendalam. Jangka masa kerja mengorek dan mendalam adalah bergantung kepada panjang dan keluasan sungai. Berdasarkan kepada laporan *The Study On Flood Mitigation And Drainage In Penang Island*

oleh *Japan International Cooperation Agency (JICA)*, adalah didapati mendapan sungai berlaku pada kadar purata 0.5 meter satu tahun. Laporan penyelidikan yang sama juga menetapkan sungai perlu dikorek apabila mendapan telah mencapai purata tersebut. Sehubungan itu, Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Timur Laut merancang untuk melakukan kerja mengorek dan mendalam sungai sekali satu tahun. Senarai projek mendalam saliran pada tahun 2003 di Daerah Timur Laut adalah seperti di **Jadual 35**.

**Jadual 35**  
**Senarai Projek Mendalam Saliran Sepanjang Tahun 2003**  
**Di Daerah Timur Laut**

| Bil. | Nama Projek  |
|------|--|
| 1.   | Mendalam Sungai Pinang   |
| 2.   | Mendalam Sungai Jelutong   |
| 3.   | Mendalam Sungai Satu   |
| 4.   | Mendalam Sungai Mas  |
| 5.   | Mendalam Sungai Balik Batu   |
| 6.   | Mendalam Sungai Fettes   |
| 7.   | Mendalam Sungai Bagan Jermal   |
| 8.   | Mendalam Sungai Bab 1 / Lencongan Sungai Air Terjun  |
| 9.   | Mendalam dan Membaiki Tebing Sungai Air Itam   |
| 10.  | Mendalam Sungai Dua Besar  |
| 11.  | Mendalam Kolam Takungan Sungai Dondang serta membaiki bannya                                     |
| 12.  | Mengorek serta membersihkan pasir dan sampah dalam terowong, Kolam Takungan Sungai Dondang A & C |
| 13.  | Mendalam Sungai Mati   |
| 14.  | Mendalam Kolam Takungan Sungai Dondang   |
| 15.  | Kerja membuang pasir, besi dan sampah dalam parit Prangin S-10, Fasa 1                           |
| 16.  | Mengorek dan mendalam serta membuang tanah Sungai Bagan Jermal dan Sungai Balik Batu             |

*Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran*

### **iii) Kerja Penyelenggaraan Struktur Saliran**

Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Seberang Perai Tengah mempunyai sebanyak 5 buah rumah pam elektrik/hidraulik, empat buah pam bergerak dan 11 pintu air. Empat buah pam elektrik/hidraulik akan ditempatkan di Sungai Rambai, satu di Seberang Jaya dan 4 buah pam bergerak akan diletakkan di kawasan pengairan. Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Timur Laut pula mempunyai 1 pintu air, dua buah rumah pam dan 1 perangkap sampah.

Jabatan merancang untuk melakukan penyelenggaraan pam 2 tahun sekali. Kerja penyelenggaraan pintu air akan dilakukan berdasarkan kerosakan. Kerja penyelenggaraan perangkap sampah pula hanya melibatkan kerja membersihkan dan mengangkut sampah yang tersangkut di perangkap sampah. Kerja penyelenggaraan kecil seperti menggris struktur saliran di kedua daerah akan dilakukan sendiri oleh kakitangan Jabatan.

**Pada pendapat Audit, Jabatan Pengairan Dan Saliran telah mengenal pasti keperluan penyelenggaraan salirannya dengan baik dengan mengambil kira pelbagai aspek yang boleh menyumbang kepada keberkesanan operasinya.**

#### **37.1.6 Anggaran Kos Penyelenggaraan Saliran**

Pada tahun 2003, Jabatan Pengairan Dan Saliran merancang untuk memohon peruntukan penyelenggaraan saliran sejumlah RM9.62 juta. Sejumlah RM2.99 juta adalah untuk penyelenggaraan sistem saliran di Daerah Seberang Perai Tengah dan sejumlah RM0.63 juta untuk penyelenggaraan saliran di Daerah Timur Laut. Anggaran kos penyelenggaraan saliran bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 36**.

## Jadual 36

### Anggaran Kos Penyelenggaraan Saliran Bagi Tempoh 2001 Hingga 2003

| Bil. | Daerah                | Jenis Penyelenggaraan   | Tahun 2001 (RM) | Tahun 2002 (RM) | Tahun 2003 (RM) |
|------|-----------------------|---|-----------------|-----------------|-----------------|
| 1.   | Seberang Perai Tengah | - Mencuci sungai / parit konkrit, mendalam saliran dan menyenggara struktur saliran | 1,856,240*      | 1,530,000*      | 2,991,940*      |
| 2.   | Timur Laut            | - Mencuci sungai / parit konkrit, mendalam saliran dan menyenggara struktur saliran | 980,208         | 509,900         | 626,038         |

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Nota: \* Anggaran kos penyelenggaraan saliran pertanian dan saliran bukan pertanian

Pada pandangan Audit, Jabatan Pengairan dan Saliran telah menyediakan perancangan yang baik dan menyeluruh. Jabatan telah merancang keperluan pengurusan penyelenggaraan saliran dengan mengambil kira pelbagai aspek seperti lokasi, kaedah perolehan kerja, jadual pelaksanaan kerja serta peruntukan kewangan yang diperlukan.

## 37.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan program penyelenggaraan saliran dilakukan sepanjang tahun. Penelitian Audit terhadap pelaksanaan program penyelenggaraan saliran Jabatan Pengairan Dan Saliran adalah seperti berikut:

### 37.2.1 Struktur Pengurusan Dan Guna Tenaga

Struktur pengurusan yang baik dan fungsi yang jelas serta latihan yang terancang akan membantu menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan sebuah Jabatan. Pada tahun 2003, Jabatan telah diluluskan sejumlah 505 jawatan. Pemeriksaan Audit terhadap waran perjawatan mendapati 352 perjawatan telah diisi dalam tahun tersebut yang terdiri daripada 14 pegawai daripada Kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan 338 daripada Kumpulan Sokongan. Pihak Audit juga mendapati Jabatan telah memberi latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai berkaitan dengan tugas yang dijalankan. Kursus yang telah dihadiri oleh kakitangan Jabatan adalah seperti di **Jadual 37**.

### Jadual 37

#### Kursus Penyenggaraan Saliran Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003

| Bil. | Nama kursus / latihan   | Tarikh Kursus / Latihan     |
|------|---|-----------------------------|
| 1.   | Kursus Pengenalan Kejuruteraan Sungai   | 24 hingga 26 Julai 2001     |
| 2.   | Kursus Pengurusan Sistem Pengairan  | 2 hingga 6 September 2001   |
| 3.   | Kursus Perhubungan Pelanggan  | 18 hingga 21 Mac 2002       |
| 4.   | Sessi Perancangan Strategik Jabatan Pengairan Dan Saliran Pulau Pinang              | 23 hingga 25 Mac 2002       |
| 5.   | Kursus Pengurusan Sistem Pengairan  | 14 hingga 18 April 2002     |
| 6.   | Kursus Penyediaan Asas Penjaga Elektrik Terhadap 'AO'                               | 16 hingga 20 September 2002 |
| 7.   | Kursus Pengendalian Dan Penyenggaraan Pam Jabatan Pengairan Dan Saliran             | 5 hingga 8 Mei 2003         |
| 8.   | Kursus Amali Operasi Dan Penyelenggaraan <i>Data Logger</i> Dan Siren Amaran Banjir | 6 hingga 8 Mei 2003         |
| 9.   | Kursus <i>MS Access</i>   | 24 hingga 27 Jun 2003       |
| 10.  | Kursus Penulisan Laporan, Kertas Kerja Dan Bahan Ceramah                            | 24 hingga 26 Jun 2003       |
| 11.  | Latihan <i>Commissioning</i> Pintu Air Pasang Surut                                 | 24 hingga 25 Julai 2003     |
| 12.  | Kursus Kecekapan Tenaga 2003  | 16 Oktober 2003             |
| 13.  | Kursus Induksi Keselamatan Dan Kesihatan – Skim Kad Hijau CIDB                      | 30 November 2003            |
| 14.  | Bengkel Permodelan Pengangkutan Enapan  | 8 hingga 10 Disember 2003   |

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

**Pada pendapat Audit, struktur pengurusan Jabatan pada keseluruhannya adalah baik serta kursus yang telah dihadiri adalah sebagaimana yang dirancang.**

#### 37.2.2 Lokasi Penyenggaraan

Pada tahun 2003, penyenggaraan sungai dan saliran di Daerah Seberang Perai Tengah telah dilakukan terhadap 7 batang sungai dan 34 parit tanah. Penyenggaraan saliran di Daerah Timur Laut telah dilakukan ke atas 2 parit konkrit dan 19 batang sungai. Kerja penyenggaraan saliran bagi Sungai Pinang dan Sungai Juru tidak dilaksanakan kerana kerja penyenggaraan sungai tersebut merupakan sebahagian daripada Projek Pemuliharaan Sungai di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan.

**Pada pendapat Audit, lokasi penyenggaraan yang dipilih adalah mengikut perancangan.**

### **37.2.3 Kaedah Perolehan**

Kerja penyenggaraan saliran di 2 buah daerah telah dijalankan oleh kontraktor. Pemilihan kontraktor telah dibuat melalui rundingan terus dan secara sebut harga selaras dengan peraturan perolehan kerja.

#### **i) Pemilihan Kontraktor**

Bagi Daerah Seberang Perai Tengah, pemilihan kontraktor dibuat melalui rundingan terus setelah mendapat persetujuan Pihak Berkuasa Negeri. Bagi Daerah Timur Laut pula, pemilihan kontraktor adalah ditawarkan secara sebut harga dan rundingan terus. Semua tawaran yang dikemukakan telah dibuat penilaian oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang dipengerusikan oleh Penolong Pengarah Kanan.

**a)** Pemeriksaan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati bagi tahun 2001, 2002 dan 2003 kontrak bagi kerja penyenggaraan saliran di Daerah Seberang Perai Tengah di tawarkan kepada kontraktor yang sama. Nilai kontrak untuk kerja penyenggaraan saliran bagi tahun 2001 adalah berjumlah RM780,882, bagi tahun 2002 berjumlah RM778,256 dan bagi tahun 2003 adalah berjumlah RM661,598. Semua kerja penyenggaraan saliran telah dilaksanakan mengikut perjanjian. Melalui perjanjian ini pihak kontraktor bersetuju untuk menyesuaikan nilai kontrak dengan skop kerja yang dilaksanakan.

**b)** Pada tahun 2003, sebanyak 10 sebut harga yang bernilai RM54,815 telah ditawarkan di Daerah Timur Laut. Bagi tahun 2001, sebanyak 13 sebut harga bernilai RM478,293 telah ditawarkan manakala 14 sebut harga bernilai RM501,057 ditawarkan pada tahun 2002. Pemeriksaan Audit terhadap 37 sebut harga bagi tahun 2001 hingga 2003 mendapati pemilihan kontraktor adalah berdasarkan kepada harga terendah dan berpatutan serta prestasi kerja

kontraktor yang baik dan berpengalaman dalam kerja seumpama ini dengan Jabatan.

**ii) Perjanjian Kontrak**

Perjanjian Kontrak telah dimeterai antara Kerajaan dengan kontraktor tempatan. Pemeriksaan Audit terhadap perjanjian kontrak bagi kerja penyenggaraan saluran di Daerah Seberang Perai Tengah mendapati hak dan tanggungjawab Kontraktor dan Kerajaan telah dinyatakan dengan jelas seperti nilai kontrak, tempoh penyiapan, kaedah pembayaran dan spesifikasinya. Selain itu, jaminan bank bagi bayaran pendahuluan telah dikutip manakala jaminan bank bagi pelaksanaan adalah mengikut kadar yang ditetapkan. Insurans telah diambil dan kadar denda lewat juga telah ditetapkan. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati perjanjian kontrak bagi tahun 2003 ditandatangani selepas 4 bulan kerja penyenggaraan dijalankan manakala bagi tahun 2002 perjanjian kontrak hanya ditandatangani selepas 7 bulan kerja penyenggaraan dijalankan kecuali bagi tahun 2001. Ini disebabkan kelewatan pihak kontraktor mengemukakan dokumen sokongan kepada Jabatan.

**Pada pendapat Audit, kaedah perolehan Jabatan adalah selaras dengan peraturan perolehan kerja.**

**37.2.4 Prestasi Penyenggaraan Saliran**

Pemeriksaan Audit telah dibuat di Cawangan Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Timur Laut untuk menilai prestasi kerja penyenggaraan saluran.

**i) Pembersihan Saliran**

Pihak Audit mendapati kerja pembersihan dan penyenggaraan parit tanah dan sungai di Daerah Seberang Perai Tengah dilakukan secara berjadual. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, kerja penyenggaraan parit tanah dilakukan sebanyak 4 pusingan manakala penyenggaraan sungai dilakukan sebanyak 3 pusingan. Jadual pembersihan dan

penyenggaraan parit tanah dan sungai di kawasan Seberang Perai Tengah adalah seperti di **Jadual 38**.

**Jadual 38**

**Kerja Pembersihan Dan Penyenggaraan Parit Tanah Dan Sungai Di Daerah Seberang Perai Tengah**

| Bil. | Kerja Pembersihan | Jadual Pembersihan Dan Penyenggaraan |                   |                          |                          |
|------|-------------------|--------------------------------------|-------------------|--------------------------|--------------------------|
|      |                   | Pusingan I                           | Pusingan II       | Pusingan III             | Pusingan IV              |
| 1.   | Parit Tanah       | Februari hingga Mac                  | Mei hingga Jun    | Ogos hingga September    | November hingga Disember |
| 2.   | Sungai            | Mac hingga April                     | Julai hingga Ogos | November hingga Disember | -                        |

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Pada tahun 2001 dan 2002, sebanyak 35 parit tanah dan 7 sungai telah dicuci dan dibersihkan di Daerah Seberang Perai Tengah. Pada tahun 2003, sebanyak 34 parit tanah dan 7 sungai telah dicuci dan dibersihkan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati pada tahun 2003, keluasan kerja penyenggaraan parit berkurangan sebanyak 331,999 meter persegi kerana peruntukan pembersihan telah dikurangkan. Jumlah keluasan bagi kerja penyenggaraan adalah seperti di **Jadual 39**.

**Jadual 39**

**Keluasan Kerja Penyenggaraan Parit Tanah Dan Sungai Di Daerah Seberang Perai Tengah**

| Tahun | Jumlah Sungai Yang Disenggara | Jumlah Parit Tanah Yang Disenggara | Keluasan Sungai (Meter Persegi) | Keluasan Parit (Meter Persegi) | Jumlah Keluasan Penyenggaraan (Meter Persegi) |
|-------|-------------------------------|------------------------------------|---------------------------------|--------------------------------|---|
| 2001  | 7                             | 35                                 | 631,003                         | 1,389,354                      | <b>2,020,357</b>                              |
| 2002  | 7                             | 35                                 | 631,003                         | 1,389,354                      | <b>2,020,357</b>                              |
| 2003  | 7                             | 34                                 | 631,003                         | 1,057,355                      | <b>1,688,358</b>                              |

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Pemeriksaan Audit terhadap kerja penyenggaraan saluran di Daerah Timur Laut mendapati kerja penyenggaraan telah



dijalankan mengikut jadual. Jumlah pusingan yang dijalankan adalah berdasarkan panjang dan keluasan sungai. Pada tahun 2001, sebanyak 17 saluran telah disenggara sebanyak 12 pusingan. Jumlah pusingan kerja ini berkurangan pada tahun 2002 dan 2003. Pusingan kerja membersihkan dan mencuci saluran di Daerah Timur Laut adalah seperti di **Jadual 40**.

**Jadual 40**  
**Pusingan Kerja Membersih Dan Mencuci Saliran Di Daerah Timur Laut**  
**Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| Bil. | Nama Sungai                 | Tahun   |         |        |
|------|-----------------------------|---------|---------|--------|
|      |                             | 2001    | 2002    | 2003   |
| 1.   | Sungai Air Itam             | 12 kali | 9 kali  | 7 kali |
| 2.   | Sungai Air Putih            | -       | 9 kali  | 7 kali |
| 3.   | Sungai Pinang               | 12 kali | 10 kali | -      |
| 4.   | Sungai Air Terjun           | 12 kali | 10 kali | 7 kali |
| 5.   | Sungai Jelutong             | 12 kali | 10 kali | 7 kali |
| 6.   | Sungai Gelugor              | -       | 10 kali | 7 kali |
| 7.   | Sungai Dua                  | 12 kali | 10 kali | 7 kali |
| 8.   | Sungai Dondang              | 12 kali | 10 kali | 7 kali |
| 9.   | Sungai Batu Feringghi       | 12 kali | 10 kali | 5 kali |
| 10.  | Sungai Mas                  | 12 kali | 10 kali | 5 kali |
| 11.  | Sungai Kechil               | 12 kali | 10 kali | 5 kali |
| 12.  | Sungai Kelian               | 12 kali | 10 kali | 7 kali |
| 13.  | Sungai Satu                 | 12 kali | -       | 5 kali |
| 14.  | Sungai Balik Batu           | 12 kali | 10 kali | 7 kali |
| 15.  | Sungai Fettes               | 12 kali | 10 kali | 7 kali |
| 16.  | Sungai Bagan Jermal         | -       | 10 kali | 7 kali |
| 17.  | Cabang Sungai Air Itam      | -       | -       | 7 kali |
| 18.  | Sungai Bab 1                | 12 kali | 10 kali | 4 kali |
| 19.  | Lencongan Sungai Air Terjun | 12 kali | 10 kali | 4 kali |
| 20.  | Cabang Anak Sungai Air Itam | -       | -       | 4 kali |
| 21.  | Parit Konkrit Lumba Kuda    | 12 kali | 3 kali  | 3 kali |
| 22.  | Parit Konkrit Gelugor       | 12 kali | 3 kali  | 3 kali |

*Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran*

Pihak Audit telah membuat lawatan ke Sungai Kilang Ubi di Daerah Seberang Perai Tengah dan Sungai Dondang di Daerah Timur Laut pada bulan Februari 2004 untuk melihat

penyenggaraan yang dilakukan. Adalah didapati pembersihan sungai telah dilakukan mengikut skop kerja yang telah ditetapkan. Rumput di kedua bahagian cerun dan tebing sungai telah dipotong, tumbuhan yang hidup di dalam air telah dibuang dan sampah di dalam sungai telah dibersihkan. Sila lihat **Foto 9** yang menunjukkan keadaan Sungai Kilang Ubi yang telah dibersihkan.

**Foto 9**

**Keadaan Sungai Kilang Ubi Yang Telah Dibersihkan**



*Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 18 Februari 2004*

**ii) Kerja Mendalam Saliran**

Pemeriksaan Audit mendapati kerja mendalam saluran di Daerah Seberang Perai Tengah bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 tidak dilakukan mengikut jadual kerana keutamaan diberi untuk menyelesaikan masalah semasa terutama dari aduan berasas dan desakan munasabah dari orang ramai. Pada tahun 2003, sebanyak 2 projek mendalam telah dijalankan di Daerah Seberang Perai Tengah iaitu Projek Mendalam Parit di Bukit Minyak dan Projek Mendalam Parit di Seberang Jaya. Pemeriksaan Audit terhadap projek mendalam saluran di Daerah Timur Laut pula mendapati 11 projek mendalam dan mengorek saluran telah dilaksanakan seperti di **Jadual 41**.

**Jadual 41**

**Kerja Mengorek Dan Mendalam Sungai Di Daerah Timur Laut**

| Bil. | Nama Projek  | Bulan |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
|------|--|-------|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
|      |  | J     | F | M | A | M | J | J | O | S | O | N | D |
| 1.   | Mendalam Sungai Jelutong                                     |       |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
| 2.   | Mendalam Sungai Satu   |       |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
| 3.   | Mendalam Sungai Mas  |       |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
| 4.   | Mendalam Sungai Balik Batu                                   |       |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
| 5.   | Mendalam Sungai Fettes                                       |       |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
| 6.   | Mendalam Sungai Bagan Jermal                                 |       |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
| 7.   | Mendalam Sungai Bab1/Lencongan Sungai Air Terjun             |       |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
| 8.   | Mendalam Sungai Air Itam                                     |       |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
| 9.   | Mendalam Sungai Dua Besar                                    |       |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
| 10.  | Mendalam Kolam Takungan Sungai Dondang serta membaiki bannya |       |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
| 11.  | Mendalam Kolam Takungan Sungai Dondang                       |       |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Pihak Audit telah membuat lawatan ke Sungai Rambai di Daerah Seberang Perai Tengah pada bulan Februari 2004 dan mendapati kerja mendalam sungai ini tidak dijalankan dan mengakibatkan sungai menjadi cetek. Temu bual dengan pegawai terbabit mendapati tiada peruntukan kewangan disediakan bagi kerja mendalam sungai ini.

Lawatan Audit ke Sungai Dondang di Daerah Timur Laut pada bulan yang sama mendapati kerja mendalam sungai ini telah dilakukan. Pemeriksaan Audit terhadap laporan kemajuan kerja kontraktor mendapati Sungai Dondang telah dikorek dengan kedalaman tidak melebihi 0.8 meter dari dasar sungai.

**iii) Penyenggaraan Struktur Saliran**

Pemeriksaan Audit di Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Seberang Perai Tengah mendapati kerja penyenggaraan untuk

pam hidraulik/elektrik dan pam bergerak telah dilakukan 2 tahun sekali. Bagaimanapun, kerja menggris dan mengecat pintu air dan rumah pam tidak dilakukan secara berjadual. Selain itu, pemeriksaan Audit mendapati penyenggaraan terhadap perangkap sampah di kedua daerah telah disenggara mengikut jadual pembersihan saluran. Ini kerana penyenggaraan perangkap sampah hanya melibatkan pembersihan sampah yang tersangkut di perangkap sampah tersebut. Lawatan Audit ke Sungai Rambai pada bulan Februari 2004 mendapati kerja penyenggaraan belum dijalankan. Adalah didapati perangkap sampah belum dibersihkan dan ada bahagian sungai yang telah menjadi cetek. **Foto 10** menunjukkan keadaan perangkap sampah di Sungai Rambai yang belum dibersihkan.

**Foto 10**  
**Keadaan Perangkap Sampah Di Sungai Rambai**  
**Yang Belum Dibersihkan**



*Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara*  
*Tarikh: 18 Februari 2004*

Sehubungan itu, lawatan Audit ke kawasan perangkap sampah di Jalan Gudwara, Daerah Timur Laut pada bulan Februari 2004 mendapati penyenggaraan perangkap sampah telah dilakukan tiap-tiap hari. Mengikut keputusan mesyuarat Majlis

Mesyuarat Kerajaan, kerja penyenggaraan perangkap sampah di Daerah Timur Laut adalah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan. Bagaimanapun, sehingga tarikh pengauditan, kerja penyenggaraan perangkap sampah masih dikendalikan oleh pihak Jabatan.

**Pada pendapat Audit, prestasi pelaksanaan penyenggaraan saluran adalah baik. Kerja membersih, mendalam dan menyenggara struktur saluran telah dilaksanakan sebagaimana dirancang. Bagi memastikan tahap kebersihan sungai terkawal, Jabatan perlu mendapatkan kerjasama dari Pihak Berkuasa Tempatan.**

### 37.2.5 Peruntukan Dan Perbelanjaan Penyenggaraan Saliran

Peruntukan yang diluluskan untuk penyenggaraan pengairan dan saluran tahun 2001 hingga 2003 bagi kedua daerah berkenaan berjumlah RM2.10 juta. Manakala perbelanjaan bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM2.09 juta seperti di **Jadual 42**.

**Jadual 42**

#### **Perbelanjaan Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| <b>Bil.</b>   | <b>Daerah</b>         | <b>Jenis Penyenggaraan</b>  | <b>Tahun 2001 (RM)</b> | <b>Tahun 2002 (RM)</b> | <b>Tahun 2003 (RM)</b> |
|---------------|-----------------------|---|------------------------|------------------------|------------------------|
| 1.            | Seberang Perai Tengah | - Mencuci sungai / parit konkrit, mendalam saluran dan menyenggara struktur saluran | 383,338                | 194,258                | 205,488                |
| 2.            | Timur Laut            | - Mencuci sungai / parit konkrit, mendalam saluran dan menyenggara struktur saluran | 498,187                | 457,142                | 407,263                |
| <b>Jumlah</b> |                       |   | <b>881,525</b>         | <b>651,400</b>         | <b>612,751</b>         |

*Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran*

**Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan adalah memuaskan.**

### 37.2.6 Keberkesanan Penyenggaraan Saliran

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, kekerapan banjir kilat di Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Timur Laut telah

berkurangan. Lawatan Audit mendapati tahap kebersihan saliran adalah memuaskan kecuali keluasan kerja penyenggaraan saliran di Daerah Seberang Perai Tengah telah dikurangkan berikutan pengurangan peruntukan kewangan yang diterima. Kesan daripada itu, kerja penyenggaraan saliran tidak dapat dijalankan dengan berkesan dan menyeluruh.

**Pada pendapat Audit, bagi mempertingkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan penyenggaraan, Jabatan Pengairan Dan Saliran sewajarnya menyediakan peruntukan yang mencukupi.**

**Pada pandangan Audit, Jabatan Pengairan Dan Saliran berupaya melaksana dan mengurus penyenggaraan salirannya dengan baik sekiranya diberi peruntukan yang mencukupi iaitu sebagaimana telah dipohon.**

### **37.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan dan penyeliaan yang berterusan oleh Jabatan adalah penting bagi menentukan pengurusan penyenggaraan saliran dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Mekanisma pemantauan program penyenggaraan meliputi Buku Harian Tapak, mesyuarat tapak, laporan prestasi kontraktor dan mesyuarat kakitangan teknikal.

#### **37.3.1 Buku Harian Tapak**

Buku Harian Tapak bertujuan memantau kemajuan kerja yang dijalankan oleh pihak kontraktor dan memastikan kerja dilakukan mengikut skop yang telah ditetapkan. Buku Harian Tapak mengandungi maklumat lokasi sungai, parit atau tali air yang disenggara, panjangnya, bilangan pusingan kerja serta tempoh penyenggaraan. Tarikh pelaksanaan kerja, jenis kerja dan peratusan kerja serta bilangan guna tenaga juga dicatat. Buku Harian Tapak disediakan oleh Penyelia Kerja. Ia perlu disemak oleh Pengurus Projek dan disahkan oleh Pegawai Jabatan Pengairan Dan Saliran. Pemeriksaan Audit mendapati Buku Harian Tapak dipantau oleh Jabatan.

### **37.3.2 Mesyuarat Tapak**

Pada tahun 2003, mesyuarat tapak telah diadakan sebanyak 8 kali oleh pihak Kontraktor dengan pegawai Jabatan Pengairan Dan Saliran. Beberapa perkara yang dibincangkan adalah mengenai kemajuan kerja kontraktor, jadual pelaksanaan kerja serta keselamatan pekerja dan orang awam.

### **37.3.3 Laporan Prestasi Kontraktor**

Melalui laporan prestasi kontraktor Jabatan menilai prestasi serta kemajuan kerja penyenggaraan yang telah dijalankan oleh kontraktor. Kriteria penilaian adalah meliputi pengurusan tapak bina, pentadbiran, perancangan/kemajuan, mutu kerangka, mutu kerja dan kemas serta mutu kerja luar. Ulasan dibuat oleh Jurutera Daerah berdasarkan kerja yang telah dilaksanakan.

### **37.3.4 Mesyuarat Teknikal**

Mesyuarat Teknikal diadakan di peringkat daerah bagi membincangkan perkembangan terkini kerja penyenggaraan yang dijalankan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Jurutera Daerah bagi semua daerah dan dianggotai oleh kakitangan Bahagian Teknikal. Perkara yang dibincangkan termasuklah kemajuan kerja kontraktor dan prestasi pelaksanaan kerja yang dilakukan.

**Pada pandangan Audit, Jabatan Pengairan Dan Saliran telah memantau aktiviti penyenggaraan salirannya dengan baik.**

## **38. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada umumnya, Jabatan Pengairan Dan Saliran telah merancang pengurusan penyenggaraan salirannya dengan baik. Bagaimanapun, pelaksanaan pengurusan penyenggaraan saliran menghadapi beberapa masalah berikutan kekurangan peruntukan kewangan. Bagi memastikan saliran dapat berfungsi dengan baik, penyenggaraan terhadapnya hendaklah diberi perhatian sewajarnya. Di samping itu, peruntukan untuk aktiviti penyenggaraan saliran perlu diberi keutamaan untuk memastikan tahap keberkesanan penyenggaraan saliran berada

di paras optima. Penyenggaraan saluran di kawasan bandar menjadi rumit berikutan sampah sarap yang banyak terkumpul di tepi dan dalam saluran. Pihak Audit mengesyorkan agar kerjasama antara Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Pihak Berkuasa Tempatan diperuntukan bagi memastikan tahap kebersihan saluran adalah terkawal. Jabatan perlu menitikberatkan kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan usaha yang positif hendaklah diambil dengan segera untuk menangani kelemahan tersebut.



## BAHAGIAN IV

### BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

#### 39. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit akaun Agensi Negeri yang terdiri daripada Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain mengesahkan akaun, pengauditan terhadap pengurusan kewangan dan kajian prestasi terhadap aktiviti tertentu Agensi Negeri juga dijalankan. Tujuan pengauditan pengurusan kewangan dan kajian ini adalah bagi melaporkan prestasi pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti Agensi berkenaan. Pada tahun 2003, isu yang dibangkitkan di **Bahagian** ini adalah berkaitan pengurusan kewangan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Selain itu, Bahagian ini juga melaporkan kajian terhadap Program Pembangunan Usahawan Bumiputera Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Pengurusan Kutipan Dan Pelupusan Sampah Majlis Perbandaran Seberang Perai.

#### 40. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Sehingga akhir tahun 2003 ada 4 Badan Berkanun Negeri, dua Pihak Berkuasa Tempatan, satu Majlis Agama Islam dan 3 Kumpulan Wang yang mana penyata kewangannya diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Daripada jumlah tersebut, penyata kewangan bagi satu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan 3 Kumpulan Wang diaudit terus oleh Jabatan Audit Negara. Manakala, penyata kewangan 3 Badan Berkanun Negeri dan 2 Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik bagi pihak dan di bawah arahan Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta adalah di bawah kuasa Ketua Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

Bagi memastikan firma audit swasta menjalankan pengauditan selaras dengan arahan yang ditetapkan, Jabatan Audit Negara memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan. Sebelum pengauditan dijalankan, firma audit swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan antaranya, pendekatan Audit dan tempoh pengauditan. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan firma audit swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk menjalankan pengauditan serta memastikan pengauditan dijalankan bagi tempoh yang ditetapkan. Pada akhir pengauditan, firma audit swasta dikehendaki mengemukakan penemuan Audit beserta fail kerja, senarai terperinci dan laporan juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kerja akan disemak untuk memastikan perkara *material* dibangkitkan, bukti audit mencukupi dan memuaskan serta mengikut format. Setiap akhir tahun, prestasi semua firma audit swasta dinilai dan akan diambil kira dalam membuat keputusan untuk ditawarkan bagi pengauditan penyata kewangan seterusnya.

#### **41. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

Mengikut undang-undang, semua Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara untuk pengauditan mengikut tempoh yang ditetapkan. Pada keseluruhannya, penyerahan Penyata Kewangan Agensi berkenaan adalah menepati kehendak undang-undang yang berkenaan. Semua Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberikan komitmen yang baik dengan menyerahkan Penyata Kewangan yang kemas kini mengikut tempoh yang ditetapkan. Maklumat lanjut mengenai kedudukan penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri sehingga akhir Julai 2004 adalah seperti di **Lampiran III**.

#### **42. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN**

Pengauditan Penyata Kewangan Agensi dijalankan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Agensi menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pendapat yang dikeluarkan terhadap Penyata Kewangan adalah dijelaskan melalui persijilan iaitu sama ada Sijil Tanpa Teguran,

Berteguran, *Adverse* atau *Disclaimer*. Pada tahun 2003, semua Penyata Kewangan 7 Agensi Negeri dan 3 Kumpulan Wang memperoleh Sijil Tanpa Teguran sebagaimana butiran lanjut di **Jadual 43**.

**Jadual 43**  
**Penyata Kewangan Agensi Negeri**  
**Yang Diberi Sijil Tanpa Teguran**

| Bil.                 | Akaun  | Tahun Akaun |
|----------------------|--|-------------|
| <b>Agensi Negeri</b> |  |             |
| 1.                   | Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang              | 2002        |
| 2.                   | Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang        | 2002        |
| 3.                   | Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang               | 2002        |
| 4.                   | Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang                 | 2002        |
| 5.                   | Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang           | 2002        |
| 6.                   | Majlis Perbandaran Pulau Pinang                  | 2002        |
| 7.                   | Majlis Perbandaran Seberang Perai                | 2002        |
| <b>Kumpulan Wang</b> |  |             |
| 8.                   | Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang              | 2002        |
| 9.                   | Kumpulan Wang Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang | 2002        |
| 10.                  | Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free         | 2002        |

*Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara*

#### **43. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menyatakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri yang disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sehubungan itu, sehingga akhir bulan Jun 2004, daripada 10 Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri yang telah disahkan hanya 5 yang dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Maklumat mengenai pembentangan penyata kewangan Agensi adalah seperti di **Jadual 44**.

## Jadual 44

### Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi

| Bil. | Akaun  | Tahun Akaun |
|------|--|-------------|
|      | <b>Telah Bentang</b>                             |             |
| 1.   | Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang        | 2002        |
| 2.   | Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang              | 2002        |
| 3.   | Kumpulan Wang Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang | 2002        |
| 4.   | Majlis Perbandaran Pulau Pinang                  | 2002        |
| 5.   | Majlis Perbandaran Seberang Perai                | 2002        |
|      | <b>Belum Bentang</b>                             |             |
| 6.   | Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang              | 2002        |
| 7.   | Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang               | 2002        |
| 8.   | Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang                 | 2002        |
| 9.   | Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free         | 2002        |
| 10.  | Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang           | 2002        |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

## 44. PRESTASI KEWANGAN

### 44.1 KEDUDUKAN KEWANGAN AGENSI NEGERI

Analisis terhadap prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002 mendapati 5 Agensi mencatatkan surplus manakala 3 Agensi mencatatkan defisit. Agensi yang mencatatkan defisit adalah seperti berikut:

- i) Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.
- ii) Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.
- iii) Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free.

Prestasi kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang pula mencatatkan keputusan yang kurang memberangsangkan kerana pada akhir tahun 2002, Perbadanan telah mencatatkan keuntungan selepas cukai sejumlah RM202,182 berbanding sejumlah RM26,451,547 pada tahun 2001 iaitu penurunan sejumlah RM26,249,365 atau 99.2%. Punca utama penurunan keuntungan selepas cukai adalah disebabkan oleh penurunan hasil jualan tanah yang dibuat oleh Perbadanan dan ketidaktentuan pasaran hartanah. Analisis terhadap harta semasa bersih Agensi mendapati 8 Agensi termasuk Majlis Agama Islam mempunyai harta semasa bersih antara RM0.15 juta hingga RM64.76 juta.

Analisis terhadap Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 mendapati Majlis Perbandaran Seberang Perai mengalami defisit manakala Majlis Perbandaran Pulau Pinang mengalami surplus. Analisis terhadap harta semasa Pihak Berkuasa Tempatan mendapati Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang mempunyai harta semasa bersih masing-masing RM119.22 juta dan RM269.80 juta.

Kedudukan terperinci mengenai prestasi kewangan Agensi Negeri adalah seperti di **Jadual 45**.

**Jadual 45****Prestasi Kewangan Agensi Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002**

| Bil. | Nama Agensi                                      | Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2002 |                   |                         | Lembaran Imbangan Pada 31.12.2002 |                       |                         |
|------|--|--|-------------------|-------------------------|-----------------------------------|-----------------------|-------------------------|
|      |  | Pendapatan (RM)                        | Perbelanjaan (RM) | Surplus/ (Defisit) (RM) | Aset Semasa (RM)                  | Liabiliti Semasa (RM) | Aset Semasa Bersih (RM) |
| 1.   | Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang              | 99,814,042                             | 99,611,860        | 202,182                 | 281,349,724                       | 216,586,557           | 64,763,167              |
| 2.   | Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang        | 5,202,755                              | 6,022,139         | (819,384)               | 2,316,761                         | 402,856               | 1,913,905               |
| 3.   | Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang               | 913,881                                | 1,079,315         | (165,434)               | 1,263,521                         | 23,824                | 1,239,697               |
| 4.   | Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang                 | 6,006,943                              | 5,111,099         | 895,844                 | 2,957,122                         | 98,127                | 2,858,995               |
| 5.   | Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang              | 286,063                                | 272,890           | 13,173                  | 149,731                           | 390                   | 149,341                 |
| 6.   | Kumpulan Wang Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang | 631,386                                | 584,190           | 47,196                  | 750,960                           | 582,990               | 167,970                 |
| 7.   | Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free         | 13,135                                 | 16,569            | (3,434)                 | 381,595                           | -                     | 381,595                 |
| 8.   | Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang           | 35,956,751                             | 32,084,580        | 3,872,171               | 47,605,468                        | 10,381,178            | 37,224,290              |
| 9.   | Majlis Perbandaran Seberang Perai                | 113,073,683                            | 149,739,601       | (36,665,918)            | 264,338,206                       | 145,116,095           | 119,222,111             |
| 10.  | Majlis Perbandaran Pulau Pinang                  | 197,483,860                            | 177,224,511       | 20,259,349              | 307,640,606                       | 37,835,733            | 269,804,873             |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

**44.2 TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN**

Tunggakan cukai taksiran Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada tahun 2002 meningkat sejumlah RM2.29 juta menjadi RM43.17 juta berbanding RM40.88 juta pada tahun 2001. Manakala bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai pula, tunggakan cukai taksiran pada tahun 2002 meningkat sejumlah RM5.29 juta menjadi RM39.79 juta berbanding RM34.50 juta pada tahun 2001. Peningkatan tunggakan cukai taksiran bagi kedua Majlis adalah disebabkan oleh pertambahan bilangan premis kosong terutamanya premis perindustrian. Selain itu, ada juga premis yang dijual tetapi belum ditukar hak miliknya dan bil taksiran masih dihantar

kepada pemilik asal. Bil cukai taksiran tersebut hanya akan diselaraskan oleh Majlis setelah semakan terperinci dibuat.

## **MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG**

### **PENGURUSAN KEWANGAN**

#### **45. LATAR BELAKANG**

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (Majlis) ditubuhkan mengikut Seksyen 7 Akta Majlis Sukan Negara Malaysia, 1971. Tujuan penubuhan Majlis adalah untuk mengendalikan sukan berprestasi tinggi bagi pembangunan sukan di peringkat negeri dan juga negara di samping mengenal pasti bakat baru. Objektif Majlis ialah membuat perancangan yang terperinci dan terbaik agar segala usaha yang dilakukan berjaya. Sistem pengurusan kewangan Majlis menerima pakai Arahan Perbendaharaan, Arahan Perkhidmatan, peraturan dan pekeliling kerajaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Pada tahun 2003, pendapatan Majlis adalah berjumlah RM3.96 juta dan perbelanjaannya pula adalah berjumlah RM3.53 juta. Majlis tidak menyelenggara akaun amanah dan deposit.

#### **46. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Skop pengauditan adalah meliputi tahun 2003 berkaitan kawalan pengurusan, kawalan hasil, perbelanjaan dan pengurusan aset. Rekod kewangan yang diperiksa ialah Buku Tunai, Buku Resit, Penyata Penyesuaian Bank, Buku Vot, Daftar Bil, Baucar Bayaran dan Daftar Aset. Selain pemeriksaan terhadap rekod dan dokumen, pihak Audit juga telah mengadakan temu bual dengan kakitangan yang terlibat.

#### **47. PENEMUAN AUDIT**

##### **47.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Kecekapan dan keberkesanan operasi Majlis bergantung kepada struktur organisasi yang jelas, sistem dan prosedur yang baik dan praktikal dan



latihan secara berterusan kepada kakitangan. Hasil pemeriksaan Audit terhadap kawalan pengurusan Majlis mendapati perkara berikut:

#### **47.1.1 Struktur Organisasi**

Pentadbiran dan pengurusan kewangan Majlis diketuai oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh 3 orang Pegawai Kemajuan Sukan, satu Pegawai Pembangunan Sukan dan 23 Pegawai Sokongan. Daripada jumlah itu, enam berjawatan tetap dan 22 berjawatan kontrak. Majlis juga mempunyai 14 orang Jurulatih sepenuh masa (tempatan) dan 10 orang Jurulatih (luar negara) secara kontrak. Struktur organisasi Majlis telah dibentuk dengan jelas dan mempunyai 4 unit iaitu Unit Kejurulatihan, Kepegawaian Dan Organisasi Sukan, Unit Pentadbiran, Kewangan Dan Harta, Unit Penyediaan Atlit dan Unit Pembangunan Sukan Remaja.

#### **47.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991, antara lain menyatakan mengenai keperluan menyelenggara Manual Prosedur Kerja yang merupakan rujukan utama yang membantu Jabatan berfungsi dengan cekap dan berkesan. Selain itu, Manual Prosedur Kerja juga mengandungi maklumat yang memberi gambaran yang menyeluruh mengenai sesuatu Agensi. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan Manual Prosedur Kerja seperti kehendak Pekeliling tersebut.

#### **47.1.3 Fail Meja Dan Senarai Tugas**

Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil.8 Tahun 1991 menghendaki semua pegawai dan kakitangan mempunyai Fail Meja. Fail Meja ini hendaklah mengandungi senarai tugas, peruntukan kuasa dan undang-undang, rangkaian prosedur dan senarai semak untuk memberi garis panduan yang jelas kepada semua pegawai supaya dapat menjalankan tugas dengan lebih cekap. Pemeriksaan Audit mendapati Fail Meja yang disediakan bagi semua kakitangan Majlis adalah tidak lengkap kerana tidak mempunyai 5 daripada 14 perkara yang diperlukan. Perkara yang

belum dikemaskinikan ialah Proses Kerja, Senarai Semakan, Senarai Jawatankuasa Yang Dianggotai, Senarai Borang Yang Digunakan dan Norma Kerja.

#### **47.1.4 Kursus Dan Latihan**

Kursus dan latihan yang berterusan adalah penting untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan khususnya mereka yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan. Pemeriksaan Audit mendapati pada tahun 2003, tiada kursus dan latihan yang dihadiri oleh pegawai Majlis. Kursus terakhir yang dihadiri oleh pegawai Majlis yang berkaitan dengan pengurusan kewangan adalah pada pertengahan bulan April 2001 di Institut Tadbiran Awam Negara.

#### **47.1.5 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996, satu Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun perlu diwujudkan untuk meningkatkan sistem pengurusan kewangan Agensi. Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Bil. 1 Tahun 1996 pula menetapkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun diadakan pada tiap-tiap bulan atau sekurang-kurangnya 2 bulan sekali. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

**Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Majlis perlu dikaji semula dengan memberi perhatian serius terhadap pengisian jawatan kontrak kepada jawatan tetap. Selain itu, Majlis juga disarankan menghantar kakitangan yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan akaun mengikuti kursus pengurusan kewangan dari semasa ke semasa. Majlis hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bagi memantapkan lagi keberkesanan pengurusan kewangan.**

## **47.2. KAWALAN HASIL**

Pada tahun 2003, pendapatan Majlis adalah berjumlah RM3.96 juta berbanding sejumlah RM6 juta pada tahun 2002. Pendapatan Majlis terdiri daripada pemberian Kerajaan, sumbangan lain dan faedah simpanan tetap. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan hasil Majlis mendapati perkara berikut:

### **47.2.1 Kebenaran Menerima Wang**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 69, kebenaran secara bertulis hendaklah diberi kepada pegawai yang menerima wang. Pemeriksaan Audit mendapati peraturan ini dipatuhi oleh Majlis.

### **47.2.2 Pengasingan Tugas**

Pengasingan tugas merupakan satu aspek penting kawalan dalaman. Pemeriksaan Audit mendapati pengasingan tugas ada dilaksanakan oleh Majlis. Kakitangan yang menerima wang dan menulis resit adalah kakitangan yang berlainan.

### **47.2.3 Kawalan Buku Resit**

Arahan Perbendaharaan 66(a) menghendaki semua pemungut menyimpan dengan selamat semua stok buku resit dan borang hasil yang belum digunakan dalam stor serta dikunci dengan selamat di bawah kawalannya atau oleh seorang Pegawai Kanan. Dokumen ini hanya dikeluarkan apabila dikehendaki bagi kegunaan serta-merta setelah pegawai berkenaan berpuashati bahawa nombor di dalamnya adalah lengkap dan betul. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

- i)** Semua buku resit yang belum digunakan disimpan di dalam kabinet berkunci.
- ii)** Buku resit dikeluarkan mengikut susunan nombor siri.
- iii)** Pegawai yang bertanggungjawab mengeluarkan stok buku resit untuk kegunaan telah membuat perakuan dan

menandatangani di belakang helaian pertama resit salinan Pejabat.

#### **47.2.4 Daftar Mel**

Arahan Perbendaharaan 71 menghendaki semua Pejabat Pemungut Hasil menyelenggarakan Daftar Mel bagi merekod terimaan wang dan dokumen atau barang berharga yang diterima melalui pos. Pemeriksaan Audit mendapati Daftar Mel tidak diselenggara oleh Majlis.

#### **47.2.5 Buku Tunai**

Pemeriksaan Audit mendapati Buku Tunai yang diselenggarakan oleh pegawai yang bertanggungjawab adalah teratur dan kemas kini. Pihak Audit juga mendapati pegawai yang diberi tanggungjawab telah menyemak semua catatan dalam Buku Tunai dari semasa ke semasa selaras dengan Arahan Perbendaharaan 80 (b).

#### **47.2.6 Serahan Wang Ke Bank**

Arahan Perbendaharaan 78(a) menetapkan semua pungutan hasil perlu dibankkan pada hari yang sama atau selewat-lewatnya hari kerja yang berikutnya. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis mematuhi arahan tersebut. Bagaimanapun, serahan kutipan hasil ke bank tidak diiringi oleh pengawal keselamatan kerana kutipan tunai adalah kecil. Pada tahun 2003, kutipan tunai yang diterima oleh Majlis adalah berjumlah RM2,370 sahaja.

#### **47.2.7 Pemeriksaan Slip Bank**

Arahan Perbendaharaan 80(e) pula menghendaki slip bayar masuk bank disemak oleh seorang pegawai selepas wang dimasukkan ke bank. Pemeriksaan Audit mendapati semakan tidak dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab seperti kehendak peraturan di atas.

#### **47.2.8 Penyata Penyesuaian Bank**

Arahan Perbendaharaan 146 antara lain menghendaki pada hujung tiap-tiap bulan, transaksi bank yang direkodkan dalam Buku Tunai hendaklah disemak dengan penyata bank dan satu penyata penyesuaian hendaklah disediakan. Pemeriksaan Audit terhadap penyata penyesuaian bank tahun 2003 mendapati Majlis telah mematuhi arahan di atas. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan penyata ini disemak oleh pegawai penyelia.

#### **47.2.9 Pemeriksaan Mengejut**

Arahan Perbendaharaan 309 menghendaki pemeriksaan mengejut dijalankan oleh Pegawai Pengawal atau wakilnya ke atas peti besi, peti wang tunai, setem dan barangan lain yang berharga di bawah jagaannya sekurang-kurangnya sekali bagi tempoh 6 bulan. Hasil daripada pemeriksaan tersebut hendaklah direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada pemeriksaan mengejut tersebut ada dilakukan kerana Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan.

**Pada pendapat Audit, kawalan hasil Majlis boleh diperbaiki lagi dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan.**

### **47.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Pada tahun 2003, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM3.53 juta untuk bayaran elaun pegawai dan jurulatih sukan, bantuan kepada persatuan, latihan atlit dan penyelenggaraan pusat latihan sukan. Selain itu, Majlis juga melakukan perbelanjaan untuk penyelenggaraan Pejabat, utiliti, bengkel dan kursus. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan perbelanjaan mendapati perkara berikut:

#### **47.3.1 Kuasa Melulus Pembayaran**

Arahan Perbendaharaan 101 menetapkan Pegawai Pengawal boleh mewakilkan kuasa secara bertulis kepada pegawai dan kakitangan

tertentu untuk menandatangani baucar bayaran. Pemeriksaan Audit mendapati semua pembayaran diluluskan oleh Pengarah Majlis .

#### **47.3.2 Buku Vot**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1987, tujuan Buku Vot disediakan adalah untuk mengawal dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan diluluskan. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis tidak menggunakan Buku Vot sebaliknya menggunakan Buku Tunai Berkomputer. Pada tahun 2003, tidak ada perbelanjaan melebihi peruntukan.

#### **47.3.3 Pesanan Tempatan**

Pesanan Tempatan adalah merupakan satu dokumen yang digunakan untuk memesan barangan dan perkhidmatan yang dikehendaki. Ia merupakan kawalan terhadap perolehan barangan dan perkhidmatan di mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis sahaja berhak menandatangani borang pesanan. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis tidak mengguna pakai pesanan tempatan untuk memesan barangan dan perkhidmatan sebaliknya menggunakan borang pembelian yang disediakan oleh Majlis sendiri. Untuk tujuan kawalan semua pembelian yang dibuat perlu disokong oleh Pegawai Kemajuan Sukan dan diluluskan oleh Pengarah Majlis.

#### **47.3.4 Kawalan Perolehan**

Arahan Perbendaharaan 170 menghendaki perolehan bernilai antara RM50,000 hingga RM200,000 satu tahun hendaklah dibuat dengan menyertai sebut harga. Perolehan bagi kerja pembaikan kecil secara *requisition* bernilai antara RM10,000 hingga RM20,000 hendaklah juga menyertai tawaran secara sebut harga. Sebarang pengecualian daripada peraturan tersebut hendaklah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Selain itu, semua perolehan yang dibuat haruslah mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis mematuhi peraturan ini.

#### **47.3.5 Daftar Bil**

Arahan Perbendaharaan 103 menghendaki Ketua Jabatan perlu menyelenggara satu Daftar Bil bagi memastikan semua bil dijelaskan dengan segera bagi tempoh satu bulan dari tarikh bil diterima. Adalah didapati Majlis tidak menyelenggara Daftar Bil tersebut. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada bil yang diterima dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan.

#### **47.3.6 Daftar Pembayaran**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 98(a), satu Daftar Pembayaran hendaklah diselenggara untuk merekodkan wang untuk dibahagikan. Memandangkan pihak Majlis ada menerima sumbangan daripada Agensi Kerajaan, persatuan dan syarikat swasta adalah menjadi satu keperluan untuk menyelenggara Daftar Pembayaran bagi memastikan semua sumbangan disalurkan kepada persatuan sukan tertentu. Pemeriksaan Audit mendapati daftar ini tidak disediakan.

**Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan pada keseluruhannya adalah memuaskan kecuali penyediaan Daftar Bil dan Daftar Pembayaran.**

### **47.4 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI**

Sehingga bulan Disember 2003, Majlis mempunyai aset tetap berjumlah RM233,693 yang terdiri daripada kenderaan, komputer dan peralatan Pejabat. Semakan Audit terhadap pengurusan aset dan inventori mendapati perkara seperti berikut:

#### **47.4.1 Daftar Harta Modal Dan Inventori**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 menetapkan Agensi perlu merekodkan butiran asas mengenai harta modal, inventori dan bekalan Pejabat. Agensi juga perlu merekodkan lokasi harta modal, inventori dan bekalan Pejabat serta mewujudkan sistem maklumat yang kemas kini dan berkesan bagi memudahkan pihak pengurusan

melakukan penyeliaan, pengawasan dan penilaian apabila tindakan pelupusan hendak diambil. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis ada menyelenggara Daftar Harta Modal Dan Inventori selaras dengan peraturan di atas.

#### **47.4.2 Penyelenggaraan Aset**

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991 menghendaki supaya semua aset diselenggara dari semasa ke semasa. Semua penyelenggaraan direkodkan dalam Daftar Penyelenggaraan Aset bagi memastikan aset yang dimiliki boleh diguna secara berterusan dan sentiasa dalam keadaan baik. Pemeriksaan Audit mendapati Daftar ini tidak disediakan oleh Majlis.

#### **47.4.3 Tanda Hak Milik Kerajaan**

Perenggan 233 Tatacara Pengurusan Stor menghendaki semua harta Kerajaan ditanda 'Hak Milik Kerajaan'. Pemeriksaan Audit terhadap 10 jenis aset Majlis mendapati peraturan ini dipatuhi.

#### **47.4.4 Pemeriksaan Tahunan**

Mengikut Perenggan 238 Tatacara Pengurusan Stor, semua inventori hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya sekali dalam masa 2 tahun. Semakan Audit mendapati Majlis tidak membuat pemeriksaan tahunan tersebut.

#### **47.4.5 Pengurusan Kenderaan Majlis**

Majlis mempunyai 2 buah kenderaan iaitu sebuah bas dan satu pajero. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis ada menyelenggara Buku Log seperti yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980. Bagaimanapun, adalah didapati catatan kegunaan bahan api tidak direkod. Adalah menjadi tanggungjawab Majlis untuk memastikan pada setiap akhir bulan perkiraan bahan api seperti minyak enjin, minyak pelincir serta kos pembaikan dan penyelenggaraan kenderaan direkod dengan betul.



#### **47.4.6 Pelupusan Aset Dan Inventori**

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1997 memberikan garis panduan mengenai tatacara pelupusan aset dan barang Kerajaan. Ia bertujuan bagi mengelakkan proses keusangan stok dan tindakan pelupusan disegerakan. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis belum menubuhkan Lembaga Pemeriksa bagi tujuan di atas. Ini menyebabkan pelupusan aset tidak pernah dibuat oleh pihak Majlis.

**Pada pendapat Audit, pengurusan aset dan inventori Majlis adalah memuaskan kecuali pemeriksaan tahunan tidak dilaksanakan dan Lembaga Pemeriksa tidak ditubuhkan.**

#### **48. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pemeriksaan Audit mendapati pengurusan kewangan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang adalah memuaskan kecuali beberapa kelemahan yang dilaporkan. Beberapa aspek penting seperti kawalan pengurusan, hasil, perbelanjaan, aset dan inventori perlu dipertingkatkan. Sehubungan dengan itu Majlis disyorkan supaya mengambil tindakan seperti berikut:

- i)** Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bagi memantapkan pematuhan terhadap pengurusan kewangan.
- ii)** Memberi peluang kepada kakitangan yang terlibat dengan urusan kewangan untuk menghadiri kursus dan latihan yang berkaitan.
- iii)** Mempertingkatkan pemahaman dan pematuhan terhadap peraturan kewangan yang telah ditetapkan di kalangan kakitangan Majlis.
- iv)** Melantik Lembaga Pemeriksa untuk memeriksa aset dan inventori bagi tujuan pelupusan.

## **PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG**

### **PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN BUMIPUTERA**

#### **49. LATAR BELAKANG**

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (Perbadanan) telah ditubuhkan pada bulan November 1969 dan diperbadankan di bawah Enakmen 1971 sebagai sebuah agensi pembangunan Kerajaan Negeri. Penubuhannya adalah bagi menerajui dan menyelaraskan pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Program Pembangunan Usahawan Bumiputera adalah program yang dirancang khusus untuk mewujudkan dan membangunkan usahawan Bumiputera bagi mencapai matlamat pewujudan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera. Strategi utama pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera adalah untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera yang berdaya saing dalam sektor ekonomi moden secara berterusan. Strategi pembangunan yang dirangka adalah untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembangunan usahawan, pembentukan usahawan berdaya maju, pembangunan sumber manusia dan pembangunan kawasan pertumbuhan baru.

#### **50. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Program Pembangunan Usahawan Bumiputera telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekat dan berkesan.

#### **51. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Kajian terhadap Program Pembangunan Usahawan Bumiputera dijalankan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Program ini meliputi aktiviti Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RMK6) dan aktiviti Program Pembudayaan, Latihan dan Bimbingan, Program Penyediaan Prasarana dan Program Sasaran Peluang Perniagaan bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) dan 3 tahun pertama Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8). Pemeriksaan Audit dilakukan terhadap fail projek, minit

mesyuarat, laporan dan rekod yang berkaitan dengan program di Pejabat Perbadanan. Temu bual dengan pegawai dan peserta program juga dibuat untuk mendapat maklumat yang lebih jelas. Lawatan juga dibuat ke tapak projek usahawan terpilih di kawasan Bayan Baru, Bayan Lepas, Bandar Seberang Jaya, Bukit Minyak dan Bukit Tengah.

## **52. PENEMUAN AUDIT**

### **52.1 PERANCANGAN**

Perbadanan perlu merancang Program Pembangunan Usahawan Bumiputera dengan teliti agar matlamat untuk mewujudkan usahawan Bumiputera yang berdaya saing dapat dicapai. Perbadanan membuat perancangan seperti berikut:

#### **52.1.1 Program Pembangunan Usahawan**

Perbadanan akan meneruskan usaha untuk membangunkan usahawan Bumiputera di Pulau Pinang melalui Program Pembangunan Usahawan Bumiputera. Komponen program ini terbahagi kepada 3 iaitu Program Pembudayaan, Latihan Dan Bimbingan, Program Penyediaan Prasarana dan Program Sasaran Peluang Perniagaan.

##### **i) Program Pembudayaan, Latihan Dan Bimbingan**

Program ini dirancang dengan matlamat untuk mendedahkan kepada golongan pelajar sekolah, usahawan dan bakal usahawan dengan asas pengurusan perniagaan yang sistematik, menambah pengetahuan dalam bidang pengurusan kewangan dan meningkatkan motivasi serta kesedaran diri mengenai sikap positif dalam perniagaan. Program yang dirancang adalah berdasarkan keperluan yang dikenal pasti daripada permohonan serta maklum balas yang diperolehi hasil perbincangan dengan golongan sasaran, iaitu usahawan dan bakal usahawan. Program yang bakal dilaksanakan akan diiklankan melalui media massa seperti

akhbar tempatan dan hebahan di Radio Malaysia Pulau Pinang serta pengedaran risalah kepada Agensi Kerajaan dan swasta dari semasa ke semasa. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Perbadanan merancang sebanyak 28 siri kursus yang melibatkan 3,517 peserta. **Jadual 46** menunjukkan jenis kursus dan bilangan peserta yang akan dilatih di bawah program ini.

**Jadual 46**  
**Program Pembudayaan, Latihan Dan Bimbingan**  
**Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| Bil.   | Jenis Kursus   | 2001   |         | 2002   |         | 2003   |         |
|--------|----------------|--------|---------|--------|---------|--------|---------|
|        |                | Kursus | Peserta | Kursus | Peserta | Kursus | Peserta |
| 1.     | Usahawan Muda  | 5      | 624     | 7      | 716     | 7      | 1,116   |
| 2.     | Keusahawanan   | -      | -       | 1      | 60      | 2      | 296     |
| 3.     | Pengkomputeran | -      | -       | 1      | 60      | 1      | 44      |
| 4.     | Francais       | -      | -       | 2      | 448     | -      | -       |
| 5.     | Pemasaran      | -      | -       | -      | -       | 2      | 153     |
| Jumlah |                | 5      | 624     | 11     | 1,284   | 12     | 1,609   |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Analisis Audit menunjukkan Kursus Usahawan Muda adalah program tahunan yang diberi keutamaan kerana mendapat sambutan pada tiap-tiap tahun. Ini dapat dilihat apabila anggaran penyertaan peserta telah meningkat seramai 624 orang pada tahun 2001 menjadi 716 pada tahun 2002 dan 1,116 peserta pada tahun 2003.

**ii) Program Penyediaan Prasarana**

Di bawah program ini, usahawan Bumiputera akan disediakan kemudahan tapak projek dan promosi prasarana untuk membantu mereka menjalankan perniagaan. Perbadanan mensasarkan 30% premis perniagaan untuk dimiliki usahawan Bumiputera. Bagi tempoh RMK6 dan RMK7, Perbadanan merancang membina sebanyak 262 unit kilang Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) dan 1 Pusat *Automart*. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Perbadanan merancang membina sebanyak 148 Kompleks Penjaja/Gerai Makan, 128 unit Bazar,

satu Institut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak dan satu Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA). **Jadual 47** menunjukkan secara terperinci pembinaan prasarana bagi tempoh RMK6 hingga 3 tahun pertama RMK8.

**Jadual 47**  
**Prasarana Yang Akan Dibina Bagi Tempoh RMK6 hingga RMK8**

| Bil. | Prasarana   | RMK6<br>(1991-1995)<br>(unit) | RMK7<br>(1996-2000)<br>(unit) | RMK8<br>(2001-2003)<br>(unit) | Jumlah<br>(unit) |
|------|---|-------------------------------|-------------------------------|-------------------------------|------------------|
| 1.   | Kilang Industri Kecil Dan Sederhana (IKS)         | 262                           | -                             | -                             | 262              |
| 2.   | Pusat <i>Automart</i>                             | -                             | 1                             | -                             | 1                |
| 3.   | Kompleks Penjaja/Gerai Makan                      | -                             | -                             | 148                           | 148              |
| 4.   | Taska Perbadanan                                  | -                             | -                             | 1                             | 1                |
| 5.   | Institut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak | -                             | -                             | 1                             | 1                |
| 6.   | Bazar   | -                             | -                             | 128                           | 128              |
|      | <b>Jumlah</b>                                     | <b>262</b>                    | <b>1</b>                      | <b>278</b>                    | <b>541</b>       |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Pada tahun 2001, sebanyak 94 kompleks penjaja/gerai makan, sebuah TASKA Perbadanan dan sebuah Institut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak dirancang. Pada tahun 2002, sebanyak 54 kompleks penjaja/gerai makan dirancang dan tiada perancangan dibuat untuk tahun 2003. Perancangan tidak dibuat pada tahun 2003 kerana Perbadanan telah pun membina kompleks penjaja dan gerai makan di 5 kawasan iaitu Taman Perindustrian Bukit Minyak, Bukit Tengah, Bandar Seberang Jaya, Lebu Macallum dan Sungai Nibong. Dari aspek pemilihan tapak projek dan promosi prasarana adalah seperti berikut:

**a) Pemilihan Tapak Projek Prasarana**

Sebelum sesuatu projek dibangunkan, penyelidikan perlu diadakan bagi menentukan kesesuaian tapak dan lokasi pembinaan. Perbadanan ada membuat penyelidikan dan

penyiasatan bagi 7 lokasi yang dicadangkan sesuai untuk tujuan pembinaan kilang dan premis perniagaan. Selain itu, adalah didapati lokasi yang dicadangkan merupakan tanah milik Perbadanan sendiri. Lokasi yang terlibat ialah Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Sungai Nibong, Sungai Pinang, Bandar Seberang Jaya, Bukit Tengah dan Bukit Minyak.

**b) Promosi Prasarana**

Aktiviti promosi dan pemasaran perlu dirancang untuk memastikan unit kilang dan premis perniagaan dapat dijual atau disewakan. Kaedah promosi yang dicadangkan adalah mengedar risalah, mengiklan di akhbar tempatan dan membuat pameran hartanah melalui Ekspo Perdagangan Dan Perindustrian Pulau Pinang.

**iii) Program Sasaran Peluang Perniagaan**

Perbadanan mewujudkan program ini dengan tujuan untuk menggalak dan meningkatkan penyertaan Bumiputera di bidang keusahawanan. Tiga komponen dirancang di bawah program ini iaitu Program Pembangunan Vendor, Kerja Kontrak Perbadanan dan Program Pembangunan Produk Francais.

**a) Program Pembangunan Vendor**

Program ini diwujudkan dengan hasrat untuk membantu membangunkan syarikat IKS Bumiputera sebagai vendor Perbadanan dengan cara membekalkan bahan binaan untuk projek Perbadanan yang dikenal pasti. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, tiga syarikat akan ditawarkan untuk menyertai Program Pembangunan Vendor.

**b) Kerja Kontrak Perbadanan**

Di bawah program ini, Perbadanan akan menyediakan peluang kerja kepada usahawan Bumiputera. Pelawaan kerja kontrak adalah mengikut peraturan kewangan. Perbadanan merancang menawarkan 25 kerja kontrak pada tahun 2001 dan 27 kerja kontrak pada tahun 2002.

Manakala pada tahun 2003 tiada perancangan untuk menawarkan kerja kontrak.

**c) Program Pembangunan Produk Francais**

Program ini akan diperkenalkan pada tahun 2003 dengan matlamat untuk menambah bilangan *franchisee* Bumiputera dan melahirkan *franchisor* baru. Selaras dengan matlamat tersebut, Perbadanan merancang menjalankan kajian ke atas 3 produk yang dikenal pasti.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan telah merancang Program Pembangunan Usahawan dengan baik dan sesuai dengan matlamat Kerajaan untuk melahir dan mewujudkan usahawan Bumiputera yang berdaya maju di Pulau Pinang.**

**52.1.2 Kaedah Pelaksanaan Program**

Bagi memudahkan perancangan dapat dilaksanakan dengan sempurna, Perbadanan merangka kaedah pelaksanaan program seperti berikut:

**i) Program Dilaksanakan Oleh Perbadanan Sendiri**

Program Pembangunan Usahawan Bumiputera yang akan dilaksanakan oleh Perbadanan adalah terdiri daripada aktiviti Kursus Pemasaran, pembinaan kilang IKS, TASKA Perbadanan dan Program Sasaran Peluang Perniagaan.

**ii) Usahasama Dengan Agensi Lain**

Bagi mencapai matlamat Program Pembangunan Usahawan Bumiputera, Perbadanan akan bekerjasama dengan Agensi Kerajaan lain seperti Kementerian Pembangunan Usahawan, Jabatan Pendidikan Negeri, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Persatuan Peniaga Dan Penjaja Kecil Pulau Pinang. Usaha sama ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti sasaran peserta, mendapatkan kepakaran dan pengalaman bagi menjayakan program pembangunan usahawan. Program yang akan dilaksanakan adalah Kursus Usahawan Muda, Keusahawanan, Pengkomputeran, Francais, Pembinaan

Kompleks Penjaja/Gerai Makan, Bazar, Pusat *Automart* dan Institut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak.

**Pada pendapat Audit kaedah pelaksanaan program yang dirancang oleh Perbadanan adalah baik.**

### **52.1.3 Kriteria Pemilihan Peserta**

Kriteria pemilihan peserta untuk mengikuti Program Pembangunan Usahawan Bumiputera disediakan seperti berikut:

#### **i) Program Pembudayaan, Latihan Dan Bimbingan**

Pelbagai aktiviti dirancang di bawah program ini seperti Kursus Usahawan Muda, Keusahawanan dan Pemasaran. Kriteria peserta untuk menyertai Kursus Usahawan Muda ialah pelajar tingkatan 2 dan 4 yang dipilih oleh pihak sekolah dan tidak terlibat dengan peperiksaan utama. Bagi Kursus Keusahawanan, Pengkomputeran, Francais dan Pemasaran pula, kriteria yang ditetapkan adalah seperti latar belakang, pengalaman dan minat peserta.

#### **ii) Program Penyediaan Prasarana**

Di bawah program ini, kriteria utama yang perlu ialah kedudukan kewangan pengusaha, pengalaman syarikat, pelan perniagaan dan input lain yang relevan.

#### **iii) Program Sasaran Peluang Perniagaan**

Perbadanan merancang mengenakan kriteria yang spesifik di bawah program ini iaitu syarikat vendor yang dipilih mesti berdaftar dengan Perbadanan. Selain itu, pemilihan produk francais adalah berasaskan produk yang mendapat sambutan orang ramai.

**Pada pendapat Audit, kriteria pemilihan peserta yang dirancang adalah baik iaitu dengan mengambil kira latar belakang, pengalaman, minat dan keupayaan pengusaha.**



#### **52.1.4 Anggaran Perbelanjaan Program**

Perbadanan menyediakan anggaran perbelanjaan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera sejumlah RM10.83 juta bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Perbadanan memperuntukkan sejumlah RM150,000 manakala Kementerian Pembangunan Usahawan sejumlah RM10.68 juta. Anggaran perbelanjaan program yang dirancang adalah seperti di **Jadual 48**.

**Jadual 48**

**Anggaran Perbelanjaan Program Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| Bil.     | Jenis Program                                     | Anggaran Perbelanjaan |                  |                  | Sumber Kewangan/<br>Jumlah (RM) |
|----------|---|-----------------------|------------------|------------------|---------------------------------|
|          |   | 2001 (RM)             | 2002 (RM)        | 2003 (RM)        |                                 |
| <b>A</b> | <b>Program Pembudayaan, Latihan Dan Bimbingan</b> |                       |                  |                  |                                 |
| 1.       | Kursus Usahawan Muda                              | 39,050                | 80,670           | 128,350          | KPU                             |
| 2.       | Kursus Keusahawanan                               | -                     | 35,000           | 96,538           | KPU                             |
| 3.       | Kursus Pengkomputeran                             | -                     | 3,000            | 9,500            | KPU                             |
| 4.       | Kursus Francais                                   | -                     | 30,430           | -                | KPU                             |
| 5.       | Kursus Pemasaran                                  | -                     | -                | 11,948           | KPU                             |
|          | <b>Jumlah Kecil</b>                               | <b>39,050</b>         | <b>149,100</b>   | <b>246,336</b>   | <b>434,486</b>                  |
| <b>B</b> | <b>Program Penyediaan Prasarana</b>               |                       |                  |                  |                                 |
| 1.       | Kompleks Penjaja/Gerai Makan                      | 1,550,000             | 1,260,000        | 2,150,000        | KPU                             |
| 2.       | TASKA Perbadanan                                  | 150,000               | -                | -                | Perbadanan                      |
| 3.       | Institut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak | -                     | 15,000           | 1,350,000        | KPU                             |
| 4.       | Pusat <i>Automart</i>                             | 3,700,000             | 100,000          | 20,000           | KPU                             |
| 5.       | Bazar   | -                     | -                | 100,000          | KPU                             |
|          | <b>Jumlah Kecil</b>                               | <b>5,400,000</b>      | <b>1,375,000</b> | <b>3,620,000</b> | <b>10,395,000</b>               |
| <b>C</b> | <b>Program Sasaran Peluang Perniagaan</b>         |                       |                  |                  |                                 |
| 1.       | Pembangunan Produk Francais                       | -                     | -                | 10,000           | KPU                             |
|          | <b>Jumlah Kecil</b>                               |                       |                  | <b>10,000</b>    | <b>10,000</b>                   |
|          | <b>Jumlah Besar</b>                               | <b>5,439,050</b>      | <b>1,524,100</b> | <b>3,876,336</b> | <b>10,839,486</b>               |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

KPU: Kementerian Pembangunan Usahawan

Analisis Audit mendapati anggaran perbelanjaan program bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 yang disediakan oleh Perbadanan hanya berjumlah RM150,000 untuk TASKA Perbadanan. Kementerian Pembangunan Usahawan pula memperuntukkan sejumlah RM10.68 juta bagi tempoh yang sama.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan perlu menyediakan peruntukan sendiri yang lebih besar bagi menjayakan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera.**

#### **52.1.5 Struktur Organisasi**

Struktur organisasi Perbadanan dibahagikan kepada 2 bahagian utama iaitu Bahagian Perancangan dan Bahagian Pelaksanaan. Pada akhir bulan Disember 2003, Perbadanan mewujudkan 454 jawatan iaitu 1 jawatan utama, lapan puluh lima jawatan Pengurusan Dan Profesional dan 368 jawatan Kumpulan Sokongan. Struktur organisasi Perbadanan terdiri daripada seorang Pengurus Besar, dua Timbalan Pengurus Besar dan 7 Pengurus di Bahagian Perancangan serta 6 Pengurus di Bahagian Pelaksanaan. Bagi meningkatkan keberkesanan program keusahawanan Bumiputera di Pulau Pinang, Perbadanan mewujudkan Unit Pembangunan Usahawan pada tahun 1997 dengan objektif untuk membantu menyelaraskan semua program yang dirancang supaya dapat dilaksanakan dengan jayanya. Unit ini diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu oleh 2 Penolong Pengurus serta 2 Pembantu Tadbir.

**Pada pendapat Audit, kedudukan struktur organisasi dan guna tenaga yang disediakan oleh Perbadanan adalah baik.**

#### **52.1.6 Latihan**

Perbadanan merancang untuk menghantar semua pegawai menghadiri kursus dan seminar bagi memantapkan pengetahuan mereka. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Perbadanan merancang akan mengadakan 26 kursus untuk pegawai dan kakitangan di Unit ini. Bagaimanapun, daripada 26 kursus ini, lima belas kursus adalah berkaitan dengan kerjaya usahawan. **Jadual 49** menunjukkan siri kursus yang dirancang bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003.

**Jadual 49**  
**Kursus Yang Dirancang Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| Bil. | Kursus Yang Dirancang  | Tahun    |          |          |
|------|--|----------|----------|----------|
|      |  | 2001     | 2002     | 2003     |
| 1.   | <i>Basic QCC Tools &amp; Techniques</i>  | 1        |          |          |
| 2.   | <i>Quality Control Community</i>   | 1        |          |          |
| 3.   | <i>Project Management/Internal Quality Audit</i>   | 1        |          |          |
| 4.   | <i>Training of Trainers</i>  |          | 1        |          |
| 5.   | Perancangan Dan Pengurusan Projek  |          | 1        |          |
| 6.   | <i>Workshop On Understanding KPI And The Balance Scorecard</i>                             |          | 1        |          |
| 7.   | Latihan Asas Perniagaan <i>PROUD 2/02</i>  |          | 1        |          |
| 8.   | Korporat <i>Registrar Of Company</i> Yang Diwajibkan Untuk Ahli Lembaga Pengarah Syarikat  |          | 1        |          |
| 9.   | Kursus Perkhidmatan Pelanggan  |          |          | 1        |
| 10.  | <i>Briefing Session On The Implementation Of KPPS/Balance Scorecard - TNB's Experience</i> |          |          | 1        |
| 11.  | Konvensyen Program Usahawan Muda   |          |          | 1        |
| 12.  | Konvensyen Bisnes Produk Halal   |          |          | 1        |
| 13.  | <i>Strategic Risk Management Workshop</i>  |          |          | 1        |
| 14.  | <i>New Work Habits For A Radically Changing World</i>                                      |          |          | 1        |
| 15.  | <i>Training On Imovie And Macintosh</i>  |          |          | 1        |
|      | <b>Jumlah</b>  | <b>3</b> | <b>5</b> | <b>7</b> |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

**Pada pendapat Audit, perancangan kursus yang dibuat oleh Perbadanan adalah baik.**

**Pada pandangan Audit, perancangan Program Pembangunan Usahawan dibuat dengan teliti dan mengambil kira semua aspek seperti matlamat, golongan sasaran dan sumber kewangan.**

## **52.2 PELAKSANAAN**

Bagi memastikan objektif sesuatu program yang dirancang tercapai, pelaksanaan yang cekap dan berkesan perlu dibuat. Pemeriksaan Audit mendapati pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera seperti berikut:

### **52.2.1 Pemilihan Peserta Program Pembangunan Usahawan**

Perbadanan menetapkan kriteria tertentu bagi memilih peserta yang layak mengikuti Program Pembangunan Usahawan Bumiputera seperti berikut:

#### **i) Program Pembudayaan, Latihan Dan Bimbingan**

Di bawah program ini, Perbadanan telah menetapkan kriteria tertentu untuk membolehkan pelajar dan usahawan menghadiri kursus yang telah dirancang. Bagi Kursus Usahawan Muda, pemilihan sekolah dibuat oleh urusetia yang terdiri daripada Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Agama Islam dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Harian, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Vokasional, Sekolah Teknik, Sekolah Menengah Sains dan Maktab Rendah Sains MARA. Pelajar yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar tingkatan 2 dan 4 yang tidak terlibat dengan peperiksaan utama. Bagi Kursus Keusahawanan, Pengkomputeran, Francais dan Pemasaran pula, pemeriksaan Audit mendapati Perbadanan telah memilih peserta yang berminat dan berpengalaman di bidang perniagaan.

#### **ii) Program Penyediaan Prasarana**

Di bawah program ini, Perbadanan telah menetapkan kriteria tertentu untuk pengusaha yang berminat menyertai program

usahawan ini. Semakan Audit mendapati pembeli dan penyewa Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) adalah pengusaha yang mempunyai ekuiti milik Bumiputera sekurang-kurangnya 51%. Jenis perusahaan IKS yang dijalankan adalah seperti elektrik, tekstil, besi dan keluli, logam, bahan bukan logam, mesin, makanan dalam tin, produk pertanian, *Feed Meal*, kimia dan baja, getah, plastik, kayu, kertas dan percetakan serta aksesori kenderaan.

Bagi Pusat *Automart* pula, tujuh syarikat telah mengemukakan tender tetapi hanya 5 yang layak untuk dipertimbangkan. Perbadanan telah memilih sebuah syarikat yang memenuhi syarat iaitu syarikat Bumiputera yang berpengalaman luas di bidang perkhidmatan automobil dan yang menawarkan harga tertinggi. Syarikat yang dipilih tidak dibenarkan menstruktur semula ekuiti dan pengurusan kakitangan terdiri daripada 51% Bumiputera.

Bagi Institut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak pula, Perbadanan telah memilih syarikat usahawan wanita Bumiputera yang telah lama bergiat aktif di bidang pendidikan awal kanak-kanak.

### **iii) Program Sasaran Peluang Perniagaan**

Bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera di bidang pembangunan vendor, kerja kontrak dan perniagaan francais, Perbadanan telah menetapkan kriteria tertentu untuk menyertainya. Pemeriksaan Audit mendapati 4 syarikat vendor yang dipilih telah berdaftar dengan Perbadanan manakala bagi kerja kontrak pula, pemilihan kontraktor adalah berdasarkan kepada kekukuhan kewangan syarikat, pengalaman dan mempunyai rekod yang baik. Bagi perniagaan francais pula Perbadanan telah memilih 3 syarikat yang berpotensi. Kriteria pemilihan adalah syarikat mesti beroperasi secara berterusan mengendali perniagaannya, mengeluarkan produk yang mendapat sambutan pelanggan

dan pemiliknya mempunyai minat yang mendalam di bidang francais.

**Pada pendapat Audit, pemilihan peserta telah dibuat berdasarkan kriteria yang ditetapkan iaitu dengan mengambil kira latar belakang, pengalaman, minat dan keupayaan pengusaha.**

#### **52.2.2 Prestasi Program Pembangunan Usahawan**

Prestasi Program Pembangunan Usahawan Bumiputera yang dilaksanakan oleh Perbadanan adalah seperti berikut:

##### **i) Program Pembudayaan, Latihan Dan Bimbingan**

Pemeriksaan Audit mendapati kesemua 28 kursus yang telah dirancang bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 telah dilaksanakan. Seramai 3,300 peserta telah menghadirinya. Maklumat terperinci adalah seperti di **Jadual 50**.

**Jadual 50**  
**Program Pembudayaan, Latihan Dan Bimbingan Bagi**  
**Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| Bil.          | Jenis Kursus   | 2001     |            | 2002      |              | 2003      |              |
|---------------|----------------|----------|------------|-----------|--------------|-----------|--------------|
|               |                | Kursus   | Peserta    | Kursus    | Peserta      | Kursus    | Peserta      |
| 1.            | Usahawan Muda  | 5        | 564        | 7         | 696          | 7         | 979          |
| 2.            | Keusahawanan   | -        | -          | 1         | 60           | 2         | 296          |
| 3.            | Pengkomputeran | -        | -          | 1         | 60           | 1         | 44           |
| 4.            | Francais       | -        | -          | 2         | 448          | -         | -            |
| 5.            | Pemasaran      | -        | -          | -         | -            | 2         | 153          |
| <b>Jumlah</b> |                | <b>5</b> | <b>564</b> | <b>11</b> | <b>1,264</b> | <b>12</b> | <b>1,472</b> |

*Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang*

Pihak Audit mendapati semua kursus yang dirancang telah berjaya dilaksanakan. Prestasi bagi beberapa Program Pembudayaan, Latihan Dan Bimbingan adalah seperti berikut:

##### **a) Program Usahawan Muda**

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 19 kursus telah dijalankan yang melibatkan seramai 2,239 pelajar. Kursus ini diadakan untuk memupuk minat pelajar terhadap

keusahawanan dan melahirkan pelajar berinovasi. Pemeriksaan Audit terhadap Kursus Usahawan Muda mendapati 2 buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan St. George, Balik Pulau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Nibong Tebal, Seberang Perai telah berjaya mendapat tempat pertama di peringkat Negeri. Di peringkat kebangsaan pula, sekolah berkenaan telah berjaya mendapat beberapa anugerah seperti di **Jadual 51**.

**Jadual 51**  
**Anugerah Kursus Usahawan Muda**  
**Peringkat Kebangsaan**

| Bil | Nama Sekolah                                  | Jenis Anugerah               | Pencapaian |        |
|-----|---|------------------------------|------------|--------|
|     |   |                              | 2001       | 2002   |
| 1.  | S.M.K St. George<br>Balik Pulau               | Syarikat Terbaik             | Kedua      |        |
|     |   | Guru Pengelola Terbaik       | Kedua      |        |
|     |   | Persembahan Syarikat Terbaik | Kedua      |        |
|     |   | Pengurus Terbaik             | Ketiga     |        |
| 2.  | S.M.K Agama<br>Nibong Tebal<br>Seberang Perai | Persembahan Syarikat Terbaik |            | Ketiga |
|     |   | Kembara Minda                |            | Ketiga |

*Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang*

Pada pendapat Audit, Perbadanan telah berjaya membudayakan pelajar sekolah terhadap pelbagai ciri keusahawanan yang positif seperti keyakinan diri, mempunyai semangat kerja berkumpulan, memupuk sifat berdaya maju, dedikasi, mempertingkatkan daya kreativiti dan menanam sifat untuk berdaya saing. Selain itu, program ini juga dapat menambah kemahiran pelajar semasa membuat perancangan perniagaan, organisasi dan tenaga manusia serta kemahiran pengurusan kewangan.

**b) Kursus Keusahawanan**

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Perbadanan telah bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan, MARA dan Persatuan Penjaja Dan Peniaga



Kecil Negeri Pulau Pinang bagi melaksanakan program latihan kepada peniaga kecil Negeri Pulau Pinang. Matlamat program ini adalah memberi pendedahan kepada golongan penjaja dan peniaga kecil dengan asas pengurusan kewangan dan perniagaan. Pemeriksaan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, seramai 356 penjaja dan peniaga kecil Bumiputera telah menghadiri program latihan ini seperti di **Jadual 52**.

**Jadual 52**

**Kursus Keusahawanan Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| Bil.          | Jenis Kursus   | Bilangan Penyertaan |            | Jumlah     |
|---------------|--|---------------------|------------|------------|
|               |  | 2002                | 2003       |            |
| 1.            | Latihan Keusahawanan Modul 1 Hingga 6<br>- <i>Microsoft Application Training/Internet Search</i><br>- <i>Internet And Front Page</i> | 60                  | 44         | 104        |
| 2.            | Konvensyen Usahawan Wanita Zon Utara   | -                   | 252        | 252        |
| <b>Jumlah</b> |  | <b>60</b>           | <b>296</b> | <b>356</b> |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

**Pihak Audit berpendapat, walaupun semua kursus telah berjaya dilaksanakan, Perbadanan perlu memberi perhatian yang lebih terhadap kursus yang berkaitan dengan keusahawanan.**

**ii) Program Penyediaan Prasarana**

Program ini bertujuan menyediakan kemudahan prasarana bagi peniaga dan pengusaha menjalankan perniagaan mereka. Bagi tempoh RMK6, Perbadanan telah membina sejumlah 262 unit kilang IKS manakala pada RMK7, Perbadanan telah membina Pusat *Automart*. Bagi tempoh 3 tahun pertama RMK8, Perbadanan telah membina sejumlah

100 unit premis perniagaan dan sebuah bangunan TASKA. Maklumat mengenainya adalah seperti di **Jadual 53**.

**Jadual 53**  
**Premis Perniagaan Dan Kilang IKS Yang Telah Dibina**

| Bil. | Jenis Premis                                     | RMK 6(1991-1995) |            | RMK 7(1996-2000) |          | RMK 8(2001-2003) |            | Tidak/<br>Belum<br>Dibina |
|------|--|------------------|------------|------------------|----------|------------------|------------|---------------------------|
|      |  | Rancang          | Bina       | Rancang          | Bina     | Rancang          | Bina       |                           |
| 1.   | Kilang Industri Kecil Dan Sederhana (IKS)        | 262              | 262        | -                | -        | -                | -          | -                         |
| 2.   | Pusat <i>Automart</i>                            | -                | -          | 1                | 1        | -                | -          | -                         |
| 3.   | Kompleks Penjaja/Gerai Makan                     | -                | -          | -                | -        | 148              | 100        | 48                        |
| 4.   | Taska Perbadanan                                 | -                | -          | -                | -        | 1                | 1          | -                         |
| 5.   | Institut Perkembangan Pedidikan Awal Kanak-kanak | -                | -          | -                | -        | 1                | -          | 1                         |
| 6.   | Bazar  | -                | -          | -                | -        | 128              | -          | 128                       |
|      | <b>Jumlah</b>                                    | <b>262</b>       | <b>262</b> | <b>1</b>         | <b>1</b> | <b>278</b>       | <b>101</b> | <b>277</b>                |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Berdasarkan maklumat di atas, pihak Audit mendapati kesemua pembinaan Kilang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang dirancang pada RMK6 telah siap dibina. Begitu juga dengan pembinaan Pusat *Automart* pada RMK7 dan TASKA Perbadanan pada tahun 2002. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati 48 daripada 148 unit kompleks penjaja/ gerai makan dan pusat pendidikan kanak-kanak yang dirancang pada tahun 2001 masih belum dibina. Selain itu, 128 unit bazar yang dirancang pada tahun 2002 juga masih belum dibina kerana Perbadanan belum menerima peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan. Semakan lanjut Audit mendapati perkara berikut:

### a) Kilang Industri Kecil Dan Sederhana

Pihak Audit mendapati 121 daripada 262 unit Kilang IKS telah diperuntukkan kepada Bumiputera. Harga jualan kilang IKS adalah antara RM282,612 hingga RM1.05 juta dan kadar sewaan kilang IKS adalah RM1.10 satu kaki persegi. Kedudukan terkini penjualan/sewaan kilang IKS Perbadanan bagi kuota Bumiputera adalah seperti di **Jadual 54**.

**Jadual 54**  
**Penjualan/Sewaan Unit Kilang (IKS) Setakat Tahun 2003**

| Bil | Kawasan                                     | Bilangan Unit Kuota Bumiputera | Unit Jualan | Unit Sewaan | Unit Kosong |
|-----|---|--------------------------------|-------------|-------------|-------------|
| 1.  | Taman Perindustrian Bukit Tengah            | 10                             | 5           | -           | 5           |
| 2.  | Taman Perindustrian Bukit Minyak            | 43                             | -           | 6           | 37          |
| 3.  | Taman Perindustrian Bayan Lepas (Projek I)  | 22                             | -           | 21          | 1           |
| 4.  | Taman Perindustrian Bayan Lepas (Projek II) | 26                             | 6           | 10          | 10          |
| 5.  | Sungai Pinang                               | 20                             | 18          | 2           | -           |
|     | <b>Jumlah</b>                               | <b>121</b>                     | <b>29</b>   | <b>39</b>   | <b>53</b>   |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

Semakan Audit mendapati 53 unit kilang IKS belum dijual atau disewa kepada usahawan Bumiputera terutamanya unit deretan di Bukit Minyak. Punca utama unit ini tidak dapat dijual adalah kerana usahawan Bumiputera tidak mampu membeli atau menyewanya kerana kos *overhead* kilang seperti buruh dan pengangkutan adalah tinggi. Selain itu, lokasi kilang IKS dengan pelanggan utama juga adalah jauh. Bagi menangani masalah ini, Perbadanan telah mengambil tindakan dengan menurunkan harga jualan daripada RM282,612 menjadi RM230,850 dan kadar sewa daripada RM1.10 menjadi RM0.70 satu kaki persegi. Namun begitu, sambutan daripada usahawan Bumiputera masih juga tidak menggalakkan. Kegagalan Perbadanan

menjual atau menyewakan unit ini akan meningkatkan kos penyelenggaraan, penjagaan dan kawalan keselamatan. Antara kilang IKS yang belum dijual/sewa adalah seperti di **Foto 11**.

**Foto 11**

**Kilang (IKS) di Bukit Minyak Yang Belum Dijual/Sewa**



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara

Tarikh: 13 Mac 2004

**Pihak Audit berpendapat Perbadanan telah memainkan peranannya dengan menyediakan premis dan prasarana untuk usahawan Bumiputera. Bagaimanapun, Perbadanan perlu mencari alternatif lain untuk menggalakkan penjualan/sewaan kilang yang masih kosong.**

**b) Pusat *Automart* Di Bandar Seberang Jaya**

Projek ini diadakan bertujuan untuk mewujudkan satu rangkaian pusat perkhidmatan *Automart* yang dikendalikan oleh usahawan Bumiputera. Rangkaian perkhidmatan yang disediakan adalah seperti mekanikal, aksesori, bengkel tayar, mengetuk, mengecat, kimpalan, mencuci dan mengilap kereta, bilik latihan serta perkhidmatan

sampingan lain. Bagi tujuan ini, Perbadanan telah mengiklan tender melalui akhbar tempatan untuk mendapatkan usahawan yang berminat. Tiga kriteria yang ditetapkan adalah syarikat mestilah milik penuh Bumiputera, berpengalaman dalam pengedaran kereta nasional dan mempunyai modal berbayar sejumlah RM500,000. Pemeriksaan Audit mendapati pihak pengurusan Perbadanan telah memilih sebuah syarikat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk menjadi operator utama bagi mengendalikan operasi Pusat *Automart* ini secara sewaan mulai bulan September 2002. Mengikut perjanjian, operator utama Pusat *Automart* perlu menyediakan semua rangkaian perkhidmatan automobil seperti pusat servis, bengkel hawa dingin, bengkel ekzos, bengkel tayar, bateri, ruang pameran dan sebagainya. Lawatan Audit mendapati tidak semua rangkaian perkhidmatan automobil ada disediakan di sini kerana bengkel tayar, mengetuk, mengecat, kimpalan, mencuci dan mengilap kereta belum beroperasi. Bengkel di Pusat *Automart* yang belum beroperasi adalah seperti di **Foto 12**.

## Foto 12

### Bengkel Di Pusat *Automart* Yang Belum Beroperasi



Sumber: *Jabatan Audit Negeri Pulau Pinang*  
Tarikh: *23 Mac 2004*

**Pada pendapat Audit, pihak Perbadanan perlu memastikan pengusaha operator utama menyediakan rangkaian perkhidmatan automobil sepenuhnya mengikut perjanjian yang telah ditandatangani.**

#### **c) Institut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak Di Sungai Nibong.**

Program ini dirancang oleh Perbadanan dan telah mendapat persetujuan Ahli Lembaga Perbadanan pada awal bulan Disember 2001. Tujuan Institut ini ditubuhkan adalah untuk memberi peluang kepada syarikat usahawan Bumiputera yang telah bergiat di bidang latihan dan pendidikan awal kanak-kanak untuk beroperasi di premis tetap dan terus berkembang maju. Pemeriksaan Audit mendapati projek ini yang sepatutnya siap pada penghujung tahun 2003 tetapi belum dimulakan kerana Perbadanan telah lewat memohon kebenaran membina bangunan dan milikan tanah. Pihak Perbadanan telah

mengambil masa selama 8 bulan daripada tarikh persetujuan Ahli Lembaga Perbadanan untuk memohon kelulusan membina bangunan. Bagi permohonan milikan tanah pula, Perbadanan telah mengambil masa selama 13 bulan dari tarikh persetujuan Ahli Lembaga. Tapak pembinaan Institut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak di Sungai Nibong yang belum dibangunkan adalah seperti di **Foto 13**.

**Foto 13**

**Tapak Pembinaan Institut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Di Sungai Nibong Yang Belum Dibangunkan**



*Sumber: Jabatan Audit Negeri Pulau Pinang  
Tarikh: 13 Mac 2004*

**Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan projek ini menyebabkan Perbadanan tidak dapat menubuhkan Institut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak mengikut tempoh yang ditetapkan.**

**iii) Program Sasaran Peluang Perniagaan**

Program Sasaran Peluang Perniagaan ini bertujuan menggalak dan meningkatkan penyertaan Bumiputera di

bidang keusahawanan. Beberapa Program Sasaran Peluang Perniagaan adalah seperti berikut:

**a) Program Pembangunan Vendor**

Program ini diwujudkan dengan hasrat untuk membantu membangunkan IKS sebagai vendor Perbadanan bagi memperkembangkan pemasaran syarikat pengilang dan pembekal bahan binaan Bumiputera. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, empat syarikat telah didaftarkan di bawah Program Pembangunan Vendor. Bagaimanapun, hanya 2 syarikat telah ditawarkan projek membekal tingkap kayu dan rangka pintu bagi 18 unit gerai runcit, tiga puluh empat unit gerai makan dan 1 tandas awam di Lintang Macallum di samping membekalkan *double sided aluminium foil* untuk bumbung di Pusat *Automart* Bandar Seberang Jaya.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan perlu meneruskan usaha untuk mengenal pasti projek baru yang berpotensi bagi menambah lagi bilangan syarikat vendor baru di samping membantu syarikat sedia ada.**

**b) Pembangunan Produk Francais**

Objektif Program Pembangunan Produk Francais adalah untuk menambahkan bilangan francais yang berkualiti dan melahirkan bilangan *franchaisor* yang baru. Selaras dengan matlamat Perbadanan untuk membangunkan lebih ramai usahawan di bidang francais, Perbadanan telah menjalankan kajian produk francais. Hasilnya, Perbadanan telah mengenal pasti 3 produk tempatan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai produk francais iaitu Nasi Ayam Misai, Masakan Berempah D’Kashmiry dan Mee Udang Ilyana. Pemeriksaan Audit mendapati 1 daripada 3 produk makanan yang dicadangkan iaitu pengusaha makanan Mee Udang Ilyana yang berminat dengan sistem francais. Pengusaha Nasi Ayam Misai dan Masakan



Berempah D’Kashmiry belum bersedia untuk memfrancaiskan produk makanan mereka. Mengikut rekod Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sehingga Disember 2003 *franchaisor* Bumiputera masih belum wujud.

**Pada pendapat Audit, Perbadanan perlu berusaha bagi memastikan produk ini dapat difrancais. Bantuan dan sokongan seperti latihan motivasi, teknikal dan pemasaran perlu digandakan untuk menarik minat pengusaha makanan tersebut.**

### **52.2.3 Prestasi Perbelanjaan Program**

Perbadanan telah melaksanakan program keusahawanan selaras dengan peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Perbadanan sendiri dan Kementerian Pembangunan Usahawan. Pemeriksaan Audit mendapati peruntukan yang telah dibelanjakan untuk melaksanakan program keusahawanan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 55**.

**Jadual 55**  
**Perbelanjaan Sebenar Program Pembangunan Usahawan Bagi**  
**Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| Bil      | Jenis Program                                     | Perbelanjaan Sebenar |                |                  | Sumber Kewangan/<br>Jumlah (RM) |
|----------|---|----------------------|----------------|------------------|---------------------------------|
|          |   | 2001<br>(RM)         | 2002<br>(RM)   | 2003<br>(RM)     |                                 |
| <b>A</b> | <b>Program Pembudayaan, Latihan dan Bimbingan</b> |                      |                |                  |                                 |
| 1.       | Kursus Usahawan Muda                              | 34,271               | 59,615         | 103,199          | KPU                             |
| 2.       | Kursus Keusahawanan                               | -                    | 29,217         | 84,138           | KPU                             |
| 3.       | Kursus Pengkomputeran                             | -                    | 2,950          | 9,500            | KPU                             |
| 4.       | Kursus Francais                                   | -                    | 23,870         | -                | KPU                             |
| 5.       | Kursus Pemasaran                                  | -                    | -              | 11,263           | KPU                             |
|          | <b>Jumlah kecil</b>                               | <b>34,271</b>        | <b>115,652</b> | <b>208,100</b>   | <b>358,023</b>                  |
| <b>B</b> | <b>Program Penyediaan Prasarana</b>               |                      |                |                  |                                 |
| 1.       | Kompleks Penjaja/Gerai Makan                      | 93,601               | 727,252        | 986,497          | KPU                             |
| 2.       | TASKA Perbadanan                                  | 150,000              | -              | -                | Perbadanan                      |
| 3.       | Intitut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak  | 11,515               | 20,914         | 194,170          | KPU                             |
| 4.       | Pusat <i>Automart</i>                             | 3,251,296            | 106,784        | -                | KPU                             |
| 5.       | Bazar   | -                    | 2,016          | -                | KPU                             |
|          | <b>Jumlah kecil</b>                               | <b>3,506,412</b>     | <b>856,966</b> | <b>1,180,667</b> | <b>5,544,045</b>                |
| <b>C</b> | <b>Program Sasaran Peluang Perniagaan</b>         |                      |                |                  |                                 |
| 1.       | Pembangunan Vendor                                | -                    | -              | 3,003            | Perbadanan                      |
| 2.       | Pembangunan Produk Francais                       | -                    | -              | 4,554            | KPU                             |
|          | <b>Jumlah Kecil</b>                               |                      |                | <b>7,557</b>     | <b>7,557</b>                    |
|          | <b>Jumlah Besar</b>                               | <b>3,540,683</b>     | <b>972,618</b> | <b>1,396,324</b> | <b>5,909,625</b>                |

Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang

KPU: Kementerian Pembangunan Usahawan

Analisis Audit mendapati prestasi perbelanjaan yang dibuat oleh Perbadanan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah kurang daripada yang diperuntukkan. Prestasi perbelanjaan sebenar bagi Program Pembudayaan, Latihan Dan Bimbingan adalah sejumlah RM358,023 atau 82.4% berbanding peruntukan asal sejumlah RM434,486. Bagi Program Penyediaan Prasarana pula sejumlah RM5.54 juta atau 53.3% telah dibelanjakan berbanding dengan

peruntukan asal sejumlah RM10.39 juta manakala perbelanjaan sebenar untuk Program Sasaran Peluang Perniagaan adalah sejumlah RM7,557 atau 75.6% dibandingkan dengan peruntukan asal sejumlah RM10,000. Pihak Audit mendapati prestasi perbelanjaan Program Penyediaan Prasarana tidak mencapai sasaran adalah disebabkan peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan masih belum diperolehi bagi projek Kompleks Penjaja/Gerai Makan. Bagi Institut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak pula, peruntukan tidak dapat dibelanjakan kerana Perbadanan masih belum mendapat kelulusan membina bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

#### 52.2.4 Struktur Organisasi

Sehingga akhir bulan Disember 2003, Perbadanan telah mewujudkan 454 jawatan dengan pengisian seramai 366 kakitangan. Seramai 355 adalah berjawatan tetap, tiga kontrak, satu sementara dan 7 secara pinjaman. Kedudukan jawatan yang diluluskan dan diisi mengikut kumpulan adalah seperti di **Jadual 56**.

**Jadual 56**  
**Kedudukan Jawatan Yang Dilulus/Diisi**  
**Mengikut Kumpulan Setakat 31 Disember 2003**

| Kumpulan                 | Bilangan Jawatan |            | Kekosongan Jawatan |             |
|--------------------------|------------------|------------|--------------------|-------------|
|                          | Dilulus          | Diisi      | Bilangan           | %           |
| Jawatan Utama            | 1                | 1          | -                  | -           |
| Pengurusan & Profesional | 85               | 70         | 15                 | 17.7        |
| Sokongan                 | 368              | 295        | 73                 | 19.8        |
| <b>Jumlah</b>            | <b>454</b>       | <b>366</b> | <b>88</b>          | <b>19.4</b> |

*Sumber: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang*

Pemeriksaan Audit mendapati jawatan tidak diisi adalah kerana pihak pengurusan berpendapat pada masa ini kekosongan jawatan tidak begitu mendesak dan tidak menjejaskan operasi Perbadanan. Selain itu, ia dapat mengurangkan kos pentadbiran Pejabat. Bagi memastikan objektif Program Pembangunan Usahawan Bumiputera

tercapai, Perbadanan telah menempatkan pegawai yang berpengalaman dan bertanggungjawab untuk menjayakan program dan aktiviti yang dirancang. Pemeriksaan Audit mendapati 5 pegawai yang bertugas di Unit Pembangunan Usahawan mempunyai pengalaman bekerja antara 2 hingga 8 tahun.

**Pada pendapat Audit, dengan wujudnya struktur organisasi yang jelas dan sumber manusia yang berkecukupan serta berpengalaman, Perbadanan berupaya melaksana dan mencapai objektifnya.**

#### **52.2.5 Latihan**

Perbadanan telah menghantar semua pegawai menghadiri kursus dan seminar bagi meningkatkan pengetahuan dan memantapkan tugas mereka. Pemeriksaan Audit mendapati kesemua 15 kursus kerjaya usahawan yang diprogramkan telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Unit Pembangunan Usahawan. Selain daripada kursus tersebut pegawai dan kakitangan juga telah menghadiri kursus secara *ad-hoc* yang tidak dirancang.

**Pada pandangan Audit, Program Pembangunan Usahawan telah dilaksanakan dengan memuaskan. Perbadanan telah berjaya melatih seramai 3,300 peserta di bidang keusahawanan, pengkomputeran, francais dan pemasaran. Sejumlah 101 unit premis perniagaan dan 262 Unit kilang IKS telah disiapkan untuk dijual/disewa. Bagaimanapun, usaha perlu dipertingkatkan lagi untuk memastikan Program Pembangunan Usahawan ini mencapai matlamatnya.**

### **52.3 PEMANTAUAN**

Pemantauan terhadap Program Usahawan Bumiputera dan IKS dilaksanakan oleh Unit Pembangunan Usahawan dan Bahagian Industri Perbadanan. Pemantauan yang dilaksanakan oleh Unit ini adalah seperti menyediakan laporan bulanan yang mengandungi maklumat terperinci berkaitan dengan status tiap-tiap pengusaha. Pemeriksaan Audit mendapati

pemantauan di peringkat Perbadanan adalah lemah kerana tiada pegawai/kakitangan yang ditugaskan untuk memantau secara khusus semua program yang dilaksanakan. Akibat ketiadaan pemantauan, beberapa kelemahan program telah dikenal pasti seperti berikut:

- i) Keberkesanan kursus tidak dapat diukur kerana pihak Perbadanan tidak membuat susulan terhadap prestasi peserta selepas tamat kursus.
- ii) Masih ada kilang IKS yang belum dijual dan disewakan.
- iii) Pembinaan Institut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak di Sungai Nibong belum lagi dimulakan.
- iv) Masih ada rangkaian perkhidmatan *Automart* yang belum beroperasi.
- v) Ada syarikat vendor yang berdaftar dengan Perbadanan belum diberi peluang melaksanakan kerja kontrak Perbadanan.

**Pada pandangan Audit, Perbadanan perlu memantau semua program dan aktiviti yang dilaksanakan dari semasa ke semasa, supaya Perbadanan dapat mengenal pasti masalah dan kelemahan yang wujud serta mencari alternatif untuk mengatasinya.**

### **53. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, pihak Audit mendapati program pelaksanaan Pembangunan Usahawan Bumiputera adalah memuaskan. Untuk mempertingkatkan lagi program ini, Jabatan Audit Negara ingin mengesyorkan perkara berikut:

- i) Susulan berterusan perlu dibuat untuk memantau prestasi peserta yang telah tamat kursus.
- ii) Promosi dan insentif yang menarik perlu dipertingkatkan untuk menarik lebih ramai peserta/usahawan.
- iii) Sentiasa membuat tindakan susulan dengan agensi yang terlibat mengenai pembangunan Institut Perkembangan Pendidikan Awal Kanak-kanak.
- iv) Memastikan Operator Utama Pusat *Automart* mematuhi perjanjian yang ditetapkan dan sentiasa memantau prestasi Operator berkenaan.
- v) Memberi peluang kepada syarikat vendor yang belum berjaya mendapat projek Perbadanan.

- vi) Memperuntukkan kewangan yang lebih dari Perbadanan sendiri untuk Program Pembangunan Usahawan Bumiputera.

## **MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG**

### **PENGURUSAN KEWANGAN**

#### **54. LATAR BELAKANG**

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (Majlis) telah wujud sejak tahun 1856 dan secara rasminya ditubuhkan pada pertengahan bulan Disember 1976 mengikut kuasa yang diberikan di bawah Seksyen 3 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Aktiviti Majlis dilaksanakan melalui 10 Jabatan iaitu Jabatan Sekretariat, Jabatan Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Kesihatan, Jabatan Bangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Undang-undang, Jabatan Penilaian, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Perancang Bandar Dan Pembangunan. Aktiviti utama Majlis adalah memungut cukai taksiran dan hasil lesen perbandaran, mengawal selia penyediaan perkhidmatan asas, menyedia serta mengawal kemudahan ekonomi dan perdagangan. Pada tahun 2003, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM205.90 juta manakala pungutan hasil Majlis adalah berjumlah RM191.05 juta.

#### **55. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Majlis mematuhi peraturan dan prosedur kewangan serta wujud kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, kontrak, pelaburan, pinjaman, amanah, aset dan inventori. Selain itu, pengauditan ini juga adalah untuk menentukan sama ada rekod yang berkaitan telah diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Skop pengauditan adalah meliputi dokumen dan rekod kewangan bagi tahun 2003.

#### **56. PENEMUAN AUDIT**

##### **56.1 KAWALAN PENGURUSAN**

Pengauditan kawalan pengurusan adalah untuk menentukan sama ada Majlis mewujudkan struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan. Sistem dan prosedur yang baik dapat meningkatkan produktiviti

Majlis. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan pengurusan Majlis mendapati perkara berikut:

#### **56.1.1 Struktur Organisasi**

Struktur organisasi yang diwujudkan menunjuk pembahagian tugas dan tanggungjawab pegawai dan kakitangan Majlis dengan jelas. Organisasi Majlis diketuai oleh Yang Dipertua Majlis. Bagi menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya, operasi pengurusan dibantu oleh Setiausaha Perbandaran. Pentadbiran Majlis dibahagikan kepada 10 Jabatan iaitu Jabatan Sekretariat, Jabatan Undang-undang, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Bangunan, Jabatan Perancang Bandar Dan Pembangunan, Jabatan Kewangan, Jabatan Penilaian dan Jabatan Pelesenan. Carta Organisasi telah disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2003, Majlis mempunyai 2,330 jawatan tetap dan 402 jawatan kontrak.

#### **56.1.2 Manual Prosedur Kerja**

Manual Prosedur Kerja merupakan dokumen rujukan yang dapat menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan Agensi. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis menyediakan Manual Prosedur Kerja selaras dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.

#### **56.1.3 Fail Meja Dan Senarai Tugas**

Fail Meja menggariskan tugas terperinci bagi semua kakitangan dan bagaimana tugas itu perlu dilaksanakan. Pemeriksaan Audit mendapati 14 perkara yang perlu ada pada Fail Meja kakitangan Majlis tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini seperti objektif Jabatan/Pejabat, carta organisasi kedudukan pegawai, peraturan pentadbiran, proses kerja, senarai semakan, senarai perundangan dan norma kerja. Walaupun begitu, senarai tugas bagi semua kakitangan disediakan dengan kemas kini.



#### **56.1.4 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1996, satu Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun perlu diwujudkan untuk meningkatkan prestasi pengurusan kewangan Agensi. Sehingga akhir tahun 2003, Majlis belum menubuhkan Jawatankuasa tersebut. Bagaimanapun, pada bulan Mac 2004 Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan. Perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat yang pertama tersebut adalah berkaitan pengurusan kewangan dan Laporan Audit.

#### **56.1.5 Kursus Dan Latihan Kakitangan**

Kursus dan latihan secara berterusan perlu diberikan kepada semua kakitangan khususnya mereka yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan. Ini bagi memastikan pengurusan kewangan Majlis dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Pada tahun 2003, seramai 9 kakitangan Majlis daripada Jabatan Kewangan telah menghadiri kursus pengurusan kewangan seperti Kursus Pengurusan Stor Dan Verifikasi Stok, Pengurusan Aset Dan Perbelanjaan dan Pengurusan Berkesan Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja anjuran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

#### **56.1.6 Unit Audit Dalam**

Unit Audit Dalam telah ditubuhkan pada penghujung bulan Mei 1997. Unit ini diketuai oleh seorang Juruaudit dan dibantu oleh 2 Pembantu Tadbir Kanan dan 13 Pembantu Tadbir. Tugas dan tanggungjawab Unit Audit Dalam adalah memastikan keberkesanan dan pematuhan terhadap sistem kawalan dalaman Majlis. Selain itu, Unit ini juga membantu pihak pengurusan Majlis mengenal pasti kelemahan yang wujud dan memberi cadangan penambahbaikan.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kawalan pengurusan Majlis adalah memuaskan. Namun begitu, fail Meja bagi semua kakitangan Majlis perlu disediakan dengan lengkap dan kemas kini.**

**Program latihan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan perlu diperbanyakkan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan Majlis.**

## **56.2 KAWALAN HASIL**

Sumber kewangan Majlis terdiri daripada kutipan cukai taksiran, caruman bagi bantuan cukai pintu, lesen, permit, bayaran perkhidmatan, jualan barangan, sewaan, letak kereta, pelaburan, faedah, denda, kompaun dan sebagainya. Pada tahun 2003, Majlis telah memungut hasil berjumlah RM191.05 juta. Cukai Taksiran menyumbang sejumlah RM96.90 juta atau 51% kepada sumber hasil utama Majlis. Pemeriksaan Audit terhadap kawalan hasil Majlis mendapati perkara berikut:

### **56.2.1 Pengasingan Tugas**

Pengasingan tugas adalah satu aspek penting kawalan dalaman di Majlis. Pemeriksaan Audit mendapati kutipan hasil dan pengeluaran resit dilakukan oleh pegawai yang sama melalui sistem pengeluaran resit berkomputer. Manakala pemeriksaan terhadap resit dan buku tunai dilakukan oleh Penyelia. Selain itu, pegawai tersebut telah diberi kebenaran bertulis untuk menerima wang selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 69.

### **56.2.2 Pusingan Kerja**

Arahan Perkhidmatan menggalakkan Ketua Jabatan melaksanakan pusingan kerja untuk kakitangannya bagi mendapat pengalaman baru. Ia juga bertujuan untuk menimbulkan minat di kalangan kakitangan Majlis. Pemeriksaan Audit mendapati pusingan kerja ini tidak dilaksanakan khususnya kepada juruwang atau kerani kaunter. Mengikut Majlis, pusingan kerja ini hanya akan dilaksanakan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

### **56.2.3 Kawalan Borang Hasil**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 66 hingga 68, Daftar Borang Hasil perlu diselenggarakan oleh semua pemungut bagi

merekodkan borang hasil seperti stok resit dan lesen yang diterima dan dikeluarkan. Pemeriksaan Audit mendapati Daftar ini tidak diselenggarakan kerana Majlis menggunakan sistem berkomputer bagi mencetak resit dan bil bayaran. Walaupun begitu, pemeriksaan ada dijalankan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap laporan hasil yang dikeluarkan.

#### **56.2.4 Daftar Mel**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 71, Jabatan hendaklah menyelenggara Daftar Mel bagi maksud merekod terimaan wang dan dokumen lain atau barang berharga yang diterima melalui pos atau penghantar. Butiran seperti tarikh terima, nama pengirim, nombor pendaftaran bungkusan, nombor cek, jumlah serta perihal dokumen dan barang hendaklah dicatatkan di daftar berkenaan. Pegawai yang bertanggungjawab mengakaun butiran itu hendaklah menurunkan tandatangan serta mencatatkan nombor resit tersebut. Ini adalah sebagai salah satu kawalan dalaman bagi memastikan semua kutipan direkodkan. Pemeriksaan Audit mendapati Daftar Mel telah diselenggarakan dengan teratur dan mematuhi arahan di atas.

#### **56.2.5 Keselamatan Wang Pungutan**

##### **i) Keselamatan Serahan Wang Ke Bank**

Pemeriksaan Audit mendapati serahan wang ke bank diiringi oleh pihak keselamatan.

##### **ii) Keselamatan Kaunter**

Keselamatan kaunter adalah penting bagi menentukan keselamatan wang tunai dan cek yang dipungut tiap-tiap hari. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis ada menyediakan bilik yang berasingan untuk kaunter hasil dan pegawai yang bertugas di kaunter sahaja dibenarkan masuk ke bilik tersebut.

##### **iii) Peti Besi**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 126, segala wang tunai yang tidak sempat dibankkan pada hari yang sama hendaklah

disimpan di dalam peti besi. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis mematuhi arahan tersebut.

#### **56.2.6 Penyata Penyesuaian Bank**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, pada penghujung tiap-tiap bulan, urus niaga yang direkodkan dalam Buku Tunai hendaklah disahkan ketepatannya dengan Penyata Bank. Sekiranya ada perbezaan baki, penyesuaian perlu dilakukan. Pemeriksaan Audit mendapati Penyata Penyesuaian Bank disediakan pada masa yang ditetapkan.

#### **56.2.7 Pemeriksaan Oleh Ketua Jabatan**

Ketua Jabatan bertanggungjawab melakukan pemeriksaan terhadap rekod kewangan Jabatannya. Pemeriksaan yang dijalankan hendaklah meliputi pemeriksaan terhadap rekod hasil dan wang tunai yang dipegang oleh pegawai berkenaan.

##### **i) Rekod Hasil**

Pemeriksaan Audit mendapati pemeriksaan terhadap rekod hasil seperti Buku Tunai dan resit ada dijalankan tiap-tiap hari. Semua rekod tersebut telah diselenggarakan dengan kemas kini selaras dengan Arahan Perbendaharaan 80.

##### **ii) Pemeriksaan Mengejut**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 309(b), pemeriksaan mengejut hendaklah dilakukan oleh Ketua Jabatan tidak kurang daripada satu kali bagi tempoh 6 bulan. Hasil daripada pemeriksaan tersebut hendaklah direkodkan di Daftar Pemeriksaan Mengejut. Pihak Audit mendapati Majlis tidak menyelenggara Daftar Pemeriksaan Mengejut dan oleh itu tiada bukti bahawa pemeriksaan mengejut telah dilaksanakan.

#### **56.2.8 Tunggakan Cukai Taksiran**

Pada tahun 2003, cukai taksiran yang diperolehi oleh Majlis adalah sejumlah RM96.90 juta berbanding RM95.09 juta pada tahun 2002. Pemeriksaan Audit mendapati kadar cukai taksiran dan caj lain yang dikenakan itu adalah betul. Sehingga akhir tahun 2003,

tunggakan cukai taksiran Majlis berjumlah RM40.51 juta. Tunggakan tersebut telah menurun sejumlah RM2.66 juta berbanding RM43.17 juta pada tahun 2002. Majlis telah mengambil beberapa langkah berkesan untuk mengurangkan tunggakan seperti menghantar notis, waran tahanan dan tindakan sita selaras dengan Seksyen 148, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

**Pada pendapat Audit, secara umumnya kawalan hasil Majlis telah diuruskan dengan teratur.**

### **56.3 KAWALAN PERBELANJAAN**

Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk mengawal dan menentukan segala perbelanjaan dibuat mengikut peruntukan yang diluluskan berlandaskan undang-undang dan peraturan. Pada tahun 2003, perbelanjaan mengurus Majlis adalah berjumlah RM146.93 juta dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM58.96 juta. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

#### **56.3.1 Kuasa Meluluskan Pembayaran**

Mengikut Arahan Perbendaharaan 101, Pegawai Pengawal boleh mewakili kuasanya kepada pegawai bawahan bagi memperakui baucar. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis telah mematuhi arahan ini dengan mengeluarkan surat kuasa kepada pegawai berkenaan.

#### **56.3.2 Buku Vot**

Penyelenggaraan Buku Vot di Jabatan Perbendaharaan adalah memuaskan selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 95. Pemeriksaan Audit mendapati semua transaksi perbelanjaan telah direkodkan dengan betul dan kemas kini serta tiada perbelanjaan yang melebihi peruntukan. Semua urusan niaga telah ditandatangani ringkas oleh pegawai yang bertanggungjawab.

### **56.3.3 Kawalan Perolehan**

Pengauditan terhadap kawalan perolehan bertujuan memastikan perolehan dibuat mengikut peraturan. Ini termasuk pemeriksaan terhadap Pesanan Tempatan dan Inden Kerja untuk menentukan ianya diuruskan dengan teratur dan semua pembayaran adalah mengikut kadar seperti dalam perjanjian/kontrak. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

#### **i) Pesanan Tempatan/Inden Kerja**

Pesanan Tempatan merupakan satu dokumen yang digunakan untuk memesan barangan dan perkhidmatan yang dikehendaki. Ia merupakan kawalan terhadap pembelian barangan di mana pegawai yang diberi kuasa sahaja berhak menandatangani borang pesanan. Pemeriksaan Audit mendapati semua Pesanan Tempatan telah ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab tetapi disimpan oleh semua Jabatan dan Unit di Majlis tanpa kawalan dari Jabatan Kewangan.

#### **ii) Sebut Harga/Tender**

Majlis telah menawarkan sebut harga/tender kepada syarikat pembekal bagi kerja dan perkhidmatan. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan sebut harga/tender mendapati perkara berikut:

**a)** Majlis telah membuat tawaran sebut harga bagi pembelian yang melebihi RM20,000 hingga RM200,000. Bagi kerja penyenggaraan yang melibatkan sejumlah RM20,000 ke bawah, ianya akan dikendalikan oleh Majlis sendiri melalui kontraktor yang akan dilantik bagi tempoh 2 tahun. Bagi kerja penyenggaraan yang melebihi RM20,000, ia akan dibuat melalui sebut harga dan pelawaan tender. Adalah didapati pengurusan dan proses sebut harga telah dijalankan dengan teratur berdasarkan peraturan tetap Majlis.

**b)** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2001 menghendaki satu Lembaga Tawaran ditubuhkan untuk menimbang dan meluluskan tawaran untuk pembelian

bekalan, perkhidmatan atau kerja yang bernilai melebihi RM200,000. Pemeriksaan Audit mendapati proses tender yang diuruskan oleh Majlis mengikut peraturan yang ditetapkan.

#### **56.3.4 Daftar Bil**

Arahan Perbendaharaan 103 menghendaki Ketua Jabatan menyelenggara satu Daftar Bil bagi tujuan memantau supaya semua bil dijelaskan dengan segera iaitu bagi tempoh 1 bulan dari tarikh bil diterima. Pemeriksaan Audit mendapati daftar ini hanya diselenggara oleh Jabatan Kewangan setelah menerima bil daripada Jabatan lain. Pada tahun 2003, tiga belas bil bernilai RM1.06 juta lewat dijelaskan. Perkara ini berlaku kerana kelewatan penyerahan bil oleh Jabatan berkaitan kepada Jabatan Kewangan untuk pembayaran.

**Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat kawalan perbelanjaan Majlis adalah memuaskan.**

### **56.4 PENGURUSAN PELABURAN**

Menurut Seksyen 40 (4), Akta Kerajaan Tempatan 1976, dana Majlis boleh dilaburkan ke sesuatu sekuriti dan pemegang amanah diberi kuasa untuk melabur dengan cara lain sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri Kewangan. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan pelaburan dan rekod yang berkaitan dengannya mendapati dana Majlis telah dilabur dalam simpanan tetap dan saham di institusi kewangan yang diluluskan. Pada tahun 2003, Majlis mempunyai simpanan tetap berjumlah RM249.90 juta dan pelaburan saham berjumlah RM3.88 juta. Faedah yang diperolehi dari hasil simpanan tetap dan pelaburan adalah sejumlah RM8.08 juta.

#### **56.4.1 Prosedur Dan Tatacara Pelaburan**

Adalah didapati Majlis tidak mempunyai sebarang prosedur dan tatacara pelaburan sebagai garis panduan untuk membuat

pelaburan dan semua pelaburan Majlis adalah diluluskan oleh Yang Dipertua Majlis.

**i) Jawatankuasa Pelaburan**

Majlis tidak menubuhkan Jawatankuasa Pelaburan untuk membincang dan menimbang serta mengambil keputusan untuk membuat pelaburan simpanan tetap. Walaupun begitu, Pengarah Kewangan akan memberikan cadangan pelaburan di institusi kewangan tertentu untuk kelulusan Yang Dipertua.

**ii) Rekod Pelaburan**

Sijil Simpanan Tetap telah disimpan dengan selamat dalam peti besi. Pemeriksaan Audit terhadap Daftar Simpanan Tetap Majlis mendapati maklumat pelaburan seperti nombor sijil, nama bank, tarikh pelaburan, tarikh matang, tarikh diperbaharui dan catatan faedah diterima telah direkodkan dengan kemas kini.

## **56.5 PENGURUSAN PINJAMAN**

Majlis telah mendapat pinjaman untuk membiayai Projek Pembentungan Najis di Pulau Pinang daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM40.31 juta sejak tahun 1956 dan daripada Kerajaan Negeri sejumlah RM3.77 juta pada tahun 1990. Bagaimanapun, pada tahun 1996 Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk mengambil alih semua pinjaman tersebut apabila projek tersebut diswastakan. Pemeriksaan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2003, baki pinjaman Majlis yang belum selesai adalah sejumlah RM19.22 juta, manakala daripada Kerajaan Negeri adalah sejumlah RM1.79 juta.

## **56.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH**

Selaras dengan kehendak Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957, Majlis telah mewujudkan akaun amanah yang terdiri daripada Akaun Deposit, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Kumpulan Wang Pinjaman



Kenderaan dan Kumpulan Wang Pinjaman Komputer. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan akaun amanah tersebut mendapati perkara berikut:

#### **56.6.1 Pengurusan Deposit**

Majlis mempunyai 4 jenis akaun deposit iaitu Deposit Beca Awam, Deposit Gerai Penjaja, Deposit Pasar dan Cagaran Am. Pada akhir tahun 2003 baki akaun deposit berjumlah RM7.32 juta dan deposit yang tertinggi adalah Cagaran Am yang berjumlah RM6.27 juta. Pemeriksaan Audit mendapati secara keseluruhannya pengurusan akaun deposit Majlis telah diselenggara dengan memuaskan.

#### **56.6.2 Pinjaman Perumahan, Kenderaan dan Komputer**

Majlis juga bertanggungjawab menguruskan akaun pinjaman bagi Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer dan Pinjaman Perumahan. Sehingga akhir bulan Disember 2003 baki Akaun Pinjaman Kenderaan adalah berjumlah RM2.62 juta, Pinjaman Komputer berjumlah RM2.12 juta dan Pinjaman Perumahan berjumlah RM0.12 juta. Pemeriksaan Audit terhadap rekod pinjaman bagi kenderaan, komputer dan perumahan mendapati butiran seperti jumlah pinjaman, tarikh ansuran pertama dan terakhir, ansuran bulanan dan tempoh pinjaman telah dicatat dalam daftar.

**Pada pendapat Audit, Majlis telah menyelenggarakan Kumpulan Wang Amanah dan Deposit dengan teratur dan kemas kini.**

### **56.7 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI**

Segala penerimaan, penyimpanan, pengeluaran dan pinjaman aset dan inventori hendaklah dikawal mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991. Sehingga akhir tahun 2003, sejumlah RM30.41 juta telah dibelanjakan bagi perolehan aset. Pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

### **56.7.1 Daftar Harta Modal Dan Inventori**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil.2 Tahun 1991, suatu daftar hendaklah diselenggarakan bagi merekod maklumat dan pergerakan sesuatu harta modal dan inventori. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis ada merekodkan harta modal dan inventornya dalam Penyata Induk Harta. Bagi senarai kenderaan Majlis, Penyata yang disediakan masih mengambil kira kenderaan yang dilupuskan. Selain itu, tiada maklumat yang direkodkan bagi kenderaan gantian atau tambahan.

### **56.7.2 Pemeriksaan Tahunan**

Pemeriksaan tahunan terhadap aset dan inventori perlu dijalankan sekurang-kurangnya satu kali bagi tempoh 2 tahun sebagaimana kehendak Perenggan 238 hingga 240 Tatacara Pengurusan Stor. Pemeriksaan ini penting untuk menentukan kewujudan dan tahap boleh guna aset berkenaan. Pemeriksaan Audit mendapati pemeriksaan fizikal tidak dijalankan seperti yang dikehendaki oleh peraturan.

### **56.7.3 Pengurusan Kenderaan**

Majlis mempunyai 202 buah kenderaan yang terdiri daripada pelbagai jenis kenderaan seperti traktor, kereta, lori tangki, bas, *forklift*, *crane* dan kenderaan pacuan 4 roda. Pemeriksaan Audit yang dijalankan di Jabatan Kejuruteraan mendapati perkara berikut:

#### **i) Pemandu Kenderaan**

Mengikut perjawatan Majlis, sebanyak 102 jawatan pemandu telah diluluskan di Jabatan Kejuruteraan. Sehingga akhir tahun 2003, Jabatan ini mempunyai seramai 60 pemandu tetap dan 9 orang pemandu kontrak.

#### **ii) Penyelenggaraan Buku Log**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980, Buku Log kenderaan hendaklah disediakan bagi semua kenderaan Jabatan. Buku ini hendaklah diselenggarakan dengan betul dan dicatat tiap-tiap kali perjalanan dibuat. Pemeriksaan Audit terhadap 10 daripada 30 buah Buku Log Kenderaan Majlis di

Bahagian Kejuruteraan mendapati ianya diselenggara dengan kemas kini dan sempurna.

#### **56.7.4 Pelupusan**

Pelupusan adalah proses apabila sesuatu harta yang secara fizikalnya masih ada dalam simpanan tetapi tidak boleh digunakan atau tidak ekonomik dibaiki perlu dikeluarkan daripada simpanan dan rekod. Tujuan pelupusan adalah untuk mendapatkan pulangan yang baik jika dijual, menjimatkan ruang stor dan rekod aset menunjukkan kedudukan sebenar. Pemeriksaan Audit mendapati nilai aset dan inventori yang dilupuskan tidak dapat ditentukan kerana Daftar Aset dan Inventori tidak lengkap dan kemas kini.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, pengurusan aset dan inventori Majlis adalah kurang memuaskan. Majlis adalah disyorkan menyelenggara daftar seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1991. Selain itu, adalah dicadangkan agar kenderaan yang dilupuskan dan kenderaan gantian diambil kira di senarai kenderaan Majlis. Pemeriksaan tahunan terhadap aset dan inventori juga perlu dijalankan mengikut Tatacara Pengurusan Stor.**

### **57. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan yang dilaksanakan di Majlis Perbandaran Pulau Pinang menunjukkan kemajuan. Bagaimanapun, ketidakpatuhan terhadap beberapa peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil dan perbelanjaan, pengurusan aset dan penyelenggaraan rekod perakaunan masih berlaku. Majlis adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

- i)** Program kursus dan latihan berkaitan pengurusan kewangan kepada kakitangan perlu dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan kakitangan.
- ii)** Penyeliaan yang rapi diberi terhadap kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan dan semua pegawai/kakitangan melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi.

- iii)** Majlis perlu mewujudkan kawalan dalaman yang lebih baik dan melaksanakan pemantauan yang tegas dan berterusan agar semua peraturan yang ditetapkan sentiasa dipatuhi sepenuhnya.
- iv)** Melaksanakan pemeriksaan mengejut dan pemeriksaan aset serta inventori secara bersama oleh Unit Audit Dalam dan Jabatan Kewangan.

## **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **PENGURUSAN KUTIPAN DAN PELUPUSAN SAMPAH**

#### **58. LATAR BELAKANG**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (Majlis) merupakan sebuah Kerajaan Tempatan yang terbesar di Malaysia meliputi keluasan kawasan sejumlah 738.41 kilometer persegi. Kawasan pentadbiran Seberang Perai ini dibahagikan kepada 3 daerah iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

Adalah menjadi tanggungjawab Majlis untuk menyelenggara kawasan pentadbirannya di Seberang Perai supaya menjadi sebuah tempat yang bersih, indah, selesa didiami dan kompetitif untuk pelaburan. Bagi mencapai objektif ini, Majlis telah menubuhkan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan (Jabatan) yang bertanggungjawab menjalankan kerja pembersihan, mengawal alam sekitar, menguruskan kutipan dan pelupusan sampah di seluruh Seberang Perai serta mengeluarkan permit pelupusan sampah.

Bagi melaksanakan fungsi Jabatan dengan lebih berkesan, Majlis telah menswastakan perkhidmatan kutipan sampah di beberapa kawasan kepada kontraktor pada bulan November 2000. Penswastaaan penyenggaraan Tapak Pelupusan Pulau Burung pula telah dilaksanakan pada bulan September 2001.

#### **59. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif kajian adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kutipan dan pelupusan sampah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan.

## **60. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan di Majlis Perbandaran Seberang Perai. Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan proses kutipan dan pelupusan sampah oleh Majlis bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Pemeriksaan Audit terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan seperti minit mesyuarat, aduan awam, kontrak perjanjian, Baucar Bayaran dan Buku Vot. Temu bual dengan pegawai Majlis dan penduduk terlibat juga diadakan. Lawatan diadakan semasa kerja kutipan dan pelupusan sampah.

## **61. PENEMUAN AUDIT**

### **61.1 PERANCANGAN**

Perancangan yang rapi dan teratur penting bagi memastikan semua aktiviti dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Aspek perancangan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan adalah:

#### **61.1.1 Struktur Organisasi**

Secara amnya, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan Majlis bertanggungjawab mengurus aktiviti kutipan dan pelupusan sampah di seluruh kawasan Seberang Perai. Mengikut perancangan tahun 2003, Jabatan ini mempunyai sejumlah 952 perjawatan yang diketuai oleh seorang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Bagi melancarkan pengurusan kutipan dan pelupusan sampah, Jabatan bercadang menubuhkan Unit Perkhidmatan Bandar pada tahun 2002. Unit ini akan terlibat secara langsung dengan aktiviti kutipan dan pelupusan sampah Majlis.

### **61.1.2 Pembahagian Kawasan**

Bagi melaksanakan aktiviti kutipan dan pelupusan yang lebih teratur dan cekap, Majlis merancang untuk membahagikan kutipan dan pelupusan di seluruh daerah Seberang Perai kepada beberapa kawasan. Selain itu, Majlis akan melantik kontraktor bagi kerja kutipan dan pelupusan di kawasan tersebut. Majlis merancang pembahagian kawasan kutipan dan pelupusan sampah seperti berikut:

#### **i) Kutipan Sampah**

Bagi kerja kutipan sampah, Majlis merancang membahagikan kawasan Seberang Perai menjadi 12 zon dan 59 sub zon serta akan membina beberapa Pusat Khidmat Kebersihan. Selain itu, seorang Pembantu Kesihatan Awam akan ditugaskan bagi memantau kerja kutipan sampah oleh Majlis dan Kontraktor di zon berkenaan.

#### **ii) Pelupusan Sampah**

Majlis mempunyai 2 tapak pelupusan sampah iaitu Tapak Pelupusan Ampang Jajar di Daerah Seberang Perai Utara dan Tapak Pelupusan Pulau Burung di Seberang Perai Selatan. Majlis menetapkan sampah yang dikutip di Daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah akan dilupuskan di Tapak Pelupusan Ampang Jajar. Kutipan sampah di Seberang Perai Selatan pula akan dilupuskan di Tapak Pelupusan Pulau Burung.

### **61.1.3 Kaedah Pelaksanaan**

Adalah menjadi tanggungjawab Majlis bagi memastikan kerja kutipan dan pelupusan sampah sarap diuruskan dengan cekap dan teratur. Majlis/Kontraktor yang menjalankan kutipan perlu memastikan tiada sampah sarap yang tercicir semasa kutipan dijalankan. Selain itu, sampah tersebut akan dilupuskan di tapak pelupusan yang telah ditetapkan.

#### **i) Kaedah Kutipan Sampah**

Majlis menetapkan prosedur dan kaedah kutipan sampah yang akan dilaksanakan berdasarkan kutipan sampah dari rumah,

kedai, rumah pangsa, perusahaan ringan dan komersil dengan menggunakan tenaga pekerja biasa atau secara mekanikal. Selain melaksanakan sendiri aktiviti kutipan, Majlis juga merancang untuk melantik beberapa Kontraktor yang bertanggungjawab untuk menjalankan kutipan sampah di kawasan yang ditetapkan. Aktiviti kutipan sampah yang dijalankan oleh Majlis dan Kontraktor adalah berdasarkan kepada jadual yang ditetapkan seperti di **Jadual 57**. Jadual tersebut menetapkan aktiviti kutipan sampah, hari kutipan dan juga jenis kenderaan yang akan digunakan oleh pihak Majlis dan Kontraktor semasa menjalankan aktiviti kutipan sampah di kawasan yang ditetapkan.

**Jadual 57**

**Jadual Kutipan Sampah**

| <b>Aktiviti Kutipan</b> | <b>Hari</b>                      | <b>Kenderaan Yang Digunakan</b> |
|-------------------------|----------------------------------|---------------------------------|
| <b>A</b>                | Isnin, Rabu Dan Jumaat<br>Ahad   | Lori Kompaktor<br>Lori Terbuka  |
| <b>B</b>                | Selasa, Khamis Dan Sabtu<br>Ahad | Lori Kompaktor<br>Lori Terbuka  |
| <b>C</b>                | Tiap-tiap Hari                   | Lori Kompaktor                  |

Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai

**ii) Kaedah Pelupusan Sampah**

Adalah menjadi tanggungjawab Majlis bagi memastikan tapak pelupusan sampah diurus dengan cekap, teratur dan sempurna. Majlis melupus sampah secara *sanitary* seperti yang digunakan oleh negara Jepun sejak tahun 1975. Sistem *sanitary landfill* ini dikenali sebagai separa aerobik iaitu satu sistem pelupusan sampah yang diperkenalkan oleh Universiti Fukuoka di Jepun. Sistem ini pertama kali diperkenalkan di Malaysia melalui *Japan International Cooperation Agency (JICA)* dan digunakan di Tapak Pelupusan Ampang Jajar. Kaedah ini mengkategorikan pelupusan kepada 4 tahap.



**Jadual 58** menerangkan tahap dan kaedah pelupusan yang diamalkan oleh Majlis dan Kontraktor.

**Jadual 58**  
**Kaedah Dan Tahap Pelupusan Sampah *Sanitary***

| Tahap | Kaedah  |
|-------|---|
| I     | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan jalan keluar dan masuk di tapak pelupusan.</li> <li>• Menutup tanah di atas longgokan sampah secara berkala</li> <li>• Pengenalan sistem kawalan pengangkutan</li> </ul>  |
| II    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Terletak di kawasan yang berasingan dari kawasan berpenduduk.</li> <li>• Pengenalan kepada sistem pembahagian kawasan untuk mengurangkan lelehan air kurasan (<i>leachate</i>).</li> <li>• Mengadakan longkang untuk pengaliran air hujan bagi mengelakkan banjir.</li> <li>• Mengadakan kawalan pencemaran alam sekitar seperti menyediakan ban di sekeliling kawasan pelupusan, peralatan kawalan sisa dan pengeluaran gas dari tapak pelupusan.</li> <li>• Menyediakan peralatan keselamatan.</li> <li>• Menggunakan sistem separa aerobik iaitu mengadakan cerobong gas untuk pengaliran keluar masuk gas dari tapak pelupusan.</li> </ul> |
| III   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan longkang air kurasan (<i>leachate</i>) yang lebih baik berdasarkan sistem kawalan kitaran semula.</li> <li>• Menggunakan sistem pelupusan separa aerobik dan longkang air kurasan (<i>leachate</i>).</li> <li>• Kawalan debu dengan menggunakan kaedah percikan air.</li> </ul>   |
| IV    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan peralatan rawatan air kurasan di tempat pelupusan.</li> <li>• Mengadakan struktur tidak telap air di dasar tapak pelupusan.</li> </ul>  |

Sumber: Japan International Cooperation Agency (JICA)

**a) Pelupusan Dilaksanakan Oleh Majlis**

Tapak pelupusan yang diuruskan sendiri oleh Majlis ialah Tapak Pelupusan Ampang Jajar. Majlis akan melaksanakan sendiri kerja penimbunan sampah menggunakan tanah tiap-tiap hari. Mengikut Laporan Status Tapak Pelupusan Sisa Pepejal, tapak ini mula beroperasi pada tahun 1982 dan dijangka digunakan sehingga tahun 1996. Walaupun begitu, Majlis merancang menutup tapak ini lebih awal iaitu pada tahun 1995. Beberapa kemudahan yang ada di tapak pelupusan ini adalah paip air kurasan, kolam air kurasan,

paip keluar gas, telaga kawalan, jambatan timbang dan pejabat tapak.

**b) Pelupusan Dilaksanakan Oleh Kontraktor**

Aktiviti pelupusan dan penimbusan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung akan dilaksanakan oleh Kontraktor yang dilantik. Majlis akan menempatkan kakitangan di Tapak Pelupusan Pulau Burung bagi tujuan pemantauan aktiviti pelupusan di tapak berkenaan. Kontraktor yang dilantik bagi menguruskan Tapak Pelupusan Pulau Burung hendaklah berpengalaman dalam kerja pelupusan sampah. Selain itu, Kontraktor tersebut akan menandatangani satu perjanjian usaha sama dengan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang bagi menjalankan kajian rawatan terhadap air kurasan yang terhasil daripada sisa pepejal untuk dilepaskan semula ke sungai.

**61.1.4 Perancangan Kenderaan Dan Peralatan**

Perancangan Majlis terhadap keperluan kenderaan dan peralatan adalah penting bagi memastikan pelaksanaan aktiviti kutipan dan pelupusan sampah berjalan dengan lancar dan teratur. Perancangan tersebut meliputi perkara berikut:

**i) Kenderaan**

Berdasarkan perancangan agihan kenderaan, Majlis akan menempatkan sebanyak 94 buah kenderaan di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 29 buah lori kompaktor dan 21 buah lori terbuka akan digunakan untuk kerja kutipan sampah Majlis. Penempatan kenderaan tersebut adalah berdasarkan keperluan sesuatu kawasan sampah.

**ii) Bekalan Tong Sampah**

Majlis akan membekalkan beberapa jenis tong sampah ke seluruh kawasan Seberang Perai untuk kemudahan membuang sampah. Jenis tong sampah yang akan dibekalkan adalah seperti tong sampah *Roll On Roll Off (RO-RO)* (jenis terbuka), tong sampah *Compact Loader*, tong sampah gantung

dan tong sampah berdiri. Majlis merancang menempatkan tong sampah ini di kawasan taman perumahan, pasar, taman permainan dan rekreasi. Penempatan tong sampah akan ditentukan oleh Pembantu Kesihatan Awam mengikut kawasan berdasarkan keperluan dan permintaan orang awam.

#### 61.1.5 Keperluan Tenaga Kerja

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan bertanggungjawab terhadap semua aktiviti kutipan dan pelupusan sampah. Kakitangan Kumpulan Sokongan yang terdiri daripada Pemandu Kenderaan Bermotor dan Pekerja Rendah Awam merupakan pekerja yang terlibat secara langsung dengan aktiviti tersebut. **Jadual 59** menunjukkan bilangan pekerja terbabit bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003.

**Jadual 59**  
**Bilangan Pekerja**

| Bil. | Jawatan                    | Tahun        |            |            |
|------|----------------------------|--------------|------------|------------|
|      |                            | 2001         | 2002       | 2003       |
| 1.   | Pemandu Kenderaan Bermotor | 27           | 27         | 27         |
| 2.   | Pekerja Rendah Awam        | 1,127        | 657        | 657        |
|      | <b>Jumlah</b>              | <b>1,154</b> | <b>684</b> | <b>684</b> |

*Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai*

Berdasarkan **Jadual 59**, bilangan Pekerja Rendah Awam mengalami pengurangan bermula tahun 2002 kerana penswastaaan setengah kawasan kutipan sampah, persaraan dan tiada pengambilan baru jawatan Pekerja Rendah Awam oleh Majlis. Manakala, Kontraktor kutipan sampah yang dilantik adalah bertanggungjawab bagi memastikan bilangan pekerjanya mencukupi semasa melaksanakan kerja kutipan di kawasan yang ditetapkan.

**Pada pendapat Audit, Majlis telah membuat perancangan rapi mengenai keperluan tenaga kerja bagi aktiviti kutipan dan pelupusan sampah.**

### 61.1.6 Keperluan Kewangan

Perbelanjaan Majlis bagi aktiviti kutipan dan pelupusan sampah terdiri daripada penyenggaraan Tapak Pelupusan Ampang Jajar, *Tipping Fees* bagi pembuangan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung, bekalan tong sampah dan penyenggaraan kontrak pembersihan. Anggaran perbelanjaan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 60**.

**Jadual 60**  
**Anggaran Perbelanjaan Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| Jenis Perbelanjaan  | Tahun             |                   |                   |
|---|-------------------|-------------------|-------------------|
|   | 2001<br>(RM Juta) | 2002<br>(RM Juta) | 2003<br>(RM Juta) |
| Penyenggaraan Tempat Membuang Sampah Ampang Jajar         | 4.00              | 1.50              | 1.50              |
| ' <i>Tipping Fees</i> ' Pembuangan Sampah Di Pulau Burung | -                 | 6.00              | 15.00             |
| Bekalan Tong Sampah                                       | 0.37              | 0.50              | 0.30              |
| Penyenggaraan Kontrak Pembersihan *                       | 15.00             | 20.00             | 22.00             |
| <b>Jumlah</b>   | <b>19.37</b>      | <b>28.00</b>      | <b>38.80</b>      |

Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai

\* Anggaran kos adalah meliputi kos Projek Pengutipan Sampah (PPS) dan Kerja Pembersihan Am(KPA)

### 61.1.7 Perundangan/Prosedur Kerja

Pentadbiran Majlis Perbandaran Seberang Perai tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976. Bagi kerja kutipan dan pelupusan sampah, Majlis perlu mematuhi Undang-undang dan peraturan seperti berikut:

- i) Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 ( Akta 127 ).
- ii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekitar (Kumbahan Dan Efluen Industri) 1979.
- iii) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekitar ( Sisa Buangan Berjadual ).
- iv) Akta Kerajaan Tempatan-Bahagian VIII.
- v) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 ( Akta 133 ) – Seksyen 47 (e) – Lori kotor.
- vi) Undang-undang Kecil Pemungutan Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap (MPSP) 1994.

vii) Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran, Kerajaan Tempatan Seberang Perai, 1975.

viii) Syarat Kontrak Perjanjian Kutipan Dan Pelupusan Sampah.

Syarat kontrak kutipan dan pelupusan sampah Majlis, prosedur dan garis panduan juga adalah penting bagi memastikan aktiviti pengutipan dan pelupusan sampah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan. Prosedur yang dikeluarkan perlu menyatakan proses atau tatacara pelaksanaan kerja mengutip dan melupus sampah.

**Pada pandangan Audit, Majlis telah merancang dengan baik kerja kutipan sampah berdasarkan pembahagian kawasan dan prosedur kutipan yang sistematik. Bagi kerja pelupusan sampah perancangannya adalah baik kerana sistem yang digunakan memberi perhatian kepada masalah penjagaan alam sekitar.**

## **61.2 PELAKSANAAN**

Pemeriksaan Audit terhadap pelaksanaan aktiviti kutipan dan pelupusan sampah yang diurus oleh Majlis dan Kontraktor mendapati perkara berikut:

### **61.2.1 Struktur Organisasi**

Unit Perkhidmatan Bandar telah ditubuhkan pada tahun 2002 merupakan Unit yang memantau pengurusan kutipan dan pelupusan sampah Majlis. Unit ini dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu Pentadbiran, Daerah Seberang Perai Utara, Daerah Seberang Perai Tengah, Daerah Seberang Perai Selatan dan Tapak Pelupusan Sampah. Unit ini diketuai oleh seorang Inspektor Kesihatan Kanan dan dibantu oleh 2 orang Inspektor Kesihatan dan 30 Pembantu Kesihatan Awam. Ketua Unit Perkhidmatan Bandar bertanggungjawab memantau kerja kutipan dan pelupusan sampah. Selain itu, Unit ini juga bertanggungjawab terhadap jadual penggunaan lori kompaktor bagi kerja kutipan sampah yang dilaksanakan sendiri oleh Majlis.

**Pada pendapat Audit, penubuhan Unit Perkhidmatan Bandar mampu melaksana dan memantau kerja kutipan dan pelupusan sampah.**

### **61.2.2 Prestasi Kerja Kutipan Sampah**

Majlis telah membahagikan kawasan kutipan sampah kepada 12 zon dan 59 sub zon pada tahun 2002. Pada tahun 2003, pertambahan kawasan telah meningkatkan jumlah sub zon menjadi 76. Lokasi kawasan tambahan ini berada di sekitar kawasan operasi sedia ada yang merupakan kawasan perumahan dan kedai yang baru mendapat sijil layak menduduki. Pemeriksaan Audit mendapati penambahan kawasan ini telah menyebabkan pelantikan Kontraktor baru dilaksanakan dan melibatkan kos sejumlah RM4.71 juta satu tahun. Jumlah sub zon yang diuruskan oleh Majlis dan Kontraktor adalah seperti di **Jadual 61**.

**Jadual 61**  
**Zon Yang Diuruskan Oleh Majlis Dan Kontraktor**

| Daerah        | Zon       | Sub Zon    |            |           | Jumlah Sub Zon |           |
|---------------|-----------|------------|------------|-----------|----------------|-----------|
|               |           | Majlis     | Kontraktor |           | 2002           | 2003      |
|               |           | 2002- 2003 | 2002       | 2003      |                |           |
| Utara         | 5         | 10         | 9          | 15        | 19             | 25        |
| Tengah        | 5         | 4          | 23         | 31        | 27             | 35        |
| Selatan       | 2         | 6          | 7          | 10        | 13             | 16        |
| <b>Jumlah</b> | <b>12</b> | <b>20</b>  | <b>39</b>  | <b>56</b> | <b>59</b>      | <b>76</b> |

*Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai*

Jadual kutipan sampah yang dilaksanakan oleh Majlis dan Kontraktor dilaksanakan tiap-tiap hari atau 3 kali satu minggu. Aktiviti kutipan A dan B dibuat 3 kali seminggu secara berselang seli, sementara kutipan jenis C dibuat setiap hari dengan menggunakan lori kompaktor. Bagi kutipan yang menggunakan lori terbuka, operasi kutipan dijalankan pada hari Ahad sahaja. Pemeriksaan Audit mendapati secara keseluruhannya jadual kutipan sampah ini dipatuhi oleh pihak Majlis dan Kontraktor kecuali pada tahun 2003 sebanyak 10 Kontraktor telah dikenakan denda berjumlah RM7,662 kerana

gagal melaksanakan kerja kutipan sampah. Majlis juga telah menyediakan papan tanda jadual kutipan sampah di semua kawasan kutipan sampah untuk makluman orang ramai. Selain itu, pemeriksaan Audit terhadap kerja kutipan sampah Majlis dan Kontraktor mendapati perkara berikut:

**i) Kutipan Sampah Oleh Majlis**

Kerja kutipan sampah yang dilaksanakan oleh Majlis adalah meliputi kawasan Daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Pusat Khidmat Kebersihan yang dibina di semua daerah bertindak sebagai pejabat operasi yang menentukan bilangan pekerja dan kenderaan yang digunakan untuk kerja kutipan. Selain itu, pusat ini juga menerima aduan daripada orang ramai berkaitan kerja kutipan sampah. Pemeriksaan Audit mendapati aktiviti kutipan sampah yang dilaksanakan oleh Majlis adalah memuaskan dan perlu dikekalkan tahap perkhidmatannya.

**ii) Kutipan Sampah Oleh Kontraktor**

Kontraktor yang berjaya dipilih bagi projek kutipan sampah dikehendaki memenuhi syarat perjanjian yang ditandatangani. Pemeriksaan Audit terhadap 30 fail perjanjian kontraktor kutipan sampah mendapati perkara berikut:

**a) Perjanjian Tidak Ditandatangani**

Surat setuju terima dan dokumen perjanjian adalah satu dokumen yang penting supaya wujud ikatan kontrak antara Kontraktor dan Majlis. Selain itu, pihak Majlis dapat mengambil tindakan susulan terhadap Kontraktor yang terlibat. Pemeriksaan Audit mendapati seramai 17 Kontraktor yang beroperasi di kawasan tambahan tidak menandatangani surat setuju terima dan dokumen perjanjian.

**b) Polisi Insurans**

Mengikut perjanjian, Kontraktor hendaklah menyediakan perlindungan insurans berikut:

- Insurans Pampasan Pekerja (*workmen's compensation*) minima sejumlah 25% daripada harga kontrak.

- Insurans Pampasan Awam – RM100,000 untuk tuntutan tidak terhad.

Polisi insurans tersebut hendaklah memberi perlindungan bagi tempoh kontrak ini. Pemeriksaan Audit terhadap 32 fail tersebut mendapati seramai 5 Kontraktor tidak menyediakan insurans perlindungan.

**c) Keciciran Sampah Dan Kebocoran Air**

Kontraktor perlu memastikan tiada sampah atau bahan yang diangkut dari pusat kutipan ke tapak pelupusan sampah tercicir, bocor, tumpah atau sebagainya ke atas jalan raya awam atau tempat lain semasa perjalanan ke tempat pelupusan. Lawatan Audit ke Jalan Sembilang, Seberang Jaya dan Taman Inderawasih, Perai mendapati sampah yang dikutip tercicir semasa penghantaran sampah ke tapak pelupusan dan ada juga kebocoran air dari lori kompaktor semasa pemampatan sampah dibuat terutama ketika hujan.

**d) Lori Sampah Terbuka Tidak Ditutup**

Mengikut perjanjian, lori terbuka hendaklah menutup sampah yang dibawa dengan plastik atau penutup lain semasa perjalanan ke tempat pembuangan sampah. Lori ini hendaklah ditutup bagi memastikan sampah yang dibawa tidak tercicir atau berterbangan di jalan dan merbahaya kepada pengguna jalan raya yang lain. Pemerhatian Audit mendapati ada lori yang tidak menutup muatannya semasa mengangkut sampah kebun ke Tapak Pelupusan Ampang Jajar. Keadaan lori sampah tersebut adalah seperti di **Foto 14**.



## Foto 14

### Lori Sampah Tidak Ditutup



Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara  
Tarikh: 24 September 2003

#### e) Penalti

Mengikut syarat perjanjian kutipan sampah, Kontraktor yang gagal menyelesaikan perkhidmatan kutipan sampah boleh dikenakan denda. Denda yang dikenakan adalah berdasarkan peratusan atas harga satu bulan kontrak bagi yang gagal kali pertama, kedua dan ketiga. Bagi Kontraktor yang gagal menjalankan perkhidmatan 2 kali berturut, perkhidmatan ini dijalankan sendiri oleh Majlis dan denda dikenakan. Kontraktor gagal memberi perkhidmatan 3 kali berturut akan ditamatkan perkhidmatan dan wang cagaran dirampas. Pemeriksaan Audit mendapati seramai 10 Kontraktor telah dikenakan denda berjumlah RM7,662 pada tahun 2003 kerana gagal mengutip sampah.

#### f) Perhimpunan Harian Kontraktor (*Roll Call*)

Perhimpunan harian Kontraktor kutipan sampah diadakan di Pusat Khidmat Kebersihan mengikut zon bermula pada pukul 6.30 pagi. Semasa perhimpunan ini, Pembantu Kesihatan Awam membuat pemeriksaan terhadap keadaan peralatan dan kesesuaian lori yang digunakan, masa kehadiran dan

bilangan pekerja yang bertugas. Lawatan Audit semasa perhimpunan harian ini diadakan mendapati Kontraktor kutipan sampah ini telah menghadirinya. Selain itu, melalui perhimpunan ini Majlis dapat mengambil tindakan terhadap Kontraktor yang gagal mengutip sampah dan menyelesaikan masalah yang timbul daripada aduan awam.

**g) Pelan Kontigensi**

Mengikut prosedur kerja kutipan sampah, Pembantu Kesihatan Awam bertanggungjawab memastikan kehadiran lori kompaktor membuat kerja kutipan di kawasan yang ditetapkan. Bagi lori kompaktor yang tidak hadir pada waktu yang ditetapkan, Pembantu Kesihatan Awam menyediakan laporan kepada Pembantu Kesihatan untuk Pelan Kontigensi seperti mendapatkan lori ganti atau menunggu sehingga lori yang ditetapkan hadir di tempat perhimpunan. Pemeriksaan Audit mendapati Majlis mengenakan denda terhadap Kontraktor yang gagal hadir dan melaksanakan sendiri aktiviti kutipan sampah di kawasan berkenaan.

**h) Kutipan Sampah di Taman Bagan**

Taman Bagan adalah merupakan sebuah taman perumahan yang telah diswastakan perkhidmatan kutipan sampahnya. Bagaimanapun, ada pembinaan fasa tambahan di taman tersebut. Kawasan fasa tambahan telah diberi tender kepada Kontraktor kutipan sampah yang baru. Lawatan Audit ke kawasan berkenaan mendapati kawasan ini belum didiami dan bilangan premis adalah terlalu kecil bilangannya. Kos kutipan sampah di kawasan tersebut berjumlah RM528 satu bulan. Keadaan Taman Bagan yang belum berpenghuni adalah seperti di **Foto 15**.

**Foto 15**  
**Taman Bagan Yang Belum Berpenghuni**



*Sumber: Fail Foto Jabatan Audit Negara*  
*Tarikh: 15 Mac 2004*

**Pada pendapat Audit, kaedah yang digunakan oleh Majlis dapat mengawal prestasi kerja kutipan sampah dan memastikan perkhidmatan kutipan sampah dilaksanakan dengan baik.**

**61.2.3 Prestasi Kerja Pelupusan Sampah**

Majlis mempunyai 2 tapak pelupusan iaitu Tapak Pelupusan Ampang Jajar yang diurus sendiri oleh Majlis dan Tapak Pelupusan Pulau Burung yang diurus oleh Kontraktor. Kaedah pelupusan yang diamalkan di 2 tapak pelupusan ini adalah pelupusan *sanitary* separa aerobik. Kaedah ini memberikan nilai air kurasan sampah lebih rendah jika dibandingkan dengan proses kaedah pelupusan terbuka. Pemeriksaan Audit terhadap 2 Tapak Pelupusan ini mendapati perkara berikut:

**i) Tapak Pelupusan Ampang Jajar**

Tapak Pelupusan Ampang Jajar mempunyai keluasan sejumlah 17.8 hektar. Pengurusan tapak ini dikendalikan oleh Majlis dan mula beroperasi pada tahun 1985. Pada tahun 1988, tapak ini telah dinaik taraf ke tahap III dengan kemudahan paip pembuangan air kurasan (*leachate*). Majlis

bercadang untuk naik taraf tapak pelupusan ini kepada tahap IV iaitu dengan merawat air kurasan yang terhasil sebelum dilepaskan ke sungai. Namun begitu, Majlis tidak melaksanakan kaedah pelupusan pada tahap IV kerana ia memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Lawatan Audit ke Tapak Pelupusan Sampah Ampang Jajar mendapati perkara berikut:

**a) Penutupan Tapak Pelupusan Ampang Jajar**

Tapak pelupusan ini digunakan sebagai tempat pembuangan sampah yang dikutip sekitar kawasan Seberang Perai Utara dan sebahagian kawasan Seberang Perai Tengah. Mengikut perancangan, penutupan tapak pelupusan ini dicadangkan pada tahun 1995 berdasarkan kepada faktor ketinggian longgokan sampah dan tahap bahayanya. Namun begitu, penggunaannya diteruskan dan hanya ditutup kepada pembuangan sampah industri. Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama *Japan International Cooperation Agency (JICA)* pada tahun 2003 mendapati paras ketinggian longgokan sampah di tapak ini telah melebihi paras maksimum iaitu 20 meter. Berdasarkan kajian ini, pada awal bulan Januari 2004, Majlis telah menutup tapak pelupusan ini.

**b) Stesen Pemindahan Sampah**

Majlis telah menyediakan stesen pemindahan sampah secara usaha sama dengan syarikat swasta yang menguruskan Tapak Pelupusan Pulau Burung untuk pembuangan sampah dari Daerah Seberang Perai Utara dan kawasan utara Seberang Perai Tengah sebelum diangkut ke Tapak Pelupusan Pulau Burung. Pihak Audit mendapati stesen ini telah beroperasi pada awal bulan Januari 2004 iaitu setelah Tapak Pelupusan Ampang Jajar ditutup. Syarikat Pelupusan mengenakan caj sejumlah RM42 untuk tiap-tiap tan sampah yang dibawa ke stesen pemindahan ini.

**Pada pendapat Audit, caj sejumlah RM42 per tan adalah tinggi kerana Majlis bukan sahaja menanggung kos dari stesen transit sampah, malah menanggung kos pelupusan di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Satu kajian perlu dijalankan oleh Majlis berkenaan caj ini kerana ia akan memberi kesan kepada kewangan Majlis.**

**c) Kegunaan Tanah Di Ampang Jajar Selepas Penutupan**

Majlis sedang mengubah kegunaan Tapak Pelupusan Ampang Jajar sebagai sebuah taman rekreasi dengan menyambung kawasan rekreasi bersebelahan yang sedia ada. Selain itu, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama *Japan International Cooperation Agency (JICA)* juga sedang menggunakan kawasan pelupusan ini sebagai sumber kajian berkaitan tapak pelupusan.

**Pihak Audit berpendapat, Majlis hendaklah mengkaji kesesuaian dan tahap keselamatan kawasan tersebut sebelum dijadikan kawasan rekreasi atau sebarang kegunaan lain pada masa hadapan.**

**ii) Tapak Pelupusan Pulau Burung**

Tapak Pelupusan Pulau Burung mula beroperasi sejak tahun 1995 dengan sistem pembuangan sampah secara terbuka. Pelupusan secara sistematik dipraktikkan selepas Tapak Pelupusan Ampang Jajar ditutup. Kawasan seluas 32 ekar ini dimiliki bersama oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Mengikut perjanjian, dianggarkan sebanyak 600 tan sampah akan dilupuskan di kawasan ini tiap-tiap hari dan tapak ini boleh menampung pembuangan sampah bagi tempoh 20 tahun. Lawatan Audit ke tapak pelupusan ini mendapati perkara berikut:

**a) Pelantikan Syarikat**

Penyenggaraan tapak ini telah diserahkan kepada sebuah syarikat pelupusan pada tahun 2000 secara rundingan terus. Tempoh kontrak syarikat swasta ini adalah selama 4 tahun. Pemeriksaan Audit terhadap profil syarikat tersebut mendapati kakitangan syarikat berkenaan berpengalaman menguruskan tapak pelupusan sampah. Selain itu, Syarikat ini telah melantik 3 perunding untuk membantu kerja pembangunan di Tapak Pelupusan Pulau Burung.

**b) Kaedah Pelupusan Sampah**

Kaedah pelupusan sampah di Pulau Burung bermula dengan lori yang membawa sampah diarah menurunkan sampah tersebut di permukaan kerja (*tipping face*). Jentolak digunakan bagi kerja merata dan memampatkan sampah. Setelah kerja operasi harian tamat, kerja penutupan sampah dibuat dengan menggunakan tanah merah. Kawasan timbunan sampah ini pula dibahagikan kepada 4 fasa. Syarikat ini menutup sampah dengan tanah merah sehingga mencapai ketinggian 5 meter sebelum berpindah ke kawasan timbunan yang baru iaitu ke fasa 2. Tempoh yang diambil untuk penggunaan tapak fasa 1 adalah selama 14 bulan. Muatan sampah yang telah dilupuskan di fasa 1 berjumlah 547,500 tan. Sehingga kini, tahap timbunan sampah di tapak pelupusan ini telah berada di fasa 2. Mengikut laporan syarikat perunding, penggunaan tapak di fasa 2 mengambil masa selama 12 bulan.

**c) Syarat Perjanjian Penyenggaraan Tapak Pelupusan**

Mengikut Perjanjian, syarikat pelupusan hendaklah mengadakan kemudahan infrastruktur seperti jalan masuk, kemudahan telefon, jambatan timbang, pejabat tapak, alat pencuci tayar dan pagar di tapak pelupusan. Lawatan Audit mendapati semua kemudahan tersebut telah disediakan.

Walaupun begitu, kemudahan alat pencuci tayar tidak digunakan semasa operasi pelupusan kerana tapak yang dibina terlalu dalam. Oleh itu, adalah didapati jalan masuk ke tapak pelupusan tersebut kotor dan berselut.

**d) Pembangunan Tapak Pelupusan Pulau Burung**

Tapak Pelupusan Pulau Burung menerima sampah dari kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Sampah dari kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang diangkut dengan menggunakan tongkang melalui laut ke tapak pelupusan ini. Lawatan Audit ke tapak pelupusan ini mendapati operasi harian tapak pelupusan berjalan dengan baik dan terkawal. Selain itu, sistem rawatan air kurasan primer yang disediakan berfungsi dengan baik. Syarikat pelupusan juga sedang menyiapkan sistem rawatan air kurasan sekunder untuk memastikan air yang dilepaskan keluar dari tapak pelupusan tidak menyumbang kepada pencemaran air. Kemudahan yang ada di Tapak Pelupusan Pulau Burung adalah ban, paip pengutipan air kurasan, cerobong gas, kolam air kurasan dan infrastruktur.

**e) Kaedah Tuntutan**

Mengikut perjanjian, Majlis akan membayar kepada syarikat pelupusan sejumlah RM27 tiap-tiap tan bagi pelupusan sisa pepejal domestik dan sejumlah RM32 tiap-tiap tan bagi pelupusan sisa pepejal industri. Tiap-tiap tan sisa pepejal akan dikira berdasarkan timbangan jambatan di pintu masuk Tapak Pelupusan Pulau Burung. Pemeriksaan Audit terhadap rekod timbangan dan tuntutan syarikat terhadap Majlis mendapati semua kenderaan yang mengambil permit dan melupuskan sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung dikenakan caj sejumlah RM32 satu tan walaupun sampah tersebut dikategorikan sebagai sampah domestik.

**f) Prosedur Pembayaran**

Syarikat pelupusan membuat tuntutan berdasarkan slip timbang berat sampah yang dibawa masuk sama ada oleh Kontraktor Majlis, pihak Majlis atau pihak lain yang mempunyai permit melupuskan sampah di kawasan tersebut. Selain itu, ada pegawai Majlis yang ditempatkan di tapak pelupusan yang akan mengesahkan kemasukan sampah berkenaan.

**Pada pendapat Audit, Majlis hendaklah memperkemaskan lagi prosedur pembayaran dengan mengadakan slip pengesahan keseluruhan jumlah tan sampah yang dibawa masuk ke kawasan tapak pelupusan secara harian oleh kakitangan yang bertugas di tapak. Majlis hendaklah menempatkan seorang kakitangan di Bahagian Kewangan Syarikat Pelupusan bagi mengesahkan kesahihan data yang dikeluarkan oleh syarikat.**

**g) Laporan Harian Pelupusan Sampah**

Syarikat telah menyediakan satu sistem merekodkan butiran kenderaan dan jumlah berat sampah yang dibawa masuk ke tapak pelupusan. Satu laporan harian dikeluarkan bagi semua transaksi pada hari tersebut. Laporan tersebut mengandungi butiran seperti masa keluar masuk kenderaan, nombor pendaftaran kenderaan dan jumlah berat sampah yang dilupuskan. Berdasarkan analisis Audit terhadap laporan tersebut, adalah didapati masa keluar masuk bagi sesetengah kenderaan adalah tidak munasabah. Beberapa kenderaan mengambil masa yang terlalu singkat bagi kemasukan pertama dan berikutnya walaupun jarak perjalanan adalah jauh serta membawa muatan yang berat. Oleh itu, pihak Audit meragui kesahihan rekod tersebut.



#### **h) Prosedur Rekod Pelupusan Sampah**

Mengikut prosedur sistem kualiti tapak pelupusan sampah, slip berat sampah hendaklah dicetak dan diserahkan kepada pemandu lori selepas berat sampah ditimbang untuk diserahkan kepada Pembantu Kesihatan Kanan di Pejabat Pusat Khidmat Kebersihan untuk laporan dan kawalan. Pemeriksaan Audit mendapati prosedur ini dilaksanakan dan satu laporan mengenai jumlah berat sampah yang kutip oleh Kontraktor mengikut kawasan disediakan.

**Pada pendapat Audit, prosedur yang digunakan oleh Majlis dapat mengawal prestasi kerja kutipan sampah dan memastikan perkhidmatan kutipan sampah dilaksanakan dengan baik.**

**Pada pendapat Audit, perkhidmatan pelupusan sampah oleh Majlis dan kontraktor telah dibuat dengan cekap dan teratur.**

#### **61.2.4 Kenderaan Dan Kelengkapan**

Pemeriksaan Audit terhadap kenderaan dan kelengkapan Majlis mendapati perkara berikut:

##### **i) Kenderaan Majlis**

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan mempunyai sejumlah 94 buah kenderaan. Sejumlah 29 kenderaan digunakan untuk kerja pengutipan sampah Majlis yang terdiri daripada sejumlah 19 buah *compact loader* 13 ela dan sejumlah 10 buah *compact loader* 8 ela. Selain itu, lori terbuka juga digunakan bagi kutipan sampah kebun.

##### **ii) Kenderaan Kontraktor**

Mengikut syarat perjanjian, Kontraktor hendaklah menyediakan lori jenis kompaktor atau yang setaraf untuk kerja kutipan sampah. Lori kompaktor tersebut hendaklah mempunyai *lifting mechanism* untuk digunakan bagi mengangkat tong sampah dan usia lori mestilah tidak melebihi 3 tahun. Penggunaan lori biasa hanya boleh digunakan untuk mengangkat sampah

kebun. Pemeriksaan Audit mendapati Kontraktor kutipan sampah Majlis menyediakan lori mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

**iii) Bekalan Tong Sampah**

Majlis menyediakan beberapa jenis tong sampah kepada seluruh kawasan Seberang Perai untuk kemudahan membuang sampah. Tong sampah ini ditempatkan di kawasan yang ditetapkan oleh Majlis seperti di taman perumahan, pasar, taman permainan dan kawasan rekreasi. Jumlah tong sampah yang dibekalkan oleh Majlis ke seluruh daerah Seberang Perai bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 62**.

**Pada pendapat Audit, Majlis telah menyediakan kenderaan dan kelengkapan yang mencukupi dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan bagi memastikan kerja kutipan dan pelupusan sampah dilaksanakan dengan cekap dan teratur.**

**Jadual 62**

**Tong Sampah Yang Disediakan Oleh Majlis Bagi Tempoh Tahun 2001 Hingga 2003**

| <b>Bil.</b>   | <b>Jenis Tong</b>   | <b>Bil. Tong</b> | <b>Kos (RM)</b> |
|---------------|---|------------------|-----------------|
| 1.            | Tong sampah <i>Roll On Roll Off 14.2 cu/m</i> (jenis terbuka) | 33               | 194,000         |
| 2.            | Tong sampah <i>Compact Loader 1.3 cu/m</i> (jenis B)          | 660              | 406,500         |
| 3.            | Tong sampah Gantung   | 400              | 39,600          |
| 4.            | Tong sampah Berdiri   | 450              | 71,550          |
| <b>Jumlah</b> |   | <b>1,543</b>     | <b>711,650</b>  |

*Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Seberang Perai*

**61.2.5 Keperluan Tenaga Kerja**

Kedudukan perjawatan dan latihan kepada kakitangan Jabatan adalah seperti berikut:

**i) Perjawatan**

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan mempunyai sebanyak 952 jawatan. Sehingga bulan Disember 2003, sejumlah 708 jawatan telah diisi dan 244 perjawatan

belum diisi. Jumlah jawatan yang dilulus dan diisi adalah seperti di **Jadual 63**.

**Jadual 63**  
**Perjawatan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan**  
**Perbandaran**

| <b>Kumpulan</b>            | <b>Diluluskan</b> | <b>Tetap</b> | <b>Kontrak</b> | <b>Kosong</b> |
|----------------------------|-------------------|--------------|----------------|---------------|
| Pengurusan Dan Profesional | 2                 | 2            | -              | -             |
| Sokongan I                 | 32                | 24           | 1              | 7             |
| Sokongan II                | 918               | 533          | 148            | 237           |
| <b>Jumlah</b>              | <b>952</b>        | <b>559</b>   | <b>149</b>     | <b>244</b>    |

Sumber: *Majlis Perbandaran Seberang Perai*

Mengikut carta organisasi Unit Perkhidmatan Bandar, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan, jawatan yang diluluskan bagi Tapak Pelupusan Ampang Jajar adalah 17 jawatan. Walaupun begitu, lawatan Audit ke Tapak Pelupusan Ampang Jajar mendapati hanya 2 kakitangan yang ditugaskan di tapak pelupusan ini.

**Pada pendapat Audit, walaupun tapak pelupusan ini telah ditutup, penempatan kakitangan Majlis hendaklah disediakan bagi memantau kerja penutupan dan aktiviti yang dilakukan oleh Syarikat di stesen pemindahan sampah.**

**ii) Latihan**

Bagi tempoh 2002, sejumlah 41 siri kursus, seminar, bengkel dan pelbagai latihan lain telah dianjurkan oleh Majlis dan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan. Latihan tersebut adalah bengkel Sistem Pengurusan Alam Sekitar, Seminar *Systematic Waste Management* dan Bengkel Penyediaan Dokumen Bagi Sistem Pengurusan Alam. Sehingga bulan Julai 2003, sejumlah 8 siri kursus,

persidangan, bengkel dan seminar telah dihadiri oleh kakitangan Jabatan ini.

**Pada pendapat Audit, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan hendaklah memberi latihan yang berterusan terutama kepada kakitangan yang terlibat dengan kerja pelupusan sampah.**

#### 61.2.6 Perbelanjaan Penyenggaraan Tapak Pelupusan

Perbelanjaan yang terlibat bagi penyenggaraan Tapak Pelupusan Sampah Ampang Jajar dan Pulau Burung adalah seperti di **Jadual 64**.

**Jadual 64**  
**Kos Penyenggaraan Tapak Pelupusan**

| Perkara   | Tahun            |                  |                  |                   |                   |                   |
|---|------------------|------------------|------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
|   | 2001             |                  | 2002             |                   | 2003              |                   |
|   | Anggaran (RM)    | Sebenar (RM)     | Anggaran (RM)    | Sebenar (RM)      | Anggaran (RM)     | Sebenar (RM)      |
| Penyenggaraan Tempat Membuang Sampah Ampang Jajar     | 4,000,000        | 5,050,240        | 1,500,000        | 1,805,771         | 1,500,000         | 2,007,742         |
| <i>Tipping Fees</i> Pembuangan Sampah di Pulau Burung | -                | -                | 6,000,000        | 8,707,289         | 15,000,000        | 8,614,073         |
| <b>Jumlah</b>   | <b>4,000,000</b> | <b>5,050,240</b> | <b>7,500,000</b> | <b>10,513,060</b> | <b>16,500,000</b> | <b>10,621,815</b> |

Sumber: Majlis Perbandaran Seberang Perai

Analisis Audit mendapati kos penyenggaraan Tapak Pelupusan meningkat dari tahun 2001 hingga tahun 2003. Pada tahun 2002, kos penyenggaraan adalah berjumlah RM10.51 juta berbanding RM5.05 juta pada tahun 2001. Peningkatan ini berlaku kerana pada tahun 2002, Tapak Pelupusan Pulau Burung baru memulakan operasinya. Pada tahun 2003 pula, kos penyenggaraannya adalah berjumlah RM10.62 juta. Selain itu, jumlah berat sampah yang dilupuskan telah meningkat tahun demi tahun iaitu sejumlah 258,893.34 tan atau 709 tan satu hari atau jumlah bayaran *tipping fees* sejumlah RM8.71 juta pada tahun 2002 dan RM8.61 juta pada tahun 2003.

**Pada pendapat Audit, Majlis hendaklah mengkaji atau merundingkan semula caj yang dikenakan oleh syarikat pelupusan terhadap kategori sampah yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Pulau Burung.**

**Pada pandangan Audit, Majlis telah melaksanakan kerja kutipan sampah dengan baik. Bagi kerja pelupusan sampah, Majlis hendaklah mengkaji kadar bayaran yang dikenakan oleh Kontraktor bagi berat sampah yang dilupuskan kerana ia memberi kesan kepada kedudukan kewangan Majlis. Latihan yang berterusan hendaklah diberi kepada kakitangan Majlis bagi meningkatkan kecekapan semasa melaksanakan tugas.**

### **61.3 PEMANTAUAN**

Kelemahan dan masalah dapat dikenal pasti melalui pemantauan yang berkesan. Oleh itu, tindakan sewajarnya dapat diambil untuk menyelesaikan masalah yang timbul. Unit Perkhidmatan Bandar adalah unit yang dipertanggungjawabkan untuk mentadbir, merancang dan melaksanakan pengurusan kutipan dan pelupusan sampah Majlis. Pemeriksaan Audit terhadap mekanisme pemantauan mendapati perkara berikut:

#### **61.3.1 Penyeliaan Tapak Pelupusan**

Majlis menyediakan kamera litar tertutup yang berharga RM9,700 di jambatan timbang untuk mengawasi lori sampah yang keluar dan masuk ke Tapak Pelupusan Pulau Burung. Selain itu, Majlis telah membina sebuah pejabat di tapak pelupusan ini dan menempatkan seramai 5 kakitangan bagi memantau operasi pelupusan. Pemerhatian Audit mendapati kamera litar tertutup ini tidak digunakan seperti yang dirancang.

#### **61.3.2 Mesyuarat Bulanan Kontraktor**

Majlis mengadakan pertemuan dengan Kontraktor Projek Pengutipan Sampah sekali pada tiap-tiap bulan. Semasa mesyuarat ini, Kontraktor akan diberi maklumat terkini berkaitan kerja kutipan

sampah. Semasa pihak Audit menghadiri mesyuarat bulanan yang diadakan pada pertengahan bulan September 2003, adalah didapati mesyuarat ini dapat membantu menyelesaikan masalah yang timbul antara kedua pihak. Selain itu, kontraktor yang hadir diberi peluang untuk menyuarakan pendapat dan cadangan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kerja kutipan sampah Majlis.

### **61.3.3 Unit Rondaan**

Selain sampah yang dikutip daripada tong sampah, Majlis juga terpaksa menjalankan kerja mengangkut sampah di kawasan yang tidak dibenarkan membuang sampah seperti di tepi jalan yang tidak mendapat kebenaran pihak Majlis. Sampah berkenaan dikategorikan sebagai sampah haram oleh Majlis. Temu bual pihak Audit dengan kakitangan Majlis mendapati sampah ini berpunca daripada Kontraktor yang menjalankan kegiatan pembuangan sampah perkilangan atau industri secara persendirian. Bagi menghadapi perkara ini, Majlis mewujudkan satu Unit Rondaan yang membuat intipan ke kawasan longgokan sampah haram tersebut.

### **61.3.4 Pengawasan Oleh Pihak Pengurusan**

Penglibatan pengurusan atasan adalah penting bagi memastikan pelaksanaan aktiviti kutipan dan pelupusan sampah Majlis dilaksanakan dengan teratur dan cekap. Bagi melaksanakan tugas ini, pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Kesihatan yang ditugaskan mengikut zon perlu membuat lawatan dan menyediakan laporan harian berkenaan prestasi kutipan sampah.

**Pada pandangan Audit, pemantauan terhadap kutipan dan pelupusan sampah telah dilaksanakan dengan baik kerana Majlis telah mewujudkan mekanisme pemantauan seperti penempatan kakitangan di tapak pelupusan, mesyuarat bulanan Kontraktor, unit rondaan dan laporan harian prestasi kutipan sampah. Walaupun begitu, kamera litar**

**tertutup yang berfungsi mengawasi lori sampah keluar masuk tidak digunakan.**

## **62. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Pada keseluruhannya, kerja kutipan dan pelupusan sampah Majlis Perbandaran Seberang Perai masih perlu ditingkatkan. Bagi kerja kutipan sampah, Majlis hendaklah mengkaji semula penempatan Kontraktor kutipan bagi kawasan baru dan kawasan sedia ada. Selain itu, penempatan tong sampah Majlis hendaklah bersesuaian dengan kapasiti sampah yang dihasilkan bagi satu kawasan penduduk. Memandangkan pelupusan sampah adalah penting, Majlis hendaklah merancang untuk menyediakan satu sistem pelupusan baru yang dapat menampung kapasiti sampah yang semakin meningkat dari hari ke hari. Tapak Pelupusan Pulau Burung yang digunakan untuk melupuskan sampah bagi seluruh Negeri Pulau Pinang, adalah didapati tidak dapat menampung peningkatan sampah yang dilupuskan pada masa akan datang. Oleh itu, aspek pelaksanaan dan pemantauan kerja kutipan dan pelupusan sampah Majlis hendaklah dikaji dan diperbaiki dari semasa ke semasa.

## **BAHAGIAN V PERKARA AM**

### **63. PENDAHULUAN**

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Jabatan dan Agensi Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Jabatan dan Agensi berkenaan. Pemeriksaan susulan merangkumi perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002 dan perkara yang pernah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai.

Bagi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri pula, adalah menjadi tanggungjawab Jawatankuasa ini untuk membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara setelah laporan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Jawatankuasa juga berhak memanggil Jabatan terlibat untuk memberi penjelasan mengenai perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

### **64. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN LEPAS**

#### **64.1 PENGURUSAN KEWANGAN**

Pengauditan telah dijalankan di Pejabat Kewangan Negeri Dan Perbendaharaan Negeri, Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri untuk menentukan sama ada undang-undang dan peraturan kewangan mengenai kawalan pengurusan, hasil dan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/deposit dan aset telah dipatuhi. Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan di Pejabat/Jabatan yang diaudit bertambah baik dan boleh dipertingkatkan. Bagaimanapun, peraturan mengenai pengurusan aset tidak dipatuhi sepenuhnya oleh kebanyakan Pejabat/Jabatan.



### **Kedudukan Masa Kini**

Pejabat/Jabatan berkenaan telah mengambil tindakan menangani kelemahan pengurusan kewangan yang dibangkitkan. Kelemahan berhubung pengurusan kewangan serta langkah pembetulan telah dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun di peringkat Jabatan dan di peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri yang diadakan 2 kali satu tahun.

## **64.2 AKTIVITI JABATAN DAN KAJIAN KHAS**

### **64.2.1 JABATAN PERHUTANAN**

#### **Pengurusan Hutan Lipur Dan Ekopelancongan Telok Bahang**

Jabatan Perhutanan telah diberi tanggungjawab terhadap perancangan, pengurusan dan pembangunan Hutan Lipur Telok Bahang sebagai kawasan ekopelancongan bertaraf dunia. Pengauditan terhadap Pengurusan Hutan Lipur Dan Ekopelancongan Telok Bahang mendapati Jabatan Perhutanan telah melaksanakan aktiviti pengurusan Hutan Lipur Dan Ekopelancongan Telok Bahang dengan baik. Bagaimanapun, Jabatan tidak memberi latihan seperti kursus pemandu pelancong, perhutanan dan pengetahuan asas pertolongan cemas kepada kakitangan pakaian seragam.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Jabatan belum mengambil tindakan untuk pemerhatian yang dibangkitkan.

### **64.2.2 PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEBERANG PERAI UTARA DAN SEBERANG PERAI SELATAN**

#### **Pengurusan Pengambilan Dan Penggunaan Tanah**

Pembangunan tanah selepas pengambilan adalah menjadi tanggungjawab Jabatan atau Agensi yang diberi milik. Lawatan ke tapak projek mendapati 8 daripada 13 tapak belum dibangunkan

dengan projek yang dicadangkan, walaupun Notis Tanah Telah Diambil Milik telah dikeluarkan antara tahun 1996 hingga 2002.

#### **Kedudukan Masa Kini**

Tujuh projek pembangunan masih di peringkat awal pembinaan kerana ketiadaan peruntukan, manakala satu projek telah disiapkan sepenuhnya.

### **64.3 AGENSI NEGERI**

#### **64.3.1 LEMBAGA MUZIUM NEGERI PULAU PINANG**

##### **Pengurusan Kewangan**

Pada keseluruhannya, pemeriksaan Audit mendapati pengurusan kewangan di Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang kurang memuaskan. Kelemahan yang dilaporkan perlu diambil perhatian sewajarnya. Beberapa aspek penting terhadap kawalan pengurusan hasil, perbelanjaan dan pengurusan aset perlu dipertingkatkan.

##### **Kedudukan Masa Kini**

Pihak Lembaga telah mengambil tindakan menangani kelemahan yang dibangkitkan untuk meningkatkan mutu pengurusan kewangan. Tindakan yang telah diambil ialah dengan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun dan Jawatankuasa Pengurusan Aset. Pengwujudan kedua Jawatankuasa ini adalah bagi memantapkan pematuhan terhadap pengurusan kewangan dan tatacara pengurusan aset dan inventori.

#### **64.3.2 MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

##### **Pengurusan Pungutan Dan Agihan Zakat**

- i) Pada tahun 1994, Majlis telah menyerahkan kuasa untuk memungut zakat kepada Syarikat Subsidiarinya. Bagaimanapun, tempoh kuat kuasa perlantikan tersebut telah

tamat pada awal September 1999 tanpa diperbaharui oleh Majlis.

- ii) Syarikat Subsidiari Majlis ada membiayai pembelian peralatan asas untuk Pusat Haemodialisis Zakat di Butterworth dan Balik Pulau berjumlah RM956,470 dengan menggunakan peruntukan asnaf gharimin. Pihak Audit berpendapat perbelanjaan ini sepatutnya menggunakan peruntukan lebihan wang zakat kerana para pesakit di Pusat Haemodialisis Zakat terdiri daripada pelbagai kategori dan bukannya daripada asnaf gharimin sahaja.
- iii) Pemantauan di peringkat Majlis adalah lemah kerana tiada Unit atau Bahagian dibentuk untuk memantau secara khusus pengurusan zakat di Negeri Pulau Pinang.
- iv) Pihak Majlis disyorkan supaya mengkaji semula enakmen dan peraturan zakat dan fitrah bagi memastikan perjalanan operasi zakat dan fitrah diuruskan dengan cekap dan berkesan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

- i) Surat Perjanjian penyerahan kuasa untuk memungut zakat kepada Syarikat Subsidiari telah diperbaharui.
- ii) Pihak Pusat Urus Zakat telah membawa isu perbelanjaan Pusat Haemodialisis kepada Jawatankuasa Syariah untuk ditetapkan asnafnya.
- iii) Pihak Majlis belum menubuhkan Unit atau Bahagian tertentu untuk memantau perjalanan pengurusan zakat di Negeri Pulau Pinang.
- iv) Penasihat Undang-undang Negeri sedang mengkaji Peraturan Pungutan Zakat dan Fitrah 1979.

### **64.3.3 MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

#### **Pengurusan Kewangan**

- i) Kemasukan wang ke bank dilakukan secara serahan kepada wakil bank yang datang ke Majlis yang diiringi oleh pengawal keselamatan yang dilantik oleh bank. Bagaimanapun, tiada

perjanjian yang ditandatangani antara pihak Majlis dan pihak bank.

- ii) Sembilan belas jawatan pemandu telah diluluskan di Jabatan Perancang Bandar Dan Pengindahan yang mempunyai 21 buah kenderaan. Pemeriksaan Audit mendapati hanya satu orang pemandu ditempatkan di Jabatan ini manakala seramai 18 orang pemandu lain ditempatkan di Jabatan lain sebagai pemandu gantian. Keadaan ini boleh menjejaskan pelaksanaan aktiviti Jabatan.

#### **Kedudukan Masa Kini**

- i) Tiada perjanjian ditandatangani antara pihak bank dan Majlis. Pihak bank memberi jaminan hanya pegawai yang dilantik dan ditetapkan oleh pihak bank sahaja yang dibenarkan berurusan dengan Majlis untuk mengesahkan jumlah kutipan dan memasukkan wang ke bank.
- ii) Majlis telah mengambil tindakan membuat permohonan pengisian jawatan pemandu kepada Jabatan Khidmat Pengurusan.

### **64.3.4 MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG**

#### **Pengurusan Hartanah**

##### **i) Pengurusan Rekod**

###### **a) Geran Tanah**

Sejumlah 23 lot tanah Majlis tidak mempunyai dokumen hak milik untuk disah lihat.

###### **b) Daftar Tanah Majlis**

- Daftar Tanah tidak dikemas kini
- Pemadanan tidak dapat dilakukan antara bilangan lot tanah Majlis yang direkodkan dalam daftar di Unit Perkhidmatan Hartanah dengan senarai Tanah Milik Majlis di Jabatan Kewangan
- Sejumlah 29 lot tanah yang telah dijelaskan cukainya tidak direkodkan di dalam Daftar Hartanah Majlis.

**ii) Pengurusan Hartanah**

**a) Pajakan Kecil Tanah Majlis**

Pemeriksaan Audit terhadap 15 fail pajakan kecil mendapati sejumlah 7 lot tanah tidak mempunyai dokumen pajakan.

**b) Tunggakan Sewa**

Tunggakan sewa tanah Majlis meningkat pada tahun 2002 iaitu sejumlah RM10,018 berbanding tahun 2001 berjumlah RM8,396. Peningkatan ini berlaku kerana ada penyewa yang tidak menjelaskan sewaanannya bagi tempoh 1 hingga 7 tahun.

**c) Perbandingan Kadar Sewa**

Majlis hendaklah mengkaji semula kadar sewa yang dikenakan kerana kadar sewa ini tidak pernah dikaji dan ada perbezaan kadar sewa antara premis.

**Kedudukan Masa Kini**

**i) Pengurusan Rekod**

**a)** Dua puluh tiga lot tanah yang tidak mempunyai hak milik telah dirujuk ke Pejabat Tanah bagi mendapat geran gantian.

**b)** Unit Perkhidmatan Hartanah dalam proses mengemaskinikan Daftar Tanah bagi mewujudkan satu Daftar Tanah Induk Majlis.

**ii) Pengurusan Hartanah**

**a)** Majlis sedang mengambil tindakan mengemaskinikan fail pajakan kecilnya.

**b)** Bagi kes sewaan tidak dibayar melebihi tempoh 3 bulan, tiada tindakan dikenakan terhadap penyewa. Bagaimanapun, kes tersebut akan dirujuk kepada Jabatan Undang-Undang.

- c) Majlis sehingga kini belum menjalankan kajian semula kadar sewa premisnya.

## **65. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG BELUM SELESAI**

Semakan telah dibuat terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Audit pada tahun 2001 dan 2000 untuk menentukan sama ada tindakan susulan telah diambil terhadap perkara berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan Audit mendapati tindakan susulan yang sewajarnya telah diambil terhadap kelemahan yang dibangkitkan kecuali perkara berikut:

### **65.1 PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG**

#### **Projek Pembinaan Dan Pengurusan Perumahan Dan Kedai**

- i) Sehingga bulan Disember 2001, sejumlah 543 unit kediaman/komersial projek Perbadanan yang merangkumi sejumlah 414 unit kediaman dan sejumlah 129 unit kedai masih belum dijual. Projek yang terlibat adalah di Batu Kawan, Kompleks Mayang Mall, Rumah Kedai/Pejabat di Bukit Tengah dan Desa Cemara Seberang Jaya. Perbadanan terpaksa menanggung kos penyelenggaraan yang tinggi dan akan mengurangkan tempoh pajakan akibat daripada kegagalan menjual semua unit ini.
- ii) Perbadanan terpaksa menanggung jumlah tunggakan melibatkan pengurusan perumahan sejumlah RM16.77 juta. Perbadanan akan menghadapi masalah kewangan yang kritikal jika tunggakan ini terus bertambah tiap-tiap tahun.
- iii) Sejumlah 1,590 unit permohonan hak milik strata belum dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Galian, manakala sejumlah 2,222 unit masih dalam proses untuk kelulusan Pejabat Tanah dan Galian yang melibatkan kawasan Bayan Baru, Seberang Jaya dan Georgetown.

#### **Kedudukan Masa Kini**

- i) Sehingga akhir bulan Januari 2004, sejumlah 341 unit kediaman/komersial projek Perbadanan yang merangkumi 248 unit

kediaman dan 93 unit kedai belum dijual. Tindakan sedang diambil untuk meningkatkan penjualan rumah dan kedai yang belum dijual.

- ii) Perbadanan telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mendapat balik tunggakan harga rumah, sewaan, bayaran penyelenggaraan dan cukai tanah. Hasilnya, tunggakan sejumlah RM13.48 juta pada tahun 2002 telah berkurangan menjadi RM12.95 juta.
- iii) Perbadanan sedang mengambil tindakan yang sewajarnya.

## **65.2 PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG**

### **Pengurusan Pecah Sempadan Tanah**

- i) Permohonan diterima antara tahun 1996 hingga 2000 berjumlah 272 permohonan. Sejumlah 158 telah selesai diproses pada tahun 2000, manakala sejumlah 72 permohonan diselesaikan pada tahun 2001 dan sejumlah 22 permohonan diproses pada tahun 2002. Bakinya sejumlah 20 permohonan belum diproses kerana tidak lengkap.
- ii) Daripada 50 permohonan yang disemak, enam permohonan tidak lengkap. Empat permohonan melibatkan salinan resit cukai tanah tidak dikemukakan, satu permohonan tidak menyertakan laporan pegawai penempatan dan 1 permohonan tidak mengemukakan surat kuasa mentadbir untuk pemohon yang telah meninggal dunia.
- iii) Satu lot lama belum dibatalkan sedangkan lot baru telah didaftarkan.
- iv) Lima lot lama telah dibatalkan tetapi lot baru belum didaftarkan.

### **Kedudukan Masa kini**

- i) Sembilan belas daripada 20 permohonan telah selesai diproses.
- ii) Dua permohonan tidak dapat diproses kerana dokumen sokongan yang dikemukakan tidak lengkap. Satu permohonan melibatkan dokumen salinan resit cukai tanah tidak dikemukakan dan 1 permohonan tidak mengemukakan surat kuasa mentadbir untuk pemohon yang telah meninggal dunia.
- iii) Lot 83, Sekyen 4 Georgetown belum dibatalkan.
- iv) Dua daripada 5 lot lama yang telah dibatalkan iaitu Lot 2211 dan Lot 2212, Seksyen 2 Georgetown didaftarkan menjadi 4 lot baru.

### **65.3 MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

#### **Pengurusan Tanah Dan Bangunan Baitulmal**

- i)** Sehingga bulan Disember 2000, sejumlah 718 lot tanah dan 10 unit rumah kedai/kediaman telah didaftar atas nama Baitulmal. Bagaimanapun, ini bukan jumlah sebenar kerana masih ada tanah belum didaftarkan dan carian beberapa kes faraid yang telah selesai belum dibuat.
- ii)** Tiada perancangan khusus untuk mentadbir tanah dan bangunan Baitulmal yang sedia ada dan yang baru. Perancangan yang dimaksudkan ialah pendaftaran hak milik, carian di pejabat yang berkaitan untuk kenal pasti tanah Baitulmal, membangunkan tanah sedia ada, penyewaan dan kajian semula kadar sewa.
- iii)** Sejumlah 53 kes harta yang telah dikenal pasti sebagai hak Baitulmal belum didaftarkan. Satu daripada kes ini berjumlah RM415,000 masih dipegang oleh Pemegang Amanah yang tidak sah kerana bukan sebuah badan Islam, manakala satu kes yang lain berjumlah RM288,100 bagi proses jualan oleh waris tanpa pengetahuan Majlis.
- iv)** Sejumlah 130 kes faraid yang telah disahkan kepunyaan Baitulmal tidak dapat ditentukan jenisnya kerana carian mengenainya belum dibuat.
- v)** Seluas 20,175 ekar tanah telah dijual dengan harga RM3.16 juta pada tahun 1996. Sejumlah RM913,000 daripada harga tersebut belum dijelaskan oleh pembeli walaupun hak milik telah ditukar.

#### **Kedudukan Masa Kini**

- i)** Sehingga bulan April 2004, lot tanah yang didaftar telah bertambah sejumlah 218 lot menjadi 936 lot.
- ii)** Pihak Majlis telah mengambil tindakan membuat perancangan secara khusus untuk mentadbir tanah dan bangunan Baitulmal. Pelaksanaan kerja dibuat secara berterusan dari semasa ke semasa.
- iii)** Satu kes berjumlah RM415,000 telah selesai manakala satu kes yang lain berjumlah RM288,100 sedang dalam tindakan. Sejumlah 37 kes masih belum selesai.



- iv) Sejumlah 37 kes yang disahkan kepunyaan Baitulmal belum diambil tindakan untuk menyelesaikannya kerana masalah kekurangan kakitangan.
- v) Baki bayaran jualan tanah sejumlah RM913,000 masih belum selesai. Majlis telah mengeluarkan beberapa surat peringatan dan tindakan mahkamah sedang diambil.

#### **65.4 PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG**

##### **Pengurusan Tanah**

Pengurusan tanah Perbadanan adalah kurang memuaskan. Pengurusan sewa pajakan tidak diurus dengan baik. Empat daripada 14 pemajak tidak membayar sewa sejak tahun 1992 yang melibatkan bayaran berjumlah RM8.58 juta. Selain itu, sejumlah RM500,000 wang deposit terlebih dibayar balik kepada sebuah syarikat dan sejumlah RM300,849 cukai tanah yang didahulukan bagi tempoh 1982 hingga 1999 belum diperolehi balik.

##### **Kedudukan Masa Kini**

- i) Kedudukan tunggakan sewa dan wang deposit terlebih dibayar balik masih tidak berubah. Masalah ini dalam proses tindakan undang-undang oleh peguam Perbadanan.
- ii) Sejumlah RM60,965 daripada RM300,849 cukai tanah yang didahulukan telah dapat dipungut balik, manakala bakinya berjumlah RM239,884 masih dalam proses tuntutan oleh pihak Perbadanan.

#### **66. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI JABATAN KERAJAAN NEGERI**

Mengikut Seksyen 16(2) Akta Prosedur Kewangan 1957, Penyata Kewangan hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri dengan seberapa segera yang boleh selepas diaudit oleh Ketua Audit Negara. Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan pula menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan

Negeri. Sehubungan itu, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri tahun 2002 telah dibentangkan pada 1 Mac 2004.

#### **67. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri telah selesai membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun 1999. Sehingga bulan Mac 2004, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri telah selesai membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun 2000. Sepanjang tahun 2003, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri telah bermesyuarat 2 kali, iaitu pada 13 Mac dan 24 April. Perkara-perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 66**.

**Jadual 66**  
**Mesyuarat Dan Lawatan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri**  
**Pada Tahun 2003**

| Tarikh        | Perkara  | Jabatan/Agensi  |
|---------------|--|---|
| 13 Mac 2003   | Perbincangan mengenai Perancangan Aktiviti Jawatankuasa pada tahun 2003.<br><br>Taklimat Laporan Ketua Audit Negara tahun 2000 oleh Pengarah Audit Negeri.   |   |
| 24 April 2003 | Lawatan ke Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan untuk mendapatkan penerangan mengenai perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurusan Kewangan</li> <li>• Kawalan Hasil</li> <li>• Tunggakan Kutipan Hasil</li> </ul>  | Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan       |
|               | Lawatan ke Jabatan Pengairan Dan Saliran, Seberang Perai Selatan untuk mendapatkan penerangan mengenai Projek Tebatan Banjir Nibong Tebal.   | Jabatan Pengairan Dan Saliran, Seberang Perai Selatan |
| 26 Jun 2003   | Lawatan ke Jabatan Audit Negara untuk mendapatkan penerangan mengenai perkara berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Fungsi Jabatan Audit Negara</li> <li>ii. Penyediaan Laporan Ketua Audit Negara</li> <li>iii. Peranan Jabatan Audit Negara Dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri</li> <li>iv. Peranan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri</li> </ol> | Jabatan Audit Negara, Putrajaya                       |

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

## PENUTUP

Secara keseluruhannya ada kemajuan dalam pengurusan kewangan Kerajaan Negeri di mana tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagaimanapun, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang terhad dan kekurangan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

**JABATAN AUDIT NEGARA**

**Putrajaya**

**2 Ogos 2004**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003**

Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Akaun Awam ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2003 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam serta aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri tahun 2003.

**(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia.**

**Putrajaya**

**2 Ogos 2004**

## Ringkasan Penyata Akaun Awam


## KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG


## LEMBARAN IMBANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2003

|   | Penyata                            | 2003<br>RM            | 2002<br>RM            |
|---|------------------------------------|-----------------------|-----------------------|
|   | <b>ASET</b>                        |                       |                       |
| A | WANG TUNAI                         | 639,260,142.00        | 532,264,294.12        |
| B | PELABURAN                          | 33,360,495.84         | 34,329,850.49         |
|   | <b>JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI :</b> | <b>672,620,637.84</b> | <b>566,594,144.61</b> |
| C | AKAUN HASIL DISATUKAN              | 207,372,957.55        | 193,758,111.95        |
| D | AKAUN AMANAH DISATUKAN             | 453,217,945.72        | 372,806,298.09        |
| E | AKAUN PINJAMAN DISATUKAN           | 12,029,734.57         | 29,734.57             |
|   |                                    | <b>672,620,637.84</b> | <b>566,594,144.61</b> |

Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan

PERBENDAHARAAN NEGERI  
PULAU PINANG  
20 MEI 2004

  
(ROSLAN B. A. RAHMAN)  
BENDAHARI NEGERI

  
(NG KAM CHEUNG)  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

**NEGERI PULAU PINANG**  
**PENYATA AKAUN MEMORANDUM**  
**SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2003**


| <u>PENYATA</u> | <u>ASET</u>                | <u>NOTA</u> | <u>2003</u><br><u>RM</u> | <u>2002</u><br><u>RM</u> |
|----------------|----------------------------|-------------|--------------------------|--------------------------|
| C 1a           | Penyata Hasil Belum Terima | 3.1.1       | 46,820,917.01            | 38,147,215.00            |
| D1(ii)         | Pinjaman Boleh Dituntut    | 3.1.2       | 348,097,213.27           | 351,603,072.56           |
| B              | Pelaburan                  |             | 31,450,000.00            | 31,450,000.00            |

TANGGUNGAN

|     |                        |       |                |                |
|-----|------------------------|-------|----------------|----------------|
| E 1 | Hutang Kerajaan Negeri | 3.2.1 | 394,239,192.72 | 389,423,866.84 |
|-----|------------------------|-------|----------------|----------------|

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.

  
(ROSLAN B. A. RAHMAN)  
BENDAHARI NEGERI  
PULAU PINANG

  
(NG KAM CHEUNG)  
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI  
PULAU PINANG

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

**C** PENYATA AKAUN HASIL DISATUKAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

| Perihal                               | Belanjawan<br>RM      | 2003                  |                 | 2002                  |                 |
|---------------------------------------|-----------------------|-----------------------|-----------------|-----------------------|-----------------|
|                                       |                       | Sebenar<br>RM         | Belanjawan<br>% | Sebenar<br>RM         | Belanjawan<br>% |
| <b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>            |                       | 193,758,111.95        |                 | 211,113,422.12        |                 |
| <b>C1 HASIL</b>                       |                       |                       |                 |                       |                 |
| Hasil Cukai                           | 88,355,200.00         | 88,514,228.72         | 35.88           | 89,100,068.23         | 38.52           |
| Hasil Bukan Cukai                     | 62,025,600.00         | 79,673,710.78         | 32.30           | 70,731,912.56         | 30.58           |
| Terimaan Bukan Hasil                  | 69,983,300.00         | 78,477,315.89         | 31.82           | 71,474,098.87         | 30.90           |
| <b>Jumlah Hasil</b>                   | <b>220,364,100.00</b> | <b>246,665,255.39</b> | <b>100.00</b>   | <b>231,306,079.66</b> | <b>100.00</b>   |
| <b>C2 PERBELANJAAN MENGURUS</b>       |                       |                       |                 |                       |                 |
| Emolumen                              | 73,297,950.00         | 61,796,573.26         | 26.52           | 60,147,700.41         | 24.19           |
| Perkhidmatan dan Bekalan              | 34,929,450.00         | 40,236,024.03         | 17.26           | 39,232,112.89         | 15.78           |
| Aset                                  | 56,210.00             | 1,229,310.91          | 0.53            | 2,918,144.96          | 1.17            |
| Pemberian dan Kenaan<br>Bayaran Tetap | 132,816,040.00        | 121,250,317.51        | 52.03           | 144,619,383.14        | 58.16           |
| Perbelanjaan Lain                     | 3,590,800.00          | 8,538,184.08          | 3.66            | 1,744,048.43          | 0.70            |
| <b>Jumlah Perbelanjaan Mengurus</b>   | <b>244,690,450.00</b> | <b>233,050,409.79</b> | <b>100.00</b>   | <b>248,661,389.83</b> | <b>100.00</b>   |
| Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun (C1-    | (24,326,350.00)       | 13,614,845.60         |                 | (17,355,310.17)       |                 |
| <b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>          |                       | <b>207,372,957.55</b> |                 | <b>193,758,111.95</b> |                 |



**Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan  
Agensi Kerajaan Negeri Sehingga 31 Julai 2004**

| <b>Bil.</b> | <b>Nama Badan</b>                                | <b>Penyata<br/>Kewangan<br/>Disahkan<br/>(Tahun)</b> | <b>Penyata<br/>Kewangan<br/>Sedang<br/>Diaudit<br/>(Tahun)</b> | <b>Penyata<br/>Kewangan<br/>Belum<br/>Diserahkan<br/>(Tahun)</b> |
|-------------|--|--|--|--|
| 1.          | Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang              | 2002   | 2003   | -  |
| 2.          | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang | 2002   | 2003   | -  |
| 3.          | Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang               | 2002   | 2003   | -  |
| 4.          | Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang                 | 2002   | 2003   | -  |
| 5.          | Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang              | 2002   | 2003   | -  |
| 6.          | Kumpulan Wang Biasiswa Kecil Pulau Pinang        | 2002   | 2003   | -  |
| 7.          | Kumpulanwang Amanah Sekolah Penang Free          | 2002   | 2003   | -  |
| 8.          | Majlis Agama Islam Pulau Pinang                  | 2002   | 2003   | -  |
| 9.          | Majlis Perbandaran Pulau Pinang                  | 2002   | -  | 2003   |
| 10.         | Majlis Perbandaran Seberang Perai                | 2002   | 2003   | -  |

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara